

**KAJIAN INTERTEKSTUALITI DALAM
NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL**

NORHAYATI BINTI MD YATIM

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**KAJIAN INTERTEKSTUALITI DALAM
NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL**

NORHAYATI BINTI MD YATIM

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **NORHAYATI BINTI MD YATIM**
No. Pendaftaran/Matrik: **JHA 060002**
Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**
Tesis (“Hasil Kerja ini”): **KAJIAN INTERTEKSTUALITI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL**
Bidang Penyelidikan: **KESUSASTERAAN MELAYU**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....
Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....
Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: **PROF. MADYA DR. NORHAYATI AB. RAHMAN**

Jawatan: Pensyarah/Penyelia

.....
Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: **PROF. DR. MOHAMAD MOKHTAR ABU HASSAN**

Jawatan: Pensyarah/Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis dua buah novel terpilih karya Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* (1995) dan *Delima Ranting Senja* (2009). Analisis dibuat dengan menggunakan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva (1980). Tiga prinsip utama yang terdapat dalam teori intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, prinsip modifikasi dan prinsip ekspansi. Permasalahan kajian bertitik tolak daripada kecenderungan Siti Zainon Ismail berkarya dengan merujuk sumber-sumber asalnya (hipoteks) untuk disesuaikan ke dalam karyanya yang baharu (hiperteks). Hal ini berlaku kerana hubungan peribadi dan persekitaran sangat mempengaruhi kepengarangan Siti Zainon Ismail. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber daripada hipoteks, mengaplikasikan prinsip-prinsip daripada teori intertekstualiti dan menilai faktor-faktor yang menyebabkan pengarang mengaplikasikan ketiga-tiga prinsip tersebut. Metodologi kajian yang diguna pakai adalah kajian kepustakaan dan temu bual. Dapatkan kajian pula membuktikan bahawa Siti Zainon Ismail berkarya dengan merujuk sumber hipoteks dan melaksanakan proses transformasi sama ada secara formal atau berbentuk abstrak seperti kerja pemindahan dan penjelmaan episod untuk memperkuuh makna hipoteks. Terdapat juga proses-proses lain seperti penyesuaian, penukaran, peluasan dan pengembangan atau pemberian daripada teks asal. Hal ini membolehkan teks asal berubah kepada bentuk baharu sama ada aspek kandungan ataupun pemerian plot penceritaan. Kesimpulannya, melalui pengaplikasian ketiga-tiga prinsip daripada teori intertekstualiti ini membuktikan bahawa pengarang berjaya mengolah karya hiperteksnya, iaitu menjadi sebuah karya yang mapan daripada pelbagai aspek seperti plot, tema, watak dan bahasa sehingga dapat menarik minat khalayak menghabiskan pembacaan terhadap karya tersebut.

ABSTRACT

This study analyzes two selected novels by Siti Zainon Ismail, *Pulau Renik Ungu* (1995) dan *Delima Ranting Senja* (2009). The analysis uses the three principles in the theory of intertextuality introduced by Julia Kristeva (1980). The three main principles present in the intertextuality theory are transformation, modification and expansion. The study analyzes Siti Zainon's tendency of making references from her original work (hypotext) to fit into her new work (hypertext). This naturally occurs due to her own personal and surrounding influences. The objective of this study is to identify sources of hypothesis, apply the principles of intertextuality theory and assess the factors that cause the author to apply the three principles. The methodology applied involves library research and interviews. The findings prove that Siti Zainon's works are based on references made to hypothetical sources and executes transformation process either in formal or abstract form such as transferring or adapting a scene to reinforce the hypothetical meaning. Other processes involved include adaptation, conversion, expansion and extension or improvement of the original text. This allows the transformation and the original text into a new form involving its contents or the storytelling process. In conclusion, the application of these three principles of intertextual theory proved that the author has successfully transformed her hypertext work into a more, complete literature in the aspects of plot, theme, character and language that would interest audiences to finish reading the work.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

(Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang)

Pengkaji memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan rahmat-Nya, membolehkan pengkaji mendapat kekuatan minda, akal dan budi untuk menyempurnakan tesis ini dalam tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya segala cabaran yang mendatang diterima dengan minda dan akal yang positif dan budi yang tidak bertepi dalam menyusur liku yang melilit ke mercu kejayaan. Alhamdulillah, maka dengan izin daripada kurniaan-Nya ini, maka tesis ini berjaya disempurnakan.

Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan dan Profesor Madya Dr. Norhayati binti Ab. Rahman selaku penyelia kepada pengkaji sepanjang tempoh tesis ini disempurnakan. Atas kesanggupan berkongsi dalam meluangkan masa, kesediaan melontarkan idea, kesungguhan mencetuskan pandangan amat pengkaji hargai. Pengkaji berbangga menjadi anak didik kedua-dua GURU yang disayangi dan terima kasih atas ilmu yang dicurahkan. Semoga Allah S.W.T membala segala jasa dan budi yang telah disumbangkan.

Pengkaji juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih terutama kepada Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dan Dr. Nor Hisham Osman, Timbalan Pengarah Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Rakaman terima kasih ini juga ditujukan kepada semua tenaga akademik dari Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya iaitu, Dr. Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, dan

Profesor Madya Dr. Hashim bin Ismail, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang sudi membantu pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini. Pandangan dan cadangan yang diberikan semasa *Proposal*, *Candidature Defence* serta semasa Seminar Akhir banyak membantu pengkaji memantapkan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diberikan kepada Profesor Dr. Siti Zainon binti Ismail atas segala kerjasama yang diberikan kepada pengkaji semenjak penulisan latihan ilmiah, ijazah sarjana muda sehingga penulisan tesis kedoktoran. Kepada pencetus idea penulisan akademik ini, Dr Rahim Marashidi, pengkaji memanjatkan doa semoga Allah S.W.T melimpahkan kebahagiaan dan kemuliaan hidup di dunia dan di akhirat ini. Sesungguhnya untuk GURUKU, segala ilmu, lontaran idea dan perkongsian seni kalian amat dihargai.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam proses menyempurnakan tesis ini, Dr. Md Sabri bin Che Man, Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman, Puan Norsham binti Ab Aziz dan semua staf di Akademi Pengajian Melayu; Puan Fatimah, Puan Radiah, Cik Fatonah, Puan Suryani, dan Puan Husziatina. Jasa kalian tidak akan dilupakan.

Ucapan terima kasih juga dikalungkan kepada kakitangan perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Univesiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Sunber Perpustakaan Negeri, Pahang Darul Makmur yang turut menghulurkan bantuan semasa pengkaji membuat rujukan.

Seterusnya, pengkaji merakamkan ucapan terima kasih yang teristimewa buat suami tercinta, Norazli bin Indzam, anakanda tersayang Muhamad Nur Firdaus, Nur'Ain Farhana, Nur Yasmin, Nur Ellysha, dan adinda yang dikasihi, Noraiza binti Mohd Yatim atas segala keperihatinan yang dititipkan sepanjang proses menyempurnakan penyelidikan ini. Kepada rakan sejawatan di Jabatan Penyelidikan dan Rekayasa Penemuan dan Unit Multimedia, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, hanya Allah S.W.T yang Maha Mengetahui betapa pentingnya kalian semua dalam keberadaan hidup ini meniti *Delima Ranting Senja* untuk mendepani pahit maung menuju *Pulau Renik Ungu* bersama siratan silang subur hari mendatang. Semoga kita semua bisa mengecapi aroma tanah dengan izin-Nya dalam keberuntungan hidup husnul khatimah. Insya Allah.

NORHAYATI MD YATIM

JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU
AKADEMIK PENGAJIAN MELAYU
KUALA LUMPUR
2018

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	viii
Senarai Rajah	xii
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Singkatan.....	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Sorotan Kajian.....	16
1.5 Objektif Kajian.....	23
1.6 Kepentingan Kajian.....	24
1.7 Batasan Kajian	25
1.8 Metodologi Kajian	26
1.9 Pembahagian Bab	28
BAB 2: TEORI INTERTEKSTUALITI	31
2.1 Pendahuluan	31
2.2 Teori Intertekstualiti	31
2.2.1 Sejarah Kemunculan Teori Intertekstualiti	31
2.2.2 Teori Intertekstualiti Julia Kristeva	37
2.2.3 Interpretasi Intertekstualiti Pelbagai Tokoh	42
2.2.4 Kaedah Intertekstualiti	48
2.2.5 Prinsip Intertekstualiti	50
2.5.1 Transformasi	52
2.5.2 Modifikasi	54
2.5.3 Ekspansi	56
2.5.4 Demitefikasi	59
2.5.5 Defamiliarisasi	59

2.5.6	Haplologi.....	60
2.5.7	Ekserp.....	61
2.5.8	Paralel.....	61
2.5.9	Konversi	62
2.5.10	Eksistensi	63
2.6	Rasional Penggunaan Teori dan Prinsip	63
2.6.1	Rasional penggunaan Teori.....	63
2.6.2	Rasional Pengaplikasian Tiga Prinsip.....	66
2.7	Kesimpulan	67

BAB 3: PENGARANG DAN KEPENGARANGAN SITI ZAINON ISMAIL.....68

3.1	Pendahuluan	68
3.2	Pendidikan dan Kerjaya	68
3.3	Kreativiti Siti Zainon Ismail	71
3.3.1	Kreativiti Sebagai Pelukis	71
3.3.2	Kreativiti Sebagai Penyair.....	75
3.3.3	Kreativiti Sebagai Cerpenis.....	81
3.3.4	Kreativiti Sebagai Novelis	83
3.4	Siti Zainon: Aktiviti dan Anugerah.....	84
3.5	Pandangan Tokoh Terhadap Proses Kreativiti dan Pemikiran Siti Zainon.....	87
3.6	Kesimpulan	97

BAB 4: TRANSFORMASI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON99

4.1	Pendahuluan	99
4.2	Transformasi Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	100
4.2.1	Cerpen "Kau Masih di Laut Erick"	103
4.2.2	Cerpen "Karangan Pulau"	115
4.2.3	Cerpen "Episod Inderajati"	120
4.2.4	Cerpen "Musim Gugur Pertama"	126
4.2.5	Cerpen "Antara Dua Pulau"	130
4.2.6	<i>Pulau Renik Ungu</i> - Hipoteks Puisi	137
4.2.6.1	Puisi Melayu Lama	140
4.2.6.2	Puisi Moden	143
4.2.7	Novel <i>Pada Sebuah Kapal</i>	147

4.3	Transformasi Novel <i>Delima Ranting Senja</i>	151
4.3.1	Cerpen "Antara Dua Pulau"	155
4.3.2	Cerpen "Mar..."	158
4.3.3	Cerpen "Atar dari Lembah Mawar"	165
4.3.4	Cerpen "Rindu Pala Muda"	168
4.3.5	<i>Delima Ranting Senja</i> - Hipoteks Puisi.....	171
4.3.5.1	Puisi.....	171
4.3.6	Sumber-sumber Lain.....	173
4.3.6.1	Al-Quran	173
4.3.5.3	Sejarah.....	178
4.4	Kesimpulan	179

BAB 5: MODIFIKASI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON 184

5.1	Pendahuluan	184
5.2	Modifikasi Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	185
5.2.1	Cerpen "Kau Masih di Laut Erick"	186
5.2.2	Cerpen "Karangan Pulau"	196
5.2.3	Cerpen "Episod Inderajati"	204
5.2.4	Cerpen "Musim Gugur Pertama"	210
5.2.5	Cerpen "Antara Dua Pulau"	216
5.2.6	Novel <i>Pada Sebuah Kapal</i>	223
5.2.7	Puisi Moden	227
5.3	Modifikasi Novel <i>Delima Ranting Senja</i>	230
5.3.1	Cerpen "Antara Dua Pulau"	237
5.3.2	Cerpen "Atar dari Lembah Mawar"	237
5.3.3	Cerpen "Rindu Pala Muda"	243
5.3.4	Sumber-sumber Lain.....	248
5.3.4.1	Al-Quran	248
5.4	Kesimpulan	252

BAB 6: EKSPANSI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON 254

6.1	Pendahuluan	254
6.2	Transformasi Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	254

6.2.1 Cerpen "Kau Masih di Laut Erick"	255
6.2.2 Cerpen "Karangan Pulau"	265
6.2.3 Cerpen "Episod Inderajati"	271
6.2.4 Cerpen "Musim Gugur Pertama"	274
6.2.5 Cerpen "Antara Dua Pulau"	280
6.3 Ekspansi Novel <i>Delima Ranting Senja</i>	284
6.3.1 Cerpen "Antara Dua Pulau"	284
6.4 Kesimpulan	294
BAB 7: KESIMPULAN	295
RUJUKAN	

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Novel-novel Siti Zainon Ismail	26
Jadual 2 : Transformasi Antologi Cerpen dalam Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	104
Jadual 3 : Transformasi Puisi dalam Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	138
Jadual 4 : Transformasi Antologi Cerpen dalam Novel <i>Delima Ranting Senja</i>	153
Jadual 4.4: Transformasi dalam Novel <i>Delima Ranting Senja</i>	155

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Dasar Intertekstualiti Julia Kristeva (Sumber: Allen, 1999)	39
Rajah 2.2: Dasar Intertekstualiti Roland Barthes (Sumber: Allen, 1999)	43
Rajah 2.3: Dasar Intertekstualiti Michael Riffaterre (Sumber: Allen, 1999)	44
Rajah 2.4: Dasar Intertekstualiti Julia Gerald Genette (Sumber: Allen, 1999)	46
Rajah 2.5: Prinsip Intertekstualiti	51
Rajah 2.6: Prinsip Intertekstualiti - Transformasi	54
Rajah 2.7: Prinsip Intertekstualiti - Modifikasi	56
Rajah 2.8: Prinsip Intertekstualiti - Ekspansi	59
Rajah 2.9: Model Analisis Kajian	64
Rajah 4.1: Hipoteks Transformasi Novel PRU dan DRS	100
Rajah 4.2: Transformasi Cerpen “KMdLE” dalam Novel <i>Pulau Renik Ungu</i>	105
Rajah 4.3: Transformasi Cerpen “Karangan Pulau” dalam Novel PRU	115
Rajah 4.4 Transformasi Cerpen “Episod Inderajati” dalam Novel PRU	125
Rajah 4.5: Transformasi Cerpen “Musim Gugur Pertama”	127
Rajah 4.6: Transformasi “Antara Dua Pulau”	133
Rajah 4.7: Transformasi Cerpen “Mar” dalam <i>Delima Ranting Senja</i>	158
Rajah 4.8 : Transformasi Cerpen "Attar dari Lembah Mawar" dalam <i>DRS</i>	166
Rajah 4.9: Transformasi Cerpen " Rindu Pala Muda" dalam <i>DRS</i>	168

SENARAI SINGKATAN

ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ATMA	Alam Tamadun
UPSB	Utusan Publication Sdn. Bhd.
PTPP	PT Bulan Bintang
GM	Galeri Melora
MPDSB	Marwilis Publication Sdn. Bhd.
PRU	<i>Pulau Renik Ungu</i>
DRS	<i>Delima Ranting Senja</i>
KMdLE	“Kau Masih di Laut, Erick”

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab 1 ini akan memperkatakan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian, iaitu latar belakang kajian yang membincangkan bidang tumpuan kajian berhubung perkembangan novel yang bermula dengan novel *Hikayat Faridah Hanum* hingga lahirnya karya-karya Siti Zainon Ismail seorang pelukis-penyair. Seterusnya, bab ini akan membincangkan permasalahan kajian yang menjadi titik tolak mengapa pentingnya kajian ini dilaksanakan. Aspek-aspek lain yang turut dihuraikan dalam bab ini seperti objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan kajian, metodologi kajian dan batasan kajian. Akhirnya, bab ini akan menghuraikan pembahagian bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Karya kreatif merupakan rakaman pemikiran dan catatan idea yang ingin dikongsikan oleh seseorang pengarang kepada khalayak pembaca. Pengarang berusaha memaparkan realiti persekitaran bertunjangkan falsafah budaya masyarakat yang didukunginya. Hal ini menyebabkan penggunaan karya kreatif khususnya novel menjadi titik tolak pencerna pemikiran untuk melihat tingkah laku atau budaya manusia dalam mengungkap persoalan sosial daripada aspek sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Pengalaman sosial yang pernah dilalui oleh seseorang penulis itu, secara tidak langsung memberi kesan positif kepada proses penciptaan sesebuah karya termasuklah genre novel.

Kroeber dalam bukunya *Style in Fiction Structure* (1971:113)

“... .The novel renders reality closely and in comprehensive detail. It takes a group of people and sets them going about the business of life. We come to see the people in their real complexity of temperament and motive. They are explicable relation to nature, to each other, to their social class, to their own past...”

Kroeber menjelaskan ‘novel’ itu sangat menyerupai sifat realiti, iaitu menentukan segolongan manusia menghayati kehidupan, menentukan tujuan mereka dan mempunyai hubungan dengan alam dan sesama manusia, termasuk masa lampu mereka.

Kenyataan Kroeber disokong Welleck dan Warren dalam buku yang bertajuk *Theory of Literature* (1970:216). Novel merupakan satu gambaran kehidupan dan sifatnya realistik. Novel mungkin disusun daripada bahan-bahan bukan fiksyen seperti surat biasa, jurnal, peringatan atau biografi dan sejarah. Proses pembinaan novel melalui teknik dialog watak-wataknya dengan teliti, pelukisan mimik muka yang bererti, yang berlainan sekali daripada romans. Ini dapat dilihat menerusi petikan buku tersebut:

“...novel is realistic; the novel develops from the lineage of non-fictional narrative form - the letters, the journal, the memoir or biography, the chronicle history, its develops, top speak, out of documents; stylistically, it stresses representative detail, ‘mimesis’ in its narrow sense.”

Menurut Safian Hussein et. al. (1981:109), novel diambil daripada perkataan Inggeris, iaitu ‘novel’ yang asalnya merupakan bahasa Itali, iaitu *novella* atau *novellette* membawa pengertian sebagai ‘perkhabaran baru’ atau ‘cerita pendek’ sebenarnya melalui proses yang panjang. Hal ini kerana genre novel yang dikatakan sebagai sejenis prosa naratif mempunyai ketentuan jumlah panjangnya berbanding dengan genre-genre moden lain seperti puisi, cerpen dan drama. Za’ba juga telah menggunakan perkataan ‘novel’

sekitar tahun empat puluhan dalam sebuah tulisannya berjudul “Modern Development” (A.Wahab Ali, 1988:90).

Menurut Dharmawijaya (1989:45), novel memiliki ciri-ciri utama, iaitu emosi, imaginasi dan akal budi. Gabungan ketiga-tiga unsur ini menjadikan novel dapat digunakan oleh pengarang untuk menyatakan cita-cita, harapan, impian hidup dan kehidupan manusia, kemanusiaan serta hubungannya dengan persekitaran. Jaafar Abdul Rahim (1993:6) berpendapat pemikiran menjadi inti pati dalam hasil penulisan seseorang penulis kerana pemikiran mencerminkan tahap prestasi, pencapaian dan martabat karyanya. Pemikiran menjadi kayu pengukur mutu penghasilan karya seseorang penulis. Di samping itu, pemikiran juga memaparkan idea sebenar yang difikirkan oleh seseorang penulis dalam apa juga karyanya sama ada esei, puisi, novel, cerpen dan seumpamanya melalui kata-kata yang diungkapkan. Pemikiran yang terpancar dalam karya seseorang penulis itu akan menentukan apakah karyanya agung atau *mediocre*, bernilai dan diterima oleh masyarakat bangsanya.

Christopher Caudwell dalam S. Othman Kelantan (1985:4), menganggap karya atau novel itu sebagai masyarakat di dalam tabii atau oleh Caudwell dikenali sebagai *social ego*, iaitu kesedaran masyarakat yang tertinggi yang tercipta di dalam novel. Menurut S. Othman Kelantan (1985:92) pula, setiap karya yang wujud sebenarnya mengikut ukuran psikologi, mesti ada sebab kenapa dan mengapa ia wujud. Psikologi tentang manusia, mengenai tingkah laku dan motivasinya sejak zaman kanak-kanak sampai dewasa dan mengalami perubahan dalam masyarakat.

Genre penulisan novel dalam kalangan penulis wanita agak lewat berbanding penulis lelaki. Selepas lima belas tahun novel *Hikayat Faridah Hanum* (1925) karya Syed Sheikh al-Hadi diterbitkan, maka terbitlah novel pertama karya penulis wanita Rafiah Yusuf berjudul *Cinta Budiman* tahun 1941. Seterusnya novel kedua oleh novelis wanita Kamariah A, iaitu berjudul *Dua Pengembara* diterbitkan pada tahun 1947. Selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1948, Kamariah Saadon pula menghasilkan novel berjudul *Panggilan Ibunda* diikuti pula novel *Cincin Kahwin* karya Jahlelawati (Rosnah Baharuddin, 2003:25).

Penulis wanita yang agak terkenal dalam dekad 1940-an dan 1950-an ialah Khalidah Adibah Amin. Beliau ialah anak sulung Ibu Zain pengasas dan ketua sidang pengarang *Bulan Melayu*. Beliau menggunakan nama pena Adibah Amin dan telah menghasilkan tiga buah novel pada akhir 1940-an. Novel-novel Adibah Amin ini telah dikategorikan sebagai novel remaja. Menurut Rosnah Baharuddin (1979:222), novel pertama Adibah Amin berjudul *Puteri Asli* diterbitkan dalam dua penggal. Novel ini disesuaikan daripada novel *The Little Princess*. Adibah turut menyesuaikan novel keduanya berjudul *Gadis Sipu* daripada novel *House at the Corner* karya Enid Blyton. Namun pada tahun 1950-an, Adibah berjaya menghasilkan novel ketiga yang berjudul *Bangsawan Tulen*. Novel ini merupakan karya asli Adibah Amin tanpa melalui proses penyesuaian. Pada akhir dekad 1950-an pula, seorang penulis wanita yang kurang dikenali telah menerbitkan tiga buah novel. Novel-novel karya Siti Mariam Nordin berjudul *Hartawan Bakti* (1956), *Anak Penebus Dosa* (1957) dan *Kebahagiaan Sabar* (tidak diketahui tarikh). Novel Siti Mariam ini diterbitkan dalam tulisan Jawi dan digunakan dengan meluas oleh khalayak pembaca.

Menurut Ramlie Isin (1984:14), perkembangan novel dalam sastera Melayu sangat menggalakkan menjelang tahun-tahun 1950-an. Perkembangan ini bertambah serius setelah mengalami waktu-waktu lesu pada masa pemerintahan Jepun. Novel *Salina* karya A. Samad Said dan novel *Musafir* karya Hassan Muhamamad Ali yang diterbitkan hasil sayembara penulisan novel yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958, ternyata telah memberikan satu impak besar dalam perkembangan penulisan novel-novel Malaysia sebelum dan sesudah perang.

Dalam tahun 1950-an, Angkatan Sasterawan 50 atau lebih dikenali ASAS 50 mulai mendominasi penghasilan karya-karya pada masa itu. Menurut Shafie Abu Bakar (1980:26) antara pengarang yang terlibat tahun 1950-an ini seperti A. Samad Said, Abdullah Hussein, Shahnon Ahmad, Arenawati dan Wahab Ali. Didapati novel-novel yang dihasilkan pada zaman tersebut banyak memperkatakan hak-hak individu dan masyarakat, emansipasi wanita dan sebagainya sehingga melupakan hak dan tanggungjawab terhadap pencipta-Nya.

Perkembangan novel terus menyerlah dengan kehadiran *Gelora* (1963), *Lingkar* (1965) dan *Sandera* (1968) oleh Arenawati. Menurut Rosnah Baharuddin (1997:100), tahun 1960-an merupakan tahun permulaan perkembangan novel di Malaysia yang lebih baik selepas negara mencapai kemerdekaan. Di sini lahirnya novel-novel terbaik Shahnon Ahmad seperti *Terdedah* (1965), *Rentong* (1965), *Protes* (1967) dan *Menteri* (1967) yang memaparkan perjuangan politik dalam masyarakat.

Pada dekad 60-an, sebanyak 244 buah novel telah diterbitkan (Zainal Abidin Bakar, 1976:59-60). Sepanjang perkembangan novel dalam kesusasteraan Melayu sekitar tahun-tahun 1960-an ke tahun 1970-an, beberapa penulis wanita mulai muncul dalam genre ini. Nama-nama seperti Salmi Manja, Hamidah Hassan, Khalidah Adibah Amin, Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan Fatimah Busu deretan penulis yang menghasilkan novel dalam membicarkan kisah-kisah wanita selepas perang. Kebanyakan novelis wanita dalam dekad ini cepat mengundurkan diri setelah menghasilkan sebuah dua novel kecuali Salmi Manja, Khadijah Hashim dan Fatimah Busu yang terus berkarya hingga kini. Novel *Merpati Putih Terbang Lagi* oleh Khadijah Hashim dan novel *Ombak Bukan Biru* oleh Fatimah Busu mendapat tempat di hati pembaca.

Perkembangan novel terus berkembang dan ramai penulis wanita memulakan karier dengan menulis dalam pelbagai genre sastera. Menurut Siti Zainon Ismail (2009:4), *Setelah Daun-daun Berguguran* (Salmi Manja, 1962), dalam tempoh masa selama dua belas tahun, muncul antologi puisi *Sesayup Jalan* (Zurinah Hassan), *Nyanyian Malam* (Siti Zainon Ismail, 1976), *Dalam Pelarian Satu* (Zaihasra, 1977) dan *Kembang Melati* (1982). Begitulah rentetan penulis wanita muncul dalam tahun 1970-an dan berkarya dalam memulakan perjalanan kreatif mereka. Masing-masing menulis puisi untuk melahirkan pemikiran dan idea untuk dibaca oleh khalayak. Muncullah pula nama-nama seperti Mahaya Yassin, Nor Aini Mohammad, Zanariah Wan Abdul Rahman, dan Habsah Hassan. Diikuti Siti Zaleha Hashim, Rogayah A. Hamid, Salmiah Ismail dan Zaiton Ajamain. Namun, penyair-penyair ini mula mengorak langkah melebarkan pemikiran mereka dalam pelbagai genre. Siti Zaleha Hashim memilih untuk menulis novel, Rogayah A. Hamid memilih bidang lakonan, Mahaya Yassin memilih untuk

menulis cerita kanak-kanak, Zanariah Wan Abd. Rahman dan Habsah Hassan pula memilih penulisan skrip drama radio atau pentas dan lirik lagu. Manakala Siti Zainon Ismail di samping melukis dan berpuisi, beliau telah melebarkan sayapnya dalam penulisan cerpen dan kemudian novel.

Hal ini membuktikan bahawa wanita dan karya sastera saling berhubung kait dan kesepaduan ini sudah sebatи terutama dalam ikatan intertekstualiti. Penulis-penulis wanita bukan sahaja membicarakan tentang hal-hal kewanitaan malah melangkaui batasan nusantara. Pengalaman sosial yang pernah mereka lalui, secara tidak langsung memberi kesan positif kepada proses penciptaan sesebuah karya. Bertitik tolak daripada pengalaman yang dilalui, seseorang pengarang akan menterjemahkan segala pengalaman tersebut ke dalam karyanya atas hubungan yang terjalin.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Teeuw (1992:38), bahawa setiap manusia memiliki kecenderungan untuk menjelaskan aspek kehidupannya yang asasi melalui sastera untuk dibaca oleh khalayak. Culler dalam Teeuw (1992:280) menyatakan bahawa “reading is not an innocent activity” atau membaca bukanlah sesuatu tanpa risiko atau membaca adalah kegiatan yang bukan tidak ada risikonya. Aktiviti membaca karya sastera menuntut pembaharuan diri yang berterusan, melakukan penyesuaian diri dengan sistem konvensi yang tidak pernah stabil, memiliki kehalusan budi dan setiap kali bersedia membuka diri bagi kejutan dan penyimpangan yang membingungkan. Dresden dalam A. Teeuw (1992:67), karya sastera adalah sebagai ‘dunia dalam kata’ yang mempunyai kebulatan makna intrinsik yang hanya dapat digali daripada karya itu sendiri.

Pembacaan terhadap sesebuah karya sastera membuatkan pembaca memperoleh makna atau inti pati yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, apabila pembaca atau khalayak berdepan dengan karya sastera; sama ada karya sastera, atau sesuatu hasil kajian mahupun kritikan, pembaca mempunyai dua peranan, iaitu sebagai pembaca yang langsung merupakan penikmat dan secara tidak langsung juga seorang pengkritik. Oleh itu, pembacaan terhadap karya-karya Siti Zainon Ismail memperlihatkan bahawa kepengarangannya dibauri oleh aktivitinya sebagai pelukis, penyair, cerpenis, novelis dan tokoh akademik dan tokoh budayawan. Puisi yang terhasil berserta calitan sketsa dalam cerpen dan novel menunjukkan wujudnya satu lingkaran *hermeneutik* yang memancarkan kewujudan intertekstualiti.

Dalam menelusuri kepelbagaian genre yang terhasil oleh lakaran pena Siti Zainon Ismail, pembaca dapat melihat wujudnya dialog antara teks utama dengan teks-teks lain yang pernah dihasilkannya dalam dunia kesusasteraan. Realiti kehidupan yang mendasari dan mempengaruhi penulisan Siti Zainon Ismail sehingga persekitaran dan pengalaman masa lalu terungkap di dalam setiap karyanya yang berpangkal dengan antologi *Nyanyian Malam*. Siti Zainon menyatakan bahawa hidup bukannya angan-angan tetapi lebih merupakan tanggungjawab_(1994:7-10).

“...Hidup bagi saya harus diimbangi oleh dua faktor ini: rasio dan emosi. Dengan rasio menjadikan diri lebih disiplin. Dengan emosi, menjadikan kita kreatif dan berani, kepercayaan kepada diri adalah gerak utama dan Tuhan selalu sahaja menghadiahkan kejayaan impi. Puisi tidak akan lahir tanpa keberanian melalui detik sengsara pertama. Walaupun jelas hanya merakam emosi tetapi itulah titik awal untuk menambah erti pengembangan ilmu” .

(Petikan daripada “Hidup Bukan Angan-angan”, *Dewan Sastera*, Disember 1988, hlm. 22).

Aliran pemikiran yang dibawa di dalam setiap hasilan karyanya mempunyai identiti yang tersendiri bersesuaian dengan buah tangan dalam pelbagai genre seperti dalam dunia kepenyairan, lukisan, baik cerpen mahupun novel. Karya-karya Siti Zainon adalah sarat dengan pemikiran dan pewarnaan kehidupan manusia yang dijelajahi daripada seluruh pelosok dunia. Keseluruhan pemikiran dan idea yang cuba diungkapkan oleh Siti Zainon membuatkan khalayak pembaca perlu membuat penelitian yang rapi kerana kekuatan karya Siti Zainon terletak kepada adunan gaya bahasa yang dipenuhi simbol atau perlambangan. Semuanya seolah-olah lukisan cat dan permainan warna serta kata-kata yang perlu ditafsirkan menerusi setiap lukisan dan puisi yang dihasilkan Siti Zainon sebelum penyair-pelukis ini bergiat aktif sebagai cerpenis dan novelis.

Melalui pengkajian terhadap novel *Pulau Renik Ungu* (1995) dan novel *Delima Ranting Senja* (2005), khalayak pembaca diperlihatkan kewujudan antara hipoteks dengan hiperteks melalui peneropongan intertekstualiti (kajian makna antara teks) yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva.

1.3 Permasalahan Kajian

Sahlan Mohd Saman (1993:53) dalam kertas kerja seminar yang dibentangkan di Sabah berpendapat bahawa setiap pengarang ketika menentukan tema dan persoalan yang ingin disampaikan dalam sesebuah novel, terikat kepada dua faktor secara eksplisit ataupun implisit. Faktor pertama kecenderungan peribadi dan faktor kedua kemungkinan pengarang ingin memenuhi tuntutan pembaca. Menurut Rene Wellek (1988:110), faktor paling jelas yang menyebabkan terciptanya sesebuah karya seni ialah penciptanya, iaitu pengarang yang mana hubungan peribadi dan kehidupan pengarang sangat mempengaruhinya. Menurut Jeremy Hawthorn (2000: 31), setiap teks yang dihasilkan oleh seseorang pengarang adalah terpengaruh dengan teks yang lain, “*Kristeva defines the text as a permutation of text, an intertext in the space on given text...*”

Berdasarkan pernyataan di atas, permasalahan kajian ini bertitik tolak untuk melihat bahawa setiap teks mempunyai saling kaitan antara teks asal dengan teks-teks baharu. Pernyataan ini membuktikan bahawa wujudnya pengaruh hipoteks daripada karya-karya asal Siti Zainon (seorang pelukis, penyair, cerpenis, novelis, tokoh akademik dan budayawan) ke dalam novel terbaharunya, iaitu hiperteks melalui hubungan peribadi dan persekitaran yang sangat mempengaruhi kepengarangannya.

Kamarul Ariffin, Pengurus Eksekutif *Kumpulan Utusan* (Siti Zainon Ismail, 1997:VII) memperkatakan tentang Siti Zainon Ismail.

“... saya kagum dengan lukisannya yang penuh warna-warni, yang bergaris lincah dengan sapuan yang besar dan tegap. Temanya berlatarkan unsur tradisi Jawa: Kuda Kepang, Seri

Rama, Sita Dewi. Waktu itu, kita belum melihat susuk seninya, ia baru berpucuk tapi saya percaya dia mempunyai bakat besar...”

Aziz Desa dalam *Berita Harian*, 27 Jun-4 Julai 1992 yang bertajuk “Penulis Wanita” turut memperkatakan tentang Siti Zainon;

“Siti Zainon antara penulis wanita yang begitu menonjol dalam peta sastera tanah air. Mungkinkah suatu hari nanti, beliau menjadi wanita pertama bergelar Sasterawan Negara?

Menurut Dami N. Toda melalui tulisannya “Bunga-Bunga Bulan dan Sketsa Puisi Siti” (Siti Zainon Ismail, 1997:33),

“...Zainon yang selalu diam memperhatikan sekitar, alam, rumah-rumah, manusia, haiwan, meresapkan, merenungkan, menghayati, dalam keheningan menciptakan gambaran yang lapis berlapis dalam kenangan dan kenyataan. Alangkah bahagianya hidup dalam dunia penyair...”

Beliau mengakui bahawa membaca sajak-sajak Siti Zainon membuatkan beliau berasa masuk menyelusup ke dalam dunia batin penyair dalam perjalanan menempuh sejarah yang sekian kaya terbentang.

Shukri Matt Ali berdasarkan tulisannya “Siti Zainon: Pengembara yang Memburu Kedamaian” dalam *Berita Harian*, 26 Mei 1988 (Siti Zainon Ismail, 1997:33), turut menyatakan bahawa;

“... Siti Zainon meredah dan merenung kehidupan, mengembara ke alam diri dan luar penggembangan makna perjuangan yang historik, kecintaan terhadap fenomena alam yang penuh dengan

keindahan dan jangkauan rasa hati yang prihatin terhadap kebobrokan kemanusiaan...”

Muhamad Haji Salleh pula berdasarkan catatan Mukadimah buku *Kembara Seni Siti* bertajuk *Sebuah Sketsa Untuk Penyair - Buat Siti Zainon Ismail* (Siti Zainon Ismail, 1997:33);

“...banyak yang kita baca daripada karya Siti Zainon yang banyak itu atau dengar dan rasakan adalah ‘correlatives’, citra bayangan untuk perasaannya, cintanya, pengalaman seninya, tarian persahabatannya dan malah juga liku dan sudut hidupnya. Inilah dunia terkaya daripada dunia-dunia yang dihadiahkan penyair kepada pembacanya. Kita dibawa ke ruang terjauh, terumit, yang menghadiahkan jalur-jalur yang dilalui seorang manusia yang amat peka kepada sekitaran, masyarakat dan cakerawalanya...”

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, dapat dikatakan bahawa Siti Zainon Ismail mempunyai pengalaman yang cukup luas. Beliau merupakan seorang penyair juga seorang pelukis wanita yang sangat aktif. Siti Zainon juga merupakan tokoh akademik, tokoh budayawan, pengarang, penggiat seni, pengkaji seni budaya warisan Melayu, dan seniman. Siti Zainon Ismail juga terlibat secara aktif dalam dunia kesusastraan seperti mendeklamasikan puisi, membentangkan kertas kerja sama ada dalam seminar, forum dan bengkel ketika beliau sedang meneruskan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah. Beliau juga menulis pelbagai genre seperti eseи budaya dan busana Melayu, puisi, cerpen, novel, eseи sastera dan lain-lain sehingga segala kegiatan ini banyak mempengaruhi karya-karyanya yang menunjukkan hubungan saling kait antara hipoteks dengan novel-novel hiperteksnya.

Hubungan karya dengan khalayak dikatakan berkait rapat dan pemaparan fenomena sosial dalam sesebuah karya adalah sesuatu yang relevan dalam konteks berkreatif (Umar Junus, 1998:80). Oleh itu, Siti Zainon sangat ketara mengungkapkan peristiwa dalam persekitaran, pengalaman bersama-sama ahli keluarga, pengalaman dalam kerjaya yang dijadikan ilham dalam pengkaryaan. Karya-karya Siti Zainon Ismail mempunyai makna yang tersendiri untuk ditafsirkan. Hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* 1995 bersimbolkan tempat yakni pulau Labuan (temu bual bersama penulis pada tahun 2012).

Menurut Siti Rohayah Attan (*Utusan Malaysia*, 1994:29) dan Salbiah Ani (*Berita Harian*, 1995:25), novel *Pulau Renik Ungu* (PRU) merupakan sisipan beberapa cerpen Siti Zainon yang terdapat dalam antologi cerpen *Bunga Putik Putih* (DBP:1991). Antaranya Bab 1 – cerpen “Kau Masih di Laut, Erick?”, Bab 3 – cerpen “Karang Pulau”, Bab 5 – cerpen “Episod Inderajati” dan sebahagian daripada cerpen “Seloka Si Tanjung”. Hal ini jelas membuktikan kehadiran intertekstualiti mempengaruhi proses pengkaryaan Siti Zainon Ismail dengan wujudnya unsur-unsur luaran yang terdapat dalam hiperteks yang terhasil.

Menurut A. Samad Said (1992:19), khalayak perlu membaca lebih mendalam untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh Siti Zainon;

“Dengan imageri-imageri dan larik-larik yang setangkas dan sewarni ini.. Siti Zainon merakamkan pengalaman dalam “Bunga-Bunga Bulan” ...tapi jika kita dapat mengakrabi beberapa imageri dari puisinya, kita pasti dapat mendekati semangat dan pesanan...”

A. Samad Said mengukuhkan catatannya dalam “Puisi Putih Sang Kekasih” (1997:12),

“... Ada sesuatu yang memukau dalam dunia Siti Zainon Ismail.. kita tercium bau cengkeh, terlihat kapal purba, dilindungi sayap burung, dan selalu juga ditemani kunang-kunang...”

Mahzan Musa (1996:16), “... berdasarkan penelitian terhadap karya Siti Zainon Ismail, wujud keseragaman atau kesamaan dalam bentuk larik-larik puisi yang dicatat atau diselitkan dalam bahagian-bahagian tertentu dalam karyanya. Persoalannya adakah hal ini satu kebetulan atau sengaja dilakukan oleh Siti Zainon semasa berkarya?” Perhatikan transformasi yang dilakukan oleh Siti Zainon daripada hipoteks puisi “Perkasihan Subuh” daripada antologi *Perkasihan Subuh* (Siti Zainon, 1986:11). Dalam hipoteks puisi ini sketsa burung hampir menyamai sketsa burung merak dalam Bab 1-*Senja Merah* dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*. Begitu juga dengan puisi “Perkasihan Subuh” tersebut. Apa yang membezakan kedua-dua puisi ini di bahagian teknikal aspek penulisan yang mengalami proses modifikasi, iaitu aspek penulisan huruf besar dan huruf kecil. Contoh dipaparkan, iaitu Subuh, Kau, Lembut dan Kudekap (“Perkasihan Subuh”). Penulisan puisi “Perkasihan Subuh”, menunjukkan bahawa semua perkataan di atas ditulis menggunakan huruf kecil. Proses modifikasi atau pengubahsuaian dalam sketsa “Perkasihan Subuh” yang hanya menampakkan rangka menyerupai seekor burung. Namun dalam *Delima Ranting Senja* sudah menampakkan sketsa burung merak yang sempurna.

Seluruh Subuh itu
Kau kejuti mimpiku
Lembut dan terharu
Kudekap Cinta-Mu

(*Perkasihan Subuh* : 1986:11)

Seluruh subuh itu
kau kejuti mimpiku
lembut dan terharu
kudekap Cinta-Mu

(*Delima Ranting Senja*, 2009:15)

Oleh itu, kajian dilakukan untuk melihat bagaimana pengarang menggunakan hipoteks atau karya-karyanya yang terdahulu sehingga hadir dalam karyanya yang baru seterusnya memberikan makna yang baru. Kewujudan intertekstualiti dalam dua buah novel Siti Zainon, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* berlaku disebabkan kreativiti dan pengalaman beliau yang luas. Didapati puisi Siti Zainon bukan sahaja berkisar dari Bangi dan sekitar Gombak, malahan ke wilayah-wilayah Melayu, Aceh, Medan, Padang, Tanah Abang, Sulawesi, Brunei, Singapura malahan ke seantero dunia seperti Australia, Jepun, India dan lain-lain seperti tulisan yang berikut;

“...walaupun dunianya luas dan pelbagai, diambil dari sudut tasik Finland...atau bahan puisinya dikutip dari Bangi, namun beliau memegang kukuh kepada pohon tradisinya...Yang kita baca ialah karya penyair yang amat prolifik - yang menulis, melukis dan berkarya sepanjang masa..”

(Muhammad Haji Salleh, 1997 : XVI - XVII)

Dapat dikatakan bahawa kepengarangan dan ketokohan Siti Zainon wajar diberikan perhatian oleh khalayak pembaca. Permasalahan yang dibawa dalam novel-novelnya sangat penting dan perlu dibuat kajian secara rinci. Rujukan dan kajian yang dilakukan oleh Siti Zainon sebelum dan semasa menulis membuktikan kewujudan unsur-unsur luar yang digunakannya dalam menghasilkan hiperteks novel untuk menyampaikan

pemikiran dan amanatnya. Oleh itu, permasalahan di atas perlu diselesaikan untuk memastikan khalayak pembaca benar-benar dapat memahami dan menikmati karya-karya Siti Zainon Ismail berdasarkan prinsip bacaan intertekstualiti, iaitu Julia Kristeva.

1.4 Sorotan Kajian

Kajian terdahulu berhubung teori intertekstualiti dilakukan oleh Abdul Rahman Napiah bertajuk “Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti” bagi tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun 1991. Pengkaji membuat kajian terhadap drama-drama Tuah-Jebat dengan menggunakan pendekatan intertekstualiti. Prinsip-prinsip intertekstualiti seperti transformasi, modifikasi, ekspansi, konversi, paralel, dan lain-lain dimasukkan. *Hikayat Hang Tuah* telah dijadikan hipogram kepada penulisan tesis tersebut. Prinsip intertekstualiti dalam kajian ini dapat dibuktikan dan didapati cerita Tuah-Jebat telah mengalami pelbagai tafsiran dan pengertian terutama konsep wira Tuah-Jebat. Kekuatan yang diperoleh ternyata menunjukkan bahawa kajian ini telah menonjolkan prinsip-prinsip intertekstualiti yang mendominasi hiperteks dengan nyata dan amat bertepatan dengan teori intertekstualiti Julia Kristeva (1980). Keberadaan hipoteks menunjukkan dominasi yang jelas dalam hiperteks Tuah-Jebat ini. Walau bagaimanapun, kajian Abdul Rahman ini jelas terbukti keterbatasannya hanya kepada genre drama. Pengkaji pula merincikan kajian kepada genre novel dengan menggunakan tiga prinsip teori intertekstualiti Julia Kristeva, iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi berbanding semua prinsip intertekstualiti yang diguna pakai dalam kajian Abdul Rahman. Manakala genre yang digunakan pula adalah genre novel daripada penulis wanita. Sebanyak dua buah novel Siti Zainon Ismail digunakan iaitu hiperteks *Pulau Renik Ungu* (1995) dan *Delima Ranting Senja* (2009).

dengan mendatangkan hipoteks karya pengarang sendiri. Kajian Abdul Rahman pula menggunakan teks sejarah atau teks karya agung.

Kajian Zahir Ahmad bertajuk “Riwayat Kelantan: Analisis Teks, Interteks dan Konteks” tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1997. Kajian ini membincangkan tentang konvensi watak terhadap teks asal dengan hanya menggunakan satu prinsip interteks iaitu konvensi. Prinsip konvensi ini diaplikasikan oleh pengkaji dalam membandingkan watak-watak dalam teks sastera sejarah, iaitu *Riwayat Kelantan*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja Pasai*. Hasil kajian ini membuktikan bahawa agama merupakan ciri pengikat yang menentukan kestabilan atau keruntuhan sesebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang raja atau pemimpin. Perbandingan kajian dilihat daripada genre yang digunakan kerana pengkaji menganalisis genre novel Siti Zainon Ismail sebanyak dua buah iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*. Kajian Zahid Ahmad menggunakan teks sastera sejarah dengan memberikan penekanan kepada watak-watak dalam teks yang dikaji. Kajian Zahid hanya menggunakan satu prinsip intertekstualiti, iaitu konversi manakala pengkaji menggunakan tiga prinsip intertekstualiti (transformasi, modifikasi dan ekspansi). Dapatkan kajian yang diperoleh pula menunjukkan bahawa hiperteks hadir atau banyak diperoleh daripada hipoteks pengarang sendiri dan beberapa sumber lain.

Kajian Mohd Pozi Masurori bertajuk “Hikayat Shah Kobat (HSK): Analisis Struktur dan Intertekstualiti” tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun 2004. Kajian ini mengungkapkan kehadiran prinsip-prinsip

intertekstualiti dan berjaya membuktikan kehadiran hipoteks dalam menggunakan teori intertekstualiti. Dari aspek persamaan, kajian ini mempunyai kekuatan kerana pengkaji dapat menunjukkan wujudnya hubungan intertekstualiti yang berlaku antara hipoteks dengan hiperteks berdasarkan *Hikayat Shah Kobat* dan hikayat-hikayat lain yang diaplikasikan. Kajian Mohd Rozi ini turut menggunakan tiga prinsip intertekstualiti yang sama diguna pakai oleh pengkaji, iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi. Perbezaan kajian terlihat daripada aplikasi sastera klasik (genre hikayat) dan pendekatan struktural berbanding genre prosa (novel) yang digunakan oleh pengkaji. Dapatkan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa Siti Zainon Ismail banyak menggunakan teks awalnya terutama cerpen. Pengarang telah menempatkan hipoteks awal ini dan sumber-sumber lain ke dalam dua buah hiperteks novelnya *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* dengan menggunakan tiga prinsip teori intertekstualiti Julia Kristeva.

Kajian Mawar Shafie bertajuk “Kajian Bandingan Novel Intertekstual Melayu” tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura pada tahun 2009. Kajian ini adalah tentang perbandingan tiga pengarang terkenal dari tiga buah negara, iaitu Anwar Ridhwan (Malaysia), Suratman Markasan (Singapura) dan Putu Wijaya (Indonesia). Kajian ini menggunakan hampir keseluruhan prinsip intertekstualiti dengan membincangkan tradisi kreativiti kepengarangan Melayu dan menggariskan empat rumus awal hubungan novel kajian dengan teks tradisional, teks awal pengarang sendiri, teks awal pengarang lain dan teks bukan kreatif. Kajian ini lebih berfokus kepada seorang pengarang sahaja, iaitu Siti Zainon Ismail penulis wanita Malaysia berbanding kajian Mawar pengarang lelaki daripada tiga buah negara. Berdasarkan hipoteks yang mendasari hiperteks dua buah novel Siti Zainon yang dijadikan kajian, didapati

pengarang banyak menggunakan teks awal pengarang sendiri dan sedikit kemasukan teks bukan kreatif.

Kajian Wan Zaliha Wan Othman bertajuk “Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah” tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya pada tahun 2012. Kajian ini kelihatan sama dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Perbezaan kajian terlihat pada pengarang yang dipilih. Kajian Wan Zaliha terhadap novel-novel Faizal Tehrani dan pengkaji menggunakan novel-novel Siti Zainon Ismail. Genre menunjukkan persamaan, iaitu genre novel manakala teori yang diaplikasikan teori intertekstualiti. Persamaan kajian apabila pengkaji memilih tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi. Walau bagaimanapun, Wan Zaliha menambah kajiannya dengan menggabungkan teori Pengkaedahan Melayu untuk mengkaji enam buah novel. Penggunaan kedua-dua teori dibincangkan untuk meneliti sumber yang dirujuk oleh pengarang bagi menyampaikan dakwah kepada khalayak. Terbukti bahawa kedua-dua teori ini sesuai diaplikasikan bagi menganalisis novel Faisal Tehrani untuk berdakwah menegakkan Islam Supremasi (Keunggulan Islam). Beliau telah menggabungjalinkan kedua-dua teori tersebut bagi membuktikan bahawa Faisal Tehrani menulis dengan merujuk hipogram untuk berdakwah. Novel-novel yang terpilih masih dianalisis dengan menggunakan teori intertekstualiti Julia Kristeva. Pengkaji mendapat Siti Zainon Ismail menulis genre novelnya berdasarkan teks awalnya seperti cerpen dan puisi dan kehadiran hiperteksnya hampir keseluruhan daripada teks pengarang sendiri.

Kajian Sakinah Abu Bakar “Unsur-unsur Seni Tampak dalam Puisi Latif Mohidin dan Siti Zainon Ismail : Satu Kajian Bandingan” tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains

Malaysia, pada tahun 2004. Kajian ini tentang kepengarangan Siti Zainon dalam dua disiplin ilmu, iaitu seni sastera dan seni tampak serta perkaitan antara kedua-duanya dengan titik fokus kepada karya seni tampak dan puisi Siti Zainon Ismail. Kajian yang menggunakan pendekatan Haskel Block (1958) ini mengutamakan pengalaman langsung daripada karya itu sendiri dan secara tidak langsung kajian turut menggunakan teori intertekstualiti terutama prinsip transformasi. Puisi dianalisis dengan menggunakan kriteria penilaian seni tampak, iaitu struktur, garis, ruang, tema dan warna. Karya Latif Mohidin dan Siti Zainon dalam genre seni tampak dan puisi digandingkan untuk memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaannya. Kajian pengkaji adalah menganalisis kepengarangan Siti Zainon tentang karyanya, namun yang difokuskan adalah novel dengan melihat hipoteks daripada karya terdahulu terutama puisi dan cerpennya. Pengkaji tidak membuat perbandingan malahan berusaha melihat dan membuktikan bahawa wujud dialog antara teks yang dihasilkan oleh Siti Zainon dengan menggunakan tiga prinsip intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi.

Kajian Nursham Abdul Aziz berjudul “Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti” bagi tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya Kuala Lumpur pada tahun 2015. Kajian ini menganalisis tiga buah novel terpilih karya Azizi Haji Abdullah, iaitu novel *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Beruk* (2010). Penganalisaan menggunakan tiga prinsip utama teori intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, prinsip modifikasi dan ekspansi. Didapati kajian ini bertitik tolak daripada kepengarangan daripada Azizi Haji Abdullah sebagai seorang sasterawan yang cenderung merujuk sumber-sumber asalnya untuk diangkat dalam karyanya yang baru. Kebanyakan hipoteksnya ialah teks pengarang itu sendiri. Dapatkan kajian pengkaji

menunjukkan bahawa Azizi Haji Abdullah menulis dengan merujuk hipoteks yang melalui pelbagai proses seperti kerja pemindahan atau penambahan episod tertentu bagi memperkuuh makna hiperteks. Pengkaji juga menunjukkan proses-proses lain seperti penukaran, pengembangan, serapan, persamaan atau pumbaikan daripada teks asal untuk membolehkan teks asal berubah kepada bentuk baharu sama ada dari aspek kandungan ataupun sisi plot penceritaan. Didapati kajian Nursham Abdul Azizi menyamai kajian yang dijalankan oleh pengkaji; iaitu aspek genre (novel) dan prinsip teori (intertekstualiti – transformasi, modifikasi dan ekspansi) yang digunakan. Perbezaan yang terdapat, pengkaji menggunakan dua buah novel pengarang wanita berbanding kajian Nursham, tiga buah novel pengarang lelaki. Pengkaji mendapati hiperteks novel Siti Zainon Ismail adalah daripada hipoteks awalnya seperti cepen, puisi, juga bahan sokongan daripada pengarang lain seperti novel dan sedikit daripada sumber Al-Quran dan sumber sejarah.

Kajian juga dilaksanakan oleh para pengkaji di peringkat sarjana. Kajian Raja Rajeswari Seetha Raman bertajuk “Pemikiran dalam Cerpen Uthaya Sankar SB dari Aspek Intertekstualiti” tesis Sarjana Sastera Universiti Putra Malaysia pada tahun 2005. Sebanyak 66 buah cerpen Uthaya Sankar SB daripada kumpulan Cerpen *Orang Dimensi*, *Siru Kambam*, *Surat Dari Madras*, *Sasterawan Pulau Cinta* serta cerpen-cerpen yang tersiar dalam media cetak perdana hingga tahun 2000 dikaji untuk menentukan corak pemikiran, teknik penceritaan yang dominan serta pengaruh intertekstualiti yang ketara dalam cerpen-cerpen tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa kesemua prinsip intertekstualiti diaplikasikan dalam mengkaji cerpen Uthaya Sanker. Pengkaji berjaya menunjukkan bahawa dalam sebuah karya terdapat dua elemen yang utama, iaitu unsur-unsur luaran seperti unsur sejarah, falsafah, pengalaman dan sosial yang saling berhubung kait atau berdialog dengan unsur-unsur dalaman diri pengarang sewaktu pengarang

menukang hasil kerjanya. Hal ini membuktikan bahawa pengaruh unsur-unsur luaran dan dalaman sangat rapat dan wujud dalam diri pengarang sewaktu berkarya. Apa yang diperhatikan melalui kajian ini adalah aspek kepengarangan yang dikuasai dan berada dalam diri pengarang bukan Melayu yakni berbangsa India namun mempunyai kebolehan berkarya dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan dua buah genre novel berbanding kajian Rajeswari yang menggunakan empat buah antologi cerpen. Rajeswari menggunakan hampir keseluruhan prinsip intertekstualiti manakala pengkaji mengaplikasikan tiga prinsip intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Dapatkan menunjukkan hipoteks awal karya pengarang terutama cerpen mendasari hampir keseluruhan hiperteks novel yang dikaji.

Kajian Zaharah Osman bertajuk “Kajian Intertekstualiti Novel *Tengku Menteri*” tesis Sarjana Sastera Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2008. Kajian ini berjaya memperlihatkan pengaruh intertekstualiti yang mendasari kajian, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Penemuan kajian menunjukkan adanya pengaruh pegangan ideologi keagamaan pengarang Talib Samat semasa menghasilkan karyanya. Hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji membolehkan khalayak mengenal pasti teks-teks awal yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan novel *Tengku Menteri*. Antaranya seperti teks tradisional, teks sejarah dan teks agama. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa pemilihan teks awal ini telah mengungkap pelbagai peristiwa yang memenuhi prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi sebagaimana yang terdapat dalam teori intertekstualiti. Kajian Zaharah menggunakan sebuah novel dengan hipoteks daripada tiga teks (teks tradisional, teks sejarah dan teks agama). Pengkaji juga mengkaji genre novel karya Siti Zainon Ismail sebanyak dua buah dengan aplikasi tiga prinsip yang sama daripada teori intertekstualiti Julia Kristeva.

Kesimpulannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa aplikasi teori intertekstualiti banyak digunakan dalam mengkaji pelbagai genre. Antaranya genre drama, novel, puisi, sastera sejarah (hikayat) dan perbandingan puisi dengan seni tampak. Aspek yang membezakan kajian terdahulu dengan kajian sekarang aspek genre, pengarang juga prinsip intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti sejauh manakah suatu teks asal (hipoteks) menjadi sumber rujukan digunakan oleh pengarang seterusnya diadun atau digabungjalinkan dengan teks semasa (hiperteks) bagi menghasilkan teks atau makna baharu. Penelitian ini dijalankan secara terperinci untuk membuktikan sama ada hal yang tersebut di atas berlaku dalam proses penciptaan teks baharu Siti Zainon Ismail. Oleh itu, kajian ini khusus dijalankan untuk mengenal pasti kewujudan intertekstualiti dalam karya-karya Siti Zainon Ismail yang dikaji.

- 1.5.1 Mengenal pasti sumber hipoteks dalam novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*.
- 1.5.2 Mengaplikasikan prinsip-prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi; iaitu prinsip teori intertekstualiti terhadap novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*.
- 1.5.3 Menilai faktor-faktor yang menyebabkan pengarang melakukan transformasi, modifikasi dan ekspansi terhadap novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada khalayak pembaca untuk memahami novel-novel yang dihasilkan oleh pelukis-penyair. Khalayak perlu memahami makna yang digunakan oleh pengarang dalam novel-novelnya agar amanat yang ingin disampaikan dapat difahami. Oleh itu penganalisisan melalui tiga prinsip (transformasi, modifikasi dan ekspansi) teori intertekstualiti berdasarkan analisis bacaan intertekstualiti Julia Kristeva, diharapkan khalayak pembaca dapat meneliti prinsip intertekstualiti sebagai wadah menjelmakan kewujudan sesuatu teks kepada teks yang lain. Secara tidak langsung, kajian ini diharapkan dapat memberikan faedah dan sumbangan baharu kepada banyak pihak baik dalam bidang akademik maupun kepada masyarakat pembaca. Kajian ini amat bermanfaat kepada penteori-penteori dan pengkritik sastera kerana melalui perbincangan akan terlihat kesesuaian dan keupayaan intertekstualiti, iaitu teori barat untuk diterapkan dalam karya sastera Melayu. Secara tidak langsung hal ini juga akan memberi panduan terutama kepada peneliti sastera dan karyawan bagi menghasilkan penulisan yang baik. Akhirnya kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada pengkaji seterusnya bagi memperbanyak kajian kesusasteraan terutama di peringkat ijazah Doktor Falsafah dalam pelbagai genre. Kemungkinan penelitian dapat dilihat daripada sudut yang berbeza dan menggunakan teori atau pendekatan yang berlainan. Usaha ini bukan sahaja akan dapat memperbanyakkan hasil kajian kesusasteraan malahan hasil kajian ini akan dapat didiskusikan serta didokumentasikan untuk kegunaan pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Dalam usaha mencapai objektif yang dikehendaki, kajian ini memberikan tumpuan kepada teori intertekstualiti. Berdasarkan teori ini, tumpuan kajian berfokus kepada tiga prinsip utama teori intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Tiga prinsip ini menjadi tumpuan pengkaji kerana tiga prinsip ini mendominasi novel-novel yang dikaji dan dapat memberikan gambaran serta penjelasan yang mendalam tentang hipoteks yang terdapat dalam novel-novel Siti Zainon Ismail.

Kajian ini bertumpu kepada dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1995 dan *Delima Ranting Senja* terbitan Utusan Publication Sdn. Bhd., 2009 sebagai hiperteks. Walau bagaimanapun, novel pertama yang dihasilkan oleh Siti Zainon Ismail, iaitu *Rembang Flamboyan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1995, tidak dijadikan bahan kajian. Hal ini kerana tiga prinsip intertekstualiti yang digunakan oleh pengkaji tidak ditemui dalam novel ini. Dalam kajian terhadap kedua-dua buah novel ini, pengkaji menggunakan tiga antologi puisi Siti Zainon, iaitu *Puisi Putih Sang Kekasih, Sketsa 1975-1982* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia 1984, *Perkasihan Subuh* terbitan PT Bulan Bintang 1986, dan *Bait Senandung Malam - The Rhythm of Night Song* terjemahan Institut Terjemahan Negara Malaysia 2012. Sebanyak empat kumpulan antologi, iaitu antologi *Atar dari Lembah Mawar* (MPDSB, 1988), *Bunga Putik Putih* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1991, *Gebang Seni* terbitan Galeri Melora 2002, dan *Rindu Pala Muda* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 2005 telah dijadikan sumber hipoteks. Sumber-sumber hipoteks yang lain seperti sumber Al-Quran dan lain-lain dokumen seperti sejarah turut diaplikasikan.

Bil.	Tajuk	Tahun	Penerbit
1	<i>Pulau Renik Ungu</i>	1995	Dewan Bahasa dan Pustaka
2	<i>Delima Ranting Senja</i>	2009	Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Jadual 1: Novel-novel Siti Zainon Ismail

1.8 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat tekstual dengan menganalisis dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* menggunakan teori intertekstualiti untuk mengenal pasti sumber-sumber asal (hipoteks) yang digunakan oleh pengarang. Pada peringkat awal penyelidikan, usaha dilakukan untuk mendapatkan bahan berkaitan konsep, teori, latar belakang pengarang, tulisan dan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lain. Hal ini diperoleh melalui pembacaan berdasarkan beberapa sumber seperti disertasi, tesis, jurnal, kertas kerja, kertas seminar, kertas persidangan, dan lain-lain bahan bacaan serta laman sesawang yang berkaitan untuk mengumpul maklumat dan mengaitkannya dengan teori yang akan diaplikasikan.

Sumber yang dikenal pasti melalui hipoteks dalam novel-novel Siti Zainon Ismail akan digunakan untuk menganalisis perbincangan yang dijalankan bagi mengesan beberapa ruang tekstual yang terdiri daripada pelbagai teks yang sentiasa berhubungan. Bacaan awal dijalankan terhadap karya-karya Siti Zainon untuk mendapatkan gambaran wujudnya dialog antara teks dengan teks-teks yang lain. Kaedah menganalisis data dan prosedur mengumpul data adalah melalui prosedur intertekstualiti yang diperkenalkan

oleh Julia Kristeva. Kajian akan memberikan tumpuan kepada tiga prinsip utama intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Tiga prinsip ini dipilih daripada sembilan prinsip intertekstualiti yang ada kerana di samping ketiga-tiga prinsip ini dapat menjelaskan tentang hipoteks yang terdapat dalam dua buah novel Siti Zainon Ismail, faktor utama wujud atas kedominannya dalam karya yang dikaji.

Pada peringkat awal, pemetaan dibuat terhadap karya-karya pengarang seperti antologi puisi, antologi cerpen dan sumber yang berkaitan. Pemetaan dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti wujudnya hipoteks dalam hiperteks yang dikaji. Kaedah penyelidikan yang dijalankan sepenuhnya menggunakan kajian kepustakaan. Bahasan kajian diperoleh daripada beberapa perpustakaan. Di antaranya ialah di Universiti Malaya, Pusat Peringatan Za'ba (Universiti Malaya), Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu (Universiti Malaya), Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Umum (Universiti Kebangsaan Malaysia), Universiti Sains Malaysia, dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Hal ini penting untuk menambahkan maklumat agar kajian ini dapat diyakini kesahihannya.

Kaedah kepustakaan ini dikhatususkan kepada pembacaan terhadap sampel kajian, iaitu novel-novel Siti Zainon dan pembacaan terhadap teori intertekstualiti. Pembacaan terhadap semua karya Siti Zainon dilakukan dan seterusnya membuat tapisan mana yang perlu dijadikan bahan kajian. Hal ini bermaksud bahawa segala bentuk hipoteks terutama daripada antologi puisi dan antologi cerpen pengarang yang berdialog dengan kedua-dua buah novel terpilih, telah diteliti kerasionalannya. Dalam kata lain, segala fakta yang dapat mewujudkan fenomena *vraisemblable*, iaitu hubungan atau tautan (dialog) dan

dunia imaginasi dengan kreativiti (teks dalaman) dengan dunia realiti (teks luaran) yang perlu adalah dimasukkan.

Kaedah lapangan turut digunakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan secara langsung berhubung aspek pemikiran dan kepengarangan penulis. Beberapa kali sesi temu bual bersama pengarang novel Siti Zainon dijalankan sepanjang kajian ini. Menurut Othman Lebar (2007:119), temu bual secara bersemuka bertujuan untuk mendapatkan maklumat khusus tentang responden yang terlibat. Seterusnya mencari informan tertentu seperti tokoh-tokoh akademik dan tokoh-tokoh sastera yang rapat dengan pengarang untuk menjelaskan akan kepengarangan Siti Zainon Ismail. Dalam temu bual yang diadakan, fokus perbincangan kepada pemikiran penulis yang terungkap melalui karya-karyanya di samping menyentuh aspek kepengarangan untuk memantapkan penyelidikan ini. Hal ini penting sebagai data tambahan bagi membina kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kajian kualitatif untuk membantu merungkai beberapa permasalahan kajian dan menjelaskan objektif kajian yang dikenal pasti.

1.9 Pembahagian Bab

Penyelidikan ini kepada tujuh bab. Bab 1 merupakan Bab Pendahuluan yang akan membincangkan beberapa tajuk seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, sorotan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, dan pembahagian bab.

Bab 2 membincangkan tentang teori intertekstualiti yang akan diaplikasikan dalam kajian ini. Perbincangan secara mendalam ditumpukan kepada aplikasi teori intertekstualiti dengan menggunakan tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi. Pembahagian bab ini difokuskan kepada beberapa subtajuk seperti pengenalan, teori intertekstualiti, rasional penggunaan teori, model analisis kajian dan kesimpulan. Perbincangan tiga prinsip intertekstualiti ini akan dibuktikan melalui analisis perbincangan yang terdapat dalam bab 4, bab 5 dan bab 6.

Bab 3 menghuraikan tentang pengarang dan kepenggarangan Siti Zainon Ismail. Bab ini akan menghuraikan latar belakang pengarang, pendidikan dan kerjaya Siti Zainon Ismail. Diikuti proses kepenggarangan yang turut dibincangkan untuk memperlihatkan perkaitan dan penghasilan karya kreatif dan gagasan pemikiran Siti Zainon. Setiap pengalaman yang ditempuhi Siti Zainon dalam kembara seni sehingga mengilhamkannya sebagai pelukis, penyair, cerpenis, novelis adalah amat berharga. Kembara seni inilah yang mengikat Siti Zainon dalam dunia kesusasteraan sehingga beliau dapat merakamkan kisah manusia, alam yang terbentang luas dengan simbol permainan bahasa flora dan faunanya, dan memberikannya peluang pengalaman peribadi mengutip warisan leluhur sehingga dikenali tokoh budayawan. Segala kejayaan dan anugerah yang diraih oleh Siti Zainon akan dibincangkan dalam bab ini.

Bab 4 menganalisis prinsip transformasi dalam novel-novel Siti Zainon bersumberkan hipoteks antologi puisi dan cerpen berserta sumber hipoteks yang dikenal pasti.

Bab 5 menganalisis prinsip modifikasi dalam novel-novel Siti Zainon bersumberkan hipoteks antologi puisi dan cerpen berserta sumber hipoteks yang dikenal pasti.

Bab 6 menganalisis prinsip ekspansi dalam novel-novel Siti Zainon bersumberkan hipoteks antologi puisi dan cerpen berserta sumber hipoteks yang dikenal pasti.

Bab 7 merupakan bab kesimpulan ataupun dapatan kajian daripada keseluruhan kajian. Dalam bab ini akan diperincikan bagaimana teori intertekstualiti berserta tiga prinsipnya, iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi berjaya membuktikan bahawa wujud hipoteks (teks terawal) pengarang mendasari penulisan hiperteks (teks baharu), iaitu novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*.

BAB 2

TEORI INTERTEKSTUALITI

2.1 Pendahuluan

Bab ini memperkatakan tentang teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Perbincangan awal memperlihatkan sejarah kemunculan teori intertekstualiti dan sepuluh prinsip yang terdapat di dalamnya. Namun, fokus dalam menganalisis novel-novel Siti Zainon bertumpu kepada tiga prinsip intertekstualiti, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Bab ini akan membincangkan hubungan antara teks dan turut memperkatakan pendapat beberapa tokoh Barat yang pernah membahaskan teori intertekstualiti seperti Rolland Barthes, Michael Riffaterre juga tokoh tempatan seperti Mana Sikana dan Mawar Shafie. Rasional kewujudan tiga prinsip teori intertekstualiti ini dipilih juga turut dibincangkan.

2.2 Teori Intertekstualiti

2.2.1 Sejarah Kemunculan Teori Intertekstualiti

Sejarah kemunculan teori intertekstualiti bermula dengan teori dialogika. Teori dialogika diperkenalkan oleh Mikail Bakhtin pada tahun 1926. Bakhtin telah menggunakan perkataan *Dialogika* dalam bukunya *The Dialogic Imagination* (1996). Bakhtin atau nama sebenarnya Mikhail Mikhailovich Bakhtin dilahirkan di Rusia pada 17 November 1895. Pemikiran Bakhtin tentang falsafah bermula semasa beliau bertugas sebagai seorang guru di sebuah kota kecil di barat Rusia. Di sinilah idea dan pemikiran tercetus yakni semasa Bakhtin bergiat aktif dalam bidang kritikan, sastera, sejarah, antropologi, dan psikologi. Bakhtin telah dikaitkan dengan ahli formalis Rusia kerana banyak

melibatkan diri dalam bidang kesusasteraan. Tulisannya bukan sahaja dibincangkan oleh sarjana tapi turut diperkatakan dalam *Soviet Puppet Theatre* (Michael Gardiner, 1992:1)

Banyak karya sastera Rusia lahir namun sukar difahami sehinggalah teori ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memudahkan khalayak pembaca memahami karya-karya sukar tersebut. Bakhtin berpendapat bahawa semua karya sastera terhasil adalah berdasarkan dialog antara teks dengan teks-teks yang lain. Teori yang diperkenalkan oleh Bakhtin memperlihatkan wujudnya hubungan antara teks dengan teks yang lain. Bakhtin telah menggunakan asas teori dialogika sewaktu menganalisis karya-karya Fyodor Mikhailovich Dostoevsky yang berjudul *Problem of Dostoevsky Poetic* (1973) seperti *The Gambler*, *The Idiot* dan *The Brother's Karamazov*. Karya-karya tersebut sukar difahami oleh masyarakat walaupun melalui teori-teori sastera seperti formalisme yang berkembang ketika itu. Pendekatan formalisme Rusia yang berkembang ketika itu masih tidak dapat membantu masyarakat memahami karya Dostoevsky. Yang berikut merupakan pernyataan yang dikemukakan oleh Bakhtin dalam kajian yang dilakukan terhadap penulisan Dostoevsky:

“...the utterly incompatible elements comprising Dostoevsky’s material are distributed among several worlds and several autonomous consciousnesses, they are presented not within a single field of vision but within several fields of vision, each full and of equal worth; and it is not the material directly but these worlds, their consciousnesses with their individual fields of vision that combine in a higher unity...”

(Bakhtin, 1973:16)

Oleh itu, kemunculan teori ini diterima khalayak kerana teori ini dapat membuktikan atau menggambarkan bahawa semua karya yang telah dihasilkan adalah berdasarkan dialog di antara sesuatu teks dengan teks yang lain. Dalam erti kata lain, teori ini menegaskan bahawa suatu teks itu tidak dapat pasti dipengaruhi oleh teks-teks yang lain. Menurut Josue V. Harari (1979), “*Every text, being itself the intertext of another text, belong to the intertextual, which must not be confused with a text’s origins*”.

Menurut Bakhtin (1986:106-107), dialogika berlaku dengan adanya kemasukan unsur-unsur luar ke dalam sesebuah karya sastera. Pengarang mempunyai subjek, tema atau pemikiran yang hendak disampaikan dalam tulisannya. Namun begitu semuanya hanya dapat diadun menjadi karya sastera dengan adanya bantuan unsur-unsur luaran. Unsur-unsur luaran ialah apa sahaja yang dapat memberi sumbangan terhadap sesebuah karya sastera sama ada diperoleh daripada pengamatan, pembacaan dan peristiwa-peristiwa benar sebelum seseorang pengarang memulakan penulisannya.

Menurut Todorov (1994:34), dialogika terjadi melalui pembacaan dan pengalaman yang dilalui oleh seseorang pengarang. Pengarang biasanya banyak membaca dan ini mempengaruhi daya imaginasinya. Sewaktu membaca, pengarang akan berhadapan dengan peristiwa, latar, gaya bahasa, cerita dan pelbagai watak yang terdapat dalam sesebuah cerita. Walau bagaimanapun, Bakhtin tidak menafikan tentang pentingnya unsur-unsur struktur seperti tema, pemikiran, plot, perwatakan dan lain-lain.

Proses dialogika Bakhtin (1973:170-173) terbahagi kepada tiga tahap, iaitu pertama; proses pembacaan, kedua; proses pemahaman dan penilaian sementara tahap ketiga adalah proses penulisan. Tiga tahap proses dialog tersebut pertama adalah proses pembacaan. Proses pembacaan merupakan suatu kegiatan yang aktif, produktif dan dalam waktu yang sama boleh menghasilkan kegiatan dan tindak balas tertentu. Ketika membaca, fikiran, ingatan, perasaan dan pengalaman akan timbul dan bersatu dalam diri pembaca. Ketika ini juga berlaku proses penerimaan dan menolak isi karya yang dibaca. Dalam proses apresiasi dan menghayati karya sastera, pembaca berupaya untuk melakukan perbandingan serta pertimbangan terhadap apa yang dibacanya sama ada menerima atau menolaknya.

Kedua; melalui proses pemahaman dan penilaian yang merupakan lanjutan daripada proses pembacaan. Pemahaman dan penilaian berlaku ketika pembaca sedang membaca atau selepas membaca. Proses ini secara langsung berkaitan dengan aspek interpretasi dan pemaknaan. Pemahaman menjadi terbatas jika bahan yang dibaca tidak dihubungkan dengan teks luaran, sebaliknya pemahaman bertambah jika pembaca mengaitkan peristiwa dalam karya dengan pengalaman sendiri. Mesej dalam karya sastera tidak hanya disampaikan secara tersurat tetapi juga secara tersirat. Kebanyakan karya sastera mengandungi perkara tersurat yang memerlukan pemahaman dan penghayatan pembaca. Penggunaan lambang dan simbol dalam karya juga boleh menimbulkan makna yang pelbagai. Lantaran itulah pemahaman dan penilaian pembaca terhadap sesebuah karya sastera akan banyak bergantung kepada kemampuan pembaca menghubungkannya dengan aspek-aspek luaran termasuklah pengalaman dan sikapnya sendiri (Bakhtin, 1973:170-173).

Proses ketiga adalah proses penulisan yang meliputi proses mendapatkan idea, ilham, persediaan dan pengumpulan bahan serta hal-hal lain sebelum berlakunya proses penulisan. Tahap ini bermula dari terbitnya keinginan atau hasrat untuk menulis sehingga karya itu siap dihasilkan. Dalam proses ini, berlakulah dialog antara karya berkenaan dengan unsur-unsur yang terdapat di luar teks. Menurut Bakhtin (1976:104-105); pengalaman latar dan sosialisasi pengarang adalah teks luaran yang akan berdialog atau menyerap ke dalam teks yang dihasilkan itu. Unsur sosiobudaya biasanya memberikan kesan mendalam terhadap karya. Dialogika Bakhtin ternyata lebih menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastera dan selepas itu secara nalariah pula teks-teks luaran akan mengalir ke dalam karya yang dihasilkan.

Teori dialogika ini dapat dikesan dari tiga aspek, iaitu dialog yang berlaku dalam diri pengarang, dalam teks itu sendiri dan dalam diri khalayak atau pembaca. Pengarang dalam proses mengarang atau penulisan akan sentiasa menimbulkan dialog dengan teks yang lain. Sementara sesebuah teks pula akan berdialog dengan teks asing atau teks yang pernah dihasilkan yang mengakibatkan berlakunya perubahan, penentangan, peluasan dan sebagainya. Sementara pembaca atau khalayak pula, pembacaan terhadap sesebuah teks akan selalu menghubungkannya dengan teks-teks lain yang pernah dibacanya (Bakhtin, 1976:104-105).

Inti utama atau penegasan dialogika Bakhtin bahawa dalam setiap karya itu berlaku dialog yang menghubungkan antara teks dalaman dan teks luaran. Teks dalaman ialah aspek yang berkaitan dengan pembinaan sesebuah karya sastera seperti estetika,

imiginasi dan ilusi. Sementara teks luaran merupakan teks sosial yang berkait rapat dengan pengalaman pengarang, idealogi, sejarah, moraliti, budaya dan sebagainya. Oleh itu, sesebuah karya itu tidak dapat dipisahkan dengan teks sosial yang merupakan teks luaran. Sebagai contohnya, teks sosial itu mempunyai pengertian yang mencakupi fakta dan peristiwa sejarah. Malah setiap karya yang dihasilkan itu mempunyai unsur-unsur sejarahnya tersendiri seperti timbulnya hasrat untuk menulis, pengumpulan bahan dan semuanya itu mempengaruhi penulisan serta dianggap sebagai unsur sejarah kepada penghasilan karya tersebut.

Rumusannya, dalam teori dialogika Bakhtin, pengarang akan berdialog dengan teks itu sendiri, dirinya dan pembaca. Apabila timbulnya dialog antara teks dengan teks, ini akan mengakibatkan berlakunya perubahan, penentangan dan peluasan dalam karya yang sedang dihasilkan oleh pengarang. Ketiga-tiga aspek ini mungkin berlaku dari segi tema, dan persoalan, plot atau watak dan perwatakan. Oleh itu, hubungan antara struktur luaran dan struktur dalaman dalam sesebuah karya amat dititikberatkan dalam teori ini. Pernyataan ini bertepatan dengan pendapat Thomas A. Schmitz (2007) bahawa ayat-ayat yang digunakan oleh seseorang dalam pengucapan atau penulisan adalah saling berhubung kait di antara satu sama lain. Jika tiada pergantungan antara satu sama lain, ini akan mengakibatkan sesuatu ayat atau pengucapan itu menjadi suram dan tidak dapat dikembangkan. Beliau menegaskan:

“Language always works within certain situations, and utterances produce their significances within the context. The linguistic material alone is not enough determine whether a word or a sound is enthusiastic gloomy, ironical, threatening, or deferential; rather, this depends on a number of factors such as intonation, volume, the interlocutor, and prior utterances in the dialogue.”

2.2.2 Teori Intertekstualiti Julia Kristeva

Intertekstualiti berasal daripada perkataan Latin, *intertexto* yang dasarnya bermakna siratan benang sewaktu menenun (Mawar Shafie, 2010:32). Istilah intertekstualiti telah menggantikan dialogika dan diperkenalkan oleh Julia Kristeva melalui tulisannya, “*Le mot, le dialogue et le roman.*” Tulisan ini kemudian diterbitkan dalam *Critique* (April 1967) dan diulang cetak dalam *Semeiotike* dan diterjemahkan sebagai, *Word, Dialog and Novel*. Istilah ini dimasukkan ke dalam *Desire in Language : A Semiotic Approach to Literature and Art* (1980) dan *The Kristeva Reader*. Menurut Tzvetan Todorov, Julia Kristeva ialah orang pertama yang memperkenalkan istilah dialogika Bakhtin kepada masyarakat barat (Julia Kristeva (Edited) Toril Moi, 1986:34).

Julia Kristeva dilahirkan di Bulgaria pada tahun 1941 dan telah mendapat pendedahan awal dalam dunia kesusasteraan Perancis pada tahun 1965. Tahun-tahun 1965-1968 dikatakan era keresahan dan keghairahan intelektual dalam kalangan strukturalis seperti Lucien Goldmann, Barthes dan Levi Strauss (Guberman, 1996:5). Perkembangan ini banyak mempengaruhi pemikiran dan penulisannya. Akhirnya, Kristeva telah mengaplikasikan terjemahannya dengan menganalisis puisi dalam kajian disertasi kedoktorannya bertajuk *la Revolution du Language Poetique* pada tahun 1974. Kristeva telah menukar istilah dialogika kepada intertekstualiti yang bermaksud dalam teks ada teks yang lain dan setiap teks merupakan penyerapan dan transformasi antara satu sama lain (Julia Kristeva, 1980:66).

Kristeva berpendapat bahawa setiap teks terjalin hasil daripada kutipan, peresapan dan transformasi daripada teks-teks lain. Beliau menolak formalisme Rusia yang


menurutnya bersifat terbatas untuk memindahkan linguistik dan aplikasinya dalam menganalisis sesebuah teks. Oleh itu, kajian dialogika Bakhtin ke atas karya Doestoesky telah dikaji dan dipindahkan oleh Kristeva ke dalam *The Bounded Text*. Tulisan itu antaranya menyatakan bahawa pengarang tidak mencipta karya dari pemikiran asli mereka. Sebaliknya menghimpunkan teks-teks yang sedia ada, iaitu teks individu dan teks sosial. Sesebuah teks tidak bersifat individu atau objek yang terasing sebaliknya adalah himpunan teks kebudayaan. Namun, beliau sependapat dengan Bakhtin yang menjelaskan bahwa kebanyakan teks mempunyai hubung kait dan jalinan dengan teks-teks yang lain.

Menurut Kristeva (1980:15), istilah intertekstualiti telah digunakan secara meluas di benua Atlantik. Kajian intertekstualiti menurut Kristeva adalah cuba mengimbangi di antara teks dalaman dan teks luaran atau dengan perkataan lain intertekstualiti cuba memadukan antara unsur-unsur dalaman dengan unsur-unsur luaran. Oleh itu, dengan menggunakan teori ini, aspek sastera akan menjadi landasan kepada pembicaraan dan penelitian terhadap sesebuah karya kerana dasarnya intertekstualiti adalah merupakan pecahan daripada strukturalisme dan semiotik. Intertekstualiti ini menunjukkan wujudnya resapan dan penyerapan serta transformasi daripada teks-teks yang lebih awal.

Kristeva (1980:66) mentakrifkan intertekstualiti sebagai:

“... yet, what appear as a lack of rigor is an fact an insight first introduced into literary theory by Bakhtin: any text is contructed of mosaic of quotations, any text is the absorption and transformation of another. The notion of intertextuality replaces that or intersubjectivity, and poetic language is read as a at least double”

Pernyataan ini menunjukkan ‘wujud teks yang lain dalam sesebuah teks’. Kristeva berpendapat semua sistem tanda yang ada dalam sesebuah teks perlu dipindahkan dari sistem tanda yang lebih awal. Pembaca atau khalayak menyatukan petikan dengan teks utama bagi membentuk teks sebagai unit semiotik. (Rajah 2.1)



Rajah 2.1: Dasar Intertekstualiti Julia Kristeva
Sumber: Allen 1999

Kristeva juga menamakan intertekstualiti sebagai ruang antara teks yang diambil daripada sumber teks-teks yang lain dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Intertekstualiti adalah ruang yang terdiri daripada pelbagai ucapan yang saling bersilang, “...an intertextuality: in the space of given text, several utterances , taken from other texts, intersect and neutralize one another.”

(Kristeva, 1977:36)

Berdasarkan kenyataan ini, Kristeva berpendapat bahawa berdasarkan rumus intertekstualiti, proses kreatif seseorang pengarang bertolak dari teks yang lebih awal dengan melakukan beberapa pengubahan, penyerapan atau petikan. Kristeva melihat sesebuah teks terbina daripada pelbagai teks yang lebih awal dengan memasukkan apa jua proses yang berlaku seperti bagaimana dan mengapa proses itu dilakukan oleh

pengarang. Analisis sesebuah teks berdasarkan dikotomi unsur-unsur struktur (teks dalam) seperti tema, plot, latar, gaya bahasa dan unsur-unsur di luar struktur (teks luaran) seperti sejarah, budaya dan agama digembbleng bersama-sama. Untuk menganalisis sesebuah teks, unsur-unsur struktur dan di luar struktur wajar diambil kira. Proses ini bertujuan untuk mengimbangi hubungan antara teks dalam dan teks luaran.

Menurut Kristeva proses kreatif bagi seorang pengarang adalah perlu melihat teks yang lebih awal. Penilaian semula terhadap teks yang lebih awal oleh pengarang ini bukan bermakna pengarang telah ketandusan idea seperti kenyataan Mary Orr (2003:32), *Kristeva theory of intertextuality as permutation of texts, as her introduction of Bakhtin into French, is then best summed up as “strangers to ourselves.” The author is not dead, but in rememorian.*

Kristeva (1980:36) berusaha untuk menjelaskan bahawa sewaktu proses penulisan, pengarang akan mengambil komponen-komponen teks yang lain sebagai bahan dan dasar untuk dimasukkan ke dalam karya yang akan dihasilkannya. Semuanya itu diadun, disusun dan diberi pewarnaan mengikut kesesuaian dan jika perlu mungkin menambah supaya karya yang terhasil nanti akan lebih baik. Menurut Kristeva, kreativiti seperti ini diperlukan kerana setiap teks itu merupakan serapan dan transformasi dari teks-teks yang lain. Ini membuktikan sesebuah teks menurut pendekatan intertekstualiti merupakan teks yang mengandungi pelbagai teks di dalamnya.

Proses penyerapan idea ke dalam karya yang baru daripada teks yang dihasilkan sebelumnya menurut dialogika Bakhtin memang diperlukan dalam proses kreativiti seseorang pengarang (Todorov, 1985:22-24). Hal ini menjadikan proses penulisan seseorang pengarang itu akan sentiasa bertolak daripada latar atau sumber (hipogram), iaitu karya-karya yang sudah ada dan berlakulah beberapa penyesuaian, tafsiran, penambahan dan sebagainya. Kristeva (1980:36); karya sastera adalah wadah yang di dalamnya mengandungi kepelbagaian teks. Faktor kepelbagaian inilah yang akan menyebabkan berlakunya penurunan atau penentangan pendapat dalam kalangan pengarang mahupun khalayak.

Namun begitu, menurut Kristeva (1980:36), munculnya identifikasi atau kehadiran pelbagai teks dalam sebuah teks yang baru dihasilkan, tidak seharusnya disalahtafsirkan atau dikaitkan dengan istilah-istilah seperti ciplak, plagiarisme, epigon atau seumpamanya. Jelasnya, intertekstualiti bukan sahaja tertumpu kepada soal pengaruh dalam penciptaan karya sastera tetapi pendekatan ini lebih menitikberatkan komponen-komponen yang membina sesbuah teks seperti melihat transformasi, perubahan atau penentangan terhadap satu atau lebih sistem yang ada dalam sesbuah karya sastera itu termasuk dari sudut pengertiannya, simbolnya dan bentuknya sehingga mendorong seseorang itu berkarya.

Kristeva melanjutkan proses dialog Bakhtin dengan memasukkan dua paksi, iaitu paksi horizontal dan paksi vertikal. Paksi horizontal mewakili pengarang dan khalayak, sementara paksi vertikal adalah teks-teks (1980:69). Oleh itu dalam intertekstualiti Kristeva, latar belakang khalayak turut diambil kira untuk mereka menanggap dan

mentafsir makna teks. Intertekstualiti bukan hanya bergantung kepada faktor diri pengarang yang menghasilkan teks berkenaan. Namun kedua-dua hubungan paksi ini berkadar terus untuk memberi makna kepada teks yang dibincangkan. Pendapat Bakhtin, semua karya sastera yang dihasilkan adalah berdasarkan dialog antara sebuah teks dengan teks-teks lain. Hal ini menunjukkan hubungan antara sebuah teks dengan teks-teks yang lain.


2.2.3 Interpretasi Intertekstualiti Pelbagai Tokoh

Pelbagai interpretasi dikemukakan oleh tokoh-tokoh sastera tentang intertekstualiti. Menurut Roland Barthes (1985:31-32), intertekstualiti merupakan himpunan atau kombinasi pelbagai teks dalam sebuah teks. Barthes menegaskan cara seseorang itu membaca dan memberi makna terhadap teks yang dibacanya menjadi dasar interteks. Ini membuktikan bahawa karya sastera tidak hanya mempunyai makna yang satu, tetapi dan tidak berubah. Pengertian sesebuah karya tidak hanya boleh berubah mengikut tanggapan pembaca dan interpretasi pengarang. Intertekstualiti tidak hanya memberi makna yang berbeza tetapi juga boleh melahirkan pengertian yang baharu. Intertekstualiti terbina daripada masukan teks lain ke dalam teks dan terdapat juga kod dan tanda yang digunakan seperti yang berikut:

What established the text is not an internal, closed, accountable, structure, but the opening of the text into text, other code, other signs: what make the text is the intertextual.

(Roland Barthes, 1960:265)

Dalam kajiannya, Barthes (1977:78-82) berpendapat pengarang yang menghasilkan karya dengan menulis semula karya yang pernah dihasilkan oleh orang lain tetapi menurut tanggapan dan teknik yang diciptanya sendiri. Misalnya sastera rakyat yang dikatakan sebuah bahan milik bersama. Apabila tanggapan sebegini berlaku yakni sastera rakyat dikatakan milik bersama, maka intertekstualiti beranggapan bahan yang telah ada sebelumnya boleh dijadikan tema atau subjek sesebuah penulisan. Intertekstualiti menegaskan pengarang bebas mengolah semula bahan sastera rakyat menurut sikap, aspirasi dan tujuan pengarang (Rajah 2.2). Barthes menegaskan bahawa intertekstualiti sebagai suatu *mirage of citation, already written* (ingatan pada masa lalu yang mengaitkan hubungan dan pemaknaan kepada teks baru).




Rajah 2.2: Dasar Intertekstualiti Roland Barthes
Sumber: Allen 1999

Menurut Michael Riffaterre (1980), pembinaan karya dengan menggunakan teori intertekstualiti akan melibatkan unsur-unsur luar dan karya sastera tidak boleh dipisahkan dengan unsur-unsur luar seperti pendapatnya yang berikut;

The form of this system is dedicated by its first word, and its realism flows from the intertextual, conflict between, the explicit derivation and its implicit traditional derivation, normally a symbol of fantasies of luxury and pleasure.

(Michael Riffaterre, 1980:119)

Hakikat ini membuktikan bahawa wujud rujukan awal dan hubung kait idea daripada sumber awal akan melahirkan proses ke arah penulisan seterusnya. Maka berlakulah proses peresapan dengan pengubahan, peniruan, pertentangan dan sebagainya sehingga terhasil teks yang baharu. Walau bagaimanapun, setiap pengarang perlu mewujudkan proses pertimbangan tentang elemen penting yang perlu diambil kira dalam meletakkan kesesuaian dengan teks yang akan dihasilkan. Khalayak perlu mengatasi peniruan seperti yang dibahaskan dalam bukunya *Semiotics of Poetry* (1978:6). Berdasarkan kajian semiotiknya, Riffattere (1978:19) menegaskan bahawa teks sastera tidak bersifat peniruan. Teks menghasilkan makna berdasarkan transformasi wacana normatif sosial (sosiolect) dan ditransformasikan dengan menggunakan teknik *inversion, conversion, expansion, juxtaposition and ungrammaticality*. (Rajah 2.3)



Rajah 2.3: Dasar Intertekstualiti Michael Riffaterre
Sumber: Allen 1999

Gerald Genette (1997:1) berpendapat sesebuah karya sastera adalah bersifat unik dan tidak tulen dan merupakan *paradigmatic and syntagmatic*. Kenyataan ini terdapat dalam kajiannya “Structuralism and Literary Criticism” dalam *Figure of Literary Discourse* (1997). Genette telah mengemukakan pendapatnya tentang puitika strukturalis berdasarkan triloginya, iaitu *The Architext: An Introduction* (1992), *Palimpseste:*

Literature in the Second Degree (1997) dan *Paratexts: Thersholds of Interpretation* (1997) yang juga dikenali transtekstualiti, iaitu;

“..the textual transcendence of the text ... all that text sets the text in a relationship, whether obvious or concealed, with other texts..”


(Genette, 1997:1)

Genette (1997) memecahkan transtekstualiti kepada lima subjenis. Pertama, intertekstualiti, iaitu hubungan kehadiran bersama antara dua buah teks atau lebih dan kehadiran sebuah teks dalam sebuah teks lain. Intertekstualiti tidak lagi mengambil kira proses semiotik budaya dan pemaknaan tekstual. Malahan beliau berpendapat bahawa hubungan intertekstualiti yang pragmatik wujud antara unsur-unsur khusus dalam sesebuah karya.

Kedua, tanda awal sesebuah teks yang antara lain membantu penerimaan khalayak terhadap teks tersebut (*Paratexts: Thersholds of Interpretation*, 1997). Terdapat dua tanda, iaitu *peritext* yang mengandung unsur-unsur di dalam teks yang membalut teks seperti judul, judul bab, dan sebagainya. Kedua, *epitext* mengandungi unsur-unsur di luar teks seperti wawancara, publisiti dan lain-lain yang melalui tanda-tanda ini, khalayak dipandu bagaimana sesebuah teks itu dipersembahkan dan mengapa perlu dibaca.

Ketiga, apabila sesebuah teks dihubungkan dengan sebuah teks yang lain berdasarkan sesebuah ulasan (metatekstualiti). Keempat, hipertekstualiti, iaitu hubungan teks B, hiperteks dengan teks A, iaitu teks asal yang lebih awal atau hipoteks. Hipoteks

atau *inter-text*, teks yang merupakan sumber pemaknaan utama untuk sebuah teks atau yang dikembangkan menerusi parodi atau terjemahan. Kelima, Genette menamakan arkitektualiti, iaitu satu bentuk pengkajian kesusasteraan berdasarkan beberapa cabang penjenisan, antaranya wacana atau genre kesusasteraan. Beliau menyatakan tentang perlunya dasar binaan tanpa perubahan atau sekurang-kurangnya perkembangan yang perlahan. Genette menggunakan perspektif baharu yang dipercayai dapat menghuraikan isu puitika dengan menggunakan istilah *textual transcendence* atau transtekstualiti (Rajah 2.4)



Rajah 2.4: Dasar Intertekstualiti Gerald Genette
Sumber: Allen 1999

Menurut Teeuw (1984:145), intertekstualiti melihat sebuah karya dalam keseimbangannya antara aspek dalaman dengan aspek luaran. Teks sastera harus dibaca dengan mengetahui latar belakang teks lain kerana kelahiran teks kebanyakannya menerima pengaruh daripada teks lain. Dalam sebuah teks wujud unsur transformasi, penyimpangan dan penolakan daripada teks terdahulu. Unsur luaran yang hadir sewaktu pengarang menulis akan mewarnai karya tersebut. Menurutnya lagi dalam kajian intertekstualiti, aspek cerita menjadi komponen yang amat jelas dan ketara. Kemunculan cerita dalam teks mudah dikesan daripada sudut cerita, iaitu sama ada secara fizikal atau secara samar seperti yang pernah dibaca dari cerita di tempat lain. Hal ini wujud kerana kemungkinan tema dan persoalan yang diungkapkan itu menarik perhatian pengarang

kedua. Berkemungkinan juga pengarang kedua tidak menyedari telah wujud karya seperti itu sebelumnya

Menurut Mawar Shafie (2010:31), intertekstual wujud apabila pengkritik melihat makna sesebuah teks tidak dapat berdiri dengan sendiri dan makna mula bersifat rencam-tafsiran. Di sini, pembacaan yang dilakukan oleh khalayak dianggap sebagai suatu wadah menghubungkan antara teks-teks tersebut. Teks-teks yang terlibat itulah interteks yakni teks sastera dibina daripada beberapa sistem, kod dan tradisi yang diperkuuhkan oleh teks yang lebih awal. Sistem kod dan tradisi itu berhubung rapat dengan makna yang ditafsir. Proses utama intertekstualiti wujudnya “dialog antara teks” atau “wujud teks dalam sesebuah teks”. Mawar (2010:58), telah menggunakan istilah hipoteks (teks awal) dan hiperteks (teks terkini) untuk menunjukkan kewujudan intertekstualiti dalam sesebuah karya.

Kesimpulannya dalam memperkatakan intertekstualiti, Bakhtin melihat melalui dialogik dalam kesusasteraan wujudnya jaringan hubungan antara pengucapan lalu dengan pengucapan kini. Julia Kristeva melihat bahawa teori intertekstualiti menunjukkan kewujudan teks dalam sesebuah teks yakni fenomena *vraisemblable* atau tautan (dialog) antara dunia imaginasi atau kreativiti (teks dalaman) dengan dunia realiti (teks luaran).

2.3 Kaedah Intertekstualiti

Menurut Julia Kristeva (1980:60-63) dalam bukunya *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*, teori intertekstualiti mempunyai prinsip dan kaedah yang tersendiri dalam mengkaji dan meneliti sesebuah karya sastera. Pertama; intertekstualiti melihat hakikat sesebuah karya tersebut yang di dalamnya terdapat pelbagai teks. Kedua; intertekstualiti menganalisis sesebuah karya itu berdasarkan aspek yang membinaanya (unsur-unsur sastera) seperti tema, plot, watak, bahasa dan, unsur-unsur di luar sastera seperti unsur sejarah, budaya, agama dan lain-lain yang menjadikannya sebahagian daripada komposisi teks. Ketiga; intertekstualiti mengkaji perseimbangan antara aspek dalaman dan luaran dengan melihat fungsi dan tujuan kehadiran teks-teks tersebut.

Keempat, intertekstualiti juga menyebut bahawa sesebuah teks itu tercipta berdasarkan karya-karya yang lain sewaktu menulis, membaca atau menilainya. Seseorang itu akan menghubungkan teks di hadapannya dengan teks yang lain. Hubungan dan perkaitan antara teks itu akan melahirkan satu pengertian, kefahaman, apresiasi, kekaguman atau menolaknya sama sekali. Dengan perkataan lain, kajian tidak hanya tertumpu kepada teks yang ditulis atau dibaca atau dikaji. Intertekstualiti juga melihat hubungan, kesinambungan, urutan, persamaan, kesejajaran, perpecahan dan sebagainya ketika berhadapan dengan sesebuah teks itu. Kristeva mengingatkan bahawa pengarang ialah manusia dinamik yang sentiasa ingin mengubah apa sahaja yang dibacanya dan sentiasa cuba memadatkan teks-teks yang dihasilkannya. Hakikatnya kepengarangan ini sebenarnya bukan sesuatu yang luar biasa. Ia telah menjadi isi penciptaan pengarang yang ingin mencari sesuatu yang baru dan bermakna dalam penciptaannya.

Kelima, intertekstualiti melihat pengertian teks terutamanya yang hadir dalam sesebuah karya sastera itu, bukan semata-mata pada bahan cerita tetapi juga pada aspek-aspek struktur dan komponen yang membina karya itu termasuk aspek bahasa. Intertekstualiti menghargai ambilan-ambilan kehadiran atau kemasukan unsur-unsur tersebut sama ada diatur secara sedar atau sebaliknya oleh pengarang ketika menghasilkan sesebuah karya.

Berdasarkan prinsip dan kaedah intertekstualiti yang dikemukakan oleh Kristeva, beberapa rumusan boleh dibuat. Pertama; teori ini ternyata mempunyai kaedah atau metodologi tersendiri. Kaedah ini berjaya meneliti dan melihat sastera sebagai hasil kesusasteraan merupakan suatu proses pengolahan, pembinaan dan perceraian daripada percantuman dua aspek, iaitu dalaman dan luaran yang saling membantu untuk membentuk sesebuah karya. Kedua-duanya mempunyai peranan dan fungsi yang sama penting dan aspek luaran digunakan untuk memperkuat dan memperindah sesebuah karya.

Kedua; intertekstualiti juga melihat adanya pelbagai bentuk kehadiran sesebuah teks yang menjadi landasan kepada motif dan aspirasi pengarang. Pengambilan dan penggunaan teks luaran jelas menunjukkan kesediaan pengarang untuk memperkuuh karyanya dan dalam waktu yang sama berkemungkinan untuk memperlihatkan penolakan terhadap idea, makna dan sebagainya yang bertentangan dengan fahaman dan aspirasi kepengarangannya. Manakala ketiga; apabila mendapati wujudnya kemasukan teks luaran yang boleh mempengaruhi karya, intertekstualiti menjadi penting untuk melihat faktor luaran itu telah digunakan. Proses pengambilan, penambahan, perombakan dan


penentangan terhadap teks luaran boleh mempengaruhi dan menentukan corak dan jenis karya. Juga menunjukkan mekanisme atau metode yang diaplikasi atau diterapkan yang memperlihatkan konsep dan ideologi yang dipegang oleh pengarang. Proses intertekstualiti tidak dapat dipisahkan dengan hasrat, aspirasi dan ideologi pengarang, maka penelitian sesebuah teks akan mencerminkan sikap dan aspirasi pengarang.

Rumusan intertekstualiti menurut Kristeva, setiap teks terbina hasil daripada himpunan, peresapan dan transformasi beberapa teks lain. Beberapa ciri penting intertekstualiti yang diberikannya seperti kebanyakan teks mempunyai hubungan ikatan dan jalinan dengan teks lain, mengimbangi antara teks dalaman dengan teks luaran, memadukan unsur dalaman dan unsur luaran dan aspek struktur menjadi landasan pembicaraan dan penelitian bagi sesebuah karya. Aspek bahasa merupakan satu aspek intertekstualiti yang dapat dikesan dan mudah berlaku. Kristeva menjelaskan pengertian teks tidak hanya terbatas kepada cerita dan persoalan tetapi juga melibatkan aspek bahasa. Bahasa sebagai alat pengarang untuk melahirkan imaginasi, pemikiran dan persoalan. Setiap pengarang mempunyai gaya bahasa tersendiri dan biasanya dipengaruhi latar belakang bacaan, pengetahuan dan pendidikan. Gaya penulisan pengarang mencerminkan identitinya setelah beberapa karya dihasilkan. Maka terdapat dalam kalangan pengarang yang menggunakan gaya teks luaran untuk mengekalkan suasana, sejarah dan tradisi pengkaryaan dalam karya yang dihasilkan.

2.4 Prinsip Intertekstualiti

Menurut Abdul Rahman Napiah (1994, xxiv), Bakhtin dan Kristeva telah mengemukakan sepuluh prinsip dalam teori intertekstualiti yang terdapat dalam sastera dan manifestasi

yang terbayang dalam cara penulisan oleh seseorang pengarang itu. Prinsip yang diutarakan oleh Bakhtin dan Kristeva lebih merupakan proses intertekstualiti yang terjadi terhadap sesuatu karya yang dihasilkan oleh pengarang berdasarkan sepuluh prinsip intertekstualiti (Rajah 2.5). Sepuluh prinsip tersebut adalah transformasi, modifikasi, ekspansi, demitefikasi, haplologi, ekserp, paralel, konvensi, eksistensi dan defamiliarisasi



Rajah 2.5: Prinsip Intertekstualiti

Menurut Teeuw (1983:67), setiap teks sastera yang dibaca dan harus dibaca dengan latar belakang teks-teks yang lain. Berdasarkan teori intertekstualiti jelas menunjukkan bahawa setiap teks yang terlibat mempunyai perkaitan yang kukuh dengan

teks yang lain. Jika diteliti didapati sebenarnya tidak ada teks yang benar-benar mandiri. Proses penciptaan dan pembacaan sesebuah teks tidak dapat dilaksanakan tanpa wujudnya kemasukan teks-teks lain sebagai contoh, teladan dan kerangka. Pemahaman teks-teks yang baharu amat memerlukan latar belakang pengetahuan berhubung teks-teks yang mendahuluinya. Berdasarkan sepuluh prinsip intertekstualiti, perbincangan dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga prinsip sahaja yang dilihat mendominasi kedua-dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi.

2.4.1 Transformasi

Transformasi bermakna pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks lain. Pemindahan dan penukaran berlaku dalam pelbagai teks sama ada secara formal atau abstrak. Secara formal bermakna pemindahan sepenuhnya atau hampir sepenuhnya (sebahagian sahaja), daripada sebuah teks kepada sebuah teks yang lain. Umar Junus (1988:89) menyebut pemindahan itu sebagai transformasi fizikal. Transformasi secara fizikal merupakan pemindahan dari segi pola dan jalinan penceritaan dialog, budaya dan bahasa. Pemindahan secara abstrak pula dapat dilihat apabila sesuatu idea yang berbentuk *aforisme* meresap daripada sebuah teks kepada sebuah teks lain.


Menurut Kristeva (1980:65) berpandukan pendapat Bakhtin terlihat dalam petikan yang berikut:

“... Bakhtin situates the text within history and society, which are then seen as texts read by the writer, and into which he inserts himself by rewriting them. Diachrony is transformed into synchrony, and in light of this transformation ...”

Hal ini menunjukkan bahawa dalam perbincangan sesebuah teks, ada teks lain yang dimasukkan bersama-sama ada secara fizikal atau sepenuhnya ataupun hanya sebahagian sahaja yang difikirkan sesuai dan kurang sesuai. Manakala teks yang difikirkan kurang bertepatan atau bersesuian akan dihapuskan atau tidak dipedulikan oleh pengarangnya. Oleh itu, teks yang ditulis semula dan disesuaikan untuk diberikan makna teks yang baharu bergantung kepada proses penulisan untuk membentuk struktur yang lain. Secara tak langsung melalui proses ini yang dilakukan oleh pengarang, maka berlakunya proses penyerapan dan pemindahan yang dikenali transformasi. Proses transformasi dapat dilihat dalam Rajah 2.6.

Transformasi formal seperti yang diperkatakan oleh Umar Junus, berlaku apabila wujudnya pemindahan dari segi pola penceritaan dan corak penceritaan dialog, watak atau sebagainya yang boleh dikenal pasti tanpa melihat atau merujuk mana-mana teks yang lain. Transformasi bukan formal pula melibatkan hal-hal yang tidak jelas kelihatan pada mata kasar dan di sini berlaku peresapan daripada teks lain ke dalam teks yang ditulis. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kedua-dua transformasi ini berlaku ekoran kebijaksanaan pengarang menggunakan kreativiti masing-masing. Transformasi juga boleh berlaku dalam bentuk penjelmaan semula sama ada penjelmaan melalui tema, persoalan ataupun struktur lain yang terlibat. Penjelmaan semula kelihatan seolah-olah berlakunya elemen plagiat dalam karya yang ditulis. Namun disebabkan oleh kreativiti pengarang yang pelbagai, hal ini telah menjadikan karya yang berhasil tidak menampakkan sebagai plagiat tetapi wujud sebagai idea pengarang secara tidak langsung

ataupun secara spontan. Apa yang penting karya yang terhasil tidak meniru mana-mana gaya pengarang yang lain.



Rajah 2.6: Prinsip Intertekstualiti – Transformasi


2.4.2 Modifikasi

Modifikasi bermaksud penyesuaian, perubahan dan pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Intertekstualiti melihat dalam proses modifikasi ini, berlaku penyesuaian, pembaikan dan pelengkapkan terhadap teks yang hadir. Proses modifikasi ini sering berlaku terhadap aspek pemikiran, tokoh, plot cerita dan gaya dalam sesebuah karya. Partini Pradotokusumo (1986:63) berpendapat, modifikasi adalah pengubahsuaian yang membawa pengertian manipulasi kata dan urutan kata dalam sesuatu kalimat. Sesebuah teks yang hadir dalam teks yang dibuat pengubahsuaian sama ada dibaikkan atau diperlengkapkan daripada cerita asal. Lazimnya modifikasi berlaku disebabkan

timbulnya keinginan pengarang untuk menempatkan sesebuah teks yang sesuai ke dalam teksnya sama ada perubahan separa, setengah ataupun sebahagian daripada cerita asal mengikut kehendak masyarakat, budaya, politik dan pemikiran khalayak.

Bagi merealisasikan keinginannya, setiap pengarang dalam proses penciptaan karya baharunya, penelitian terhadap hipoteks akan dijalankan terlebih dahulu. Proses ini penting untuk mengenal pasti sama ada perubahan yang akan dibuat berbentuk perubahan separa, setengah ataupun sepenuhnya untuk dibuat penyesuaian, perubahan dan pindaan. Seterusnya pengarang akan mencantumkan idea yang diperoleh dengan idea asal pengarang. Keutamaan akan diberikan oleh pengarang sama ada penyesuaian, perubahan, dan pindaan secara keseluruhan ataupun sebahagian. Ini bergantung kepada kesediaan sumber tersebut selepas pengarang membuat pertimbangan dan penilaian.

Proses penilaian ini penting untuk membantu pengarang dalam pengolahan idea semasa menulis. Semasa proses modifikasi berlaku, pengarang akan mengubah suai idea yang terhasil dan memasukkan idea tersebut di tempat yang difikirkan sesuai dengan plot cerita. Dalam hal ini, jalinan cerita dalam bentuk pelbagai sama ada secara penuh atau separa adalah bergantung kepada kreativiti pengarang. Prinsip modifikasi dapat dilihat dalam Rajah 2.7



Rajah 2.7: Prinsip Intertekstualiti – Modifikasi

2.4.3 Ekspansi

Ekspansi merupakan peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Proses peluasan dan pengembangan berlaku apabila pengarang memperoleh idea atau ilham semasa mewujudkan teks baharu. Idea daripada hipoteks karya awal yakni teks pengarang itu sendiri atau mungkin juga terdiri bahan bacaannya seperti teks tradisional, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif mewujudkan hiperteks dalam karyanya. Oleh itu, semua hipoteks yang terlibat ini menjadi subjek utama kepada pengarang teks. Dalam proses perluasan dan penambahan. Prinsip ini digunakan oleh Kristeva dan kemudiannya diterapkan oleh Rifatere sewaktu meneliti puisi moden Perancis (Rifatere 1978:5-6). Dalam perkembangan cerpen dan novel di Malaysia cerpen “Cengal Batu” telah diolah oleh pengarangnya Azizi Haji Abdullah menjadi sebuah novel berjudul *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Cerpen “Nafsu” dalam antologi *Debu Merah* karya Shahnon Ahmad merupakan hipoteks kepada novelnya *Terededah*. Perubahan wujud dan terlihat dari segi nama watak.

Menurut Mary Orr (2003:26-27), Kristeva berpendapat bahawa ekspansi berlaku apabila berlaku operasi secara paksi mendatar dan menegak yang melibatkan dua watak yang terlibat:

For Kristeva, the novel exteriorizes his linguistics dialogue and is as the same time the expansion of the horizontal and vertical axes above through two interconnected operations of the translinguistics.

Proses ekspansi dilakukan oleh pengarang apabila idea yang muncul dalam fikirannya dibuat penyesuaian dengan teks yang diambil dari luar. Maka di sinilah berlakunya proses peluasan dan pengembangan sama ada terhadap aspek plot cerita, watak, latar, peristiwa dan sebagainya. Proses ini akan melibatkan penambahan idea kepada hipoteks yang menjadi pilihan pengarang. Bertitik tolak daripada penambahan idea yang hadir, pengarang dengan menggunakan kreativiti akan membuat pengembangan dan peluasan di bahagian yang difikirkan sesuai untuk ditempatkan idea tersebut.


Menurut Riffaterre, ekspansi juga berlaku disebabkan wujud konflik hipogram ataupun konflik dalaman pengarang hiperteks.

In all of these categories we will find that the semiotics producing ungrammatical contents result from intertextuality, the text either being built on conflicting hypograms or containing conflicting expansion.

(Riffaterre, 1978:115)

Karya sastera akan menjadi bertambah dan kemungkinan plot juga berubah apabila kegiatan pegembangan dilakukan. Ekspansi ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap hipoteks yang dibaca. Ini penting supaya pengembangan yang dibuat tidak menampakkan cerita yang dibuat tiada perkaitan dengan teks asal. Sebaliknya apabila teks asal tidak dijadikan panduan asas, maka proses peluasan akan berjalan dalam keadaan yang lompong. Di sini akan terlihat tiada wujudnya kesatuan idea dan kesinambungan dengan teks asal. Hipoteks masih diperlukan walaupun proses pengembangan dan peluasan dalam teks baharu wujud. Malahan hipoteks ini akan menjadi teras sebagai idea asal untuk melahirkan ilham yang baharu kepada pengarang.

Walau bagaimanapun, hipoteks yang menjadi sandaran atau rujukan kepada pengarang bukanlah sepenuhnya. Rujukan tersebut hanyalah menjadi idea sampingan dalam melahirkan karya pengarang yang lebih bermakna berdasarkan sumber asal yang dirujuk. Melalui proses ini, maka seseorang pengarang boleh melakukan proses pengembangan berdasarkan sumber sebenar. Prinsip ekspansi ini dilaksanakan oleh pengarang apabila mendapati idea yang wujud dalam dirinya boleh dibuat penyesuaian dengan teks yang diambil dari luar. Misalnya melalui proses pengembangan dan peluasan terhadap aspek penceritaan, watak, latar, peristiwa dan sebagainya. Proses ekspansi ini melibatkan berlakunya penambahan idea kepada hipoteks yang dipilih oleh pengarang. Seterusnya melalui penambahan idea ini pengarang akan membuat pengembangan dan peluasan di mana-mana bahagian plot yang difikirkan sesuai. Prinsip ekspansi ini dapat dilihat dalam Rajah 2.8.



Rajah 2.8: Prinsip Intertekstualiti - Ekspansi

2.4.4 Demitefikasi

Menurut Mana Sikana (2005:120), demitefikasi membawa maksud menentang karya yang mundur lebih awal. Proses ini melibatkan usaha-usaha penentangan terhadap pengertian teks yang asal. Proses ini melibatkan soal pemahaman pengarang terhadap teks yang asal dan mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan terhadap teks. Teks baru (hiperteks) yang terhasil kesan daripada proses ini membawa pengertian baru dan berlainan daripada teks asal. Proses ini berbeza dengan sistem yang lain kerana langkah-langkah yang digunakan untuk menentang pengertian sesebuah teks mempunyai ciri-ciri tertentu dan lebih radikal.

2.4.5 Defamiliarisasi

Defamiliarisasi bermaksud usaha pengarang untuk melahirkan unsur-unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibacanya seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dengan tujuan untuk memberi penekanan atau pengertian baru. Menurut Mana Sikana (2005:121), perubahan dalam defamiliarisasi bertujuan untuk memberi penekanan atau pengertian yang baharu.

Ada kalanya penyimpangan atau perubahan terhadap teks itu jauh berbeza dan ada kalanya dilebih-lebihkan.

Pembacaan terhadap teks asal memberikan ilham untuk memasukkan unsur-unsur luar biasa dari segi struktur penceritaan ataupun teknik. Unsur-unsur luar biasa ini menimbulkan pemahaman dan pengertian yang baru daripada teks yang asal. Sering kali juga unsur-unsur luar biasa sukar diterima dan sukar difahami. Ada juga yang membuatkan teks asal telah dirombak secara berlebih-lebihan sehingga kelainan yang nyata dari teks yang asal kepada teks yang baru. Idea asal juga sudah tidak dapat dikenal pasti kerana berlaku rombakan besar-besaran. Istilah ini digunakan oleh Bakhtin dan dalam bahasa Rusia disebut '*qstraneniye*'. Golongan formalisme Rusia turut menggunakan yang secara literal bermakna unsur luar biasa dalam sastera.

2.4.6 Haplologi

Menurut Mana Sikana (1994:xxv), haplologi iaitu pengguguran, penghilangan, peninggalan, dan pembuangan. Pengarang tidak menggunakan semua teks yang dihadirkan dan dengan ini berlaku peninggalan, kehilangan dan pembuangan. Proses ini sekali gus terjadi dalam pemilihan, penyuntingan dan hal ini bertujuan untuk penyesuaian keharmonian karya yang diolah. Dalam karya terjemahan juga wujud unsur haplologi ini. Misalnya *Salina* teks asal berbeza dengan *Salina* yang terjemahkan oleh Harry Aveling, ke dalam bahasa Inggeris. Begitu juga novel *Saga* teks asal yang digugurkan beberapa peristiwa yang tidak bermoral pada edisi selanjutnya dan teks terjemahan kerana menghadapi pelbagai kritikan. Dalam proses pembacaan dan penelitian sesebuah karya

tertentu akan berlaku penerimaan dan penolakan terhadap beberapa perkara dalam sesebuah karya.

2.4.7 Ekserp

Ekserp merupakan istilah yang telah digunakan oleh Partini Sardjono Pradotokusumo dalam tesisnya “Kakawin Gajah Mada: Sebuah Karya Sastera Kekawin Abad ke-20, suntingan Naskhah serta Telaah Struktur, Tokoh dan Hubungan Antarteks” (1986) Ekserp ialah teks yang digunakan sama atau mungkin sama dengan inti sari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek daripada hipogram atau tipa induknya.

Persamaan ini terjadi sepenuhnya ataupun berlakunya guntingan beberapa episod daripada hipogram dan disesuaikan dengan episod-episod tambahan yang baru. Unsur ini banyak terdapat dalam cerita Panji yang merupakan satu stereotaip daripada teks asal tetapi ada sedikit perbezaan. Misalnya *Syair Anggerini* dan *Hikayat Cekel Waneng Pati*, *Ramayana* versi Melayu dengan *Ramayana* versi Hindu. Dalam kesusasteraan Melayu moden boleh dilihat pelukisan watak dan kehidupan Pak Hassan dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dengan watak Pawang Kri dalam novel *Arus* karya Anwar Ridhwan.

2.4.8 Paralel

Paralel bermaksud antara satu teks dengan teks lain itu berlaku persamaan atau kesejajaran. Menurut Abdul Rahman Napiah (1994:xxv), prinsip ini ada kaitannya dengan konsep sastera yang mempunyai unsur universal, yang memperlihatkan unsur-

unsur keselarian dan kesejajaran teks dalam sesebuah teks. Misalnya dalam trilogi Arenawati *Bunga Dari Kuburan*, *Kuntum Tulip Biru* dan *Sakura Mengorak Kelopak* yang saling berkaitan dan mempunyai persamaan dan kesejajaran.

2.4.9 Konversi

Konversi menurut Riffaterra dalam Allen (2000:115) merupakan pemutarbalikkan tipa induk atau hipogram atau penentangan terhadap teks yang asal (lebih awal). Pemutarbalikkan yang berlaku dalam konversi ini tidak sama dengan apa yang dibawa makna oleh demitefikasi. Konversi ini tidak menunjukkan berlakunya perubahan yang ketara dan tidak juga berlaku perubahan yang agresif. Teks yang asal masih dijadikan panduan sebelum dibuat pemutarbalikkan terhadap isu yang ditulis. Malahan, pemutarbalikkan teks daripada teks awal menunjukkan pengarang masih lagi berminat dan berpegang kepada idea-idea yang sebelumnya.

Menurut Siti Hawa Salleh (2003:91), konversi sebagai ‘*travesti*’ yang bermaksud memutarbelitkan sesuatu fakta atau maklumat dengan cara mempermain-mainkan fakta tersebut. Kebiasaananya maklumat yang diputarkan itu ialah maklumat yang dimuliakan, yang selama ini dipercayai atau diterima oleh masyarakat sebagai benar. Nyata pengarang mengharapkan dengan menggunakan prinsip konversi atau pemutarbaikan tipa induk, khalayak dapat didedahkan dengan dilema bagi menerima versi yang baharu atau terus memegang kepada kepercayaan yang lama.


2.4.10 Eksistensi

Eksistensi merupakan satu prinsip yang penting dalam teori intertekstualiti dan prinsip ini banyak digunakan oleh Elaim (1980) dalam kajian dramanya. Eksistensi ialah unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya berbeza dengan teks hipoteks. Eksistensi juga berlaku melalui penambahan episod- episod dalam teks yang baru. Penambahan episod ini kadang-kadang tidak melibatkan proses penyambungan cerita daripada teks yang asal dan berlaku juga episod yang dicipta itu tiada berkaitan langsung dengan teks yang asal. Ia hanya sebahagian daripada episod tambahan idea pengarang. Hal ini menunjukkan idea yang tiba tiada kena mengena dengan teks lama. Namun, subjek asalnya masih lagi melihat hipogram sebagai pencetus idea pengarang (Mano Sikana 1998:204).

2.5 Rasional Penggunaan Teori dan Prinsip

2.5.1 Rasional Penggunaan Teori

Kajian ini dilakukan berdasarkan teori intertekstualiti Julia Kristeva. Teori ini dijadikan asas rujukan memandangkan kewajaran teori ini. Teori intertekstualiti melihat kedua-dua kemasukan unsur sama ada unsur luaran mahu pun unsur dalaman. Teori ini melihat sesuatu sebagai kesatuan yang bertumpu kepada pengarang, khalayak dan karya. Oleh itu, ketiga-tiga prinsip teori intertekstualiti, iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi wajar digunakan dalam menganalisis novel-novel Siti Zainon Ismail untuk melihat dialog yang berlaku antara teks. Model analisis kajian yang digunakan merujuk Rajah 2.9



Rajah 2.9: Model Analisis Kajian

Model analisis ini terbentuk apabila wujud hubungan yang erat antara pengarang, khalayak dan karya. Dalam kajian ini, sumber asal perlu dirujuk untuk membuktikan kewujudan hiperteks berpunca daripada sumber hipoteks yang diambil oleh pengarang dalam proses kreativitinya. Apabila sumber yang dirujuk terbukti tepat dalam mengutarakan amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang, maka di sinilah peranan ketiga-tiga prinsip dalam teori intertekstualiti berfungsi atau dapat memainkan peranan, Secara tidak langsung proses transformasi, modifikasi dan ekspansi pun berlaku. Kriteria inilah yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam menganalisis novel-novel Siti Zainon Ismail.

Teori intertekstualiti membuktikan bahawa pengarang membina teks sendiri berasaskan kepada teks-teks lain (sumber yang dirujuk). Hal ini kerana karya sastera

menurut Dresden dalam A. Teeuw (1992: 67), adalah sebagai “dunia dalam kata” yang mempunyai kebulatan makna intrinsik yang hanya dapat digali daripada karya itu sendiri. Begitu juga makna unsur-unsur karya itu hanya dapat difahami dan dinilai sepenuhnya atas dasar pemahaman tempat dan fungsi unsur itu dalam keseluruhan karya tersebut. Hakikatnya, sesuatu teks menyebabkan seseorang pembaca dapat memberikan makna kepada teks itu dan hakikat makna yang diberikan bergantung kepada kesanggupan yang ada dalam diri pembaca. Pertama, pembaca mesti menemukan beberapa unsur yang dapat merumuskan sistem daripada teks yang dibacanya. Hal ini mesti dilengkapi oleh kesanggupannya untuk menginterpretasikan unsur-unsur itu dalam rangka suatu sistem, atau paling kurang kesanggupannya untuk mencurigai adakah kemungkinan makna tertentu pada unsur-unsur tersebut.

Kemungkinan ini dipermudahkan oleh dua hal, iaitu pertama; kesanggupan pembaca untuk menghubungkan makna dengan fenomena sosiobudaya sehingga kewujudan sistem tadi dapat dianggap sebagai bahagian daripada sistem sosiobudaya. Kedua; kesanggupan pembaca untuk menghubungkan makna dengan fenomena dalam karya sastera sebelumnya. Dengan cara ini pembaca akan dapat memtafsirkan serta memberikan makna pada sesuatu unsur dalam sesebuah karya sastera. Seterusnya pembaca dapat menyelesaikan kekusutan (*to disentangle*) yang memang ada pada suatu karya sastera kerana karya itu memang merupakan satu jaringan. Secara tidak langsung, karya tersebut dapat dilihat sebagai sistem unsur-unsur yang bersifat tanda (*sign*) yang mempunyai makna, meskipun ada di antaranya yang tidak mempunyai erti. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa teori intertekstualiti dengan pengaplikasian prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi dapat membuktikan novel-novel Siti Zainon

Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* terhasil daripada sumber-sumber hipoteks terdahulu.

2.5.2 Rasional Pengaplikasian Tiga Prinsip

Kajian ini hanya mengaplikasikan tiga prinsip daripada sepuluh prinsip yang terdapat dalam teori intertekstualiti. Prinsip tersebut ialah prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi. Pemilihan ketiga-tiga prinsip ini berdasarkan kewujudan ketiga-tiga prinsip ini secara dominan dalam novel-novel Siti Zainon Ismail berbanding dengan tujuh prinsip yang lain. Hal ini dapat dikesan kerasionallannya berdasarkan hiperteks novel pertama Siti Zainon bertajuk *Pulau Renik Ungu* (1995) dan hiperteks kedua novel *Delima Ranting Senja* (2009). Penggunaan ketiga-tiga prinsip ini jelas dilakukan oleh Siti Zainon Ismail berdasarkan beberapa buah antologi cerpen dan puisi beliau.

Berdasarkan novel *Pulau Renik Ungu* pengarang memasukkan beberapa hipoteks daripada antologi *Bunga Putik Putih* (1991) seperti cerpen “Kau Masih di Laut Erick?”, “Karangan Pulau”, dan “Episod Inderajati”. Daripada antologi cerpen *Rindu Pala Muda* (2005) seperti cerpen “Musim Gugur Pertama”, dan “Antara Dua Pulau”. Pengarang juga menggunakan hipoteks novel *Pada Sebuah Kapal* (1984). Pengarang turut mengambil hipoteks puisi seperti “Perkasihan Subuh” daripada antologi puisi *Perkasihan Subuh*.

Berdasarkan kreativiti pengarang juga berjaya memasukkan ketiga-tiga prinsip intertekstualiti ini dalam novel kedua, iaitu *Delima Ranting Senja* (2009). Ketiga-tiga prinsip ini jelas kelihatan sama ada secara keseluruhan teks seperti cerpen “Mar ...”

daripada antologi cerpen *Atar dari Lembah Mawar* atau “Kayu Bersurat” dalam *Gebang Seni* ke dalam novel *Delima Ranting Senja*, atau sebahagian teks seperti cerpen “Antara Dua Pulau” dan “Pala Muda” daripada antologi cerpen *Rindu Pala Muda* juga puisi berjudul *The Rythm of Night Song* daripada antologi puisi *Bait Senandung Malam* ke dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*. Pengarang juga melakukan transformasi dengan memasukkan sumber daripada Al-Quran contoh Surah Al-Qasas dan sumber Sejarah zaman Kesultanan Melayu Melaka.

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pemilihan ketiga-tiga prinsip intertekstualiti yang mendominasi hiperteks novel-novel Siti Zainon iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi mempunyai alasan yang tersendiri. Untuk membuktikan teks asal tulen, maka prinsip transformasi dipilih berdasarkan teks yang dirujuk hanya perlu dipindahkan. Prinsip transformasi ini dapat memudahkan dalam mengenal pasti ketulenan sumber yang dirujuk dalam novel-novel yang dikaji. Pemilihan prinsip modifikasi pula adalah bertunjangkan asas proses penyesuaian, perubahan dan pindaan. Dengan ini idea tidak begitu terikat dengan sumber asal untuk membina interpretasi yang baharu. Manakala prinsip ekspansi, iaitu proses pengembangan dan peluasan memang wajar diaplikasikan bagi membuktikan bahawa wujudnya dialog dalam sesebuah teks. Hal ini bertujuan untuk membolehkan khalayak atau audien dapat berfikir dan seterusnya mentafsir secara mendalam tentang sumber asal yang dirujuk. Di sini jelas menunjukkan bahawa kehadiran ruang lingkup ketiga-tiga prinsip yang dipilih tepat atas kewajaran wujud dominasi ketiga prinsip intertekstualiti di dalam novel-novel yang dikaji. Jelaslah bahawa teori intertekstualiti merupakan hubungan (dialog) antara dunia imaginasi atau kreativiti (teks dalaman) dengan dunia realiti (teks luaran).

BAB 3

PENGARANG DAN KEPENGARANGAN SITI ZAINON ISMAIL

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kepengarangan Siti Zainon Ismail seorang insan seni yang memulakan jejak seninya sebagai pelukis dan penyair. Perbincangan akan menyentuh latar belakang keluarga, pendidikan dan kerjaya, kejayaan, anugerah dan gagasan pemikiran sepanjang penglibatan Siti Zainon dalam dunia kesusasteraan. Keterampilan Siti Zainon Ismail dalam bidang puisi serta ketekunannya dalam dunia kreatif membolehkan beliau menerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award) dan kajian budaya yang dimasyarakatkannya pula mengangkat beliau sebagai Tokoh Budayawan Negeri Selangor (2006).

3.2 Pendidikan dan Kerjaya

Siti Zainon dilahirkan pada 18 Disember 1949 di batu 4 ¼ Jalan Gombak, Kuala Lumpur yang kini dikenali sebagai Kampung Bandar Dalam. Bapanya Ismail bin Talib seorang pekerja bengkel kereta api di Sentul, Kuala Lumpur adalah berasal dari Tanjung Karang, Selangor. Manakala ibunya, Bainah Haji Husain adalah berasal dari Gombak, Kuala Lumpur namun titis leluhurnya adalah dari Sumatera, Indonesia. Sewaktu berusia lima tahun, kedua-dua ibu bapanya telah berpisah. Sebagai anak tunggal, Siti Zainon dipelihara oleh ibunya yang mengambil upah menjahit dan menyulam di kedai Agus Salim di Jalan Melayu, Kuala Lumpur di samping membuat kerja-kerja lain seperti tukang masak, tukang cuci kain dan bekerja dengan ketua kerani di Lembaga Letrik Negara, iaitu Pakwan Cik Muhammad anak kelahiran Pulau Pinang. Keluarga ini

kemudiannya telah berpindah ke Kota Bharu, Kelantan dan Siti Zainon telah dipelihara oleh neneknya.

Siti Zainon mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Setapak, Kuala Lumpur (1956–1961) sehingga lulus darjah enam. Sewaktu di sekolah rendah, Siti Zainon telah memperlihatkan bakatnya dalam bidang seni lukis. Siti Zainon telah menyambung pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur (1962–1968). Di sekolah ini beliau terus menyemai bakat seni yang semakin bertapak dalam dirinya. Menurut Siti Zainon (1994:7), sejak berusia 16 tahun beliau telah mengenal nama-nama besar seperti Churchill, Soekarno dan Sun Yat Sen. Meniti usia 17 tahun, *Sandera* oleh Arena Wati, *Kuala Lumpur Kita Punya* oleh Abdullah Hussin, *Senja di Jakarta* oleh Mochtar Lubis habis dibaca. Hal ini bukan sahaja menambahkan ilmu, malahan mendewasakan Siti Zainon. Pemikirannya semakin mendalam dan berkembang kerana jiwanya sudah disebatkan dengan mesej atau amanat yang terungkap dalam karya pemilik nama-nama besar yang didampinginya melalui pembacaan.

Setelah lulus dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan, Siti Zainon telah meneruskan pengajiannya di Akademi Seni Rupa Yogjakarta (ASRI). Siti Zainon terus menimba ilmu dan mencari pengalaman kerana kata pegangannya “...segala bukan angan-angan tetapi tanggungjawab” (Siti Zainon, 1994:10) sehingga beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Rupa (BFA) pada tahun 1973. Sekembali ke tanah air, dari tahun 1974 hingga 1976 Siti Zainon bekerja di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Jurulatih Seni Lukis. Di kementerian ini, beliau berjaya menujuhkan Pasar Seni di Jalan Belanda, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1976, Siti Zainon bertugas pula di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai tutor di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM). Pada tahun 1979, beliau telah dipindahkan ke Jabatan Persuratan Melayu di universiti berkenaan. Pada tahun 1980, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sastera (M.A) setelah tesisnya yang berjudul “Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi” disempurnakan. Seterusnya, Siti Zainon menyambung pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang sosiobudaya. Siti Zainon berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran (Ph.D) pada tahun 1991 setelah menyempurnakan tesisnya yang berjudul “Konsep Pakaian Cara Melayu”. Di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Siti Zainon kemudian bertugas sebagai pensyarah seni budaya.

Dalam tempoh untuk memperoleh Doktor Falsafah, Siti Zainon mengumpul data penyelidikan dan dalam masa yang sama beliau melibatkan diri secara langsung dalam dunia kesusasteraan. Setelah memperoleh ijazah Doktor Falsafah, Siti Zainon terus berada dalam bidang kesusasteraan. Penglibatan beliau sebagai penulis, pembentang kertas kerja sama ada dalam seminar, forum dan bengkel bertambah rancak. Segala kepayahan dan keperitan telah mengajar Siti Zainon erti kehidupan yang langsung mempengaruhi kreativiti kepengarangannya yang terlihat dalam pelbagai genre seperti lukisan, puisi, cerpen, novel dan eseи kritikan sehingga menelusuri alam Melayu dalam kebudayaan dan berterusan mempengaruhi penulisan kreatifnya.

3.3 Kreativiti Siti Zainon Ismail

3.3.1 Kreativiti sebagai Pelukis

“Karya seni Siti Zainon membawa pengaruh-pengaruh manusia dan alam sekeliling. Karya seni Siti Zainon mempunyai tujuan tersendiri. Lukisan-lukisannya abstrak, penuh dengan motif-motif Melayu tradisi. Cetakan grafik yang dipamerkan berbentuk wajah manusia. Sajak-sajaknya bertemakan alam sekitar. Karya-karyanya memperkenalkan seni. Semuanya termasuk cerpennya sendiri, adalah penghasilan sejak tahun 1973” (Catatan Tan Sri Kamarul Ariffin dalam *Bunga-Bunga Bulan*, Siti Zainon Ismail, 1992: 11). Catatan Tan Sri Kamarul Ariffin ini membuktikan bahawa kreativiti kepengarangan Siti Zainon bermula dengan sketsa jemarinya. Guntur Siswoyo (1992:1) pula berpendapat,

“...kegemaran Siti Zainon menggambar di tanah. Sekiranya rakan-rakan mengganggu dan menghapusnya, dia akan menangis. Namun tanah itu kemudiannya digambari semula..”.

Aktiviti pertandingan melukis di sekolah merupakan titik tolak Siti Zainon mengasah bakatnya. Seringkali dia mendapat tempat pertama dalam pertandingan melukis yang disertainya. Pada tahun 1961, dia telah memenangi Hadiah Seni Lukis Sekolah-sekolah Rendah peringkat Negeri Selangor. Menurut Siti Zainon (1992:4), semuanya bermula dengan mencoret dan mencatat dibantu dengan kegemaran mendengar suara dan bunyi.

Sewaktu berada di kota Bahru, Siti Zainon mendengar tiup serunai wayang kulit dan bunyi rebab malam makyung. Bunyi-bunyian ini telah merangsang naluri seninya untuk berkarya. Minat Siti Zainon dalam bidang lukisan terus berkembang sewaktu

membantu Nas Achnas di studio seni lukisnya. Bakat seninya dikembangkan di Kelab Seni Lukis, Sekolah Aminuddin Baki tempat beliau bersekolah. Di sekolah Aminuddin Baki, Siti Zainon belajar dengan Cikgu Idris bin Salam yang merupakan guru seni lukis. Cikgu Idris sentiasa mendorong dan memberi kata-kata semangat kepada Siti Zainon. ‘*Ilmu harus berguru*’ merupakan cogan kata dan nasihat yang yang dipegang oleh Siti Zainon. Cikgu Idris di samping mengasah bakat anak muridnya turut membekalkan majalah dan buku-buku seni lukis kepada Siti Zainon dan rakan-rakannya. Siti Zainon bersama dua orang rakannya, iaitu Mariam Sanariah dan Zahari sering menerima undangan melukis di sekitar Kuala Lumpur walaupun ketika itu mereka masih belajar.

Menurut Guntur Siswojo (1992:1), Siti Zainon amat mengagumi pelukis dan penyair yang dikenali Pago-Pago. Akhir tahun 1960-an, Siti Zainon banyak mengumpul keratan-keratan akhbar tentang ‘*penggali kubur*’ dan ‘*penjual sotong*’ karya pelukis idolanya Abdul Latif Mohidin. Siti Zainon pernah menerima kiriman puisi “Sungai Mekong” daripada Valentiane dan sesekali beliau terserempak dengan Latif Mohidin yang sedang melakar di Bazar Melayu. Hal ini membuatkan minat Siti Zainon di dalam bidang lukisan semakin meningkat. Siti Zainon juga sangat teruja untuk mengembara seperti *Pago-Pago*. Sewaktu Pago-Pago mendapat tawaran belajar di Jerman dalam bidang seni lukis, Siti Zainon turut terdorong untuk mengembara seperti Pago-Pago menimba pengalaman di rantau orang. Setelah tamat persekolahan di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan, Siti Zainon masih keliru untuk menyambung pengajiannya sedangkan ramai rakannya telah mendaftarkan diri di Universiti Malaya. Dalam kekeliruan tersebut, Siti Zainon menghabiskan masa lapangnya dengan melukis. Menurut Siti Zainon (1994:7), pameran lukisan tunggal pertama beliau ketika berusia 19 tahun. Hal ini diakui oleh Guntur Siswojo (1992:1), pada 2 Februari 1969 sebanyak 40 karya

lukisan Siti Zainon berjaya dipamerkan. Kesemua elemen lukisan Siti Zainon yang meliputi batik, cat minyak, cat air dan pastel telah dibeli oleh S. M Shah, direktor Syah Motel di Petaling Jaya. Siti Zainon tidak menyangka bahawa penglibatan beliau dalam bidang seni lukis mendapat perhatian khalayak. Siti Zainon terus melangkah ke hadapan dan Akademik Seni Rupa Indonesia (ASRI), menjadi pilihan untuk menambahkan ilmu dalam bidang seni lukis.

Pada tahun 1970 hingga 1973 ketika berada di ASRI, Siti Zainon mulai sedar bahawa kesenian bukanlah suatu yang mudah atau kerja main-main. Pensyarah kuliah firasat seni telah mengarahkan pelajarnya memanjat candi Prambanan dalam hujan lebat, melukis matahari ketika gerimis senja dan bersila santai di kaki toko Malioboro. Walaupun perit dirasai, namun Siti Zainon memperoleh sesuatu yang diminatinya. Selama menuntut di ASRI, Siti Zainon berjaya menyiapkan beberapa lukisan dan esei kritikan. Siti Zainon juga berpeluang berkenalan dengan pelukis-pelukis Indonesia yang terkemuka seperti Affandi, Kartika, Abbas Alibasyah dan Amry Yahya. Melalui perkenalan inilah Siti Zainon banyak mempelajari sejarah dan falsafah seni lukis. Segala kejayaan yang diperoleh Siti Zainon semasa menuntut di ASRI, membolehkan beliau pada tahun 1971 menerima hadiah Terbaik Sketsa Kartini dan tahun 1973 menerima Hadiah Pertama Seni Lukis Terbaik ASRI (Husna Abu Hassan, 1981:8).

Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberikan penghormatan kepada Siti Zainon atas anugerah yang diterima di ASRI. Sebuah lukisan Siti Zainon yang pernah dipamerkan di British Council diberikan penghormatan menghiasi rencana kulit majalah *Dewan Sastera* keluaran Disember 1973. Walaupun, rencana pengarang redaksi *Dewan Sastera* agak ringkas, "... Siti Zainon dianggap sebagai pelukis berbakat oleh Affandi,

pelukis besar Indonesia ...”, namun penghormatan ini telah melonjakkan nama Siti Zainon sebagai penuntut ASRI yang berjaya (Yasmin Abdullah, 1992:5).

Bertitik tolak daripada kejayaan tersebut, Siti Zainon terus meraih kejayaan dalam bidang lukisan baik dalam negara maupun luar negara. Semenjak pameran sulung Siti Zainon bermula tahun 1968 hingga *Pameran 30 Tahun Siti Zainon dalam Warna*, Siti Zainon sentiasa mendapat penghargaan dalam kalangan peminat seni lukis tanah air. Menurut Azman Ismail (*Utusan Malaysia*, 1997: 47), *Pameran 30 Tahun Siti Zainon dalam Warna* bukan hanya sebuah catatan perjalanan waktu tetapi pameran ini lebih bersifat peribadi. Keseluruhan lukisan yang dipamerkan adalah menggambarkan ketenangan dan keresahan yang saling bertukar ganti. Kedua-dua perasaan inilah yang mempengaruhi gambaran, teknik dan pewarnaan serta corak pada kertas dan kanvas. Secara tidak langsung pameran ini memperlihatkan karya-karya lukisan yang unik dan menarik. Antara karya-karya yang dipamerkan pada pameran keliling ini ialah *Senja Seroja, Kolam Hayat Seroja, Doa Engku Puteri, Zikir Kubah Makam, Gerimis Sungai Muar, Canda Bulan Akhir* dan sebagainya. Nyata sebagai pelukis, Siti Zainon berjaya menampakkan kebolehan dan bakat yang tersendiri.

Inti diri seniman terdiri daripada imiginasi, kreativiti, pemikiran dan apresiasi. Siti Zainon disenaraikan oleh sarjana dan pengkaji kesusastraan Malaysia sebagai penyair yang berkebolehan kerana kemampuannya berkarya dalam beberapa cabang seni. Sebagai pelukis dan penyair, Siti Zainon memahami dua bidang ini secara mendalam (Sakinah Abu Bakar, 2015:9). Siti Zaleha Md. Hashim dalam Sakinah Abu Bakar (2015:11) juga berpendapat bahawa melalui tulisan Siti Zainon yang berjudul

“Beralas Mengkuang, Pelita Hati Siti Zainon Terus Menyala” menganggap Siti Zainon sebagai penyair, penulis dan pengembara yang menyelami rasa, kemudian mewarnainya dengan kata-kata yang meminta renungan. Siti Zainon sebagai pelukis dan penyair berusaha membawa khalayak memahami mesej dan amanat yang ingin disampaikannya menerusi warna dan pengucapan kalimat. Hal ini terlihat pada judul lukisan Siti Zainon seperti *Canda Bulan Penuh*, *Zikir Kolam* dan *Teja Laut Tawar* didapati sama dengan beberapa judul puisinya.

3.3.2 Kreativiti sebagai Penyair

Tahun 1970-an dapat dianggap menarik dalam perkembangan sastera Malaysia dengan munculnya golongan pelukis yang turut berpuisi. Peristiwa ini seolah-olah direstui oleh golongan sasterawan apabila diadakan acara “Manifestasi Dua Seni” pada tahun 1972. Di sinilah munculnya nama A. Latif Mohidin, A. Ghaffar Ibrahim, Siti Zainon, Zakaria Ali dan Ismail Abdullah (Siti Zainon Ismail, 1989: 34). Bertolak daripada sajak “Akhbar Pagi” yang disiarkan dalam Ruang Pelajar, *Berita Harian* 24 April 1968, Siti Zainon mula mengorak langkah dalam bidang kepenyairan. Menurut Siti Zainon (1992:158), sajak-sajak awal ciptaananya adalah begitu langsung dan terus terang pengucapannya. Ia merupakan keluhan dan pengakuan remaja yang bercita-cita ingin menjadi pelukis.

Menurut Misran Rokimin (Siti Zainon Ismail, 1992:165), antologi puisi *Nyanyian Malam* merupakan kumpulan puisi awal Siti Zainon lebih merupakan puisi yang bercorak pendedahan peribadi. Pernyataan ini bertepatan dengan ungkapan Woodworth, iaitu “Puisi lahir dari perasaan yang melimpah-limpah”. Hakikatnya Siti Zainon juga tidak dapat lari daripada perasaan sedemikian sebagaimana katanya, “Sekali diri telah

memasuki alam puisi, penyair sebenarnya telah memilih jalannya,” (Siti Zainon Ismail, 1994:184).

Siti Zainon telah bergiat cergas bersama rakan-rakan penyair dalam bidang kepenyairan dengan Pasar Seni menjadi medium pengucapan. Namun kegiatan kepenyairan di Pasar Seni hanya bertahan selama dua tahun. Ruang medium pengucapan terpaksa ditutup apabila Siti Zainon meninggalkannya (Shamsiah Sanin, 1989:15). Kemala telah memberikan kepercayaan apabila sajak-sajak awal Siti Zainon dimuatkan dalam *Dewan Sastera*. Inilah lumrah kehidupan dan untuk menambah baik penciptaan sajak, Siti Zainon telah berguru dengan Usman Awang. Ternyata penciptaan puisi Siti Zainon selepas antologi *Nyanyian Malam* semakin baik. Menurut Siti Zainon (1994:18), semua keperitan yang ditempuhi telah mendewasakan dan meluaskan pengalamannya dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini;

“... *Nyanyian Malam* tidak akan lahir tanpa keberanian melalui detik sengsara pertama. Walaupun jelas hanya merakam emosi tetapi itulah titik awal untuk menambah erti pengembangan ilmu...”

Sebagai seniman penyair-pelukis, Siti Zainon kerap mewakili negara dalam membaca puisi dan pameran lukisan di seluruh tanah air dan juga di peringkat antarabangsa. Sebagai penyair, Siti Zainon berkesempatan mewakili negara ke pelbagai negara dan kembaranya menemui pelbagai ragam manusia seperti di Filipina (1976), Bhopal, India (1985), Berlin Barat (1985 dan 200), Korea Selatan (1986), Indonesia (Aceh, Bali, Jakarta, Lombok, Makasar, Padang, Riau, Palembang, Yogjakarta (1983-

1998), Thailand (1986, 1989 dan 1990), Perancis (1986), London (1986, 1990 dan 1992), Australia (1993), Singapura (1990 dan 1995), Hamburg (2000), Rusia (2003) dan banyak lagi negara lain. Puisi-puisi Siti Zainon telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Bulgaria, Hindi, Inggeris, Korea, Urdhu, Jepun, Perancis, Thai dan Rusia.

Menurut Rosnah Baharuddin (1991:89), pertemuan sebegini sering dimanfaat Siti Zainon menjadi sumber “mentah” dalam karyanya. Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said (1992: 19) menyatakan;

“ ... memang jarang ditemui seorang penyair wanita yang jauh mengembara, dan ramai teman. Pembaca sempat menjengah perasan dan ilham teman-teman Siti Zainon seperti Kartika Affendi (Indonesia), Kazuko Shiraishi (Jepun) David G. Mailluy (Kenya), yo Sevov Olli (Bulgaria) ... Mereka bersuara dalam warkah dan Siti Zainon melanjutkannya dalam sketsa dan puisi”.

Sewaktu Pameran 30 tahun Siti Zainon dalam Warna (Azman Ismail, *Utusan Malaysia*, 1997:41),

“calitan warna pada setiap karya Prof. Madya Dr. Siti Zainon Ismail penuh dengan rima-rima puisi dan makna tersendiri ... Di tangannya karya-karya miniature dan pastelnya dengan lakaran dakwat, pensel, batang mancis, akrilik, cat minyak, cat air adalah luahan imaginasi seperti coretan baris-baris puisi. Hanya khalayak sahaja yang mampu mengisi ruang-ruang kosong dalam sketsa yang artistik tersebut”.

Ungkapan dan tulisan di atas membuktikan bahawa jiwa seni kental sebatи dalam diri Siti Zainon. Hal ini telah dipamerkan seawal penglibatan beliau dan diterjemahkan pada tahun 1989 apabila Siti Zainon menyampaikan ucapan penerimaan anugerah tersebut dalam bentuk deklamasi puisi berjudul “Angin Mawar Asia Tenggara” terjemahan Harry Avelling. Kehadiran Siti Zainon dengan gaya kepenyairan mempesonakan audien. Anwar Ridhwan (1989:37) menginterpretasikan kehadiran Siti Zainon dan pengucapannya dalam bentuk puisi kerana Siti Zainon telah menghasilkan beberapa antologi puisi yang membanggakan. Antara antologi puisi yang terhasil:

1. *Nyanyian Malam* (DBP:1976)
2. *Puisi Putih Sang Kekasih* (1984)
3. *Perkasihan Subuh* (Bulan Bintang:1987)
4. *Daun-Daun Muda: Himpunan Puisi-puisi Kecil* (DBP:1986)
5. *Taman-taman Kejadian* (GM:1986)
6. *Kau Nyalakan Lilin* (1990)
7. *Kau Nyalakan Lilin* (UKM, 1990) dan *The Moon is a Candle* terjemahan Hafiz Arif Avelling (DBP, 1992)
8. *Bunga-bunga Bulan* (CE:1992)
9. *Kembara Seni Siti* (UM dan GM:1992)
10. *Ibunda – Mother* (Unit Kebudayaan UKM:1995)
11. *Langit di Tangan* (DBP:1995 bersama Rahman Shaari)
12. *Taman-taman Kejadian* (GM:1996)
13. *Sebuah Unggun di Tepi Danau* (DBP:1996 bersama Muhamad Haji Salleh)
14. *Zikir Pelangi* ((GM:2000)
15. *Witir Sela Merapi* (2004)
16. *Gelora Air Gelumbang Rayek Aceh* (2005)
17. *Kasih Bonda: Kampung Paya Kami* (DBP:2008)

18. Aceh: *Suara dari Tambak* (DBP:2009)
19. *Memasuki Taman Puisi* (DBP:2009)
20. *1000 Pepatah Petitih* (ITNM:2010)
21. *Bait Senandung Malam – The Rhythm of Night Songs* (ITNM:2012)

Tahun 1994, *Alam Puisi* yang merupakan himpunan kertas kerja, catatan ceramah dan esei sepanjang tahun 1987-1990 berhasil diterbitkan. Esei utama “Alam Puisi” (memenangi Hadiah Esei Seni Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988) merupakan tema utama buku ini yang melihat puisi adalah sebagai pengalaman ilmu. *Surat Dari Awan* (2014) pula merupakan kumpulan puisi terbaharu penulisan penyair Siti Zainon. Siti Zainon menyampaikan perasaan rindu dan kenangan masa silam melalui kumpulan puisi *Surat dari Awan*.

“... Dia, pengembara masa yang merenung sejarah negerinya, merakam pengalaman ke dalam kata-kata serta mengulit rahsia di antara daun-daun musim semi..”.

Tercatat di *blurb* muka belakang bukunya, dalam melewati ranting senjanya,

Surat dari Awan

Kita genggam awan bersama
kapal melambung, laut di bawah sana
di situlah peta sejarah
yang akan dibelah?
kita memacu cita nak muda
amat pedih menunggu zaman merdeka
negeri yang tak pernah alah
oleh mainan siasat (siasah?)

kalau cut bang dihumban ke penjara
dilempar ke hutan Palembang
aku masih ada di situ

mengutip surat rahsia awan
melakar cinta wasiat leluhur
si seulawah
kita tidak pernah mengalah
hanya musim memetik tuaian
padiku tinggal hampa
emasnya kau bawa menghiasi takhta
sesekali menggenggam cuak
atas nama kemanusiaan
cinta batini harus kausuak
hanya aku menggenggam
surat dari awan

aku harus pergi
kala pintumu
sudah dikerumuni
kasih warna-warni
aku biola putus tali.

Berdasarkan sajak di atas, dapat dikatakan bahawa Siti Zainon seorang yang sangat suka membaca dan merantau. Pembacaan dan perjalanan beliau merantau ke serata pelosok bumi ciptaan Tuhan menjadikan puisi Siti Zainon bukan sahaja melebar luas dan melewati wilayah-wilayah Nusantara namun memerlukan pemerhatian dan penghayatan yang tinggi. Menurut Siti Zainon (1994:155-157), sebuah puisinya berjudul “Rukmini” ditulis berdasarkan mitos Jawa-Hindu. Puisi ini telah diterjemahkan oleh Dr. Shigar ke dalam bahasa Hindi. Siti Zainon sering membaca puisi tersebut kerana amanatnya yang dapat membawa khalayak pembaca menghargai ibu dan juga seorang wanita yang memiliki ciri kewanitaan unggul. Perhatikan petikan sajak tersebut;

dialah ibu
yang bisa menakluk kasih sayang
yang mempersonakan Ratih putera
dan segala perempuan di padang
bersih
yang memberi hidup cita pada lapangan
dan lurah di dalam
yang menakluknya dengan nafsu dan goda
yang menarungkan kecintaan dan
kenikmatan
tanpa

puas
tetapi dialah ibu yang lebih segalanya
dialah cermin tangkai hati menara
di puncak
taman tergantung yang memberikan
kesihatan
dan kemuliaan.

Nyata bahawa kepenggarangan Siti Zainon bukan hanya di Bangi dan sekitar Gombak, malahan menelusuri ke wilayah-wilayah Melayu, Aceh, Medan, Padang, Tanah Abang, Sulawesi, Berunei, Singapura dan ke seluruh dunia. Pengalaman bersama rakan taulan membaca puisi, sahabat-sahabat senimannya seperti Kazuko Shiraizhi dari Tokyo, Kolio Sevov penyair dari Bulgaria dan ramai lagi membuka luas pemikiran Siti Zainon dalam menghasilkan puisi.

3.3.3 Kreativiti sebagai Cerpenis

Menurut Mahzan Musa (1990:7), Siti Zainon merupakan seorang penulis wanita di Malaysia yang produktif di dalam penghasilan karya-karya sastera khususnya puisi dan cerpen. Berbanding dengan cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh penulis wanita yang lain di Malaysia, cerpen-cerpen Siti Zainon agak berlainan sama ada dari segi perwatakan, latar, tema, plot atau isu yang cuba dibicarakan. Teknik penulisannya juga telah lari daripada gaya penulisan konvensional. Terdapat variasi dalam cerpen Siti Zainon dari segi latarnya yang menjangkau persekitaran tempatan, kepulauan dan pedalaman Nusantara hingga ke benua India serta kota-kota kosmopolitan antarabangsa di Eropah seperti Paris, Amsterdam, London dan seumpamanya. Faktor lain yang membezakan Siti Zainon daripada penulis wanita tempatan lain ialah pengolahan idea dengan unsur-unsur tradisi kesenian dan kebudayaan Nusantara di samping memasukkan unsur-unsur mitos,

lagenda tempatan yang berlandaskan fakta sejarah dan pengalaman silam tokoh-tokoh sejarah.

Kebenaran pendapat di atas berasas kerana latar belakang Siti Zainon sendiri menzahirkan beliau merakam segala pengalaman yang diperoleh. Sejak kecil ketika berada di Kelantan, Siti Zainon telah terdedah dengan sosiobudaya masyarakat tempatan yang menarik minatnya seperti wayang kulit. Pertambahan ilmu diperoleh pula semasa berpeluang menuntut di ASRI Indonesia yang kaya dengan seni dan budaya Hindu. Di UKM, Bangi sebagai seorang pensyarah akademik, pembentang kertas kerja, bengkel, seminar juga pengkaji budaya, Siti Zainon mencerahkan segala pengalaman ke dalam pelbagai bidang seperti lukisan, puisi juga cerpen. Berdasarkan beberapa cerpen Siti Zainon dapat membenarkan kenyataan Mahzan Musa (1990:7) cerpen “Episod Inderajati” dan “Seloka Si Tanjung” (antologi *Bunga Putik Putih*), dan “Lagu Perang” (antologi *Seri Padma*).

Keseluruhan cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi Siti Zainon adalah menggarap pelbagai tema dan persoalan yang disusun dengan teknik dan pendekatan yang amat puitis dan menyentuh perasaan. Keunikan “Bunga Putik Putih” misalnya terletak pada teknik penulisannya. Ia menggabungkan teknik konvensional, *absurd* dan kompleksiti yang mengundang daya fikir dan daya renung pembaca (*Bunga Putik Putih:1991*). Antara antologi cerpen Siti Zainon Ismail yang telah diterbitkan:

1. *Seri Padma* (DBP:1984)
2. *Attar dari Lembah Mawar* (Marwilis:1988)
3. *Dongeng Si Siti Kecil* (Teks Publishing:1988)
4. *Bunga Putik Putih* (BPP: 1991)

5. *Kampung Paya Kami* (GM:1998)
6. *Nyanyian Orang Laut* (GM:2000)
7. *Jurai Palma* (DBP:2001)
8. *Rindu Pala Muda* (DBP:2005)
9. *Gebang Seni* (GM:2005)
10. *Piazza Di Spagna* (GM:2005)

3.3.4 Kreativiti sebagai Novelis

Apakah yang harus dituliskan,
Bila begitu banyak yang tidak terucapkan?
Di atas meja, catatan-catatan kecil kawanku yang setia
mengapai-gapai dalam angin dari jendela.
(Taufik Ismail, 22 tahun kemudian dalam Tirani dan Benteng, 1993:10)

Demikianlah prolog yang terdapat dalam novel *Pulau Renik Ungu* (DBP, 1995) hasil karya Siti Zainon Siapakah Taufik Ismail? Taufik Ismail salah seorang penulis Indonesia yang berbakat yang merupakan kenalan Siti Zainon. Sajak di atas menampakkan lagi proses kreativiti Siti Zainon yang memang tidak lekang daripada alam persekitarannya terutama rakan-rakan yang mendampingi dan mempengaruhi penulisannya. Dialog antara teks sememangnya wujud dalam konteks intertekstualiti yang menampakkan proses transformasi begitu unggul dalam diri penulis.

Menurut Rosnah Baharuddin dalam Hanafi Dollah dan Lokman Mohd Zan (1995:40), *Pulau Renik Ungu* lahir setelah dua puluh tahun Siti Zainon berkecimpung dalam bidang penulisan kreatif. Beliau menghasilkan novel ini dalam jarak masa yang begitu panjang dan merupakan masa yang cukup lama untuk menghasilkan sebuah novel.

Namun dalam plot yang sudah digabungjalinkan ini, Siti Zainon berjaya mengolah hipoteks bagi mendominasi plot hiperteks *Pulau Renik Ungu*, iaitu beberapa sisipan cerpen Siti Zainon yang terdahulu dimasukkan ke dalam novel ini. Kenyataan Rosnah Baharudin ini menunjukkan bahawa Siti Zainon merujuk teks asal untuk menghasilkan teks baharunya.

Sewaktu sesi wawancara pengkaji bersama pengarang (2012), Siti Zainon mengakui bahawa novel *Pulau Renik Ungu* merupakan novel yang sangat istimewa selepas sekian lama beliau berkecimpung dalam bidang lukisan dan dunia kepenyairan, beliau berjaya menghasilkan novel. Hakikatnya, kepengarangan Siti Zainon terjelma bukan sahaja melalui pengamatan malahan melalui hubungan pengarang dengan persekitaran sekeliling. Menerusi *Pulau Renik Ungu*, segala proses penciptaan karya kreatif dan kembara seninya dilahirkan melalui watak Zaidah. Hal ini jelas menunjukkan proses kreativiti pengarang berlaku sewaktu proses penciptaan sesebuah karya atau teks sama ada secara formal ataupun tidak formal (abstrak). Siti Zainon mencerahkan segala pengalaman, idea dan wawasannya untuk dikongsikan bersama khalayak melalui proses transformasi, moderasi dan ekspansi.

3.5 Siti Zainon: Aktiviti dan Anugerah

Menurut Rosnah Bahruddin (1997), sebagai pelukis-penyair, Siti Zainon sentiasa diundang mengadakan pameran lukisan dan pembacaan puisinya di dalam negara dan di luar negera. Kehidupan hariannya sungguh rencam namun beliau begitu tabah menghadapinya. Sebagai pensyarah seni dan budaya, Siti Zainon seringkali mengambil

bahagian di dalam seminar kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan sama ada dengan menyediakan kertas kerja ataupun sesi pembentangan.

Sebagai seorang aktivitis dan seniman, beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa Persatuan Seni Lukis Malaysia (1982 - 1984), ahli Jawatankuasa Sukmanita, Universiti Kebangsaan Malaysia (1984), ahli Jawatankuasa Pertandingan Puisi Sains , UKM (1988 - 1992), Penasihat Grupemuisi, UKM (1984), Pemeriksa Luar Seni Halus, Institut Teknologi Malaysia (1987/88, 1992/94), Panel Pertandingan Puisi Merdeka (1986 - 1990), Panel Puisi DBKL- DBP (1988 - 1993), ahli Lembaga Balai Seni Lukis Negara (1991-1993), ahli Jawatankuasa Puisi Kanak-Kanak, DBP (1994) dan sebagainya hingga hari ini.

Pada 3 Oktober 1989, Siti Zainon telah menerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (*SEA Write Award*). Beliau merupakan penulis wanita kedua Malaysia selepas penulis Adibah Amin menerima anugerah tersebut. Kejayaan yang diraih Siti Zainon atas penglibatannya secara langsung dalam tiga bidang seni, iaitu lukisan, puisi dan cerpen. Pada tahun 1990 pula, beliau telah menerima anugerah Tengku Nyak Fakinah oleh Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA). Gelaran ini adalah bersempena dengan nama tokoh pejuang seni dan budaya Aceh yang terkenal iaitu Tengku Cut Nyak Fakinah yang juga turut memperjuangkan kemerdekaan Indonesia daripada Belanda. A. Hasjmy memberikan pendapat beliau tentang Siti Zainon berhubung penganugerahan *SEA Write Award*; “ ... gelaran itu tepat diberikan kepada Siti Zainon kerana jasanya yang mempopularkan khazanah kebudayaan Aceh dalam karyanya ...”

Antara hasil karya Siti Zainon bercorak kajian ilmiah yang telah diterbitkan ialah:

1. *Getaran Jalur dan Warna* (Fajar Bakti:1985)
2. *Rekabentuk Kraftangan Melayu* (DBP:1986)
3. *Pakaian Cara Melayu* (UKM: 2006)
4. *Lambang Sari Gamelan Terengganu*, (UKM: 1986 bersama Harun Mat Piah)
5. *Percikan Seni* (DBP:1989).
6. *Busana Melayu Johor* (Yayasan Warisan Johor:1997)
7. *Malay Women Textiles* (DBP:1997)
8. Tekstil Tenunan Melayu (DBP:1997)

Penghargaan lain yang diterima oleh Siti Zainon sepanjang pelibatannya dalam bidang seni ialah;

1. Hadiah Sastera Malaysia (Puisi) 1975 – 1978, 1984/1985, 1986/1987,1991)
2. Hadiah Maybank- DBP (kategori cerpen 1996, 1997, 1998).
3. *Asean Foundation Grand For Young Writer's Conference*, Bali Indonesia (1985)
4. Penghargaan Seni Festival Puisi Valmiki, New Delhi, Bhopal India (1985)
5. Piagam Penghargaan Puisi Dunia Seoul, Korea Selatan (1986)
6. Pingat Jubli Perak Sultan Selangor (1986)
7. Piagam Penghargaan Seminar Sastera Nusantara , Universiti Jabal Ghufur, Aceh (1986)
8. Hadiah Majlis Buku Kebangsaan (1986)
9. Anugerah Puisi Islam, PUSPA Kelantan (1988)

10. Hadiah Esei Seni, Dewan Sastera DBP (1988)
11. Gelar Cut Nyak Fakinah (Lembaga Adat Aceh – MUI 1990)
12. Anugerah Tan Sri Fatimah – Avon (1993)
13. Pingat Jasa Kebaktian (Negeri Selangor 1993)
14. Hadiah Majlis Buku Kebangsaan (1995) dan Hadiah Cerpen MAYBANK – DBP (Risalah Gelora Gelombang Jugra, 20 September 1997)

Siti Zainon juga menerima anugerah daripada Ahli Lembaga Galeri Shah Alam, Raja Zahabuddin Raja Yaakob sempena pameran lukisan solonya yang berjudul, “Gelora Gelombang Jugra” yang telah menobatkannya sebagai karyawan mithali (Jamudin Idris, 1997:25). Di samping itu, beliau juga dianugerahi Prof Luar biasa (Universitas Jabal Ghafur, 1996), Pingat Setia Mahkota Selangor (2002), Anugerah Tokoh Budayanita Negeri Selangor (2006) dan Anugerah Budayawan Gombak, PAKSI Selangor (2013). Penglibatan Siti Zainon dalam semua bidang terutama bidang seni dan budaya termasuk budaya Nusantara menunjukkan keprihatinan beliau yang unggul tentang tanggungjawab terhadap masyarakat. Kesimpulannya, Siti Zainon ingin berkongsi segala pengalaman dan ilmu yang dimiliki secara kolektif untuk masyarakat.

3.6 Pandangan Tokoh terhadap Proses Kreativiti dan Pemikiran Siti Zainon

Menurut Siti Zaleha Hashim (1996) bersama pengkaji di Dewan Bahasa dan Pustaka, membaca sebuah karya Siti Zainon, minda pembaca terus berfikir:

“...Siti Zainon seorang yang sangat lembut, sensitif, kreatif, rajin dan amat menyukai kehidupan di persekitarannya. Beliau amat menyenangi alam dan sangat prihatin.. Dalam diam banyak rahsia. Kaya dengan pengalaman dan imaginasi yang diadun bersama untuk

tatapan pembaca. Dia juga membesar bersama pengalaman dan kesedaran..”

Pulau Renik Ungu (1995) sebuah karya Siti Zainon sangat jelas menggugurkan segala logik, menafikan peraturan yang lazim namun pengucapan ideanya mengalir bebas. Realiti, imaginasi dan sejarah saling berbaur dan mengental. Sungguhpun demikian, ilham dapat dikatakan bermula daripada realiti objektif yang berakar umbi daripada pengalaman pengarang. Dalam hal ini pengarang mempunyai kecenderungan untuk berfalsafah tentang matlamat hidup, keberanian, hak dan maruah jati diri bermoral, perjuangan nasionalisme, kemanusiaan dan tanpa melupakan alam. Maka kenyataan Siti Zaleha diakui ada kebenarannya memandangkan penglibatan Siti Zainon dalam bidang lukisan dan kepenyairan menunjukkan ciri-ciri di atas.

Menurut Mahzan Musa (1996:21), Siti Zainon sangat menyenangi alam dan ditangannya baik secara sketsa, lukisan, puisi mahupun cerpen, imej-imej alam sudah menjadi sebatи. Sebagai contoh cerpen “Puri Kencana” dalam antologi *Attar dari Lembah Mawar* (Siti Zainon, 1988:37), pembaca akan menemui lukisan ‘realis’ iaitu, “... di langit timur telah mencelah tompokan jingga berselang-seli dengan awan kelabu. Tapi awan jingga dan merah jambu lebih cepat menambah meriah senja menjelang malam.” Di sini terlihat bagaimana kebijaksanaan Siti Zainon memilih kosa kata yang menarik untuk menguji minda pembaca.

Hakikat ini diakui oleh Zaiton Ajmain menerusi wawancaranya dengan Siti Zainon dalam Jambak 4 (1995). Cerpen dan puisi Siti Zainon sarat dengan pelambangan dan watak-watak serta kosa kata yang terhasil daripada penyelidikan, pengetahuan dan

pengalamana luas dalam bidang kebudayaan tradisi, kraftangan, tarian dan adat resam Melayu Nusantara. Kenyataan ini menepati apa yang diperkatakan oleh Siti Zainon Ismail (1994:23);

“Puisi bertolak daripada kesederhanaan. Alam yang terbentang luas merupakan imitasi kepada penciptaan puisi. Kelahiran puisi juga ibarat proses mutiara. Alam ibarat khazanah yang mengumpulkan nilam dan mutiara. Nilam dan mutiara inilah yang harus dipetik, dikumpul dan dirangkaikan menjadi kilau untuk diuntaikan di jenjang visi manusiawi.

Menurut A. Jalil Backer (1995:27), pengalaman Zaidah dalam *Pulau Renik Ungu* adalah penjelmaan diri pengarang;

“...Zaidah adalah seorang tokoh intelektual yang sedang menyiapkan tesis Ph.D dalam bidang sosiobudaya Melayu. Zaidah digambarkan cuba menyiasat perjuangan ayahnya Yusuof Joehari Tib. Beliau juga cuba mengesan silsilah keluarganya dan keluarga sahabat-sahabatnya berdasarkan petanda yang diperoleh daripada surat-surat ayahnya dan batu yakut hitam...”

Seorang tokoh pengkaji sastera, iaitu Rosnah Baharuddin dalam Salbiah Ani (1995:25) berpendapat *Pulau Renik Ungu* mengangkat pengalaman dan pemikiran wanita moden tahun 1990-an dengan watak Zaidah mengembara dan menyelidik sehingga ke tanah Minang, Palembang dan Eropah. Hal ini dapat menimbulkan pelbagai persoalan tentang apakah corak pemikiran seorang wanita moden yang berkerjaya dan mengapa sanggup menempuh cabaran sedemikian. Namun pengkaji berpendapat bahawa kehidupan Siti Zainon sebagai pensyarah akademik dan pengkaji budaya Nusantara amat memerlukan beliau sebagai wanita bekerja bergerak dalam ruang lingkup yang lebih luas. Istilah cabaran kepada Siti Zainon bukan menjadi penghalang kerana semenjak beliau melibatkan diri dalam dunia kesusasteraan cabaran sebegini telah sebatи menjadi

pengalaman yang merangsang untuk terus bekerja. Bagi Siti Zainon, hidup bukan angan-angan tetapi lebih merupakan tanggungjawab (Siti Zainon, 1994:8-10).

Rencana bertajuk “Siti Zainon Ismail Penulis Unik” tulisan Sahidan Jaafar dalam *Mingguan Malaysia* bertarikh 11 Februari 2018” pula menyatakan bahawa Siti Zainon merupakan seorang pengarang serba boleh dan masih mengabdikan dirinya dalam dunia kesusastraan sehingga sekarang. Rencana ini membuktikan bahawa nama Siti Zainon Ismail sebagai pelukis, penyair, novelis, cerpenis dan sarjana terkemuka di Malaysia. Tulisan Sahidan menunjukkan bahawa karya-karya Siti Zainon memiliki kelembutan, romantis menyentuh nurani dan menjentik minda pembaca. Oleh itu, nama Siti Zainon sentiasa tersenarai antara penulis wanita prolifik yang sering kali muncul sewaktu pemilihan Anugerah Seni Negara (ASN) diadakan.

Memetik pendapat Sakinah Abu Bakar dalam rencana yang sama yang menyatakan bahawa keupayaan Siti Zainon menghasilkan karya silang seni (seni puisi dan seni tampak) sebagai warisan khazanah bangsa menyerahkan kewibawaan beliau sebagai seniman tulen. Menurut beliau, kepengarangan Siti Zainon dan Latif Mohidin antara pelukis dan penyair yang unik mencipta nama masing-masing dalam perkembangan seni lukis dan kesusastraan Melayu moden amat membanggakan negara. Melalui buku *Silang Seni Siti* (2013:282), perkara yang dapat disimpulkan oleh pengkaji bahawa;

“ ... segala jenis karya Siti Zainon Ismail yang dihasilkan dalam genre seni bukanlah hal yang luar biasa. Hal ini adalah kerana, beliau dipengaruhi beberapa faktor luaran dan dalaman seperti budaya, pendidikan, latar belakang, dan jurus pandang yang kemudiannya dicantumkan sebagai manifestasi, imaginasi dan kreativitinya”

Menurut Sakinah Abu Bakar dalam buku *Silang Seni Siti* tersebut;

“... Keistimewaan Siti Zainon yang paling ketara ialah keupayaan dan kecekapan memindahkan dan mengadunkan unsur-unsur kekayaan sumber alam ke dalam puisi melalui medium bahasa... . Beliau berupaya merealisasikan impian, mempertajam minda dan mempertaruhkan kebijaksanaan dalam puisinya dengan menggabungkan pelbagai teknik yang dikuasai daripada aktiviti menghasilkan karya tampak. Hal inilah yang menjadikan karya Siti Zainon indah dan unik.”

(*Silang Seni Siti*, 2013:282)

Merujuk kembali pendapat A. Jalil Backer (1995:27), akhirnya menerusi gabungan unsur-unsur yang diberikan, intepretasi pengkaji bersama pendapat Mahzan Musa (19 Ogos 1997) merumuskan bahawa Zaidah sebenarnya mencari akar umbi keturunannya, iaitu bangsa “Melayu”. Perkataan Melayu menurut Teuku Iskandar (1989:814) adalah nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia. Bangsa Melayu berasal daripada rumpun bangsa yang besar mempunyai kebudayaan yang hampir sama, bahasa yang sama, mendiami Nusantara dan kepulauan yang serupa seperti Sri Lanka, Hawaii, Farmosa, Filipina dan sebagainya. Ini tidak terbatas dari segi politik dan agama kerana suku-suku yang terdapat di Nusantara terdiri daripada rumpun yang sama. Menurun Von Kel, bangsa Melayu ditujukan kepada orang yang bertutur menggunakan bahasa Melayu, dan mendiami Semenanjung Melayu, Kepulauan Lingga dan Sumatera.

Peluasan plot sangat jelas menerusi imej “batu yakut hitam” merupakan penghubung yang perlu dipelihara dalam menjaga segala warisan berhubung Melayu walau di mana seseorang itu berada baik di bumi Nusantara ataupun di bumi Eropah.

Penghasilan batu yakut hitam sewaktu Yusuof Joehari Tib berada dalam penjara adalah satu fenomena yang sering kali dilakukan oleh mana-mana individu yang tersisih dari dunia luar (mungkin hasilan sahaja yang berbeza). Dalam kata lain, individu ini ditempatkan dalam penjara atau dipanggil bilik gelap. Perhatikan petikan dialog Siti Aishah yang berikut:

“...Inilah peninggalan ayahmu, anakku. Batu permata hitam yakut yang dihasilkan oleh ayahmu ketika dia di tahanan. Ada dua butir lagi diserahkan kepada sahabatnya, tapi entah siapa..”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:112)

Pendapat ini dikongsi bersama Zainal Rashid Ahmad dalam Siti Zainon (1997: 3) yang menyatakan bahawa Siti Zainon seorang yang sangat suka akan koleksi alat-alat kesenian tangan. Siti Zainon mengumpul patung-patung primitif contoh patung primitif Keluarga Cokot dari Bali, hasil sulaman, anyaman dengan peralatan tradisi, juga seramik.

Menurut Salbiah Ani (1995:34), penampilan Zaidah dalam *Pulau Renik Ungu* sebagai seorang insan yang istimewa dari segi rupa paras. Zaidah juga seorang gadis yang berjaya dalam bidang akademik dan mempunyai kerjaya sebagai seorang pensyarah. Zaidah juga digambarkan seorang gadis yang mempunyai ramai kenalan. Kenyataan Salbiah Ani ini menarik perhatian khalayak pembaca kerana sikap Zaidah bukan sahaja dapat membuka minda malahan mungkin pembaca bersetuju untuk menerima pendapat Rosnah Baharuddin (1995:42);

“... meskipun Zaidah sebagai protagonis dan mempunyai ramai teman lelaki yang tertarik kepadanya, namun Zaidah masih tetap terjaga moralnya..”

Zaidah adalah salah seorang watak ciptaan pengarang dalam *Pulau Renik Ungu*. Tanggapan pembaca diputar lagi apabila melihat watak ‘aku’ dalam cerpen “Dari Pulau ke Pulau”, atau watak ‘Inn’ dalam cerpen “Angin Pulau” atau watak ‘Siti’ dalam cerpen “Taman-taman Laut”. Namun, terdapat satu titik persamaan di antara watak-watak ciptaan Siti Zainon ini. Kebanyakan mereka digambarkan mempunyai wajah dan daya penarik tersendiri serta seolah-olah mudah tertarik kepada lelaki jujur. Hal ini terlihat dalam novel *Pulau Renik Ungu* apabila Zaidah mengingati Henry. Saat ini membuatkan Zaidah menginsafi segala yang berlaku dalam hidupnya merupakan perancangan Tuhan. Sebagai manusia, Zaidah harus berani menghadapi segala dugaan untuk mencapai matlamat yang diharapkannya. Kenyataan ini terlihat dalam dialog sahabat Zaidah, iaitu Raihan seorang wanita Melayu yang bersuamikan bangsa asing. Lihat petikan dialog yang berikut:

“...kau harus berani mengharung arus, kalau dia di selatan, kau di utara, jarak pemisah lebih menyuburkan kasih sayang. Percayalah sahabatku ...” Begitu ringkas pandangan Raihan. Terus sahabatnya itu lagi, .. asalkan kita tidak hilang, kita tetap pulang ke tanah air tercinta ini!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:167)

Akhirnya Zaidah menerima kehadiran Henry dalam hidupnya setelah Henry memeluk agama Islam yakni Henry telah menyatu dengan surah Al-Hadid ayat 3,

... Dialah yang Awal, Dialah yang Akhir, Dialah yang Zahir dan Dialah yang Batin.... .’

Henry berdoa;

“...inikah jalur hidup penentuan-Nya, atau itukah cahaya yang dirindui begitu lama. Oh! Dia yang Maha Agung. Aku juga hambaMu, bukalah pintu hati hamba kerdil ini wahai Al-Amin..”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:161)

Pemaparan imej subuh yang ditemui pada pengakhiran *Pulau Renik Ungu* semakin menjelaskan hakikat pencarian insan-insan yang terlibat dalam kehidupan di dunia ini. Amat tepat apabila Prof. A. Hasjmy meletakkan Siti Zainon sebagai penyair muslimat. Hal ini kerana baik tulisan Siti Zainon dalam prosa maupun puisi, secara tidak langsung penyair ini berusaha untuk memaparkan mesej bukan sahaja tentang hubungan kekeluargaan tetapi jika diperhalusi adalah hubungan manusia dengan Allah Sang Pencipta yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Lihat petikan yang berikut;

“...siapakah yang memulakan perkasihan kita?” ... berulang kali Henry dan Zaidah bertanya. Ada suara azan meniuup lembut jatuh ke telinga menyerap masuk ke kolam sukma. Oh! datang juga subuhMu..”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:196)

Hakikat inilah sebenarnya yang dihasratkan oleh pengarang, iaitu Siti Zainon Ismail. Penampilan nilai ketuhanan ini juga menerusi watak-watak dalam *Pulau Renik Ungu* yang dilambangkan dengan kehadiran unsur-unsur tertentu seperti pulau, laut, bunga; kesemuanya terikat dalam satu jalinan, iaitu unsur alam. Jika diteliti dengan rinci, Siti Zainon tidak lari dan sentiasa berusaha memainkan fungsi flora dan fauna yang diwujudkan dalam setiap karya yang dihasilkannya. Kebesaran alam semula jadi ini juga cuba diluahkan oleh Siti Zainon menerusi puisinya yang berjudul “Usia” dalam antologi *Puisi Putih Sang Kekasih*. Siti Zainon berusaha mengungkap bahawa usia sebenarnya dapat mendewasakan manusia. Usia juga petanda Allah menyayangi hamba-Nya. Demikianlah antara amanat yang terdapat dalam kedua-dua novel yang dikaji termasuk novel *Delima Ranting Senja* (2009). Antara amanat lain yang ingin diutarakan oleh Siti Zainon selain kekeluargaan, kasih sayang, kemerdekaan, kemiskinan, alam sekitar,

persahabatan dan paling jelas aspek ketuhanan (rangkap akhir – tanpa keizinan-Mu, pagi tidak lagi berbau tanah). Petikan puisi “Usia” yang berikut:

Telah kususun letakmu
di sisian yang tenang
ruang kukecilkan lagi
dengan keinginan sederhana
kulepaskan kupu-kupu semalam melalui jendela
diiringi segaris cahaya pagi
selamatlah datangmu.

Hidup didewaskan
menjadi kristal
memancarkan cahaya berpenjuru
seharusnya kita berhati-hati
memantulkan kembali
ke hala yang satu
tanpa keizinan-Mu
pagi tidak lagi berbau tanah
atau tiba-tiba
lorong kecilku
digauli ungu.

Disember 1979

(*Puisi Putih Sang Kekasih*, 1984:81)

Pandangan di atas turut dikongsi dengan pandangan bernas daripada Kamariah Kamarudin yang makalahnya diterbitkan dalam *Dewan Sastera* pada Disember 2011 bertajuk, “Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam *Delima Ranting Senja*”. Pandangan Kamariah membuktikan bahawa penglibatan Siti Zainon menonjolkan kredibiliti Siti Zainon dalam mendukung tanggungjawab sebagai seorang anggota masyarakat. Lihat petikan yang berikut:

“...dalam konteks perkembangan novel Melayu tanah air, hal ini dapat dilihat sebagai satu usaha yang menarik kerana kesinambungan para pengarang sama ada baharu atau mapan bergandingan menghasilkan nilai luhur dalam mengajukan pengkaryaan. Misalnya pembinaan sahsiah dan jati diri negara bangsa dalam sesebuah novel ditemui bukan sahaja ketika pengarang menggambarkan sesuatu isu bahkan meliputi semua

aspek kehidupan, iaitu agama, adat budaya, sosial, bahasa dan ekonomi”.

Pendukungan tanggungjawab ini juga harus dipatuhi mengikut hukum syariat yang digariskan dalam Islam. Pandangan setiap pembicara di atas, amat menyokong proses kepenggarangan dan kreativiti Siti Zainon dalam menghasilkan karya. *Pulau Renik Ungu* (1995) menurut Siti Zainon terhasil daripada pengalaman, pemerhatian dan pergaulan beliau sendiri dan juga *Delima Ranting Senja*. Perhatikan pula petikan puisi “Bunga Putih”, dalam antologi *Kaunyalakan Lilin* (1990:11);

Kita susuri jejak mereka
memasuki belukar
mendengar ranting sukma, patah
menyentuh sisa hujab di urat kenangan
memang ada yang calar
duri rotan mengait jari ingatan
atau miang pakis bulu

Sebelum mencecah dingin mata air
inilah dunai kecil keakraban!

Berdasarkan sajak di atas, menurut Sammio Salleh dalam Siti Zainon (1997:26), seseorang manusia pasti menempuh halangan untuk mencapai kehidupan yang hakiki yang dijelaskan melalui perkataan ‘keakraban’. ‘Sisa hujan’, ‘duri rotan’ pula mampu mengembalikan kenangan dalam kehidupan manusia yang lalu walaupun kadang-kadang kenangan itu tidak sempurna dan menyedihkan. Sebelum mencapai ‘dingin mata air’, ‘miang pakis bulu’ juga perlu turut dirasai agar kehidupan damai dapat dikecapi.

3.7 Kesimpulan

Tuntasnya, penglibatan Siti Zainon Ismail dalam bidang penulisan kreatif pelbagai genre walaupun bermula sebagai pelukis, namun berjaya menambat hati para khalayak dalam konteks sasterawan Malaysia dan di luar negara. Kemapanan Siti Zainon dalam berkarya sangat menyerlah dan ketara menerusi lukisan dan sketsa beliau, juga genre puisi, cerpen dan novel termasuk bahan-bahan akademik dan buku-buku ilmiah. Hal ini sudah sememangnya menonjolkan kewibawaan Siti Zainon sebagai seorang seniman. Dunia pendidikan juga banyak mempengaruhi kreativiti Siti Zainon dalam membawa khalayak membuat satu renungan, refleksi dan interpretasi agar setiap individu mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Gaya kepengarangan Siti Zainon terutama dengan permainan bahasa amat menarik dan dapat dilihat berjaya dalam mengutarakan pelbagai amanat yang cuba disampaikan namun memerlukan kesabaaran khalayak untuk terus menelaah karya tersebut. *Pulau Renik Ungu* (walaupun 22 tahun berhasil tercipta) dan *Delima Ranting Senja* (10 tahun selepas novel *Pulau Renik Ungu* berasal daripada catatan kembara Siti Zainon) merupakan dua buah novel hiperteks yang tidak menjemukan. Amanat dalam kedua-dua buah novel ini mengandung siratan makna yang perlu diperhalusi. Untuk itu, khalayak perlu membongkar setiap perkataan, setiap baris ayat, perenggan dan bait puisi serta sketsanya berdasarkan beberapa hipoteks Siti Zainon yang terhasil sebelum kedua-dua novel tersebut diterbitkan.

Siti Zainon sewajarnya dikelompokkan dalam kategori pengarang yang kreatif berdasarkan pelbagai anugerah yang diterima. Malahan beliau juga seorang penulis yang

beretika serta bertanggungjawab dalam memberikan sesuatu kepada masyarakat pembaca. Melalui nilai estetika dan kepuisan penulisannya, membaca novel Siti Zainon membawa khalayak pembaca berfikir bukan membaca tersurat lagi malahan sudah mencakupi pemikiran di luar kotak. Hal inilah yang perlu dan penting wujud dalam abad ke-21, iaitu sesebuah karya bukan hanya menyogokkan sesuatu yang mudah berunsur hiburan, tetapi karya tersebut perlu menjunjung tanggungjawab menyediakan satu bahan bacaan yang bermutu, penuh nilai dan pengajaran yang dapat dijadikan landasan kepada generasi pada masa hadapan. Oleh itu nyatalah bahawa dialog antara teks atau dikenali interteks amat penting. Menerusi pembacaan terhadap kedua-dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* juga karya-karya yang lain membuktikan wujudnya hubungan intertekstualiti.

BAB 4

TRANSFORMASI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL


4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang analisis prinsip transformasi berdasarkan novel-novel Siti Zainon sama ada hipoteks terdahulu, iaitu teks pengarang sendiri ataupun teks pengarang lain. Hasil bacaan pengarang mempunyai pengaruh sangat besar terhadap teks atau karya yang sedang dikarangnya. Julia Kristeva dalam buku *Intertextuality Theorie and Practise* (Michael Worton, 1990 : 1).

“The theory of intertextuality insists that a text cannot exist as a hermetic or self-sufficient whole, and so does not function as a closed system. Firstly, the writer is a reader of text before he is a creator of text, and therefore the work of art is inevitably shot through with reference, quotations and influences of every kind.”

Berdasarkan prinsip intertekstualiti, setiap pengarang tidak mencipta karya berdasarkan pemikiran mereka tersendiri. Pengarang akan menghimpunkan teks-teks yang sedia ada, iaitu teks individu dan teks sosial. Dalam hal ini, pengarang akan mengambil sumber-sumber dari luar sama ada daripada teks, peristiwa, maupun pengalaman lalu untuk dimasukkan ke dalam teks yang sedang dikarang dengan mempunyai tujuan tertentu semasa melakukan proses transformasi tersebut. Gaya kepengarangan Siti Zainon akan dibincangkan dalam bab ini dengan mengambil teks lain yang ditransformasikan ke dalam novel yang dihasilkan sama ada secara sepenuhnya, sebahagian dan secara abstrak. Pengkaji memfokuskan penganalisisan transformasi

terhadap dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu novel *Pulau Renik Ungu* (1995) dan *Delima Ranting Senja* (2009).



Rajah 4.1: Hipoteks bagi Transformasi
Novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*

4.2 Transformasi Novel *Pulau Renik Ungu*

Cerita manusia dalam *Pulau Renik Ungu* merupakan cerita kehidupan manusia. Kehidupan manusia yang disampaikan dalam pelbagai genre sama ada puisi, cerpen

mahupun novel adalah tiruan atau imitasi daripada kehidupan realiti manusia dan alam yang sebenarnya. Hakikat ini diakui oleh S. Othman Kelantan (1985: 4);

“...kehidupan manusia dalam novel adalah kehidupan tiruan atau imitasi dari kehidupan realiti manusia dari alam yang sebenarnya.

Sehubungan itu, Siti Zainon sebagai pengarang telah menggunakan pelbagai sumber hipoteks yang dipetik daripada karya-karya beliau seperti cerpen, puisi, penulisan ilmiah untuk memberi kekuatan kepada teks baharu atau hiperteks, iaitu novel. Proses pemindahan, penjelmaan dan penukaran daripada pelbagai genre kepada genre novel membuktikan minat pengarang untuk melangsungkan amanat yang ingin disampaikannya. Antara amanat tersebut seperti kasih sayang, percintaan, patriotisme, alam sekitar dan amanat-amanat lain.

Melalui temu bual pengkaji bersama Siti Zainon Ismail (2010), novel *Pulau Renik Ungu* terhasil daripada ‘kembara’ beliau yang mengumpul pengalaman, pemerhatian dan pergaulan lantas dijelmakan ke dalam karya tersebut. Berdasarkan watak Zaidah, “... semua terkumpul menjadi ilmu...” ;

Dan pengumpul ilmu ini,
selalu berasa
‘antara realiti dan halusinansi’
kenapa dia selalu menempuh bungkusan masa lalu
yang pekat dan nikmat.

(Pulau Renik Ungu, 1995:200)

Novel ini menceritakan pengalaman Zaidah seorang pensyarah yang sering mengembara dalam usaha mengumpul data bagi menyiapkan tesis Doktor Falsafah. Sewaktu kembali ke Semenanjung, Zaidah telah memilih laluan laut. Perjalanan bersama *Cruise Muhibah* menyeberangi Laut China Selatan tanpa disangka telah mempertemukan kembali Zaidah dengan Kapten Henry Phillip Baker, seorang pelaut yang ditemui beberapa tahun lalu semasa belayar di Laut Baltik. Perhatikan petikan teks yang berikut;

Siang hari kedua pelayaran itu diharap benar Zaidah akan berada di sisi kanan kolam. Bukankah di lataran ruang seperti itu juga dia pernah menyapa wanita itu ketika di langit sarat dengan bintang. Kala angin kapal Finnjet meninggalkan pelabuhan Helsinki menuju Travemunde di dataran Jerman.

“Barangkali buku nota ini penting sekali buat anda ... miss, apa benar ini kepunyaanmu?”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:16)

Penceritaan novel *Pulau Renik Ungu* terus berkembang dan mengupas tentang usaha gigih Zaidah menyingkap sejarah silam yang melibatkan tiga orang watak, iaitu Zaidah, sahabat baiknya Raiman yang berada di Pulau Labuan dan Henry pelaut yang ditemui Zaidah sewaktu dalam pelayaran. Zaidah berusaha merungkai misteri, iaitu tiga butir ‘batu yakut hitam’ yang berada dalam simpanan ketiga-tiga watak tersebut. Batu yakut ini dihasilkan oleh Yusouf Joehari Tib, iaitu ayah Zaidah sewaktu dalam tahanan. Batu yakut tersebut telah diberikan oleh Yusouf Joehari Tib kepada kedua-dua sahabat karibnya, iaitu Datuk Henry (Edward Baker) dan datuk Raiman (Parman). Ketiga-tiga watak ini telah terpisah namun akhirnya persahabatan kekeluargaan terjalin semula. Henry merupakan cucu kepada Edward Baker telah memeluk agama Islam dan

berkahwin dengan Zaidah anak Yusouf Joehari Tib. Plot *Pulau Renik Ungu* berakhir dengan kegembiraan, iaitu *happy ending*.

Dalam kajian ini, berdasarkan novel *Pulau Renik Ungu* (PRU), iaitu hiperteks novel jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa sisipan cerpen Siti Zainon yang terdahulu (hipoteks) ke dalam *Pulau Renik Ungu*. Hal ini membuktikan bahawa prinsip transformasi telah berlaku, iaitu beberapa teks awal atau hipoteks yakni daripada teks penulis sendiri (Mawar Shafie, 2010:82). Siti Zainon telah melakukan pemindahan hipoteks genre cerpen dan hipoteks genre lain ke dalam genre novel.

4.2.1 Cerpen “Kau Masih di Laut, Erick?”

Beberapa sisipan cerpen daripada antologi cerpen *Bunga Putik Putih* (DBP:1991) dijelmakan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu*. Antaranya bab 1 – cerpen “Kau Masih di Laut, Erick?” (KMdLE), bab 3 – cerpen “Karangan Pulau”, dan bab 5 – cerpen “Episod Inderajati”. Siti Zainon juga turut melakukan pemindahan daripada antologi cerpen *Attar dari Lembah Mawar* (AdLM)(MPDSB:1988) seperti cerpen “Musim Gugur Pertama” dan cerpen “Antara Dua Pulau”. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan antologi cerpen *Rindu Pala Muda (RPM)*(DBP:2005) menggantikan antologi cerpen AdLM. Signifikannya novel *Pulau Renik Ungu* diangkat daripada pemindahan dan pemberian beberapa cerpen awalnya dan genre yang lain. Ini memperlihatkan kecenderungan penulis menggunakan suatu jenis teks awal untuk menghasilkan novelnya. Hal ini menepati kenyataan Umar Junus (1988:89), iaitu telah berlaku transformasi fizikal (Jadual 4.1).

Hipoteks Antologi Cerpen	Cerpen		Hiperteks Novel
<i>Bunga Putik Putih</i> (DBP : 1991)	“Kau Masih di Laut, Erick?” “Karangan Pulau” “Episod Inderajati”		<i>Pulau Renik Ungu</i> (DBP : 1995)
<i>Rindu Pala Muda</i> (DBP : 2005)	“Musim Gugur Pertama” “Antara Dua Pulau”		

Jadual 2 : Transformasi Antologi Cerpen dalam Hiperteks Novel *Pulau Renik Ungu*

Berdasarkan Jadual 4.1, novel *Pulau Renik Ungu* merupakan hiperteks daripada pemindahan hipoteks cerpen secara formal, iaitu cerpen *Kau Masih di Laut, Erick?* (KMdLE : 76). Menurut Kristeva (1980:66) berdasarkan rumus intertekstualiti, proses kreatif seorang pengarang bertolak daripada teks yang lebih awal dengan melakukan beberapa proses pengubahan, penyerapan atau petikan. Hal ini bertujuan bagi mengimbangi antara teks luaran dan teks dalaman. Cerpen KMdLE telah disiarkan dalam *Dewan Sastera* pada Januari 1990.

Cerpen KMdLE dalam antologi *Bunga Putik Putih* mempunyai empat bahagian, iaitu Bahagian I – perkisahan watak Erick, Bahagian II – Kapten Mannu, Erick dan pekerjaan sebagai pelaut, Bahagian III – pertemuan Erick dengan Zaidah dan Bahagian IV – imbas semula dialog Zaidah bersama Raiman berhubung keturunan Tuan Edward Backer. Dalam bab ini bibit kasih sayang bercambah antara Zaidah dengan Erick. Perhatikan contoh petikan hipoteks KMdLE dalam antologi *Bunga Putik Putih* yang berikut (Rajah 4.1).


Matanya tengadah ke langit. Langit memang cerah di Pelabuhan Madras. Di depannya Kapten Mannu yang sama-sama mendapat latihan asas di Laut Utara lebih 20 tahun lalu, menatap potret sahabat yang tiba-tiba muncul saja di depannya.

(KMdLE, 2005:92)

Melalui prinsip transformasi fizikal, keseluruhan cerpen KMdLE dipindahkan oleh pengarang ke dalam Bab 1 hiperteks *Pulau Renik Ungu* (1995:9-21) dengan mengekalkan plot, tema, latar kecuali watak Erick dan watak. Perhatikan contoh Bab 1 hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

Matanya tengadah ke langit. Langit memang cerah di Pelabuhan Madras. Di depannya Kapten Mannu yang sama-sama mendapat latihan asas di Laut Utara lebih 20 tahun lalu, menatap potret sahabat yang tiba-tiba muncul saja di depannya.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:9)



Rajah 4.2 : Tranformasi Cerpen “KMdLE” dalam Novel *Pulau Renik Ungu*

Watak ciptaan Zaidah di dalam novel *Pulau Renik Ungu* sebelumnya dikenali sebagai Erick dalam cerpen “KMdLE”. Erick atau Master Henry Phillip Baker merupakan bekas Laksaman Pertama Angkatan Laut British berasal dari pangkalan Liverpool. Henry menerima pelawaan sahabatnya, iaitu Kapten Mannu untuk belayar.

Hal ini kerana Henry memang bercita-cita untuk belayar mencelah pulau-pulau rempah menurut jejak datuknya Edward Baker, iaitu seorang pedagang Inggeris yang berjaya di kepulauan rempah. Henry menerima jawatan Ketua Jurutera Awasan Pertama kerana minatnya yang mendalam terhadap laut. Perhatikan petikan hipoteks cerpen “KMdLE” dalam antologi cerpen *Bunga Putik Putih* yang berikut;

“Saya ingin belayar. Belayar hingga ke negeri-negeri jauh!”
Itulah luahannya sejak dia mula tertarik dengan beberapa model kapal.

“... Kaulihat anakmu. Apakah kau tidak melarangnya dengan angan-angannya. Dengan sejumlah besar model kereta? Atau memang dia mula mewarisi bakat datuknya, belayar?
Please darling.

Datuk?
Belayar?
“Di mana kubur Edward Baker, mum!”
“Datukku jauh di pulau rempah!”

(“KMdLM”, 1991:78)

Perhatikan petikan hiperteks dalam novel *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

“Saya ingin belayar. Belayar hingga ke negeri-negeri jauh!” Itulah luahannya sejak dia mula tertarik dengan beberapa model kapal.

“...Kaulihat anakmu. Apakah kau tidak melarangnya dengan angan-angannya. Dengan sejumlah besar model kereta? Atau memang dia mula mewarisi bakat datuknya, belayar?
Please darling.

Datuk?
Belayar?
“Di mana kubur Edward Baker, mum!”
“Datukku jauh di pulau rempah!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 11)

Pengarang memindahkan petikan cerpen “KMdLE” di atas terus ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* secara sepenuhnya. Hal ini menunjukkan transformasi fizikal dilakukan oleh pengarang untuk menunjukkan keinginan Erik, watak utama “KMdLE” belseyar menjelak datuknya Edward Baker. Erick sangat tertarik dengan laut dan model kapal sejak kecil lagi ditambah beliau merasakan keturunannya memang seorang pelaut. Pengarang juga memasukkan Bab II transformasi fizikal ke dalam *Pulau Renik Ungu* bertujuan menunjukkan keakraban persahabatan dua sahabat. Kedua-dua sahabat ini dilihat sering bersama-sama dalam pelayaran merendah lautan. Tiada perasaan gentar di hati mereka. Mannu berjaya dengan dorongan daripada keluarganya. Yang berikut merupakan petikan hipoteks asal cerpen “KMdLE” dalam *Bunga Putik Putih*.

Beberapa anak kapal di bahagian pemunggahan di geladak bawah sedang sibuk mengatur peti-peti kontena. Keriuhan di bawah terdengar hingga ke geladak atau di anjung peranginan.

“Kau juragan yang baik. Sebagai nakhoda kapal, aku bangga belseyar bersamamu.

“Kau berhasil menjadi nakhoda kapal milik keluargamu. Aku juga yang belum menjadi apa-apa.”

“Oh, jangan begitu sahabat. Tanpa kau, kapal ini tidak akan bernyawa. Siapa yang akan menghargaimu sebagai Juragan Awasan pertama di Rajawali kita. Ha! Rajawali. Kitalah maharaja di laut. Ah! Jangan merendah diri *admiral*.

(“KMdLE”, 1991:79)

Perhatikan petikan Bab 11 yang dijelmakan dalam *Pulau Renik Ungu* yang berikut tanpa mengalami sebarang perubahan baik daripada aspek plot dan gaya bahasa;

Beberapa anak kapal di bahagian pemunggahan di geladak bawah sedang sibuk mengatur peti-peti kontena. Keriuhan di bawah terdengar hingga ke geladak atau di anjung peranginan.

“Kau juragan yang baik. Sebagai nakhoda kapal, aku bangga belseyar bersamamu.

“Kau berhasil menjadi nakhoda kapal milik keluargamu. Aku juga yang belum menjadi apa-apa.”

“Oh, jangan begitu sahabat. Tanpa kau, kapal ini tidak akan bernyawa. Siapa yang akan menghargaimu sebagai Juragan Awasan pertama di Rajawali kita. Ha! Rajawali. Kitalah maharaja di laut. Ah! Jangan merendah diri *admiral*.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 11)

Transformasi idea ini digarap oleh pengarang dan dijelmakan bagi mewujudkan konflik dalaman kepada watak Henry. Dalam Bab III (“KMdLE”:1991:81), Henry terperanjat melihat Zaidah, iaitu wanita pulau rempah yang ditemui tiga tahun lepas bersendirian dalam pelayaran di Laut Baltik. Melalui buku nota Zaidah yang tercicir, pertemuan mereka berulang kembali di Laut China Selatan dalam pelayaran *Cruise Muhibah*. Henry yang telah berumah tangga dan mempunyai anak tidak bahagia dengan perkahwinannya. Zaidah merupakan watak utama dalam hiperteks ini masih bersendirian. Walaupun beberapa kali bercinta namun percintaannya berakhir dengan kegagalan. Pertemuan Zaidah dengan Henry di Laut Baltik dan di Laut China Selatan akhirnya membenihkan perasaan cinta antara kedua-duanya. Henry terpikat dengan kecantikan dan kelembutan wanita dari pulau rempah ini. Beliau berusaha untuk mendekatinya sepanjang pelayaran mereka ke Semenanjung. Peristiwa ini dapat dilihat dalam Bab IV (“KMdLE”, 1991:88).

Sisian kolam. Bukankah di lataran ruang seperti itu juga dia pernah menyapa wanita itu ketika di langit sarat bintang. Kala angin menolak kapal *Finnjet* meninggalkan pelabuhan Helsinki menuju Travemunde di dataran Jerman.

“Barangkali buku nota ini penting sekali buat anda ... miss, apa benar ini kepunyaanmu?” ...melihat kegugupan sinar mata wanita di hadapannya. Wanita kecil dengan huraian rambut yang menjulur lurus ditiup angin yang bebas di anjung peranginan turut membawa bau yang asli.

Pertemuan yang membenihkan bibit percintaan ini juga terlihat dalam plot (PRU, 1995:16). Henry seakan-akan mencari ruang untuk bertemu Zaidah. Dia dapat merasakan wanita dari pulau rempah itu mempunyai banyak keistimewaan yang tiada pada wanita-wanita lain yang pernah ditemuinya. Pemindahan secara fizikal dilakukan oleh pengarang bagi keseluruhan cerpen “KMdLE” ke dalam novel *Pulau Renik Ungu*.

Sisian kolam. Bukankah di lataran ruang seperti itu juga dia pernah menyapa wanita itu ketika di langit sarat bintang. Kala angin menolak kapal *Finnjet* meninggalkan pelabuhan Helsinki menuju Travemunde di dataran Jerman.

“Barangkali buku nota ini penting sekali buat anda ... miss, apa benar ini kepunyaanmu?”

Henry melihat kegugupan sinar mata wanita di hadapannya. Wanita kecil dengan huraian rambut yang menjulur lurus ditiup angin yang bebas di anjung peranginan turut membawa bau yang asli.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 16)

Dalam perkataan lain, pengarang telah melakukan transformasi formal dengan pemindahaan keseluruhan cerpen ini ke dalam genre novelnya. Petikan terakhir cerpen ini menunjukkan bahwa pengarang ingin melanjutkan perhubungan antara Zaidah dan Henry. Deraian air mata cukup membuktikan bahawa kedua insan ini mulai diamuk perasaan yang sukar untuk digambarkan. Hanya mereka yang pernah mengalami percintaan dapat merasainya di saat-saat perpisahan tiba. Lihat petikan terakhir daripada hipoteks cerpen “KMdLE” yang dijelmakan ke dalam *Pulau Renik Ungu*.

Tapi kenapa ada air mata. Ada perih yang menyusup. Dan kesayuan yang sering menunda. Antara deru angin dengan percikan ombak yang memukul badan kapal, bagai taufan yang

tiba-tiba datang, semuanya menggumul liku hidup. Air mata itu tumpah.

(“KMdLE”, 1991:91-92)

Lihat petikan terakhir daripada cerpen KMdLE yang dijelmakan ke dalam *Pulau Renik Ungu*;

Tetapi kenapa ada air mata. Ada perih yang menyusup. Dan kesayuan yang sering menunda. Antara deru angin dengan percikan ombak yang memukul badan kapal, bagi taufan yang tiba-tiba datang, semuanya menggumul liku hidup. Air mata itu tumpah...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:21)

Transformasi fizikal dalam peristiwa di Bab 1 merupakan permulaan hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*. Pengarang dengan sedar meletakkan hipoteks cerpen “KMdLE” bagi membolehkan plot berjalan lancar dan menarik minat khalayak meneruskan bacaan. Di sini bermulalah unsur saspen untuk melicinkan lagi pemerian plot. Pertemuan semula Zaidah dengan Henry merupakan transformasi idea yang diterjemahkan oleh Siti Zainon untuk menunjukkan bahawa transformasi idea percintaan dan hubungan kasih sayang tidak terbatas melangkaui bangsa mahupun agama. Yang berikut diperturunkan dialog hiperteks *Pulau Renik Ungu* bagi menyokong pendapat ini;

Tetapi setelah beberapa kali gugup, Henry mula menyedari dia sedang berhadapan dengan puteri Melayu. Zaidah, ... Oh aku harus membelikan sesuatu. Cincin!

“Aku melamarmu sayang - sudi menerima lamaranku?!

Zaidah tergigil-gigil kala Henry menyarung cincin dengan hiasan sembilan butir berlian itu ke jari manis tangan kanannya. Untuk pertama kali Zaidah bagi dewi terlayang-layang di awan biru. Ada angin lembut meniup sukmanya Dia bagai tidak berani memandang wajah Henry.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:110)

Transformasi idea diteruskan oleh pengarang dengan merancang susunan plot agar lebih kemas dengan menggunakan teknik klimaks. Pengarang membina perasaan cinta, kasih dan sayang antara Zaidah dengan Hairul menerusi satu ikatan suci lagi luhur, iaitu perkahwinan. Akhirnya dengan persefahaman dan pertautan kasih antara kedua-dua watak, mereka mengecapi kebahagiaan di alam perkahwinan apabila Henry memeluk agama Islam. Henry telah menggunakan nama baharunya, iaitu Hairul. Memang konflik melanda jiwa Zaidah namun melihat keikhlasan Henry untuk memperisterikannya, Zaidah menerima dan reda dengan ketentuan Illahi. Zaidah menerima Henry dengan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi. Perhatikan petikan yang berikut dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* ketika kedua-dua watak menyatu sebagai suami isteri;

Dan bukankah tujuh bulan yang lalu jauh di Selat Melaka telah didengarnya serak basah suara Hairul menyambut lafadz nikah daripada wali hakim. Dengan huluran Al-Quran sebagai mas kahwin, saling menyarung cincin. Hairul dengan baju Melayu putih pasir, bersamping songket teluk berantai merah, dan Zaidah yang mengenakan kebaya sutera renda yang juga sama warnanya dengan baju Hairul, bersarung songket Terengganu dan selendang songket Minang.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:197)

Pemindahan idea oleh pengarang ini telah merentas benua, iaitu penyatuan dua hati diterima oleh kedua-dua belah pihak walau berlainan keturunan, bangsa dan agama. Untuk menjadikan plot *Pulau Renik Ungu* tersusun kemas daripada aspek pola dan jalinan penceritaan, Siti Zainon telah menyaring hipoteksnya dan berlakulah

penyeberangan genre cerpen kepada genre novel dengan pemindahan secara abstrak, iaitu idea yang berbentuk *aforisme* meresap daripada sebuah teks kepada sebuah teks. Sebagai pengarang juga penyair dan pelukis, Siti Zainon tidak dapat menyembunyikan kelembutan jiwanya yang diwakili oleh watak Zaidah. Kenyataan ini terlihat dalam peristiwa sewaktu Zaidah berkunjung ke sebuah rumah di Searle Street, di Sydney. Jiwa Zaidah yang berkecamuk menjadi tenang dan syukur apabila kehadirannya di rumah tersebut disambut penuh mesra oleh seorang wanita yang bergelar mentua. Perhatikan petikan dialog hiperteks *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

“Selamat pulang ... selamat datang sayang!” Seorang wanita melebihi usia tujuh puluh tahun menyambut dan merangkul Zaidah dan suaminya sebaik-baik sahaja pintu terbuka. Tidak ada debar yang paling mencemaskan hati seorang wanita, kecuali pertama kali berhadapan dengan mentua. Tetapi aneh dan tidak terduga bagi Zaidah ialah kemunculan wajah yang bagi pernah ditatapnya mesra. Ada pandangan keibuan dan suara kasih bermunculan di sana sini.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:189)

“Oh, sayangku, kau telah membawa pulang anakku .. Zaidah, kaulah anak kami, *please welcome to ours sweet home!*” Marie, mentua itulah ... wajah Marie, wajah nenek, saling imbas-mengimbas.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:191)

Berdasarkan watak Marie, iaitu ibu Henry pengarang ingin membuktikan bahawa kasih seorang ibu terhadap anak sungguh mendalam. Pekerjaan Henry sebagai pelaut menjadikan watak ini sering meninggalkan ibunya, iaitu Marie Baker. Apabila menerima perkhabaran Henry sudah menikahi Zaidah, Marie dengan rasa

sangat gembira meminta anaknya membawa pulang menantunya, iaitu seorang wanita Asia. Perhatikan petikan yang berikut;

Daun-daun pakis, mencelah-celah di jejeran pasu. Henry, bawalah Zeida ke sini, rumah ini terbuka untuk anak menantu! ... “Bawa Zeida pulang dalam musim bunga ini sayang! September - Oktober, bunga-bunga mula berkembang matahari makin panjang ... dan Krismas Disember ini, Henry pulanglah anakku.” Henry yang hilang bertahun-tahun lamanya ...”

(Pulau Renik Ungu, 1995:142)

Transformasi idea hubungan antara menantu dan mentua yang sewajarnya telah dipamerkan oleh pengarang kepada pembaca melalui perwatakan Marie Baker. Marie Baker bukan sahaja telah mengemaskin rumah untuk menyambut anak dan menantu malahan telah menulis surat kepada Zaidah untuk menunjukkan sikap prihatin dan perasaan keibuannya. Khalayak pembaca dapat melihat akan keikhasan hati Marie menyambut kepulangan anak dan bakal menantunya. Perkara sebeginilah yang sepatutnya diteladani oleh mana-mana wanita yang bernama mentua. Asas kebahagiaan anak-anak terletak di tangan kedua-dua ibu bapa. Oleh itu sebagai orang tua, ibu bapa bukanlah batu penghalang kepada kebahagiaan anak-anak. Malahan ibu bapa merupakan tonggak perlindungan kepada anak-anak untuk mendapatkan nasihat dan kasih sayang. Watak Marie diwujudkan pengarang sangat positif bagi melambangkan watak ibu yang penuh dengan sifat keibuan dan kasih sayang yang mutlak. Beliau bukan sahaja merestui malahan mendoakan kebahagian pasangan Zaidah dan Hairul.

Dear Zeida,

*We are looking forward to meeting you. You are almost welcome.
I'm sure you will enjoy our South land, there is so much to see and
do ...*

Love,


Marie Baker

(Pulau Renik Ungu, 1995:143)

Demikianlah plot novel *Pulau Renik Ungu* yang terzahir melalui pemindahan genre cerpen bertitik tolak daripada cerpen KMdLE. Dalam hal ini terbukti bahawa Siti Zainon berusaha mengabadikan segala yang berlaku melalui pengamatan dan hubungannya dengan persekitaran ke dalam pelbagai genre yang diterokainya. Secara tidak langsung, maka berlakulah proses transformasi (sama ada pemindahan dan penjelmaan) antara teks-teks yang dihasilkannya. Kenyataan ini menepati prinsip intertekstualiti Julia Kristeva (1980:66) yang mengatakan “.. *setiap teks terjalin hasil dari kutipan, peresapan dan transformasi daripada teks-teks lain..*” Proses transformasi ini dilakukan oleh pengarang bertujuan untuk mengembangkan idea kerana melalui cerpen, perkembangan plot agak terbatas. Oleh itu dengan novel, pengarang dapat menggunakan kreativiti dalam mengolah idea untuk mencerna penjelmaan tema yang lebih meluas.

4.2.2 Cerpen “Karangan Pulau”

Cerpen “Karangan Pulau” telah diterbitkan dalam antologi cerpen *Bunga Putik Putih* (DBP:1991). Berdasarkan cerpen ini, Siti Zainon telah menjelmakan cerpen ini (hipoteks) menjadi hiperteks dalam Bab ke-3 novel *Pulau Renik Ungu*.



Rajah 4.3 : Transformasi Cerpen “Karangan Pulau”
dalam Novel *Pulau Renik Ungu*

Cerpen “Karangan Pulau” mengutarakan tema persahabatan yang terjalin antara Zaidah dengan sahabat baharunya, iaitu Azza putera mitos Dayang Bunting (merujuk Pulau Langkawi) seorang wartawan dan Raiman putera Panji Dayang (Pulau Labuan) yang bergiat aktif dalam bidang politik serta bercita-cita menjadi pemimpin. Zaidah sesekali bertemu sahabatnya Azza semasa beliau menyampaikan ceramah sosiopolitik dalam seminar komunikasi. Raiman juga sering menyambut kehadiran Zaidah apabila Zaidah datang ke pulaunya semasa menjadi pembicara sosiopolitik. Semasa membina persahabatan tersebut, jiwa Zaidah sesekali terusik dengan gurauan sahabatnya Azza. Azza semacam menaruh perasaan terhadapnya dan berusaha untuk mengisi kekosongan di hatinya. Namun Zaidah menolaknya dengan baik kerana menghormati persahabatan mereka. Namun sewaktu bersama Raiman, perasaan Zaidah seolah-olah mereka diikat dengan suatu ikatan persaudaraan. Bagi Zaidah kedua-dua sahabat pulaunya itu sangat menyenangkan tambahan Zaidah memang menyenangi pulau. Cerpen ini dapat dikatakan mengungkap tema persahabatan yang sangat penting dalam konteks kehidupan hablul minannas, iaitu hubungan manusia sesama manusia.

Siti Zainon telah membuat transformasi formal sepenuhnya terhadap cerpen “Karangan Pulau” dengan memindahkan cerpen ini kepada genre novel *Pulau Renik Ungu*. Pemindahan fizikal ini dapat dilihat daripada awal cerpen “Karangan Pulau” sehingga cerpen ini berakhir dalam Bab 3 (PRU, 1995:32-39). Perhatikan petikan teks awal cerpen “Karangan Pulau” dalam antologi *Bunga Putik Putih* ke dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*;

“Kau tahu pun aku menyenangi pulau.”

Itulah percakapan awal yang didengarinya lewat telefon dinihari. Memang setelah upacara malam perpisahan meraikan tetamu luar negara dia tidak sempat pun mengucapkan selamat malam kepada Zaidah. Zaidah juga selamba meninggalkan restoran. Malam akhir bulan November juga telah memecahkan kedinginan yang ditandai dengan titis embun. ...

(“Karangan Pulau”, 1991:67)

“Kau tahu pun aku menyenangi pulau.”

Itulah percakapan awal yang didengarinya lewat telefon dinihari. Memang setelah upacara malam perpisahan meraikan tetamu luar negara dia tidak sempat pun mengucapkan selamat malam kepada Zaidah. Zaidah juga selamba meninggalkan restoran. Malam akhir bulan November juga telah memecahkan kedinginan yang ditandai dengan titis embun. ...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:32)

Perhatikan pula petikan teks akhir cerpen “Karangan Pulau” dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* berikut;

“Kitalah camar. Atau helang. Selagi kita bisa memberi ucapan nafas kehidupan selagi itu kita perlukan persahabatan. Yang ditandai dengan ingatan dan kasih sayang. Zaidah merakam suara Azza ... camar kecil berjambul merah di kepala.

Ketika telefon dinihari berdering lagi, Zaidah telah lama lena. Dalam mimpiya dia melihat tarian tiga ekor burung itu. Deringan telefon masih berbunyi.

(“Karangan Pulau”, 1991:75)

“Kitalah camar. Atau helang. Selagi kita bisa memberi ucapan nafas kehidupan selagi itu kita perlukan persahabatan. Yang ditandai dengan ingatan dan kasih sayang. Zaidah merakam suara Azza ... camar kecil berjambulmerah di kepala.

Ketika telefon dinihari berdering lagi, Zaidah telah lama lena. Dalam mimpiya dia melihat tarian tiga ekor burung itu. Deringan telefon masih berbunyi.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:39)

Pemindahan secara abstrak pula berlaku melalui proses transformasi idea yang wujud untuk menyokong perjalanan hidup Zaidah bersama sahabat-sahabat karibnya. Zaidah sering bertemu kedua-dua putera pulau ini, iaitu Azza di Pulau Langkawi dan Raiman di Pulau Labuan, ketika dia berkunjung ke pulau-pulau tersebut untuk sesuatu aktiviti sama ada akademik dan aktiviti sosial seperti pembacaan puisi mahupun ceramah kebudayaan. Persahabatan sebegini membuatkan jiwa Zaidah berasa gembira dan beliau meneruskan kembaranya terutama ke pulau-pulau. Menurut hipoteks “Karangan Pulau”, Zaidah mentafsirkan pulau seperti dalam petikan teks yang berikut:

“Kau tahu, pulau bagiku ialah ibarat gugusan karang yang tumbuh jauh di dasar laut. Bagai sebutir mutiara yang tersebunyi dalam perut lokan. Tapi karang lebih berani menampilkannya, hingga ia muncul dan didewaskan oleh kilau mentari...”

(*Bunga Putik Putih*, 1991:68)

Petikan teks yang sama ditransformasikan pula ke dalam *Pulau Renik Ungu* seperti yang berikut;

“Kau tahu, pulau bagiku ialah ibarat gugusan karang yang tumbuh jauh di dasar laut. Bagai sebutir mutiara yang tersembunyi dalam perut lokan. Tapi karang lebih berani menampilkan diri, hingga ia muncul dan didewasakan oleh kilau mentari... “

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 33)

Berdasarkan petikan di atas, jika diteliti Siti Zainon berusaha memasukkan unsur-unsur alam seperti (pulau, laut, mentari) dan hidupan laut seperti (karang, mutiara, dan lokan). Hakikatnya pengarang ingin membuktikan bahawa hubungan antara manusia sesama manusia ibarat pulau sememangnya berada dalam keadaan saling melengkapi. Hubungan manusia dengan alam pula tidak dapat dipisahkan umpama langit dengan bumi, iaitu sentiasa dalam keadaan menyatu dalam kebesaran Allah S.W.T. Tamsil yang diberikan oleh pengarang melalui watak Zaidah tentang pulau terdapat dalam “Karangan Pulau” (1991:73) dan ditransformasikan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* (1995:37) yang berikut;

“Aku hanya berlambang. Pulau seperti kataku ialah longgokan karang yang tumbuh dari dasar laut. ... Tapi kini pulau yang kumaklumi ialah himpunan sisa-sisa masa lalu yang membentuk peristiwa dari gabungan unsur langit, air, matahari, angin dan keseluruhan ciptaan Illahi.

(“Karangan Pulau”, 1991:73)

“Aku hanya berlambang. Pulau seperti kataku ialah longgokan karang yang tumbuh dari dasar laut. ... Tapi kini pulau yang kumaklumi ialah himpunan sisa-sisa masa lalu yang membentuk peristiwa dari gabungan unsur langit, air, matahari, angin dan keseluruhan ciptaan Illahi.

(*Pulau Renik Ungu* (1995:37)

Menurut Sammio Salleh dalam *Mastika* Julai 1991, keakraban imej-imej terutamanya imej alam (laut, langit, air, matahari, angin dan lain-lain) dan imej malam seolah-olah menjadi satu identiti yang tersendiri kepada Siti Zainon. Siti Zainon dikenali dengan pertautan yang erat antara malam dan alam contoh antologi puisinya yang berjudul *Nyanyian Malam* (DBP:1976). Transformasi imej ‘alam’ dan ‘malam’ ini dapat dikaitkan dengan kehidupan Siti Zainon yang serba kepayaan sewaktu menimba ilmu di bumi Indonesia. Pengalaman pahit beliau dalam menimba ilmu di ASRI, Indonesia dengan masalah kehidupan yang mencabar, masalah kewangan dan kerisauan terhadap keluarga menjadikan karya Siti Zainon sangat peka kepada imej ‘malam’, iaitu suasana yang memeritkan dan mendukacitakan. Ternyata kepenggarangan Siti Zainon jelas terserlah banyak dipengaruhi oleh faktor hubungan pengamatannya dengan persekitaran. Siti Zainon berjaya melakukan pemindahan daripada cerpen dan mengadunkan ke dalam novel dengan baik melalui pemindahan teks kepada teks berdasarkan kreativiti yang wujud dalam dirinya sebagai seorang pelukis-penyair, cerpenis dan novelis. Daripada dapatan ini, dapat dikatakan transformasi dilakukan oleh pengarang dengan tujuan memberikan pemaknaan baharu kepada audien hakikat persahabatan dalam kehidupan.

4.2.3 Cerpen “Episod Inderajati”

Kelangsungan transformasi fizikal seterusnya dilakukan oleh pengarang melalui pemindahan hampir keseluruhan daripada cerpen “Episod Inderajati” ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* dalam Bab 5 bagi menjadikan pemerian plotnya lebih menarik. Cerpen “Episod Inderajati” telah disiarkan dalam *Dewan Sastera*, September 1988. Cerpen ini kemudiannya diterbitkan dalam antologi cerpen *Attar dari Lembah Mawar* (MPDSB:1988) dan kemudian antologi *Rindu Pala Muda* (DBP:2005). Transformasi fizikal dilihat daripada hipoteks awal cerpen “Episod Inderajati” hingga ke akhir cerpen

ini dipindahkan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* (PRU, 1995:55-69). Lihat petikan yang berikut;

Perhimpunan itu akan diadakan di halaman. Di bawah pohon beringin tua menghadap ke arah matahari jatuh. Tepat matahari melampau batas sempadan dua kota. Ingat pastikan semua datuk penghulu mengambil tempat masing-masing sebelum derap langkah Dara Jingga menuruni ruang anjung. Tatkala derap sang puteri mencipta alunan ketujuh kala caklempong memainkan lagu si bunda kandung. Ingat! Itulah arahan dari ketua penghulu bergelar Bandaro Kayo keturunan pertama di Pariangan, turun dari Merapi menuruni ke lembah, datanglah segala yang bergelar, empunya sejarah di kaki bukit Bongsu di kaki bukit Batupatah. ...

(“Episod Inderajati”, 2005:113)

Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

(“Episod Inderajati”, 2005:128-129)

Perhimpunan itu akan diadakan di halaman. Di bawah pohon beringin tua menghadap ke arah matahari jatuh. Tepat matahari melampau batas sempadan dua kota. Ingat pastikan semua datuk penghulu mengambil tempat masing-masing sebelum derap langkah Dara Jingga menuruni ruang anjung. Tatkala derap sang puteri mencipta alunan ketujuh kala caklempong memainkan lagu si bunda kandung. Ingat! Itulah arahan dari ketua penghulu bergelar Bandaro Kayo keturunan pertama di Pariangan, turun dari Merapi menuruni ke lembah, datanglah segala yang bergelar, empunya sejarah di kaki bukit Bongsu di kaki bukit Batupatah.

...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:55)

Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

Pengaplikasian prinsip transformasi daripada cerpen “Episod Inderajati” kepada novel *Pulau Renik Ungu* ini dilakukan oleh pengarang untuk menunjukkan pertautan dan kesinambungan idea dalam karyanya. Pengarang melakukan transformasi formal terhadap cerpen “Episod Inderajati” ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* bertujuan untuk menerapkan unsur kecintaan dan rasa bangga terhadap nilai tradisi dan aspek sosiobudaya yang perlu dikekalkan. Perkara ini sangat penting agar generasi muda tahu menghargai adat budaya seperti yang ditonjolkan melalui watak Zaidah semasa menjalankan kajian di ranah Minangkabau. Dalam kajiannya, Zaidah mendapati *randai*, *bakada*, *salung* dan *balapak* tetap menjadi warisan zaman berzaman. Warisan budaya bangsa ini perlu dikekalkan agar generasi muda mengetahui dan meneruskan legasi leluhur mereka dengan perasaan bangga. Sesebuah masyarakat itu terkenal disebabkan kejayaan masyarakat tersebut mengekalkan identiti negara bangsanya seperti yang terlihat dalam masyarakat Minangkabau di Sumatera.

Zaidah seorang pensyarah dan penyelidik sedang mengumpul maklumat tentang nilai budi dan ciri-ciri kemanusiaan Minangkabau termasuk *randai*, *bakaba* dan *salung*. Zaidah bersama sahabatnya Peggy seorang ahli sejarah dan arkeologi dan mereka dibantu oleh Drs. Imran seorang ahli dalam adat dan filsafat Minangkabau “Alam Terkembang Jadi Guru”. Melalui bantuan rakan-rakannya, Zaidah berjaya mencantumkan semua data dan hampir beliau berjaya menyelesaikan hampir sebahagian penyelidikan untuk tesisnya.

Semasa menjalankan penyelidikan tersebut, Zaidah juga mendapat bantuan daripada seorang pemuda Minangkabau bernama Indera Marah Iskandar. Indera berasal dari Parak Juak dan merupakan seorang ahli sejarah. Namun Indera telah meninggalkan pekerjaannya di kampus dan menetap di kampung bersama ibunya. Untuk menyara kehidupan, Indera mengusahakan tanaman tomato dan memelihara kuda. Sesekali Indera mengajak Zaidah ke rumah untuk bertemu ibunya yang gigih membuat sulaman *balapak*. Zaidah sangat gembira melihat sulaman *balapak* yang cantik dan halus buatannya. Beliau kagum kerana masyarakat Minangkabau masih memelihara tradisi tersebut. Indera turut membantu Zaidah mendapatkan bahan-bahan sejarah tentang prasasti di Batang Hari, iaitu kerajaan Melayu di Kota Candi.

Pertemuan Zaidah dengan Indera diatur oleh Peggy untuk membantunya dalam kerja-kerja penyelidikan. Namun Peggy perasan bahawa Indera seringkali memerhati Zaidah dan seolah-olah memendam perasaan. Lihat petikan yang berikut daripada hipoteks “Episod Inderajati” ditransformasikan kepada hiperteks *Pulau Renik Ungu*.

“Kau sedar tak pemuda itu asyik mencuri pandang arahmu,
hingga aku jadi cemburu?”

“Kau setuju tak dengan pendapat Imran kelmarin. Zaidah
memandang Peggy yang bersila panggung di depan peraduan
Dara Jingga...”

(“Episod Inderajati”, 1995:6-7)

“Kau sedar tak pemuda itu asyik mencuri pandang arahmu,
hingga aku jadi cemburu?”

“Kau setuju tak dengan pendapat Imran kelmarin. Zaidah
memandang Peggy yang bersila panggung di depan peraduan
Dara Jingga...”

(Pulau Renik Ungu, 1995:60-61)

Zaidah teringat bahawa setiap kali berjumpa Indera pasti mitos Dara Jingga dibincangkan. Indera seolah-olah ingin menyatakan sesuatu kepadanya. Zaidah terasa ada sesuatu perasaan halus hadir dalam dirinya ketika bertemu Indera Marah Iskandar . Adakah dia sudah jatuh cinta atau Indera juga berpendapat sedemikian. Inilah persoalan yang bermain dalam fikiran Zaidah. Pengarang dengan kreativitinya berusaha mengungkap tema percintaan dan kasih sayang melalui pemindahn fizikal hipoteks cerpen kepada novel Hal ini terdapat dalam petikan yang berikut;

“Dara Jingga?”
“Inderajati?”
“Ya, seorang Dara Jingga telah datang ke sini!”
“Dan Inderajati telah menanti!” ...

....
sang pangeran
didengarnya derap kuda dipacu laju
dan kau Inderajati
benarkah ada
kejujuran itu
di mata rindu
atau hanya impi tak tentu
menjemput mentari jauh
dengan jalur yang pasti ...
atau sekadar harapan
sekadar impian!”

Bait terakhir ini diucap serentak. Indera terkejut, Zaidan terkilan ...

“Telah siap episod kita?”
“Episod Inderajati!”
Episod Dara Jingga?”

(“Episod Indrajati”, 15-16)

“Dara Jingga?”
“Inderajati?”
“Ya, seorang Dara Jingga telah datang ke sini!”

“Dan Inderajati telah menanti!” ...

....
sang pangeran
didengarnya derap kuda dipacu laju
dan kau Inderajati
benarkah ada
kejujuran itu
di mata rindu
atau hanya impi tak tentu
menjemput mentari jauh
dengan jalur yang pasti ...
atau sekadar harapan
sekadar impian!”


Bait terakhir ini diucap serentak. Indera terkejut, Zaidan terkilan ...

“Telah siap episod kita?”
“Episod Inderajati!”
Episod Dara Jingga?”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 67-68)

Zaidah mengagumi sikap Indera dan bibit kasih mula hadir dalam dirinya. Namun Indera lebih mengutamakan kedamaian dan ketenangan di gunung. Watak Indera ini dapat menjadi contoh kepada anak-anak muda hari ini bahawa setiap manusia harus mempunyai keperibadian yang unggul. Keperibadian ini tidak akan goyah sekiranya setiap individu itu tahu menggunakan keistimewaan yang diberikan oleh Allah S.W.T. Episod Inderajati dengan watak Indera walaupun berpendidikan tinggi, namun kebebasan dan maruah harga diri itu pusaka yang paling utama di samping tidak meninggalkan urusan duniawi. Demikianlah pemerian plot “Episod Inderajati” dan petikan yang berikut merupakan pemindahan fizikal ke dalam *Pulau Renik Ungu* menggunakan teknik imbas balik. Hal ini membuktikan bahawa pengarang telah melakukan proses transformasi daripada genre cerpen kepada genre novel dan dapatan kajian memperlihatkan faktor

keinginan pengarang dan pengalamannya dibawa dan ditransformasikan daripada hipoteks cerpen “Episod Inderajati” kepada hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*.



Rajah 4.4 : Transformasi Cerpen *Episod Inderajati* dalam Novel *Pulau Renik Ungu*

4.2.4 Transformasi Cerpen “Musim Gugur Pertama”

Aplikasi transformasi telah dibuat oleh pengarang dengan menyisipkan hipoteks cerpen daripada antologi cerpen *Rindu Pala Muda* (2005). Hipoteks sebahagian cerpen “Musim Gugur Pertama” ditempatkan di bahagian prolog *Pulau Renik Ungu* menggunakan teknik imbas balik. “Musim Gugur Pertama” menggunakan latar lokasi Belanda dengan pengenalan kepada dua watak utama iaitu Ana dan Kevin. Kedua-dua watak ini dalam perjalanan yang destinasi asal melawat Muzium Seni tetapi berubah ke Muzium Kapal. Kevin melihat kekeliruan Ana lalu menjelaskan bahawa dia ingin melihat kapal Bugis. Akhirnya trem yang membawa mereka sampai di destinasi dan Ana mulai menyenangi pemuda tersebut. Di Muzium Kapal, Ana melihat *Lopi*, iaitu perahu Bugis dan *Biseang*, iaitu perahu Makasar. Mereka kemudiannya meninggalkan *Nedherland Scheepvaat Museum* dan di lorong yang dilalui, Ana melihat gambar sauh, perahu, dan sekeping poster besar di tembok tercatat ‘The Kris Pusaka’. Ana terperanjat apabila Kevin

memintanya meneka berapakah jumlah keris yang dipunyainya kerana tiada dalam fikrannya Kevin peminat keris, iaitu pusaka bumi Melayu. Ana mula membayangkan sesuatu dan dia terkenangkan perdebatannya bersama Kevin apabila Kevin bercerita tentang persahabatan Tuan Bolland, iaitu datuk Kevin bersama Opu Daing.

Bermula daripada kenangan yang muncul berdasarkan watak Ana, pengarang telah melakukan proses pemindahan fizikal sebahagian cerpen “Musim Gugur Pertama” ke dalam prolog *Pulau Renik Ungu* (1995:2). Melalui prolog ini terlihat dialog antara Tuan Bolland bersama Opu Daing dalam usaha mereka menyatukan alam Melayu menentang penjajah. Pengarang telah melakukan transformasi fizikal daripada cerpen “Musim Gugur Pertama” dalam antologi *Rindu Pala Muda* melalui petikan yang berikut;

“Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya kepada saya. Demi, demi Bugis Arung - raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia!...Itulah perbicaraan awal Bolland. Seorang lelaki asing, yang dapat diterima oleh Opu untuk bertamu di rumah. Bolland tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* pada November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas. “ . . . ” Seperti Bolland, Parman juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* pada November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas. . . .


(“Musim Gugur Pertama”, 2005:71)

Pemindahan teks di atas memperlihatkan proses kreativiti seseorang pengarang apabila berlakunya penyerapan idea atau ideologi dalam karya yang baharu daripada teks yang dihasilkan sebelum ini. Melalui watak-watak dalam petikan dan dialog di atas,

pembaca dapat membuat jangkaan bahawa ketiga-tiga watak ini bersahabat baik dan sedang merancang sesuatu demi kepentingan negara. Perhatikan petikan teks yang berikut hasil daripada proses transformasi fizikal (plot, watak, tema dan gaya penulisan tiada perubahan) yang dilakukan dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*.

“Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya kepada saya. Demi, demi Bugis Arung - raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia!...Itulah perbicaraan awal Bolland. Seorang lelaki asing, yang dapat diterima oleh Opu untuk bertemu di rumah. Bolland tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* pada November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas. “ . . .” Seperti Bolland, Parman juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* pada November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas. . . .

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:2)



Rajah 4.5 : Tranformasi Cerpen *Musim Gugur Pertama* dalam Novel *Pulau Renik Ungu*

Dalam cerpen “Musim Gugur Pertama” watak Bollard dipaparkan melalui watak Kevin semasa Ana mengimbas semula cerita yang disampaikan oleh Kevin kepadanya. Pengarang berusaha melakukan transformasi idea dengan memasukkan nilai patriotisme atau semangat cinta akan negara dalam ruang fikir khalayak melalui watak Paiman yang dijelmakan dalam novel *Pulau Renik Ungu* (1995). Berbekalkan semangat pahlawan Deponegoro, Paiman dan Opu Daing, iaitu seorang pinanti atau pemimpin upacara adat telah bersama berganding bahu mempertahankan maruah negara. Mereka berhasrat untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Bollard, iaitu seorang wartawan berbangsa Inggeris berasa amat selesa tinggal di Kepulauan Melayu. Namun beliau terpaksa mengundurkan diri atas nasihat Opu Daing memandangkan keselamatan dirinya dan keluarga semakin terancam. Hal ini kerana sikap Bollard yang memihak kepada anak bangsa Melayu dalam mempertahankan negara melalui artikel yang ditulisnya telah diketahui oleh ketuanya.

Petikan yang berikut dalam cerpen “Musim Gugur Pertama” memaparkan nasihat Opu Daing kepada Tuan Bollard. Jelas sekali lagi pengarang berusaha menerapkan kesinambungan idea persahabatan dalam hubungan mereka. Sikap saling mengambil tahu dan bertanggungjawab adalah asas kesejahteraan dalam hubungan sesama manusia. Petikan di bawah merupakan penghujung teks yang dipindahkan ke dalam *Pulau Renik Ungu*.

Buat sementara ini, Tuan Bollard berundur saja dulu. Pertempuran akan meletus. Ada darah bakal mengalir di tembok benteng. Berangkatlah segera. Turun ke *Panisi*, tapi bukan di Teluk Ppandan. Esok senja satu rombongan akan mengiringi tuan ke Pare-Pare. Dari sana, *Panisi* telah bersedia di teuk paling hujung. Nah, selamat dalam perjalanan nanti.”

(“Musim Gugur Pertama”, 2005:72)

Buat sementara ini, Tuan Bolland berundur saja dulu. Pertempuran akan meletus. Ada darah bakal mengalir di tembok benteng. Berangkatlah segera. Turun ke *Panisi*, tapi bukan di Teluk Ppandan. Esok senja satu rombongan akan mengiringi tuan ke Pare-Pare. Dari sana, *Panisi* telah bersedia di teuk paling hujung. Nah, selamat dalam perjalanan nanti.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:2)

Peristiwa ini membuktikan bahawa pengarang cuba menyampaikan idea bahawa hubungan antara kasih sayang sesama manusia perlu wujud, perlu kekal dan dimanfaatkan. Seorang sahabat tidak boleh ibarat kata pepatah Melayu, “pepat di luar tetapi rencongnya di dalam.” Atas dasar kasih sayang maka perasaan perikemanusiaan, perasaan tanggungjawab tanpa mengira warna kulit, bangsa maupun keturunan perlu diutamakan dan menjadi benteng kesejahteraan ummah. Tambahan pula manusia yang dibantu tersebut, iaitu Bolland merupakan sahabat Opu Daing dan Paiman yang menyokong perjuangan mereka dalam usaha membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. Jelas bahawa proses transformasi fizikal yang wujud dalam hiperteks memberikan mesej jelas, iaitu patriotisme atau rasa cinta dan sayang akan negara menjadikan watak-watak yang diilhamkan oleh pengarang sanggup berkorban mempertahankan tanah air yang disayangi.

4.2.5 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Cerpen “Antara Dua Pulau” merupakan hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*. Transformasi fizikal ditemui dalam plot *Pulau Renik Ungu* apabila pengarang menyambung prolog hipoteks sebahagian daripada cerpen “Musim Gugur Pertama”. Cerpen “Antara Dua Pulau” telah disiarkan dalam *Dewan Sastera*, Februari 1987 terbitan DBP. “Antara Dua

Pulau” terkandung dalam antologi cerpen *Atar dari Lembah Mawar* (MPDSB:1988) dan antologi *Rindu Pala Muda* (DBP:2005).

Cerpen ini dibahagikan kepada empat bahagian dan dua bahagian telah ditransformasikan ke dalam genre novel *Pulau Renik Ungu*. Petikan daripada Bahagian I yang terdapat dalam cerpen “Antara Dua Pulau” dipindahkan dengan memberikan tentang gambaran alam. Watak ‘dia’ mula dimunculkan oleh pengarang untuk merangsang minda pembaca. Lihat petikan asal hipoteks novel *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

Kini dia benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas jalan setapak, dia mencantas semak-semak, dan lalang-lalang yang menyuburi kawasan yang mengarah ke puncak bukit. ...

Dia kini mengarah ke laut. Matanya sekilas memandang ke langit. Tompok-tompok awan amat tipis dilatari langit yang begitu bersih, warna awan yang seakan melapangkan dada pada pagi bening memberikan cahaya putih lapang, melapisi permukaan laut. Tenang tanpa diganggu oleh desah buih yang memukul pasir pantai.

(“Antara Dua Pulau”, 2005: 51-52)

Perhatikan pula petikan yang terjelma dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* daripada teks asal cerpen “Antara Dua Pulau” .

Kini dia benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas jalan setapak, dia mencantas semak-semak, dan lalang-lalang yang menyuburi kawasan yang mengarah ke puncak bukit. ...

Dia kini mengarah ke laut. Matanya sekilas memandang ke langit. Tompok-tompok awan amat tipis dilatari langit yang begitu bersih, warna awan yang seakan melapangkan dada pada pagi bening memberikan cahaya putih lapang, melapisi

permukaan laut. Tenang tanpa diganggu oleh desah buih yang memukul pasir pantai.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:4-5)

Di sini pengarang telah menjelmakan watak Siti Aisyah, iaitu seorang perawan desa anak Lebai Ali yang bersama-sama dengan Joehari Yusouf Tib mengajar di madrasah di kampung itu, Siti Aisyah diberikan gambaran seorang gadis desa yang cantik, bersopan santun dan pemalu. Kedua-dua watak ini mula membina perasaan kasih sayang dalam ikatan agama yang kukuh. Sebagai gadis desa, Aisyah dilambangkan sebagai wanita Melayu tulen yang memiliki ciri-ciri ketimuran, penuh dengan sikap sopan dan santun. Jalinan penceritaan *Pulau Renik Ungu* berlangsung begitu cantik apabila dapat menimbulkan unsur penantian (*suspen*) juga kejutan (*surprise*) seperti petikan dialog yang berikut. Lihat transformasi fizikal petikan hipoteks daripada cerpen “Antara Dua Pulau”

Siti Aisyah juga nampaknya makin gembira membimbang anak-anak taman asuhan. Tetapi ada mata yang curiga. Ada pandangan yang tidak senang dengan perubahan itu.

Apabila tiba-tiba juga pemuda tangkas yang menjadi penggerak nadi desa digiring oleh pentadbir negeri, meninggalkan suara-suara pekikan dari desa, “Jangan dibawa pendekar kami!” laung pemuda-pemuda pencak silat.

“Jangan dibawa guru kami!” teriak anak-anak di taman asuhan.

“Jangan dibawa muazin kami,” laungan orang-orang dari tengah surau yang sama-sama mereka bangunkan kembali!

“Siapakah yang bakal meneruskan arahan untuk menyelesaikan loji-loji kecil yang baru kami dirikan?”

“Siapakah yang bakal menyelesaikan pembinaan kolam-kolam ikan kami?”

Aku akan menunggumu seperti juga kau menatap embun pagi. Seperti juga aku membasuh wajahku dengan air telaga di

setiap subuh. Berangkatlah. Aku tetap menunggu di bukit. Di puncak bukit kita.”

(“Antara Dua Pulau”, 2005:54.55)

Petikan di atas menunjukkan bahawa pengarang berusaha menghidupkan situasi dua watak yang baharu dilamun cinta. Namun tiba-tiba cinta itu dilanda kemelut perpisahan apabila si pemuda ditangkap pemerintah. Begitu juga dengan individu yang memerlukan khidmat pemuda tersebut seperti anak-anak taman asuhan, orang surau dan penduduk tempatan. Pengarang telah melakukan penyesuaian terhadap teks ini untuk menunjukkan betapa pemuda tersebut sangat diperlukan di kampung tersebut. Walau bagaimanapun harapan masih ada apabila Siti Aisyah sanggup menunggu di puncak bukit perjanjian mereka. Secara fizikal, prinsip transformasi ini terlihat dalam *hiperteks Pulau Renik Ungu* di bawah.

“Siti Aisyah juga nampaknya makin gembira membimbangi anak-anak taman asuhan. Tetapi ada mata yang curiga. Ada pandangan yang tidak senang dengan perubahan itu.

Apabila tiba-tiba juga pemuda tangkas yang menjadi penggerak nadi desa digiring oleh pentadbir negeri, meninggalkan suara-suara pekikan dari desa, “Jangan dibawa pendekar kami!” laung pemuda-pemuda pencak silat.


“Jangan dibawa guru kami!” teriak anak-anak di taman asuhan.

“Jangan dibawa muazin kami,” laungan orang-orang dari tengah surau yang sama-sama mereka bangunkan kembali!

“Siapakah yang bakal meneruskan arahan untuk menyelesaikan loji-loji kecil yang baru kami dirikan?”

“Siapakah yang bakal menyelesaikan pembinaan kolam-kolam ikan kami?”

Aku akan menunggumu seperti juga kau menatap embun pagi. Seperti juga aku membasuh wajahku dengan air telaga di setiap subuh. Berangkatlah. Aku tetap menunggu di bukit. Di puncak bukit kita.”



Rajah 4.6: Tranformasi Cerpen *Antara Dua Pulau* dalam Novel *Pulau Renik Ungu*

Berdasarkan proses transformasi di atas, Siti Zainon berusaha mengetengahkan isu bahawa pemimpin sangat penting. Penyerapan idea ini yang ingin disampaikan oleh pengarang. Sekiranya pemimpin yang tidak bersalah tidak dipertahankan, siapakah yang akan disandarkan sebagai pemimpin atau peneraju rakyat dan negara pada masa hadapan. Oleh itu menerusi pemindahan genre cerpen ke dalam hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* (1995:4-6), watak Yusouf Joehari Tib menjadi simbol atau lambang pemuda yang dapat membangunkan negara dan bangsa. Beliau seorang pemimpin muda yang berwawasan. Banyak aktiviti yang dijalankan oleh Yusouf Joehari Tib seperti aktiviti dalam dunia persilatan, di masjid dan dalam menambah rezeki penduduk kampung seperti menternak ikan. Yusouf Joehari Tib dikenali dan disayangi oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat usia kerana semangat yang kental dan tidak gentar seperti petikan puisi ‘Tangisan’ dalam antologi *Kau Nyalakan Lilin* (Galeri Melora:1990) yang ditransformasikan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu*;

kuttinggalkan daratan
dengan keberanian helang
bulan pertama muncul

dengan khabar angin
majulah ke hadapan
di sana masih ada pulau
dan pelabuhan

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:7)

Secara tidak langsung apabila khalayak membaca puisi ini berserta novel *Pulau Renik Ungu* akan memberikan gambaran dan tanggapan kepada khalayak terhadap watak Yusouf Joehari Tib, iaitu seorang tokoh pemimpin muda peneraju negara pada masa hadapan. Setiap individu mempunyai tanggungjawab terhadap negara sama seperti Yusouf Joehari Tib watak jelmaan pengarang. Yusouf merupakan seorang pejuang negara zaman silam yang sanggup melaksanakan amanah dan tanggungjawab demi negara. Melalui pembacaan terhadap puisi “Tangisan” di atas, khalayak akan memperoleh semangat kental seperti Yusouf Joehari Tib. Seorang rakyat yang sanggup meninggakan rumahtangga, anak dan isteri untuk bangkit bersama-sama anak watan lain memperjuangkan negara. Frasa *kuttingalkan daratan* membuktikan setiap pemimpin sanggup berbuat apa sahaja. Frasa *dengan keberanian helang* jelas menunjukkan setiap pemimpin tiada perasaan takut atau gentar dalam memperjuangkan tanah air. Hakikatnya seorang pemimpin yakin bahawa daripada perjuangan yang tulus dan ikhlas, harapan dan kejayaan pasti dapat dikecapi berdasarkan frasa *di sana masih ada pulau, ada pelabuhan*. Hal ini jelas meyakinkan khalayak, pemimpin sangat penting dalam membentuk sebuah negara bangsa dan juga dalam mempertahankan watan. Inilah bentuk akal budi pemikiran Melayu yang cuba ditonjolkan oleh pengarang. Perhatikan bagaimana semangat patriotisme yang kental berdasarkan petikan dialog di bawah;

“..Jepun telah mendarat di Singapura. Yusouf Joehari Tib.
Yusouf Joehari Tib, tugasmu laksanakan segera!

Namun, disebabkan sikap sesetengah manusia yang memiliki perasaan cemburu dan dengki khianat, maka bakal pemimpin yang berwibawa lagi berwawasan ini telah dihadapkan ke muka pengadilan dengan tuduhan tidak berasas sama sekali. Akhirnya Yusouf Joehari Tib menjadi tahanan politik dengan meninggalkan segala harapan yang diingini oleh individu yang menghaapkan kepemimpinan seorang ketua. Sewaktu dalam tahanan, Yusouf Joehari Tib berjaya menghasilkan beberapa butir batu yakut hitam yang menimbulkan kekusutan dan menjadi persoalan kepada Zaidah. Zaidah berasa hairan mengapa batu yakut yang dimilikinya juga berada dalam simpanan sahabatnya Raiman. Fikirannya bertambah kusust memikirkan Henry lelaki asing yang ditemui sewaktu dalam pelayaran yang kini mengisi ruang kosong dalam hatinya turut memiliki batu yakut yang seakan sama dalam simpanannya. Akhirnya segala kekusutan ternyata dapat dirungkaikan apabila Zaidah meneliti susur galur perjalanan hidup Edward Baker sebagai pedagang di kepulauan rempah semasa kepulauan Melayu berada dalam genggaman penjajah. Pemilik batu yakut tersebut ialah Henry dan Raiman adalah ternyata merupakan adik-beradik berlainan ibu.

Transformasi idea juga diwujudkan oleh pengarang melalui perwatakan Siti Aisyah. Siti Zainon ingin menyatakan bahawa peranan wanita amat penting dalam kehidupan seorang lelaki. Biarpun perwatakan Siti Aisyah digambarkan sebagai gadis kampung yang polos, namun semangatnya dibawa oleh Yusouf Joehari Tib sewaktu dalam tahanan. Hal ini yang lebih menguatkan semangat Yusouf Joehari Tib untuk berjuang demi watan kerana dia mengetahui kematiannya tetap akan ditangisi. Tema kasih sayang

dan percintaan ini dapat membawa minda khalayak pembaca bahawa setiap makhluk ciptaan Tuhan berpasang-pasangan dan hidup berkasih sayang antara satu sama lain. Setiap satu antara mereka adalah saling melengkap demi kebahagiaan yang diharapkan pada masa hadapan. Segala pahit maung, jerih payah akan ditempuhi bersama-sama demi membina masa hadapan yang bahagia. Oleh itu setiap manusia dan juga pemimpin kepada yang dipimpin, setiap individu perlu ada perasaan bertanggungjawab bukan sahaja kepada keluarga malahan kepada agama, bangsa dan negara tercinta.

Berdasarkan dapatan di atas, pengkaji melihat pemindahan abstrak yang dilakukan oleh pengarang berjaya memunculkan watak-watak yang seterusnya mengembangkan novel *Pulau Renik Ungu*. Hal ini juga bertujuan untuk mengimbangi antara teks dalaman dengan teks luaran yang wujud. Hasilnya berdasarkan proses transformasi dapatan ini memperlihatkan hasrat serta keinginan pengarang untuk mengetengahkan pendapat dan pandangannya secara rasional.

4.2.6 *Pulau Renik Ungu* - Hipoteks Puisi

Puisi merupakan genre yang menjadikan nama Siti Zainon sebaris dengan penyair tersohor. Menurut Muhammad Haji Salleh dalam Siti Zainon (1997:XVI),

Siti Zainon menjadi pengembara riang di negara nyata dan khayal, dan sering pula batas buatan di antara khayal, dan nyata itu dihapuskan oleh pandangan senimannya. Walaupun dunianya luas dan pelbagai, diambil dari sudut tasik sejauh Finland atau cahaya tasik sedekat Kintamani, atau bahan puisnya dikutip dari Bangi atau Bhopal, namun beliau memegang kukuh kepada pohon tradisi. Pantun dan keindahan kata menjadi unsur pengenal untuk banyak puisinya.

Pernyataan di atas dapat dibuktikan melalui novel *Pulau Renik Ungu*. Siti Zainon seorang yang suka mencoret dan mencatat. Kegemaran seterusnya beliau suka mendengar suara dan bunyi-bunyian. (Siti Zainon, 1994:4). Berdasarkan *Pulau Renik Ungu*, setiap catatan yang terdapat sama ada dicatat oleh Zaidah ataupun Henry, catatan tersebut ditulis dalam bentuk puisi. Di sini diperturunkan beberapa petikan puisi atau sajak yang terdapat dalam novel *Pulau Renik Ungu* yang menjadikan pembacaan khalayak lebih terarah untuk membacanya.

Bab 4 – catatan Zaidah

Selamat malam sahabat
barangkali
telah kuraih bintang impimu
kala aku berdiri
di anjung bahtera
menakluki langit luas terbuka
dan lautan-Mu
dan ombak dukaku ...”

(*Pulau Renik Ungu*; 1995:40)


Bab 8 – catatan Henry

“Bukan satu kejutan bila hati tersentuh
bibir langit mata laut
suara senyap pulau penyelamat
laut hanya perantara
kapal meluncur
kulihat batu-batu terhampar
aku mencari rumah persinggahan
si helang putih
ingin merdeka di situ”

“Selamat bertemu lagi Zeida!”

(*Pulau Renik Ungu*; 1995:40)

Penjelmaan kedua-dua puisi daripada catatan ini jika diperhatikan mempunyai persamaan. Pertama, daripada aspek pemilihan kata, iaitu kedua-dua watak memilih untuk menggunakan diksi yang berkait rapat dengan alam yang terbentang contoh bintang, langit, laut, helang, pulau; dan anggota badan seperti bibir, mata dan suara. Kedua; kesemua imejan yang digunakan oleh pengarang adalah mengarah kepada matlamat yang satu iaitu mencari destinasi abadi, iaitu Bab 4 - menakluk langit luas terbuka, Bab 8 - mencari rumah persinggahan yang bermaksud ketenangan dan lautan-Mu melalui alam perkahwinan. Hakikatnya jelas menunjukkan bahawa Siti Zainon seorang yang periang yang hidup dalam dunia kepenyairan. Beliau disenangi teman-teman dan melalui pergaulan tersebut, beliau bebas melahirkan kata-kata untuk mengungkapkan sesuatu idea yang kritis lagi kreatif. Kandungan novel *Pulau Renik Ungu* turut memasukkan puisi-puisi daripada puisi pengarang sendiri (hipoteks) dan juga menggunakan sumber yang dipetik daripada puisi rakan penyair lain. Puisi-puisi ini kemudiannya ditransformasikan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu*.

Hipoteks Puisi		Hiperteks Prosa
Penyair		
Penyair Lain		<i>Pulau Renik Ungu</i> (DBP : 1995)
Melayu Lama		

Jadual 3: Transformasi Puisi dalam
Novel *Pulau Renik Ungu*

Hipoteks puisi di bawah merupakan penjelmaan daripada puisi seorang penyair sahabat karibnya Taufik Ismail dan dijadikan prolog (hiperteks) di dalam novel *Pulau Renik Ungu*.

Apakah yang harus dituliskan
Bila begitu banyak yang tiada terucapkan?
Di atas meja, catatan-catatan kecil kawanku yang setia
Menggapai-gapai dalam angin dari jendela

(Taufik Ismail)
“22 Tahun Kemudian”, dalam Tirani dan Benteng, 1993: 10)

(*Pulau Renik Ungu*, 1995)

Prolog ini dipindahkan secara fizikal oleh pengarang dan ditempatkan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* untuk mengenang sahabat seperjuangannya dalam bidang kepenyairan. Penyair tersebut Taufik Ismail, iaitu seorang penyair Indonesia yang terkenal di Ranah Minang. Sumber hipoteks yang digunakan oleh Siti Zainon adalah untuk mengangkat amanat bahawa persahabatan sejati itu sukar dicari penggantinya walau berpuluhan tahun mereka tidak bertemu. Sajak Latif Mohidin seorang lagi sahabat penyair Siti Zainon turut ditransformasikan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* (1995: 31) seperti bait-bait puisi di bawah;

“... Laut
Aku datang ke mari
Membenam rinduku
Di dadamu
Dan aku tidak tahu
Kenapa begini ...
Sampai bila
Aku tidak tahu.”

4.2.6.1 Puisi Melayu Lama

Dalam novel *Pulau Renik Ungu*, Siti Zainon telah memilih beberapa puisi Melayu lama untuk dimasukkan ke dalam novelnya. Puisi-puisi Melayu lama berupa pantun ini dijelmakan dalam Bab 7 novel *Pulau Renik Ungu*. Pantun Melayu lama ini

ditranformasikan oleh pengarang ketika ingin memperkatakan tentang konflik yang berlaku dalam diri Henry terhadap Zaidah. Perhatikan petikan pantun empat kerat yang berikut;

“Burung merpati terbang seribu,
Hinggap seekor di tengah halaman;
Ingin mati di hujung kuku,
Ingin berkubur di tapak tangan.”

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:101)

Zaidah yang berada di sisi Henry dengan tidak sememana telah bertanyakan Henry apabila mendengar pantun itu diucapkan.

“Hah – pantun siapa tu?
“Pantunku – eh! Pantun Melayu.”

Tanpa sengaja Zaidah menyambut,

“Sayang sayang buah kepayang,
Ditelan mabuk dibuang sayang.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:84)

Transformasi pantun empat kerat di atas jika diperhalusi juga telah dijadikan seni kata lagu dengan menggunakan melodi *Gurindam Jiwa*. Pantun ini amat sesuai digunakan dalam kalangan anak-anak muda atau pasangan yang sedang bercinta, atau pasangan yang sedang menunggu untuk dijabkabulkan. Dalam erti kata lain, pengarang memindahkan pantun Melayu empat kerat ini adalah untuk menghiburkan setiap pasangan Adam dan Hawa dalam proses menjalin hubungan yang lebih rapat, iaitu berakhir di jinjang pelamin. Transformasi idea melalui pertemuan ini telah menimbulkan perasaan cinta Henry terhadap Zaidah.

... Aku tidak dapat menipu hatiku sendiri. Dialah pelabuhan teduh, bernilam silam! Sewaktu mengingati semula serangkap pantun himpunan Wilkinson yang ditemuinya di perpustakaan Hull, merangkak-rangkak Henry berpantun,

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:84)

Pengarang memetik puisi Melayu Lama dan ditempatkan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* ini bertujuan untuk mencantikkan gaya penulisan dan menjadikan pantun warisan bangsa ini dibaca oleh khalayak agar tidak pupus ditelan zaman. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa keistimewaan puisi ini dijelmakan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* bukan sekadar tatapan umum tetapi perangsang kepada generasi muda. Hal ini kerana watak yang menuturkan pantun tersebut adalah bukan dalam kalangan penutur natif Melayu. Henry seorang berbangsa Inggeris dan penganut agama Kristian. Keistimewaan Henry, beliau fasih berbahasa Melayu dan menguasai budaya Melayu.

Besar kemungkinan juga pengarang berhasrat menggunakan pantun Melayu lama ini untuk menjelmakan suasana kemesraan antara watak Henry dengan watak Zaidah. Suasana usik-mengusik disulami pantun Melayu memang sering terjadi dalam kalangan anak-anak muda zaman silam terutama yang sedang diulit bahagia bersama pasangan masing-masing. Bagi menunjukkan sikap berkasih sayang dan saling mencintai, maka terhasillah pantun seperti di atas. Pengkaji berpendapat bahawa adalah menjadi tugas seniman untuk mengetengahkan kembali warisan budaya bangsa ini agar tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Proses penjelmaan juga dilihat apabila pengarang mentransformasikan puisi Melayu ke dalam *Pulau Renik Ungu*, iaitu Bab 6. Kejadian ini berlaku ketika Henry dan Zaidah berdebat tentang isu persaingan perniagaan Dunlops – Guthries, yang mengangkat dan memunggah harta bumi Asia. Perhatikan petikan yang berikut;

Itulah debat kecil mereka ketika menghabiskan sisa kopi petang di kabin pelayaran. Bertambah lagi dengan pantun yang dikutip oleh Fanconnier, dan diulang oleh Henry,

“Tanam padi di bukit Jeram
Tanam keduduk di atas batu ...”

“Habiskan bait pantun itu”

Zaidah terkial-kial dengan pembayang pantun, sehingga Henry sendiri bersuara,

“Macam mana hati tak geram
Menengok tetek menolak baju”

Oh tuhan, inikah pantun berahi orang Melayu .. Henry! Wajah Zaidah merah padam, berasa seperti diusik.

“Maaf aku hanya mengutip saja. Pasti bukan pantunku, dengar pantun asliku,

Kupu-kupu terbang melintang,
Terbang di alur di hujung karang;
Pasal apa berhati bimbang,
Dari dulu sampai sekarang.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:77)

Walaupun pantun ini dijadikan bahan untuk gurauan namun pantun ini masih tetap mempunyai amanat yang mendalam dan perlu diperhalusi. Hal ini memberikan khalayak pembaca berfikir untuk mencari jawapannya.

4.2.6.2 Puisi Moden

Antara puisi yang menjadi sumber rujukan dan dijelmakan ke dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* seperti puisi “Tangisan”. Puisi ini dipetik daripada antologi *Puisi Putih Sang Kekasih* (1984:16) yang dipindahkan ke dalam prolog *Pulau Renik Ungu*.

kuttinggalkan daratan
dengan keberanian helang
bulan pertama muncul
dengan khabar angin
majulah ke hadapan
di sana masih ada pulau
dan pelabuhan

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:7)

Puisi ini dipindahkan dan ditempatkan ke dalam *Pulau Renik Ungu* untuk menunjukkan kekuatan yang diperoleh daripada harapan masa hadapan yang lebih cemerlang. Hal ini diwakili oleh lambang ‘pulau’ dan ‘pelabuhan’. Menurut Sakinah Abu Bakar (2015:139), puisi “Tangisan” menjelaskan pendirian pengarang yang tidak mudah menyerah kepada keadaan. Keyakinannya sangat tinggi seolah-olah seperti imej helang yang melambangkan watak yang mempunyai keperibadian yang tinggi. Helang sanggup terbang tinggi sambil memandang ke bumi dengan pandangan yang bersikap lebih prihatin dan berhati-hati. Kepayahan hidup yang dialami oleh Siti Zainon membuatkannya menjadi cekal dan penuh berani menempuh liku-liku kehidupan dengan pelukisan yang terjelma pada watak Zaidah dalam novel PRU.

Menurut Zurinah Hasan (2010:21), penyair Melayu telah membentuk ribuan metafora daripada unsur alam bagi membawa makna tertentu dan menyampaikan maksud puisi. Bagi menyokong kenyataan tersebut, perhatikan puisi keindahan hati seorang Sa”adi dari Syiraz yang dipetik daripada buku *Alam Puisi* Siti Zainon Ismail berjudul “Mutiara”.

Mutiara

Setitis air hujan, menitis dari awan,
malu ketika ia melihat ke laut,
“Siapakah aku apabila di sana ada laut? katanya.
tatkala melihat dirinya dengan mata kerendahan hati,
kerang mengasuhnya dalam pelukannya.

(Siti Zainon Ismail, 1994:29)

Oleh itu, jika dihayati pemilihan unsur ini turut dijadikan tajuk novel, iaitu *Pulau Renik Ungu*. Pada keseluruhannya, idea tentang gambaran alam (pulau) dan isi alamnya memberikan khalayak pembaca berfikir betapa agungnya kebesaran Illahi. Pengutaraan bahasa dan pemilihan perkataan oleh Siti Zainon menjadikan diri manusia sangat kerdil (renik) berbanding pencipta-Nya. Transformasi idea berdasarkan perkataan ‘ungu’ membawa banyak makna mengikut interpretasi penilaian khalayak pembaca. Lantaran itu sebagai manusia bagaimanakah kita menterjemahkan perasaan hati melainkan melalui perantaraan pena. Kewibawaan Siti Zainon dalam mengungkap kata dan amanat terserlah dalam banyak puisi yang dihasilkannya. Perkataan ‘ungu’ ditemui dalam puisi “Usia” yang ditransformasikan menjadi nama novel, iaitu *Pulau Renik Ungu*. Lihat petikan puisi ‘Usia’ dalam antologi *Perkasihan Subuh* (1984:81);

hidup didewasakan
menjadi kristal
memancarkan cahaya berpenjuru

seharusnya kita berhati-hati
memantulkan kembali
ke hala
yang satu.
tanpa keizinan-nya pagi tidak lagi berbau tanah
atau tiba-tiba
lorong kecilku
digauli ungu.

Kenyataan ini juga dapat dilihat melalui petikan puisi “Lembah Mawar” daripada antologi *Perkasihan Subuh* (1986: 10) yang berikut;

Telah mereka bawa berita luka
kau terkapar – sedih dihiris
kata-kata hanya debu di panas kering. Bila
pintu ditutup. Di corong asap – muncul kabut ungu!
Sekolam air mata hitam sekering daun-daun melayang
kaudengarkah gendang dipalu oleh tangan tak bermaya
kilau fatamorgana tak bisa memberi setitis air.

Saudaraku,
tiuplah aroma attar itu
dari Lembah Subur-Mu
hanya setitis bagi air mata dulu
tumpah ke setanganku!

Jaipur, 1985

Siti Zainon cepat terkesan dengan sesuatu peristiwa yang berlaku. Hal ini membuat beliau melahirkan amanat tentang hubungan antara manusia dengan pencipta-Nya. Perkataan kristal, cahaya, lorong, ungu (puisi ‘Usia’) disambut dengan frasa berita luka, panas kering, kabut ungu, sekolam air mata dan kilau fatamorgana (puisi ‘Lembah Mawar’) melukiskan apa yang sedang membara atau bergejolak dalam diri insan yang bergelar manusia. Setiap manusia berusaha mencari dan mengharapkan kebahagiaan (tiuplah aroma attar itu) namun di penghujung kehidupan belum pasti menjanjikan

kebahagiaan (lorong kecilku digauli ungu atau di corong asap – muncul kabut ungu).

Berdasarkan sajak di atas, transformasi idea berdasarkan femonena rasa jelas kelihatan yang ingin dikongsi oleh pengarang, iaitu kasih sayang lalu mengajak pembaca mengabdikan diri kepada Pencipta dengan berbuat kebajikan.

Sebagai contoh, peristiwa tsunami banjir yang telah melanda bumi Aceh. Siti Zainon telah melibatkan diri dengan kerja-kerja bakti di Aceh sehingga lahir puisinya yang berbunyi;

Aceh ... lon sayang
Nanggroe meutuh
Nanggroe meutuah pusaka kaya
Rayeuk Aceh nyoe lam jaroe gata ...

Aceh yang kusayang
Negeri bertuah
Negeri bertuah pusaka kaya
Gah Aceh di tangan anak muda

(Siti Zainon Ismail, 2005:vi)

4.2.7 Novel *Pada Sebuah Kapal*

Novel *Pada Sebuah Kapal* (1973) ditulis oleh NH. Dini atau nama sebenarnya Nurhayati Sri Hardini Siti Nukatin. Beliau merupakan seorang penulis wanita Indonesia yang terkenal. NH. Dini adalah anak bongsu daripada lima orang adik-beradik. Ayahnya bernama Saljowidjojo dan ibunya, iaitu Kusaminah berketurunan Bugis. NH. Dini dilahirkan di Semarang dan menetap di Perancis apabila mengahwini seorang diplomat Perancis, iaitu Yves Coffin. Hasil karyanya selain *Pada Sebuah Kapal* yang terkenal, di antaranya *La Barka* (1975) atau *Namaku Hiroko* (1977), *Orang-orang Tran* (1983),

Pertemuan Dua Hati (1986), *Hati yang Damai* (1998) dan karya-karya lain dalam bentuk cerpen, novelet, atau cerita kenangan.

NH Dini telah menulis lebih daripada 20 buah buku. Kebanyakan novel yang dihasilkannya berkisar tentang wanita dan menyuarakan tentang feminis. NH. Dini telah diberikan gelaran pengarang sastera feminis oleh Budi Dharma seorang pengkritik terkenal di Indonesia. Sesetengah pendapat menyatakan bahawa ciptaan dalam karyanya seorang yang diberikan perwatakan ‘aneh’. Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa karyanya menceritakan tentang dirinya sendiri. Namun karya NH. Dini mendapat tempat dalam kalangan peminat sastera dan hasil-hasil karyanya dikagumi. Sebagai contoh buku-buku NH. Dini sering dibaca dan menjadi bahan rujukan serta bahan untuk perbincangan dalam bidang kesusasteraan.

NH. Dini menggunakan teknik penulisan konvensional dalam karyanya, iaitu berupaya mengungkapkan perasaan hatinya. Bagi menghasilkan novel *Pada Sebuah Kapal* beliau mengakui terpaksa mengambil masa selama sepuluh tahun. Kenyataan ini menyamai pengakuan Siti Zainon yang menghasilkan novel *Pulau Renik Ungu* dalam tempoh masa yang panjang. Persamaan antara kedua penulis ini apabila mereka menyatakan bahawa mereka mendapat kepuasan setelah mereka dapat mengumpulkan catatan serta pengalaman ke dalam novel tersebut. NH. Dini sekarang menetap di Semarang setelah beliau kembali dari Perancis.

Pada Sebuah Kapal merupakan sebuah novel yang dihasilkan di Perancis dan diterbitkan di Jakarta. Novel ini mengisahkan kehidupan seorang gadis Jawa bernama Sri yang berusaha mencari sumber pendapatan. Antaranya memohon untuk menjadi seorang pramugari tetapi gagal. Setelah berkenalan dengan Saputro, mereka jatuh cinta dan merancang untuk berkahwin. Malangnya Saputro meninggal dunia dan Sri hidup dalam kesedihan. Sri kemudiannya bekerja sebagai seorang penari. Ketika ini sahabat baiknya, iaitu Carl berhasrat untuk memperisterikannya. Namun Sri menolak pinangan tersebut secara baik. Tidak lama kemudian Sri menerima pinangan daripada seorang pemuda Perancis yang bekerja sebagai diplomat bernama Charles Vincent. Sri kemudiannya meninggalkan Indonesia untuk mengikut suaminya yang bertugas ke Jepun. Setelah memperoleh seorang anak, Charles berubah sikap dan menjadi seorang yang panas baran.

Hal ini mengakibatkan berlakunya keretakan dalam rumah tangga mereka. Sewaktu ke Saigon, Sri dan anaknya memilih jalan laut dengan menaiki kapal manakala Charles menaiki pesawat. Sri amat menyukai laut dan dalam pelayaran tersebut Sri telah berkenalan dengan Michael. Sikap Michael amat disenangi Sri malahan Sri turut bersimpati apabila Michael bercerita tentang keruntuhan rumah tangganya. Akhirnya kedua-dua watak ini saling jatuh cinta dan Sri telah berkahwin dengan Michael. Plot *Pada Sebuah Kapal* berakhir apabila Sri meninggalkan Charles dan membawa anak mereka ke Perancis untuk hidup bersama Michael.

Ketika membaca kedua-dua buah novel tersebut, iaitu *Pulau Renik Ungu* (Siti Zainon Ismail, 1995) dan novel *Pada Sebuah Kapal* (NH. Dini, 1973), pengkaji

berpendapat bahawa terdapat persamaan yang ketara dalam novel yang jangka masa berbeza hampir 20 tahun ini. Persamaan ini terlihat dalam konteks pemerian plot, watak, dan latar. Atas dasar itu, pengkaji berpendapat bahawa Siti Zainon telah melakukan transformasi atau pemindahan secara abstrak berdasarkan pembacaan beliau terhadap novel *Pada Sebuah Kapal*. Idea belayar menggunakan jalan laut, iaitu kapal persiaran tidak dapat disangkal telah meresap daripada sebuah teks (*Pada Sebuah Kapal*) kepada teks yang lain (*Pulau Renik Ungu*). Perhatikan petikan yang berikut dalam bab VIII dalam *Pada Sebuah Kapal*;

Dinas suamiku di negeri ini belum selesai, tetapi diperbolehkan mengambil libur pandjang, karena dia akan tinggal di tempat jang sama selama dua tahun lagi jang berarti setahun lebih lama dari masa dinas jang biasa. ... dari sana ke Saigon, di mana Charles akan melepaskan kami, anakku dan aku, dengan sebuah kapal. Dia akan meneruskan perdjalanan dengan pesawat terbang melalui kota-kota di India jang telah lama ingin di kundjunginja.

Aku tidak keberatan mengadakan perdjalanan ini seorang diri. Tetapi tjara suamiku melepaskan kami hanja untuk bersenang-senang , ini tidak kusetudjui. ...

(*Pada Sebuah Kapal*, 1973:94)

Perhatikan peresapan yang dibuat pada petikan yang berikut dalam bab IV cerpen “KMdLE” (*Bunga Putik Putih*, 1991:155) yang ditransformasikan ke dalam *Pulau Renik Ungu*;

“Aku tidak tahu kenapa kau memilih laut untuk pulang ke Semenanjung. Harusnya kau beritahu aku lebih awal boleh juga mengambil cuti untuk menemani pelayaranmu. ”Zaidah mengutip keluhan Raiman sejak dari pulau. Perlukah dia menjelaskan keinginannya yang tiba-tiba merindui lautan. Atau kembali membuka lembaran rahsia kedatangannya berlarutan ke pulau hanya untuk mengutip desakan dalaman.

Penjelmaan watak-watak diperhatikan hampir sama, iaitu penampilan watak wanita yang menggunakan kapal sebagai medium pengangkutan untuk sampai ke destinasi. Perbezaan watak yang ditunjukkan bila mana Zaidah dalam *Pulau Renik Ungu* memilih jalanan laut untuk pulang ke destinasi di Semenanjung Tanah Melayu menggunakan kapal secara bersendirian. Manakala Sri dalam *Pada Sebuah Kapal* akur dengan keputusan suami belseyar ke Saigon bersama anaknya. Berdasarkan watak Micheal (PSK), bayangan pelaut pula terlihat kepada watak Erick (KMdLE) atau Henry (PRU). Nyata dalam konteks ini, kedua-dua memperlihatkan pertemuan watak-watak utama semasa berada di laut. Persamaan yang ketara apabila watak antagonis lelaki merupakan pelaut.

Plot dan jalinan penceritaan, tema dan latar juga mempengaruhi pengarang untuk melakukan proses transformasi secara fizikal. Pemerian plot hampir sama, iaitu watak utama (perempuan) belseyar dengan kapal, jatuh cinta dan akhirnya berkahwin dengan watak yang ditemui. Tema yang diangkat oleh pengarang memfokuskan kepada percintaan antara dua benua, dua watak yang berlainan agama dan bangsa tetapi dapat saling melengkapi antara satu sama lain atas dasar kasih sayang. Latar laut dan daratan digunakan oleh pengarang seperti Laut China Selatan, Laut Baltik, Kuala Lumpur, Tanah Minang (PRU) dan Semarang, Kobe, Jepun serta Perancis (PSK). Ternyata proses transformasi ini berjaya dijelmakan dengan cukup kemas oleh Siti Zainon dengan menggunakan beberapa sumber hipoteks awal seperti cerpen, novel dan puisi.

4.3 Transformasi *Delima Ranting Senja*

Novel ini merupakan novel ketiga yang dihasilkan oleh Siti Zainon Ismail. Jika diteliti secara mendalam pelbagai persoalan akan muncul. Namun pengkaji berpendapat bahawa novel *Delima Ranting Senja* (DRS) dapat dikatakan sebuah novel berunsur Islami. Hal ini kerana apabila khalayak membaca dan menghayati novel ini, dapatlah dirumuskan perspektif sastera seperti plot, tema, watak, latar masyarakat dan sebagainya menonjolkan imej keagamaan. Lihat petikan di bawah;

CATATAN PENULIS

Saya menulis di celah denyutan
hari dan jurai kembara.
Dari larik warna menjadi kata!
Rangsangan kerja tidak menentu,
mungkin di celah nota kuliah,
sinis mesyuarat Majlis,
menunggu sahabat lama di KLIA,
cawan retak di la Riz.

Sejak dinihari menjelang subuh,
di kilau embun segar di kebun halia di Apuan,
garis senja Merapi dalam kabut awan
penerbangan gerimis membasahi tubuh
di bawah payung de Palma malam
resah mentari atau perih bulan Almeera-Stad
di lengkung Kubah di depan Kaabah
masih dapat diraih kasih mesra sahabat
dan keluarga, ustaz dan imam
Demi Cinta Tulus Rahsia-Mu.

05-10 Julai 2004

Berdasarkan petikan “Catatan Penulis” di atas, pengarang cuba menyampaikan amanatnya bahawa setiap manusia yang dijadikan sebagai khalifah di muka bumi ini mempunyai tanggungjawab masing-masing. Dalam kesibukan tugas seharian, amanah dan tanggungjawab perlu dilaksanakan. Pelaksanaan ini bukan terhadap diri sendiri tetapi dalam satu jaringan atau lingkaran yang di dalamnya terdapat watak-watak yang saling

bergantungan. Kebergantungan ini terpacak dalam hukum hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam dan hubungan manusia dengan Pencipta.

Novel *Delima Ranting Senja* mengisahkan sepasang suami isteri, iaitu AbyRedha dan Sofina yang memperjuangkan agama dan bangsa. Namun perjuangan kedua-dua watak ini berbeza mengikut bidang masing-masing. Watak AbyRedha digambarkan sebagai seorang politikus manakala watak Sofina merupakan seorang pengamal media. Dalam kekalutan menyelesaikan tugas hakiki masing-masing, pasangan ini sering terpisah namun sesekali mereka bertemu. Walaupun jarak memisahkan kedua-duanya, namun kasih dan sayang tetap kukuh, saling mencintai dan berkasih sayang. Mereka bersyukur atas kenikmatan yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Berdasarkan prinsip intertekstualiti Julia Kristeva, pengkaji mendapati novel *Delima Ranting Senja* turut menerima pengaruh kemasukan seperti prinsip transformasi, iaitu beberapa buah karya pengarang sendiri daripada pelbagai genre ditransformasikan ke dalam novel ini. Berdasarkan plot *Delima Ranting Senja*, pengarang melihat berdasarkan watak Sofina masih meneruskan kembaranya ke pulau-pulau rempah seperti wajah Zaidah dalam *Pulau Renik Ungu*. Namun Sofina lebih lama di Aceh dalam mendepani negara yang ditimpa bencana alam. Beliau tetap meneruskan kerja rutin dan suami pula sering bersama masyarakat membantu kebajikan mereka. Menurut Abdul Rahman Napiah (1994), intertekstualiti membawa kepada soal pengaruh dalam penghasilan karya yang melibatkan komponen transformasi dan konversi atau pertentangan terhadap sistem. Penggarapan tentang isu penjajahan telah dijelmakan di dalam novel *Delima Ranting Senja* (DRS). Kuasa penjajah memang berhasrat untuk

menakluk tanah air dan kepulauan Nusantara. Penulis menggambarkan dengan nada protes tentang ketidakpuasan hatinya terhadap tindak tanduk penjajah. Ini jelas dilihat dalam petikan yang berikut:

Kenapa Aceh menjadi intaian, Kenapa Inggeris, Belanda dan Perancis saling merebut hati dan cuba mempengaruhi kuasa kerajaan di Tanah Ujung Sumatera. Inggeris sudah bertapak di Goa, menguasai Pulau Pinang. Perancis telah menaikkan bendera di Mauritius. Malah mereka sudah berpesta-pora. Telah membawa isteri masing-masing dari benua dingin utara. Bagai didengarnya muzik tari-menari baik di kapal atau di istana, meraikan kedatangan peniaga asing itu. Siapakah yang sedar, mereka yang datang konon dengan alasan bermiaga sudah mula memasang perangkap, negara kaya ini akan ditakluki juga. Mana kijang emas penyelamat, gajah sakti pelindung istana dan singa jantan benteng di medan juang?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:66-67)

Pengekalan adat dan tradisi memang tidak lekang dalam penghasilan Siti Zainon. Transformasi yang bersimbolkan objek bunga dan simbol haiwan dilakukan daripada cerpen “Mar” dalam antologi cerpen *Attar dari Lembah Mawar* dijelmakan melalui cerpen “Kayu Bersurat”:

“... Itulah arca kayu bersurat yang pertama dihasilkan ... Beberapa motif bunga pecah enam timbul berlapisan dengan motif bunga cengklik, daunan teratai, beberapa anak ikan bagi terapung dalam lingkaran kaligrafi bebas abjad alif, lam, lam, ha,... seni kaligrafi mula bertanya mana gaya tuluth, mana gaya kufi..”,

(*Delima Ranting Senja*, 2009:479)

Hal ini terjadi kerana pengarang berusaha mengekalkan tradisi-tradisi tersebut termasuk menjaga warisan leluhur atau nenek moyang yang perlu dipertahankan. Pengarang menjelmakan idea ini atas rasa kebimbangannya akan warisan yang bakal dilupakan oleh generasi sekarang dan akan datang. Hal ini dilihat melalui watak Lolani dan Aqrana dalam *Delima Ranting Senja* yang berikut;

“Melalui lorong-lorong damai di perbukitan mengingatkan Lolani akan pemandangan bukit di kampung asalnya nun jauh di kaki Banjaran Titiwangsa. ... Rumah nenek yang menghadap Sungai Perak juga memang berlapis dengan jejeran pokok kelapa, pinang dan rimbun kaduk di sepanjang lorong menuju tepian mandi. Di situ dia sering melompat dan berenang, menyelam mencari siput di celah-celah batu hampar. Tetapi sekarang bagaimakah kampung yang ditinggal lama,”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:283)

Sungai Kelantan mengalir seperti biasa. Selepas hujan, air bertukar warna menjadi coklat susu. Kelompok batang kayu terbongkar dan menghilir timbul tenggelam. Kelopak keladi bunting turut terseret di celah-celah sampah-sarap yang mengalir perlahan menuju ke kuala.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:309)

Hipoteks Antologi Cerpen/Puisi/Sumber Lain	Cerpen		Hiperteks Novel
<i>Rindu Pala Muda</i> (DBP:2005)	<i>Antara Dua Pulau</i> <i>Rindu Pala Muda</i>		
Atar dari Lembah Mawar	<i>Mar ...</i>		<i>Delima Ranting Senja</i>

(MPDSB:1988)	<i>Antara Dua Pulau</i>		(DBP:2009)
<i>Puisi (Lama & Moden)</i>	<i>Puisi Melayu Lama Perkasihan Subuh</i>		
<i>Sumber Lain</i>	<i>Al-Quran Sejarah</i>		

Jadual 4: Transformasi dalam Novel *Delima Ranting Senja*

4.3.1 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Cerpen “Antara Dua Pulau” merupakan cerpen yang telah ditransformasikan oleh pengarang ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Transformasi ini dapat dilihat dalam Bab XV - Belantara Tanah Air. Melalui penjelmaan watak Do Raman di dalam *Delima Ranting Senja*, khalayak pembaca mengetahui bahawa Do Raman merupakan seorang pejuang gunung dalam usaha membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Perhatikan dialog Sofina yang berikut;

“...kau sudah meneliti ungkapan Hasbul ketika di *Antara Dua Pulau* itu bukan? Kala itu namanya masih Hasbul? Kala itu namanya masih Hasbul bukan?”

“Anda punya koleksi *Antara Dua Pulau*? ”

Aduh jangan terkejut. Aku sudah membacanya lapan tahun dahulu. Lapan tahun dalam kamar pengap sana, itulah kelemahanku, kerana bersuara jujur tapi ini bukti curiga mereka, aku dituduh penghasut anak bangsa dan mereka menanti kepulanganku ...enam bulan kemudian masuk perangkap mereka, ‘orang yang harus diamankan kerana berbaik dengan orang dalam atau tali barut pejuang gunung’.”

“Jadi andalah antara nama panjang pejuang gunung itu?”

(*Delima Ranting Senja*, 2009: 213 -214)

Pengarang juga turut meresapkan pemikiran tentang betapa pentingnya perjuangan seorang pemimpin dan apakah tanggungjawab yang harus dipikul dalam cerpen “Antara Dua Pulau.” Transformasi abstrak melalui simbol suasana yang diwujudkan pengarang menonjolkan sikap seorang pemimpin yang prihatin seperti monolog yang berikut:

Kenapa ada manusia sanggup menderita, hidup sederhana, tinggal di rimba, jauh daripada kelompok masyarakat biasa, kalau bukan oleh pesan nenek moyang,” Jaga tanah air daripada penjajah yang hanya menabur janji!” Setelah setengah abad gagal atau akuan janji itu, inilah kami anak bangsa harus membetulkan kesilapan, kami harus hidup rukun damai dengan nilai-nilai Islam!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:227)

Perjuangan Hasbul ini diwakili oleh Do Raman dalam *Delima Ranting Senja* (2009: 224). Do Raman merupakan tokoh pejuang yang sanggup berjuang mempertahankan negara dan mengambil berat kesejahteraan rakyat jelata seperti petikan yang berikut:

“ ...Hidup terasing di gunung rahsia. Gaya hidup rimba, tidur di atas daun-daun kering dan lelap kerana letih dalam perjuangan panjang.

“Mestikah kita dituduh pembelot pemerintah pusat, hanya kerana ke gunung. Tolonglah jangan susahkan kehidupan rakyat yang sudah trauma dengan peperangan. Orang kampung perlukan ubat, anak-anak perlu sekolah, ...”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:224)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dikatakan bahawa pengarang menggunakan transformasi idea untuk mengungkapkan amanat tentang sikap sebagai seorang pejuang. Sikap mementingkan diri, ingin hidup bermewah-mewah tiada sekelumit dalam diri para pejuang. Hasbul dalam cerpen *Antara Dua Pulau* yang terjelma melalui watak Do Raman walaupun mendapat pendidikan tinggi di luar negara, namun sanggup mengangkat senjata mempertahankan tanah air dan membela rakyat jelata. Berdasarkan petikan yang berikut jelas menggambarkan kenyataan di atas;

Kini telah dua tahun dia kembali ke daerah itu. Telah dua tahun bererti dia kembali menyatukan dirinya dengan udara, air, angin, daun-daun, pasir, tanah ...

"Kita harus berani meneruskan hidup ini. Kita harus membanteras buta huruf. Kita harus peka akan kesihatan anak-anak kita...! Itu pidatonya kira-kira lima tahun lalu. Ketika dia pulang ke desa tidak berpakaian segak tidak bertali leher, atau memandu kereta menjadi pegawai daerah ...tapi dia pulang ke desa , kembali ke sawah ... ke ladang getah walau sesetengah petani masih curiga, masih tertanya-tanya. Namun tiba-tiba saja lapangan surau menjadi meriah.

(*Rindu Pala Muda*, 2005:52)

Petikan XV – Belantara Tanah Air daripada *Delima Ranting Senja* (2009: 225) membuktikan bahawa imej perjuangan jika disusuli keimanan yang mantap maka segala rintangan dapat dihadapi.


Do Raman sudah mulai merasa badannya tidak seimbang ... dia hampir tersungkur ...dan di paya itu mereka mengambil wuduk...

4.3.2 Cerpen “Mar”

Cerpen “Mar ” (*Attar dari Lembah Mawar*, 1988:85-95) merupakan hipoteks yang terdapat dalam hiperteks novel *Delima Ranting Senja* (DBP:2009). Cerpen ini juga

dikenali dengan nama ‘Kayu Bersurat’ seperti yang terdapat dalam risalah *Gebang Seni* sewaktu Siti Zainon membentangkan cerpen ini dalam kertas kerja Seminar Akal Budi Melayu. Hal ini membuktikan bahawa Siti Zainon mempunyai keinginan untuk mentransformasikan bukan sahaja watak Mar, iaitu seorang perempuan pengukir kayu yang berjiwa kental dan bersemangat waja malahan nilai seni warisan budaya yang wajar dipertahankan.

Pemindahan secara fizikal telah dilakukan oleh pengarang dengan keseluruhan cerpen ini berada dalam Bab XXXVIII *Delima Ranting Senja* (2009:470-481). Lihat rajah di bawah.



Rajah 4.9 : Tranformasi Cerpen *Mar* dalam Novel *Delima Ranting Senja*

Seringkali apabila membaca tentang pengukir tergambar karakter seorang lelaki namun dalam cerpen Mar.., si pengukirnya adalah seorang perempuan. Si pengukir kayu bersurat ini hanya mahu dikenali sebagai Okam (orang kampung) berasal dari Pantai Irama. Inilah antara mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang yang kedapatan dalam petikan transformasi fizikal yang berikut;

Sekali lagi Mike terkejut dan tidak percaya. Okam yang diceritakan itu sebagai pengukir kayu bersurat tengah bersila di anjung rumah ... dengan bersanggul tinggi, berlengan pipih, berjari dengan kuku meruncing. Ya dia wanita, pengukir wanita ... Si Okam masih meneruskan kerjanya. Daripada menukul baluh kayu, menurih, menggores, menebuk hanya dengan gerak tangan, lincah, wajahnya basah berkeringat. ...

Jejeran arca kayu bersurat sudah disusun memenuhi ruang taman. ... Kayu bersurat pertama dengan ketinggian empat jengkal dari tapak, sejengkal jejari tapak, ..Beberapa motif bunga pecah enam timbul berlapisan dengan motif bunga cengkikh, daunan teratai, beberapa anak ikan bagi terapung, dalam lingkaran kaligrafi bebas abjad alif, lam, lam, ha. Beberapa orang sahabat yang mula peka dengan pelajaran seni kaligrafi pula mula bertanya mana gaya tuluth, mana gaya kufi. Dengan ketawa dia menjawab, "Inilah gaya Okam, kita harus belajar gaya orang kampung."

(*Attar dari Lembah Mawar*, 1988:85-95)

Petikan di atas merupakan transformasi fizikal yang terdapat dalam cerpen *Mar ... (Attar dari Lembah Mawar, 1988:85-95)* dan juga terdapat dalam cerpen *Kayu bersurat* (Gebang Seni, Yayasan Kesenian Perak pada 22 Jun 2002) dan juga dalam novel Delima Ranting Senja yang berikut;

Sekali lagi Mike terkejut dan tidak percaya. Okam yang diceritakan itu sebagai pengukir kayu bersurat tengah bersila di anjung rumah ... dengan bersanggul tinggi, berlengan pipih, berjari dengan kuku meruncing. Ya dia wanita, pengukir wanita ... Si Okam masih meneruskan kerjanya. Daripada menukul baluh kayu, menurih, menggores, menebuk hanya dengan gerak tangan, lincah, wajahnya basah berkeringat. ...

Jejeran arca kayu bersurat sudah disusun memenuhi ruang taman. ... Kayu bersurat pertama dengan ketinggian empat jengkal dari tapak, sejengkal jejari tapak, ..Beberapa motif bunga pecah enam timbul berlapisan dengan motif bunga cengkikh, daunan teratai, beberapa anak ikan bagi terapung, dalam lingkaran kaligrafi bebas abjad alif, lam, lam, ha. Beberapa orang sahabat yang mula peka dengan pelajaran seni kaligrafi pula mula bertanya mana gaya tuluth, mana gaya

kufi. Dengan ketawa dia menjawab, “Inilah gaya Okam, kita harus belajar gaya orang kampung.

(*Delima Rantung Senja*, 2009: 472-479)

Dapat dikatakan bahawa apabila membaca Bab XXXVII - *Kayu Bersurat* dalam novel *Delima Ranting Senja* (2009: 470) daripada awal cerpen sehingga habis pembacaan, satu konklusi ditemui bahawa prinsip transformasi telah diaplikasikan sepenuhnya oleh Siti Zainon, yakni daripada genre cerpen kepada genre novel. Hal ini dibuktikan dengan beberapa petikan hipoteks awal dan akhir yang menunjukkan tiada langsung berlaku perubahan baik daripada aspek gaya bahasa mahupu plot penceritaan bagi kedua-dua genre yang berikut;

... Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan
zat-Nya. Bagi-Nyalah kuasa
memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah
kamu semua akan dikembalikan.

“Kayu Bersurat?”
“Hem, ye kayu bersurat!”
“Bukan batu bersurat?”

Prof. Mike Houtman memang hampir tidak percaya apabila Dr. Aqrar bercakap tentang kayu bersurat, bukan batu bersurat. Ah, dia sudah hampir 25 tahun mengkaji dan menganalisis batu bersurat. ..

(“Mar”, 1988:85)

Diperturunkan pula contoh petikan daripada novel *Delima Ranting Senja*

... Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan
zat-Nya. Bagi-Nyalah kuasa
memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah
kamu semua akan dikembalikan.

“Kayu Bersurat?”

“Hem, ye kayu bersurat!”
“Bukan batu bersurat?”

Prof. Mike Houtman memang hampir tidak percaya apabila Dr. Aqrان bercakap tentang kayu bersurat, bukan batu bersurat. Ah, dia sudah hampir 25 tahun mengkaji dan menganalisis batu bersurat. ..

(*Delima Ranting Senja*, 2009:470)

Contoh yang diperlihatkan ini menunjukkan pengarang mewujudkan transformasi idea bahawa setiap manusia akan menemui ajal dan yang kekal hanyalah Allah S.W.T. Watak Prof. Mike Houtman yang berasa hairan apabila Dr. Aqrان bercerita tentang kayu bersurat sedangkan beliau sudah 25 tahun mengkaji batu bersurat. Teks ini kekal tanpa sebarang perubahan. Yang berikut pula merupakan petikan terakhir yang terdapat dalam cerpen “Mar”

Diam-diam Sofina mencatat dalam buku di depan ruang pameran: Ukiran abadi Okamku = Orang Kampung, dengan denyut pencarian menuku Rumah Abadi.

Baik Mike, Aqrان atau Do Raman memang tidak bertanya lagi tentang kayu bersurat. Tetapi kenapa Okam tidak datang? Nota semalam, bukanlah dari Sofina, aku pergi dulu ke Jabar Rahmah, sahabat. Doakan sahabatmu!

(“Mar”, 1988:95)

Transformasi melalui watak-watak seperti Sofina, Mike, Aqrان, Do Raman dan Okam yang wujud dalam cerpen “Mar” dikekalkan dalam novel *Delima Ranting Senja* tanpa melalui sebarang perubahan. Begitu juga aspek penceritaan dan tema yang ingin

diketengahkan. Perhatikan petikan terakhir yang terdapat dalam novel *Delima Ranting Senja*.

Diam-diam Sofina mencatat dalam buku di depan ruang pameran: Ukiran abadi Okamku = Orang Kampung, dengan denyut pencarian menuku Rumah Abadi.

Baik Mike, Aqrana atau Do Raman memang tidak bertanya lagi tentang kayu bersurat. Tetapi kenapa Okam tidak datang? Nota semalam, bukanlah dari Sofina, aku pergi dulu ke Jabar Rahmah, sahabat. Doakan sahabatmu!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:481)

Melalui watak Aqrana, pengarang mentransformasikan keseluruhan idea yang ingin disampaikan. Ini dapat dilihat apabila Aqrana yang pernah menyapa seorang wanita (yang mirip Okam) dalam bas sepanjang menyusur ladang gandum di Ellon. Siapakah Okam yang sebenarnya? Itulah persoalan yang bermain di benak pemikiran Dr. Aqrana. Yang berikut pula petikan daripada teks asal cerpen “Mar...”

Mar yang tersedu di ladang gandum perbukitan Ellon 20 km ke utara Aberdeen. Dan Do Raman yang terhimpit di Sheffield. Do Raman dengan dendam nyilu, dan Mar yang dicekam sedu. Atau dia hanya terganggu saja dengan episod Mar.

“Mar?”
“Saya Okam.”
“Kam?”

(“Mar”, 1988:90)

Mar yang tersedu di ladang gandum perbukitan Ellon 20 km ke utara Aberdeen. Dan Do Raman yang terhimpit di Sheffield. Do Raman dengan dendam nyilu, dan Mar yang dicekam sendu. Atau dia hanya terganggu saja dengan episod Mar.

“Mar?”
“Saya Okam.”
“Kam?”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:475)

Pengarang berusaha mengajak pembaca memahami persoalan yang wujud dengan menggunakan latar tempat yang sama, iaitu di Laut Aberdeen. Kenyataan ini terlihat dalam petikan yang berikut;

Deru ombak Laut Aberdeen yang berlangit kelabu,
bangunan batu yang juga berwarna kelabu, memang dia
melihat wajah Mar yang sendu kelabu. Maaaaar!

(“Mar..”, 1988:90)

(*Delima Ranting Senja*, 2009:477)

Latar tempat yang sama juga ditemui dalam petikan daripada teks asal cerpen “Mar”

Deru ombak Laut Aberdeen yang berlangit kelabu, bangunan
batu yang juga berwarna kelabu, memang dia melihat wajah
Mar yang sendu kelabu. Maaaaar!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:477)

Ternyata latar imbas kembali ini merupakan sebahagian latar dalam cerpen “Mar....” Daripada teks hipoteks iaitu cerpen “Mar” wujud dalam cerpen “Kayu Bersurat” dan teks ini muncul dalam *Delima Ranting Senja*. Mar kali ini diberi nama lain iaitu akronim Okam (= Orang ... Kampung) merupakan seorang wanita pengukir kayu bersurat dari Pantai Irama.

“Sekali lagi Aqrani tersentak. Dua nama yang berbeza tetapi kenapa dia menemukan getaran hati yang sama.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:477)

Secara intertekstual, pengarang memasukkan rasa kecintaan Islami melalui watak Okam. Perhatikan pernyataan yang berikut;

Ia kedengaran dalam zikir sewaktu Okam mengukir seperti katanya, "... hanya hati yang lapang, fikiran yang tenang dan sukma yang luluh dalam zikir dinihari mampu mencipta bunga yang diingini"

Hal ini sebahagiannya masih bersifat subteks, andaian Aqrani, Mike dan Do Raman wujudnya hubungan ketuhanan sewaktu Okam mengukir.

"... ada zikir lewat jalinan kerawang, bunga cengkikh, sulur bayung dan unggas kecil... di situ menyatu jalinan surat abadi yang telah saling terikat tersimpul hanya dapat dibuka melalui mata hati.

("Mar..", 1988:92)

Ia kedengaran dalam zikir sewaktu Okam mengukir seperti katanya, "... hanya hati yang lapang, fikiran yang tenang dan sukma yang luluh dalam zikir dinihari mampu mencipta bunga yang diingini"

Hal ini sebahagiannya masih bersifat subteks, andaian Aqrani, Mike dan Do Raman wujudnya hubungan ketuhanan sewaktu Okam mengukir.

"... ada zikir lewat jalinan kerawang, bunga cengkikh, sulur bayung dan unggas kecil... di situ menyatu jalinan surat abadi yang telah saling terikat tersimpul hanya dapat dibuka melalui mata hati.


(*Delima Ranting Senja*, 2009:481)

Pengarang ingin memberitahu khalayak bahawa perasaan cinta Okam kepada keagungan Allah S.W.T sangat tinggi dan tidak berbelah bahagi. Bagi Okam dengan berzikir, beliau akan sentiasa mengingati Allah dalam apa juga pekerjaan yang dilakukan.

Menurut Okam, pekerjaan itu merupakan suatu ibadah. Okam bukan sahaja mendapat ketenangan malahan membuka mata hatinya bahawa segala yang berlaku adalah dengan perancangan dan izin Allah S.W.T. Sebagai manusia, Okam pasrah dirinya hanya seorang pengukir kayu. Namun dengan pekerjaan yang dilakukan, Okam akan menjadi bertambah khusyuk. Okam mendidik jiwanya dalam hubungan penyerahan seorang hamba kepada Pencipta tidak ada tolok bandingnya. Jelaslah bahawa cerpen “Mar” juga cerpen “Kayu Bersurat” yang merupakan hipoteks kepada novel *Delima Ranting Senja* berhasrat untuk menyampaikan amanat berhubung soal keagamaan. Kehidupan manusia perlu berlandaskan Al-Quran dan As-sunnah.

4.3.3 Cerpen “Atar dari Lembah Mawar”

Cerpen “Atar dari Lembah Mawar” terdapat dalam antologi cerpen *Atar dari Lembah Mawar* (ADLM) dan dipindahkan ke dalam *Delima Ranting Senja*. Cerpen ini telah diterbitkan dalam *Dewan Sastera* pada Julai 1986. Cerpen ini mengisahkan Sofiah bersama rakan-rakan yang baharu dikenali bertemu semasa seminar di Benua Tengah. Antara yang rapat dengan Sofiah Hafiz, iaitu Kholid Hassani. Perbincangan mereka banyak berkisar tentang sejarah silam yang diberikan pelambangan dengan Lembah Mawar yang berada di serata dunia. Suatu ketika dahulu lembah mawar sering dikunjungi dan menjadi keagungan terutama kepada pasangan yang berada dalam alam percintaan. Masing-masing dengan teori berhubung lembah mawar dan keberadaannya dalam kehidupan manusia. Sofiah dengan rakan-rakan berpisah setelah seminar tamat namun Sofiah yakin lembah mawar itu ada dan kecintaan manusia yang hakiki adalah kepada Khalik-Nya.



Rajah 4.8: Tranformasi Cerpen *Attar dari Lembah Mawar* dalam Novel *Delima Ranting Senja*

Untuk membuktikan kewujudan cinta abadi, pengarang menggunakan pelambangan lembah mawar, iaitu kasih sayang yang abadi dalam kehidupan manusia. Siti Zainon memetik kisah cinta agung zaman silam dan ditempatkannya cerpen AdLM ke dalam novel DRS dengan cinta Shah Jehan kepada isterinya Mumtaz Mahal. Berikut petikan dialog *Attar dari Lembah Mawar* yang dipindahkan ke dalam novel *Delima Ranting Senja*.

“Apakah bukti cinta kanda terhadap adinda,” Jehan menatap lembut mata sayu kekasihnya.. Ketika itu angin musim bunga bertiup lembut merangsang di bawah bulan purnama. ...

“Oh! Kekasihku, akan kanda harumi cinta kita dengan sejuta aroma mawar. Percayalah akan kanda bina kubah melindungi kasih sayang kita. Percayalah. Oh, mawarku - Muntaz, mawar - Muntaz Mahal, adalah satu namamu!”

(AdLM, 1988:43)

Pemikiran cinta dan kasih sayang dari aspek sosiobudaya ini ditransformasikan dengan jelas dalam novel *Delima Ranting Senja* melalui watak Sofina. Kasih sayang yang berputik antaranya dengan suami AbyRedha terus mekar dalam lembayung kasih dan rahmat Illahi. Bagi Sofina bukan sekadar mawar yang dikehendaki tetapi delima dan

ini dijelmakan dalam Bab XXXVI *Rasberi Merah Ungu* dan Bab XXXVII *Delima Ranting Senja*.

Musim bunga menjelang musim panas, kota benua Eropah sudah bermain musim cinta lagi. Kau Sofina masih mengheret langkah menentukan jalan pulang, walau hanya aroma serta kelopak rasberi dan sehelai pucuk mapel berpindah ke halaman diari musim bunga!

Untuk siapakah helaian kelopak rasberi ini? ...

[Sofina]

DELIMA Ranting Senja

“Aku mahu delima itu, kau ingatkan, delima yang merahnya bagai terserlah dari sayatan kulit buahnya yang merkah di pagi hari.. Di mana kau petik buah delima yang sedia merkah sejak lama, terjurai di hujung ranting, nun jauh di rimba purba!” Dalam tiupan bayu gunung, sebutir Delima, hanya sebutir Nilam.”

...Nilam! Delima! ..
Hingga kilat delima menjelma ke jantung sukma
Merungkai ke jarimu..
Demi segala kesejahteraan
Kesyukuran sedelinggam Delima
Amin!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:462-463)

Siti Zainon menggunakan penjelmaan sepenuhnya daripada kisah agung Taj Mahal - kisah cinta Shah Jehan kepada isteri tersayang, iaitu Mumtaz Mahal. Begitu juga harapan Sofina kepada suaminya AbyRedha agar menyayanginya dan mereka menadapat rahmat Allah S.W.T. bukan sahaja di dunia malahan di akhirat dalam cinta abadi. Cinta yang ingin dikongsikan oleh pengarang adalah cinta hambanya kepada pencipta, iaitu cinta kepada Allah S.W.T. Lihat petikan yang diperturunkan ini penuh dengan makna tersirat dalam lingkaran kehidupan setiap individu yang bernama manusia.


Antara kilau mentari pagi di celah Jabal Rahmah,...suara azan melantun-lantun memenuhi ruang menembusi ruang dalaman.

Dihirupnya penuh kesyukuran, demi-Mu, bawalah aku si anak
domba kehilangan tali tambatan, bawalah ke mana Kau-mahu!

Hingga senja
Menunggu detik-Mu
Bawalah aku ke sana
Ke Rumah Cinta
Delima Ranting Senja
Kau
Aku
Menyatuh Sukma.
Amin!

4.3.4 Cerpen “Rindu Pala Muda”

Petikan yang berikut terjelma daripada cerpen “Rindu Pala Muda” dan ditransformasikan sepenuhnya ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Cerpen “Rindu Pala Muda” diterbitkan dalam *Dewan Sastera*, pada April 2000. Cerpen ini telah diterbitkan dalam antologi cerpen Rindu pala Ungu pada tahun 2005 dan telah dipindahkan oleh pengarang ke dalam hiperteks novel, iaitu *Delima Ranting Senja*.



Rajah 4.9 : Tranformasi Cerpen “Rindu Pala Muda”
dalam Novel *Delima Ranting Senja*

Yang berikut adalah merupakan petikan asal daripada cerpen “Rindu Pala Muda”

“Dadanya amat sebak. Sebaik sahaja Cassena milik tentera mendarat di lapangan rumput yang telah meninggi, bisik wali kota.. telah dua tahun tiada kapal terbang yang mendarat di situ...kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan pakaian dan kain yang lusuh, oh Tuhan inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh...”

“...tolonglah jangan susahkan rakyat yang sudah trauma dengan peperangan. Orang kampung perlukan ubat, anak-anak perlu sekolah, dan saya hanya datang untuk menyampaikan ubat untuk orang kampung...”

(“Rindu Pala Muda”, 2009:213)

Perhatikan petikan cerpen di bahagian awal Bab VI – *Pala Muda* yang berikut;

“Dadanya amat sebak. Sebaik sahaja Cassena milik tentera mendarat di lapangan rumput yang telah meninggi, bisik wali kota.. telah dua tahun tiada kapal terbang yang mendarat di situ...kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan pakaian dan kain yang lusuh, oh Tuhan inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh...”

“...tolonglah jangan susahkan rakyat yang sudah trauma dengan peperangan. Orang kampung perlukan ubat, anak-anak perlu sekolah, dan saya hanya datang untuk menyampaikan ubat untuk orang kampung...”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:227)

Pengarang telah memindahkan keseluruhan cerpen “Rindu Pala Muda” ke dalam novel *Delima Ranting Senja* secara fizikal secara bentuk dialog dan pernyataan. Hal ini bertujuan untuk melicinkan plot novel di samping memperincikan lagi kisah perjuangan watak utama novel *Delima Ranting Senja*; iaitu AbyRedha. Sebagai seorang pengarang, Siti Zainon berusaha agar segala fakta yang diberikan menepati fakta sejarah yang sebenar baik dari aspek latar tempat seperti Pulau Sunda Kecil, dan elemen-elemen lain

yang menunjangi teks ini seperti Kompeni Belanda, Portugis dan Inggeris, Victoria dan gereja Katholik. Di sini dapat dibuktikan bahawa Siti Zainon telah merujuk sumber yang sahih untuk dimasukkan ke dalam novelnya. Pernyataan ini diperoleh daripada petikan teks yang berikut;

Tapi dalam diam yang diintainya ialah silang keagungan silam. Kerana pala dan cengkih seluruh pulau-pulau, Pulau Sunda Kecil ditimpa bencana....tiang layar Bugis dan Mengkasar, melebar layar ke samudera luas, dan dengan sigapnya menyerang segala kapal Kompeni Belanda, Portugis dan Inggeris. ...bahtera Victoria pemerintah Magellan apa lagi menaikkan bendera gereja Katholik. ...

(“Rindu Pala Muda”, 2005:215)

Tapi dalam diam yang diintainya ialah silang keagungan silam. Kerana pala dan cengkih seluruh pulau-pulau, Pulau Sunda Kecil ditimpa bencana....tiang layar Bugis dan Mengkasar, melebar layar ke samudera luas, dan dengan sigapnya menyerang segala kapal Kompeni Belanda, Portugis dan Inggeris. ...bahtera Victoria pemerintah Magellan apa lagi menaikkan bendera gereja Katholik. ...

(*Delima Ranting Senja*, 2009:215)

Yang berikut diperturunkan pula petikan terakhir Bab IV daripada teks “Rindu Pala Muda”;

Debur ombak pantai yang menghadap Laut Banda beralun senyap mengiringi penerbangan pulang. Angin musim Temoro bertiup dari arah timur mengusik langkahnya. ... mampukah pihak atasan mengatur dan membuat tindakan segera sedang pemimpin utama masih lagi dalam arakan ke luar negara? Dalam kesenyapan, dalam igauan penerbangan pulang dibawanya haruman pala muda. Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentuan-Nya?

(“Rindu Pala Muda”, 2005:220)

Debur ombak pantai yang menghadap Laut Banda beralun senyap mengiringi penerbangan pulang. Angin musim Temoro bertiupek dari arah timur mengusik langkahnya. ... mampukah pihak atasan mengatur dan membuat tindakan segera sedang pemimpin utama masih lagi dalam arakan ke luar negara? Dalam kesenyapan, dalam igauan penerbangan pulang dibawanya haruman pala muda. Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentuan-Nya?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:84)

Keseluruhan petikan di atas memperlihatkan pengalaman sejagat yang dilalui oleh pengarang dalam pembacaan dan kembaranya. Segala yang dilalui oleh watak-watak yang diwujudkan adalah transformasi daripada kehidupan manusia di muka bumi ini terutama bumi yang sering digugat dengan peperangan. Atas dasar kesedaran tersebut, pengarang berusaha membawa pembaca merenung betapa peperangan hanya mendatangkan kemasuhan bukan sahaja kepada alam sekitar bahkan kepada manusia. Namun manusia tetap berharap akan datang cahaya kegembiraan untuk menerangi hidup mereka bersama keluarga, masyarakat dan negara tercinta seperti yang tergambar dalam petikan di bawah;

Dalam kesenyapan, dalam igauan penerbangan pulang dibawanya haruman pala muda. Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentuan-Nya?

("Rindu Pala Muda", 2005:220)

Dalam kesenyapan, dalam igauan penerbangan pulang dibawanya haruman pala muda. Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentuan-Nya?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:84)

4.3.5 Delima Ranting Senja - Hipoteks Puisi

4.3.5.1 Puisi Melayu Lama dan Moden

Puisi adalah kelangsungan seseorang berbicara untuk menyampaikan amanat (kasih sayang, kecintaan, dendam kesumat, nasihat, nilai, pengajaran dan sebagainya) sama ada menggunakan puisi Melayu lama ataupun puisi Melayu moden yakni sajak. Pengarang berusaha untuk memartabatkan pantun Melayu dengan mengambil pantun secara fizikal bagi dijelmakan ke alam novel yang sedang dikarangnya. Terdapat pelbagai sebab atau tujuan seseorang pengarang berbuat demikian. Antara sebab paling utama pantun Melayu mudah difahami dan menimbulkan kasih sayang walaupun terdapat pengubahsuaihan. Lihat contoh yang berikut dalam Bab VIII, Bab – IX (nyanyian) merupakan kemesraan antara pasangan suami dan isteri.

Bunga selasih permainan budak,
Jatuh daunnya dimakan kuda;
Bercerai kasih bertalak tidak,
Masihkah bersama di hari tua?"

(*Delima Ranting Senja*, 2009:101)

Gununglah Banang, Gununglah Banang,
Gunung Seulawah,
Bagaikan pinang, bagaikan pinang
dibelah dua ..
“Kitalah pasangan itu.”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:115 -116)

Pengarang turut mengimbas kembali kenangan zaman kanak-kanak ketika bermain bersama kawan-kawan. Suasana riang dapat digambarkan melalui nyanyian yang berikut:

Oleh bayang bulan yang kerap memberi sinar di halaman pondok, membias bunga-bunga renek di pinggir tambak, maka anak-anak kampung pun menyanyikannya bersama;

oh, bulan bulan
oh, bulan bulan
mana kakak
tidak pulang
mana kakak
tidak pulang

oh, bulan bulan
oh, bulan bulan
mana abang
tidak datang
mana abang
tidak datang

Puisi tradisional di atas tidak diketahui penciptanya kerana merupakan milik kolektif masyarakat, yakni dikongsi bersama. Walau bagaimanapun, pengarang memasukkan puisi Melayu lama ini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan situasi penceritaan.

Untuk mengutarakan mesej yang lebih mendalam, pengarang juga telah memindahkan hipoteks puisi Perkasihan Subuh, iaitu mesej keagamaan dan pertautan kasih sayang antara Sofina dan suaminya, pengarang telah memetik puisi “Perkasihan Subuh” daripada kumpulan puisi *Perkasihan Subuh* (1986 : 11). Puisi ini telah dipindahkan ke dalam novel *Delima Ranting Senja*.

Perkasihan Subuh

Seluruh subuh itu
kau kejuti mimpiku
lembut dan terharu
kudekap Cinta-Mu!

4.3.6 Sumber-sumber Lain

4.3.6.1 Al-Quran

Siti Zainon didapati turut menggunakan sumber yang sahih dipetik daripada Al-Quran untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bagi hiperteksnya. Dalam novel *Delima Ranting Senja*, didapati beberapa kisah sejarah Islam tentang para Nabi telah dipetik oleh pengarang untuk ditempatkan dalam novel ini untuk menegaskan sesuatu amanat yang ingin disampaikan. Kisah yang diperturunkan oleh pengarang seperti kisah mariam dan anaknya Nabi Isa. Mariam adalah seorang perempuan yang masih belum berkahwin tetapi Allah mengujinya dengan menitipkan roh Isa ke dalam kandungannya. Sebagai hamba yang taat, Mariam menerima rezeki yang diberikan oleh Allah S.W.T dengan kesyukuran. Tiada sekelumit kebencian malahan Mariam menjaga kandungan tersebut dengan sempurna sehingga dilahirkan. Atas kesabaran Mariam, Allah S.W.T membolehkan bayi kecil itu berkata-kata untuk mengelakkan bonda tercinta daripada tohmahan orang ramai. Kisah Nabi Isa dan Mariam ini dapat dijadikan teladan agar kita sebagai manusia taat dan patuh kepada Khalik.

Yang berikut adalah peristiwa atau kisah yang dipetik dan dipindahkan oleh pengarang ke dalam novel *Delima Ranting Senja* mengikut turutan penceritaan melalui watak Sofina.

Alur cerita pertama - Kisah dalam Al Quran, surah Ali'Imran ayat 45:

... (Ingatlah) ketika Malaikat berkata, “Hai, Mariam, sesungguhnya Allah memberi khabar gembira kepadamu dengan kalimat daripada-Nya berupa seorang putera nama al-Masih Isa anak Mariam. Ia seorang terkemuka di dunia dan di akhirat dan adalah seorang yang terdekat dengan Allah.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:10)

Alur cerita kedua - Kisah dalam Al-Quran, surah Ali'Imran ayat 52:

Suara siapakah terdengar dalam kolam jiwa bawah sedar, kalau bukan si bayi ajaib yang dapat berkata-kata ketika masih dalam buaian. Dia yang dipilih-Nya ke syurga, kerana Allah juga mengajarnya kitab hikmah, Zabur, Taurat dan injil. Kenapalah kamu mengingkarinya? Ya Bani Israel kenapa kini, kamu membuat dunia Islam gagal melupakan kesetiaan *Hawaririyyun* para sahabat setia Isa, dengan pengakuan, “Kamilah penolong agama Allah. Kami beriman kepada Allah dan perhatikanlah bahawa kami orang-orang yang menyerah diri”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:10)

Dipetik daripada monolog Sofina berdasarkan penceritaan dalam Al-Quran dan dijelmakan ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Kisah-kisah ini dapat menarik hati-hati insan untuk mendampingi Allah S.W.T.

Dalam kedinginan itulah dalam kesendirian tergigil apabila Zabur, Taurat dan Injil yang diceritakan dalam Al Quran telah dilupakan oleh penganut sejak keturunan Daud, Musa dan Isa.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:10)

Dipetik daripada monolog Sofina berdasarkan kisah dalam Al Quran:

..Pada malam Natal jauh di benua utara masih dapat didengarnya kesayuan azam menghimbau. Sesudah subuh...Ingin segera ditinggalkan kepalsuan jasmani menerobos ke kolam batini yang jernih nun jauh, melayangkan pandangan berkabus si kaki mongel Ismail kala Hajar dalam keperihan mencari kasih sayang dengan iman. ...

(*Delima Ranting Senja*, 2009:11)

Begitu juga kisah Hajar dan anaknya Ismail, iaitu Nabi Ibrahim telah meninggalkan kedua-dua insan yang disayangi di tengah padang pasir yang tandus. Hajar terpaksa beberapa kali berlari-lari antara Bukit Safa' dan bukit Marwa' untuk mendapatkan air bagi anaknya. Demikianlah pengorbanan ibu yang dikisahkan dalam kitab Al-Quran yang dapat diteladani oleh semua individu. Kisah ini juga mengajar anak-anak mentaati kedua-dua ibu dan bapa bagi mendapatkan ganjaran syurga yang akan diberikan oleh Allah S.W.T. Oleh itu sebagai manusia yang berakal, pengarang mengajak kita umat Muhamad S.A.W. agar taat dan patuh kepada kedua-dua ibu bapa serta rasul-Nya. Setiap cabaran dan ujian yang diberikan oleh Allah S.W.T harus diterima dengan reda dan bersyukur. Inilah antara amanat yang ingin disampaikan melalui petikan Al-Quran. Yang berikut dipetik daripada monolog Sofina dan seterusnya dialog antaranya dengan Dr Aqran.

“...Masukilah ketabahan Hajar. Dengarlah lengking kehausan bayi kecil Ismail. Mana Ibrahim? Kau tidak mencarinya, Hajar, kerana yang kau doakan sepanjang langkah-langkah kecil di celah-celah kerikil yang melukarkan kakimu sepanjang Safa dan Marwah ialah air, air! Namun bukankah air suci itulah yang melimpah-ruah oleh hentakan si kaki comel Ismail. Kaulah yang menyambutnya dan memahami duka lara ibunya yang ditinggalkan lelaki suami oleh ujian berat itu. Ya Ismail, demi Hajar, aku ingin menyambut cabaran penuh makna ini.

“Tapi kau bukan Hajar, lelaki kau juga bukan Ibrahim. Dan mana Ismail, kau berhalusinasi lagi. Apa memang bukit menjadikan kau tumbuh dengan mainan puisi?

...

“Ah terima kasih Dr. Aq. ... terlalu baik anda pagi ini.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:23)

Yang berikut pula ayat Al-Quran, Surah Yunus ayat 24 Al-Quran dan terjemahannya, Saudia Arabia: Kementerian Agama Islam, Wakaf Da”wah dan Irsyad, 310

Menyatu dengan alam bukankah itu pesan yang tercerna seperti dititih neneh moyang meminjam *Surah Yunus* dengan perumpamaan kehidupan: ..."Adalah seperti air (hujan) yang Kami turunkan dari langit lalu tumbuhlah dengan suburnya kerana air itu, tanam-tanaman (di) bumi antaranya ada yang dimakan manusia dan binatang ternakan."

(*Delima Ranting Senja*, 2009:217)

“Sayang sudah kubentang sejадah, bangun dan berwudhulah.”Itu suara yang kerap mengejuti tidurnya. Kalau dia lambat merapikan kain telekung, membetulkan sejادah, lelaki suami sudah pula bertanya, “Kau perlu gula atau susu untuk kopimu?” Atau kalau dia meraihku ke pangkuannya selepas berdoa subuh, kudengarkan tuturnya lagi, “Aku akan senang waktu subuh begini, kita kembali akrab setelah seharian, seminggu atau sebulan sibuk dengan kerja amsing-masing, datanglah selalu ke subuhku, sayang terimalah zikir ‘Perkasihan Subuh ini,

Seluruh subuh itu
Kau kejuti mimpiku
Lembut dan terharu
kudekap Cinta-Mu.”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:15)

Atau memang akulah yang menyatu dengan Kasih Abadi-Nya, yang memberi dan mengambil kembali apa yang kita sayang... Dengan lafaz bismillah kulangkahi bongkahan batu menghala ke

puncak bukit dengan hati-hati. Kerana kutahu nun jauh di seberang sana, masih ada puncak bukit yang sama berdiri dengan amat kukuhnya. Di puncak bukit yang hampir sama, kedua-duanya menghadap Laut Selat Melaka.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:22)

“Ini nestapa tanah air. Rumah warisan, masjid, sekolah, bilik kuliah dibakar seenaknya; beban itu kepada siapa harus dipikul? Jadi kalau ada sedikit tanggungjawab, itulah beban di pundakku?

“Masih ramai kawan lain yang harus bersatu melakukan itu, bukan kau sendiri saja yang mahukan pohon jati itu. Aku juga,”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:34)

Transformasi sepenuhnya dan sebahagian yang dimasukkan dalam bentuk dialog atau monolog dan pernyataan yang ditiru sepenuhnya daripada Al-Quran adalah untuk memberikan penegasan bahawa tugas manusia berhubungan langsung dengan balasan di akhirat nanti. Jelasnya, penggunaan hipoteks yang bersumberkan ayat Al-Quran dalam novel *Delima Ranting Senja* ini bertujuan mengajar dan mendidik manusia yang kian jauh daripada mengingati Allah yang Maha Esa.

Ini pula sumber yang dipetik daripada kumpulan puisinya yang ditransformasikan ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Seperti mana kecenderungan penyair-pelukis yang lain, Siti Zainon akan memetik puisi-puisinya untuk dimasukkan ke dalam novel ini. Perhatikan petikan dialog yang berikut:

“Sayang sudah kubentang sejadah, bangun dan berwuduklah.” Itu suara subuh yang kerap mengikuti tidurnya...aku senang waku subuh begini, kita kembali akrab setelah seharian bekerja...”

4.3.6.2 Sejarah

V

Menghadap Laut Selat Melaka 1986

Albuquerque telah menawan Goa, bandar yang menjadi perintis kepada empayar Portugis di tanah besar Asia. Ia mengambil kesempatan hendak menjadikan Melaka *bridge head* yang kedua, dan dalam tahun 1511 belayar menuju ke timur. Dengan itu bermulalah perang sabil antara orang-orang Moor dengan *crusader* Portugis yang timbul tenggelam di Mediterranean ... Dengan pukulan pertama, angkatan Portugis melebur Melaka tetapi tiga negara lain muncul untuk mempertahankan panji-panji Islam di Gugusan Pulau-pulau Melayu; ketiga-tiga negara itu ialah Acheh di utara, Sumatera, Demak di Jawa dan Ternate di Maluku.

Penjelmaan di atas adalah daripada hipoteks sejarah dipetik daripada buku *Nusantara* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1967:91) tulisan H.M. Vlekke. Peristiwa penaklukan kota Melaka oleh Portugis pada tahun 1511 bukan cerita dongeng dan bahagian ini dijadi prolog Bab V. Pengkaji berpendapat bahawa di samping melicinkan plot penceritaan novel *Delima Ranting Senja*, pengarang berusaha untuk memaklumkan kepada anak bangsa *jangan pisang berbuah dua kali*. Semua rakyat harus bersatu dalam mempertahankan bumi tercinta. Semangat ini perlu disemai sejak zaman kanak-kanak di bangku sekolah lagi. Sumber lain yang dapat dikutip tentang kisah-kisah para nabi zaman lalu.

Dapatan di atas membuktikan bahawa semua peristiwa sejarah ini dapat dikaitkan dengan kepengarangan Siti Zainon Ismail yang banyak membaca, menyelidik, bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat, dan pengembaraannya yang luas ke seluruh pelosok dunia. Hakikatnya pengalaman sebegini sangat mempengaruhi minda dan etika kerja seorang penulis dalam mencerna idea bagi sesebuah penulisan yang dihasilkan.

4.4 Kesimpulan

Keseluruhannya dalam menghasilkan sesebuah genre, Siti Zainon Ismail merupakan seorang pengarang yang prolifik dalam berkarya. Ungkapan ini bertepatan dengan kata-kata Muhamamad Haji Salleh dalam Siti Zainon (1997:XVII), “... yang kita baca ini ialah karya penyair yang amat prolifik – yang menulis, melukis dan berkarya sepanjang masa melainkan tidurnya. Seni-seninya adalah dokumen diri, daun-daun dari pohon peribadi, yang tumbuh tanpa hentinya dan juga gugur tanpa hentinya.”

Dapat dikatakan bahawa daripada kedua-dua buah novel yang dikaji, iaitu novel *Pulau Renik Ungu* dan novel *Delima Ranting Senja*, pengarang berjaya menampilkan kewibawaannya sebagai seorang penyair, pelukis, cerpenis dan novelis. Kebolehan dan keistimewaan Siti Zainon dalam berkarya membuatkan beliau berjaya menyusun intipati novel-novelnya dengan kemas dan berkesan. Berdasarkan dapatan pengkaji, Siti Zainon menulis kedua-dua novel ini dengan merujuk hipoteks karyanya yang terdahulu. Rakaman dan olahan cerita dalam kedua-dua novelnya banyak dibantu oleh transformasi teks-teks yang sebelumnya seperti novel *Pulau Renik Ungu*. Dalam novel ini, ternyata hipoteks cerpen “Kau Masih di Laut, Erick?”, cerpen “Karangan Pulau”, cerpen “Antara Dua Pulau”, cerpen “Musim Gugur Pertama” dan cerpen “Episod Inderajati” begitu

berfungsi memberikan kefahaman kepada khalayak tentang plot, tema, watak dan sebagainya. Melalui novel *Delima Ranting Senja* pula, kita sebagai pembaca terkesan dengan kesetiaan pasangan suami isteri mithali yang saling melengkapi juga saling berkasih sayang. Nilai-nilai keagamaan, semangat patriotisme yang tinggi, sifat setiakawan yang tidak berbelah bahagi membuatkan pembaca terkesan. Watak Okam yang sentiasa mengingati Tuhan begitu hidup terutama apabila hipoteks cerpen *Mar...* atau “Kayu Bersurat” ini diletakkan di bahagian penghujung novel. Jaringan nilai-nilai agama begitu kukuh dan mengesankan ditambah dengan penggunaan gaya bahasa Siti Zainon yang puitis, contoh,

Delima Ranting Senja
Kau
Aku
Menyatu Sukma.
Amin!

Oleh itu, secara tidak langsung pengarang telah berjaya mengaplikasikan prinsip intertekstualiti yang digunakan oleh Julia Kristeva yang pertama, iaitu transformasi. Berdasarkan prinsip transformasi tersebut, Siti Zainon telah merujuk sumber asalnya daripada hipoteks karya pengarang sendiri. Proses transformasi yang dilakukan oleh Siti Zainon terbahagi kepada beberapa bentuk, iaitu transformasi formal yang bermaksud pemindahan sepenuhnya atau hampir sebahagian daripada sebuah teks untuk mewujudkan teks baharu. Proses ini berlaku atas faktor intertekstualiti itu sendiri yang berdasarkan kepada pengetahuan dan bacaan awal terhadap teks-teks yang lain. Sudah semestinya perkara ini dianggap mudah kepada Siti Zainon kerana beliau seorang yang suka membaca dan mencatat.

Kajian ini dapat melihat bentuk yang kedua dilakukan oleh Siti Zainon sebagai pengarang adalah transformasi abstrak atau pemindahan secara abstrak. Antara faktor lain yang membolehkan beliau berbuat demikian kerana faktor pergaulan dan persekitaran yang banyak mendominasi Siti Zainon dalam berkarya. Siti Zainon dikatakan seorang yang mudah tersentuh dengan sesuatu perkara. Lantaran itu, idea merujuk hipoteks karya-karya awal pengarang sendiri dan daripada sumber teks yang lain membolehkan beliau mencetuskan idea dan memperkembangkan idea tersebut. Sebagai seorang pengarang kreatif, sudah pasti Siti Zainon dituntut untuk mengemukakan idea-idea baharu dalam teks yang bakal disajikan kepada khalayak pembaca.

Kreativiti Siti Zainon amat jelas kepada kreativiti berbahasa yang memang menjadi kebanggaan kepada kepengarangannya. Penggarapan transformasi yang saling bersilang dengan kepakaran pengarang mengolah gaya bahasa, segala-galanya ‘menjadi’ dan indah untuk dibaca serta dibicarakan seperti pengertian ‘pulau’ yang diinterpretasikannya melalui cerpen “Karangan Pulau” Mungkin ada yang berfikir apa ada pada sebuah pulau? Namun kepada wanita yang bernama Siti Zainon, segala yang ada di pulau itulah yang ditransformasikannya. Hal ini kerana setiap teks yang wujud pasti mempunyai perkaitan dengan teks yang lain dna dijelmakan melalui pengamatan pesekitaran yang memayungi diri pengarang. Pengamatannya terhadap perlambangan yang digunakan banyak mengundang pemaknaan yang berbeza mengikut konteks yang berbeza dan individu yang juga berbeza. Siti Zainon ternyata tidak melepaskan hubungan dan persekitarannya ketika menghasilkan novel-novel ini. Dalam erti kata lain, persahabatan, dan pergaulan bersama rakan sejawat, masyarakat yang dikunjungi, pengamatan yang mendalam terhadap budaya tempatan semuanya menjadikan ilham kepada beliau untuk berkarya.


Berdasarkan penganalisisan transformasi terhadap kedua-dua buah novel Siti Zainon Ismail, terdapat sebanyak lapan buah cerpen, empat buah puisi juga termasuk puisi Melayu lama serta tiga rujukan teks lain, iaitu novel, sumber Al-Quran dan sumber sejarah yang digunakan. Di sini nampak jelas bahawa pengarang cuba menyampaikan amanat seperti kasih sayang dan kekeluargaan, pengorbanan dan persahabatan, perjuangan dan kepemimpinan juga tidak ditinggalkan keagamaan. Tuntasnya, berdasarkan prinsip transformasi Julia Kristeva (bermakna pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks lain) yang dilakukan oleh Siti Zainon terhadap kedua-dua novelnya itu, hakikatnya akan dapat menarik khalayak untuk membaca novel-novel tersebut berdasarkan hipoteks baik karya pengarang maupun sumber-sumber lain yang telah ditransformasikan ke dalam kedua-dua buah novel tersebut. Dapatkan ini turut menyokong prinsip intertekstualiti Julia Kristeva bahawa intertekstualiti itu melihat sesebuah teks tercipta berdasarkan karya-karya yang lain sewaktu menulis, membaca atau menilainya. Maka khalayak dapat melihat sastera sebagai hasil kesusasteraan kerana merupakan suatu proses pengolahan, pembinaan dan percernaan daripada percantuman dua aspek, iaitu unsur dalaman dan unsur luaran yang saling membantu untuk membentuk sesebuah karya.

BAB 5

MODIFIKASI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan memberikan tumpuan analisis terhadap novel-novel Siti Zainon menggunakan prinsip modifikasi dalam intertekstualiti. Prinsip modifikasi merangkumi penyesuaian, perubahan atau pindaan. Berdasarkan teori intertekstualiti Julia Kristeva, kajian ini akan membincangkan bagaimana Siti Zainon membuat pengubahsuaian daripada teks asal untuk diaplikasikan ke dalam novel-novelnya. Kajian ini juga akan mengenal pasti hipoteks yang digunakan oleh pengarang untuk disesuaikan dengan karyanya. Didapati Siti Zainon Ismail telah menggunakan ruang hiperteksnya sebagai medium untuk memberi penjelasan dan pengukuhan terhadap konflik yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut. Oleh itu, modifikasi dalam sesebuah teks kreatif merangkumi pelbagai bentuk penyesuaian, pembaikan dan pelengkapan ataupun penyalinan daripada peristiwa atau bacaan daripada mana-mana sumber yang terdahulu. Analisis modifikasi ini juga bertujuan untuk melihat faktor yang menyebabkan pengarang bertumpu kepada novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*. Modifikasi yang dilakukan ini dapat dilihat dalam rajah 5.1.




Rajah 5.1

5.2 Modifikasi Novel *Pulau Renik Ungu*

Untuk pengalisaian modifikasi ini, hipoteks cerpen yang digunakan oleh Siti Zainon akan dijadikan sumber hiperteks novelnya. Pemilihan hipoteks cerpen digunakan bertujuan untuk menghubungkaitkan dengan teks baharu yang dihasilkan, iaitu novel *Pulau Renik Ungu*. Siti Zainon Ismail telah melakukan beberapa modifikasi dalam

hiperteksnya untuk mengutarakan mesej dan amanat yang ingin disampaikan kepada khalayak pemabca. Hal ini jelas dapat dilihat daripada hipoteks kepada hiperteks dalam novel *Pulau Renik Ungu* (1995) berdasarkan hipoteks cerpen “Kau Masih di Laut, Erick?” cerpen “Karangan Pulau”, cerpen “Episod Inderajati”, cerpen “Antara Dua Pulau” dan cerpen “Musim Gugur Pertama”.


Hipoteks Antologi Cerpen	Cerpen	Hiperteks Novel
<i>Bunga Putik Putih</i> (DBP : 1991)	“Kau Masih di Laut, Erick?” “Karangan Pulau” “Episod Inderajati”	
<i>Rindu Pala Muda</i> (DBP : 2005)	“Musim Gugur Pertama” “Antara Dua Pulau”	<i>Pulau Renik Ungu</i> (DBP : 1995)

Jadual 5.1 : Modifikasi Antologi Cerpen dalam Hiperteks Novel

5.2.1 Cerpen “Kau Masih di Laut Erick?”

Hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* merupakan kutipan hipoteks (teks awal cerpen) yang dilakukan oleh Siti Zainon. Dalam cerpen “KMdLE” didapati nama watak yang muncul seperti Erick, Kapten Mannu, Zaidah atau Zeda, Edward Backer, Raim atau Raiman, Arif, Betty, Muhdee dan beberapa watak lain. Berdasarkan hiperteks *PRU*, didapati pengarang masih mengekalkan nama-nama watak kecuali pindaan atau perubahan nama

watak utama Erick. Pengarang mulai melakukan modifikasi terhadap nama watak tersebut dalam Bab1 *PRU*. Nama asal watak Master Erick P. Becker (hipoteks KMdLE) bertukar menjadi Master Henry Philip Baker (hiperteks *PRU*). Selepas Henry memeluk agama Islam, nama Erick bertukar pula kepada Hairul. Dalam *Pulau Renik Ungu* tambahan nama ditemui seperti watak-watak Yusouf Joehari Tib, Parman, Komander Digriz, Lebai Ali, Siti Aisyah, Raiman, Azaz, dan lain-lain yang mempunyai hubungan dengan watak Zaidah.



Rajah 5.2
Modifikasi Hipoteks “KMdLE” dalam Hiperteks *Pulau Renik Ungu*

Berdasarkan prinsip modifikasi yang terdapat dalam teori intertekstualiti, perubahan nama ini dilakukan atas kehendak pengarang sendiri. Pemilihan nama ini secara rasional dapat dikaitkan dengan pengalaman pengarang dalam pergaulan sehariannya mahupun pembacaannya. Namun begitu pengarang masih mengekalkan ciri-ciri watak asal (Erick) baik daripada aspek status, pekerjaan, rakan kenalan dan latar berlaku peristiwa. Hal ini dapat dilihat dalam petikan cerpen “KMdLE” yang berikut;

“Setelah sekian lama di darat apakah yang diinginkan oleh pelaut sepertiku? Erick, bekas Laksamana Pertama Angkatan Laut British dari pangkalan Liverpool, mengembangkan kedua-dua belah tangannya ke atas. Matanya tengadah ke langit. Langit memang cerah di Pelabuhan Madras. Di depannya Kapten Mannu yang sama-sama mendapat latihan asas di Laut Utara lebih 20

tahun lalu, menatap potret sahabat yang tiba-tiba muncul saja di depannya.

(*Bunga Putik Putih*, 1991:76)

Perhatikan pula petikan dalam hiperteks *PRU* ini melalui modifikasi nama watak Erick kepada Henry;

“Setelah sekian lama di darat apakah yang diinginkan oleh pelaut sepertiku? Henry, bekas Laksamana Pertama Angkatan Laut British dari pangkalan Liverpool, mengembangkan kedua-dua belah tangannya ke atas. Matanya tengadah ke langit. Langit memang cerah di Pelabuhan Madras. Di depannya Kapten Mannu yang sama-sama mendapat latihan asas di Laut Utara lebih 20 tahun lalu, menatap potret sahabat yang tiba-tiba muncul saja di depannya.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:9)

Pengarang seterusnya melakukan modifikasi kepada nama watak bapa Erick. Watak Philip E. Becker dalam “KMdLE” telah ditukarkan menjadi George Baker dalam *PRU*. Perhatikan kedua-dua petikan yang berikut;

Siapakah yang dijejakinya sehingga ibunya meratap apabila dia memilih akademi tentera laut. Philip E. Becker, ayahnya bukan pelaut. Malah tidak sekalipun mempedulikan masalah laut atau pelayaran.

“Philip, kaulihat anakmu. Apakah kau tidak melarangnya. Atau memang dia mewarisi bakat datuknya, belayar?...*Please darling*, Henry satu-satunya anak kita !”

Datuk? Belayar?

“Di mana kubur Edward Becker, mam?”

(KMdLE, 1991: 78)

Siapakah yang dijejakinya sehingga ibunya meratap apabila dia memilih akademi tentera laut. George Baker, ayahnya bukan pelaut. Malah tidak sekalipun mempedulikan maslah laut atau pelayaran.

“George, kaulihat anakmu. Apakah kau tidak melarangnya. Atau memang dia mewarisi bakat datuknya, belseyari?...*Please darling*, Henry satu-satunya anak kita !”

Datuk? Belseyari?

“Di mana kubur Edward Baker, mum? ”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:11)

Berdasarkan kedua-dua petikan di atas, walaupun berlaku perubahan nama watak Erick kepada Henry dan Philip Becker kepada George Baker, namun daripada aspek perwatakan masih merupakan dua individu yang sama, iaitu anak dan bapa. Hal ini terlihat berdasarkan elemen keluarga, pekerjaan mahupun tempat semasa bekerja. Erick atau Henry merupakan anak kepada Philip Becker atau George Baker. Watak ini pernah menyandang jawatan Laksamana Pertama Angkatan Laut British (KMdLE) dan jawatan bersama kapal *Cruise Muhibah* sebagai Ketua Jurutera Pertama (*PRU*). Latar tempat berdasarkan petikan di atas juga menggambarkan pelabuhan (pangkalan Liverpool, Pelabuhan Madras) dan kaitan dengan pelaut, iaitu belseyari dan alam (laut, darat dan langit).

Dalam hiperteks novel *PRU*, pengarang mengekalkan status keluarga watak-watak utama dalam hiperteks *PRU*. Keluarga Zaidah terdiri daripada ayahnya Joehari Yusouf Tib, ibunya Siti Aisyah dan datuknya Lebai Ali. Keluarga Henry pula seperti Edward Baker (datuk) dan ibu (Marie) dikekalkan. Walau bagaimanapun, terdapat pembaikan atau pindaan terhadap nama-nama watak terutama daripada aspek ejaan. Sebagai contoh ejaan nama datuk Erick (KMdLE) dieja sebagai Edward Becker manakala datuk Henry dieja sebagai Edward Baker (PRU). Begitu juga panggilan ibu yang digunakan oleh Erick dan Henry dieja berbeza. Perkataan ibu dieja mam (KMdLE) tetapi dalam *PRU*,

ibu dieja mum. Prinsip modifikasi ini berjaya dilakukan oleh pengarang dengan tujuan menarik minat pembaca untuk terus membaca hiperteks novel ini yang bersumberkan hipoteks cerpen.

Dalam proses modifikasi, pengarang mengambil petikan cerpen “KMdLE” dan diletakkan di bahagian awal *PRU* - Bab 1. Hiperteks awal menunjukkan pembaca diperkenalkan dengan watak Henry (Erick) yang bermonolog. Paparan petikan teks ini menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca. “Setelah sekian lama di darat apakah yang diinginkan oleh pelaut sepertiku?” Ungkapan ini membawa pengertian yang amat luas. Sebagai Juragan Awasan Pertama di Rajawali, beliau dikenali sebagai Tuan Laksamana Henry. Persoalan di atas terjawab apabila Henry bertemu Zaidah. Pembaca maklum bahawa Henry seorang duda yang gagal dalam alam perkahwinan. Di sinilah plot penceritaan diubah suai dengan modifikasi idea bermula berdasarkan pemaparan kisah pelaut lantas tema mulai mengarah kepada idea percintaan. Henry sememangnya sejak kecil berminat menjadi pelaut. Oleh itu koleksinya terdiri daripada model-model kapal.

“Saya ingin belayar. Belayar hingga ke negeri-negeri jauh!” Itulah luahannya sejak dia mula tertarik dengan beberapa model kapal.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:11)

Watak Henry telah belayar meninggalkan keluarganya demi mencapai cita-cita menjadi pelaut untuk mengikut jejak datuknya Edward Backer. Datuknya telah belayar ke pulau rempah dan menjalankan perniagaan di sana dengan jayanya. Namun tiada siapa yang tahu di mana kuburan Edward Backer seperti petikan yang berikut;

Siapakah yang dijejakinya sehingga ibunya meratap apabila dia memilih akademi tentera laut. George Baker, ayahnya bukan pelaut. Malah tidak sekalipun mempedulikan maslah laut atau pelayaran.

“George, kaulihat anakmu. Apakah kau tidak melarangnya. Atau memang dia mewarisi bakat datuknya, belsey?...*Please darling*, Henry satu-satunya anak kita !”

Datuk? Belsey?

“Di mana kubur Edward Baker, mum?”

Itulah luahan pertama yang dikutip Mannu sejak dia mula mengenali kegelisahan Henry.

“Datukku jauh di pulau rempah!”

“Pulau rempah?”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:11)

Henry digambarkan sebagai seorang juragan yang baik dan sangat berpengalaman sebagai nakhoda kapal. Beliau merupakan bekas Laksamana Pertama Angkatan Laut British yang berpangkalan di Liverpool. Kemudian bersama Kapten Mannu setelah menerima tawaran sahabatnya untuk belsey dengan kapal Cruise Muhibah. Henry digambarkan sebagai seorang yang tampan, kacak dan bukan sahaja menjadi perhatian penumpang yang menaiki kapal malahan petugas di kapal tersebut. Lihat petikan yang berikut;

Muhdee terbayang kesegakan Henry berpasangan dengan wanita Amerika, menghadiri jamuan malam Krismas, di Coral Bar. Razif juga tahu, tetapi kenapa Tuan Henry tetap tidak ranggi walaupun wanita itu mula terkekeh-kekeh dan terhuyung-hayang dalam alunan muzik *rock*. ...Tiba-tiba Razif melihat Henry meninggalkan Coral Bar. Dia tidak mabuk! Dia meninggalkan wanita Amerika itu yang mula merangkul Kapten Mannu.

“Jurutera awasan itu tidak mabuk!” Muhdee terkejut.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:75)

Pertemuan dengan Zaidah dalam kapal *Cruise Muhibah* seorang pensyarah dan juga penyelidik menjanjikan kegembiraan. Zaidah merupakan watak utama dalam novel *Pulau Renik Ungu*. Pertemuaan Zaidah dan Henry tiga tahun lalu dan watak ini digambarkan melalui pandangan Henry seorang wanita yang cantik, memikat dan mempunyai karisme kepada sesiapa yang ingin mendekatinya. Hal ini terlihat dalam petikan yang berikut;

Bukankah di lataran ruang seperti itu juga dia pernah menyapa wanita itu ketika di langit sarat dengan bintang. Kala angin menolak kapal Finnjet meninggalkan pelabuhan Helsinki menuju Travemunde di dataran Jerman ...

Henry melihat kegugupan sinar amta wanita di hadapannya. Wanita kecil dengan burian rambut yang menjulur lurus ditiup angin yang bebas di anjung pernaginan turut membawa bau yanga sli. Bau manusia dari laut Selatan. Atau mungkin inilah bau murni dari pulau rempah. ...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 16)

Zaidah sering keluar mengembara untuk mencari bahan-bahan kajian bagi tesisnya, seminar dan bengkel serta aktiviti seni. Pengarang seakan-akan telah merancang pertemuan mereka apabila Zaidah memilih jalan laut dengan menaiki kapal untuk pulang ke Semenanjung. Pertemuan yang tidak dirancang berlaku dan mereka menjadi rapat. Henry mula membuang perangai lamanya demi memikat Zaidah. Kapten Mannu menegur sikap Henry seperti dalam petikan yang berikut;

Keriuhan di bawah terdengar hingga ke geladak atau di anjung peranginan.

“Kau juragan yang baik. Sebagai nakhoda kapal, aku bangga belayar bersamamu. Kau bukan Henry yang dulu ya?”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:11)

Modifikasi idea ke arah percintaan dirancang pengarang berkesan apabila Henry tidak terlibat lagi dengan aktiviti-aktiviti pelaut yang kurang bermoral seperti minum arak dan perempuan. Untuk membuktikan tema percintaan, kasih sayang dan perkahwinan serta hidup bahagia, Henry telah melamar Zaidah dan lamarannya diterima. Henry menghadiah Zaidah sebentuk cincin sebagai tanda cinta sejati. Zaidah mengucap syukur kerana dia juga mencintai Henry.

“Aku melamarmu sayang - sudi menerima lamaranku?!

Zaidah tergigil-gigil kala Henry menyarung cincin dengan hiasan sembilan butir berlian itu ke jari manis tangan kanannya.

...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:110)

Henry yang sudah lama tidak merasai kehidupan berkeluarga bertambah gembira apabila ibunya Marie menerima Zaidah sebagai menantu. Pengarang berjaya mewujudkan modifikasi idea yang cukup bernalas, iaitu perkahwinan campur antara dua bangsa yang berbeza dalam segala kehidupan termasuk agama dan budaya. Akhirnya Henry memeluk agama Islam dengan menggunakan nama Hairul dan mulai mendalami ajaran Islam. Modifikasi idea seterusnya dilakukan oleh pengarang terhadap tanggapan masyarakat tentang hubungan mentua-menantu. Tanggapan ini diketepikan oleh pengarang apabila digambarkan Marie sebagai seorang mentua yang penyayang. Beliau malahan menyantuni Zaidah dengan mempelawanya datang ke rumah, menyayangi Zaidah dengan ikhlas dan menerima kehadiran Zaidah dalam keluarga mereka dengan riang.

Hal yang sama ditonjolkan juga oleh pengarang kepada watak Siti Aisyah, ibu Zaidah. Pertemuan pertama ketika Henry ke rumahnya, membuatkan Siti Aisyah sangat gembira menerima Henry sebagai bakal menantu. Beliau sangat bersyukur anaknya bertemu jodoh kerana diketahui sebelum ini Zaidah sering menolak peminangan yang datang kepadanya. Namun Siti Aisyah berasa sesuatu ketika bertemu Henry seperti dalam petikan yang berikut;

Setelah Henry mengucapkan selamat malam dan Zaidah menghantarnya pulang ke hotel, Siti Aisyah hampir tidak percaya dengan kedatangan pemuda asing itu, Hatinya bagai diusik-usik dengan kenangan atau lebih tepat lagi ingatan dan ulangan cerita dari suami. Ya, lebih tiga puluh tahun lalu. Komando Digriz. ...Lelaki asing yang berulang alik dari Pulau Borneo-Sulu yang menjadi penghubung berita antara pulau-pulau Sulawesi, Jawa, Sumatera, Singapura, Borneo. Pertemuan di Pulau Rahsia. Tapi kenapa Henry menimbulkan debaran dan syak yang bergelora. Atau gara-gara batu hitam yang tergantung di leher Henrykah? “Tiga butir batu yakut telah kuhasilkan sepanjang aku di kem tahanan dulu. Satu untukmu dik. Dua butir lagi telah kuberikan kepada sahabatku ...”

Tetapi Siti Aisyah tidak tahu, siapa dua orang sahabat suaminya!

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:168)

Dapatkan modifikasi idea ini menunjukkan bahawa pengarang ingin menjelaskan bahawa pertemuan bakal berlaku di mana-mana sahaja dalam kehidupan manusia. Kadang-kadang pertemuan tidak membawa perubahan apa-apa namun dalam novel *Pulau Renik Ungu* setiap wataknya mempunyai cerita yang tersendiri. Siti Aisyah terikat dengan

cerita batu yakut yang diperbuat oleh suaminya dan batu ini telah membuka segala persoalan yang bersarang di benak Zaidah. Lihat petikan yang berikut:

Ibu telah pun bercerita tentang tiga butir batu yakut hitam yang dihasilkan oleh ayahnya dengan menggilap batu-batu kecil yang dikutip di halaman kem tahanan. Lebih empat puluh tahun dahulu. Hanya sebutir sahaja lagi, siapa yang menyimpannya?

Tiba-tiba Zaidah terkilau pemandangan di pulau. Di Pulau Renik Ungu ... Raiman seakan-akan terpukau dengan cincin di jari Zaidah.

“Cantik cincinmu, rasanya bagai ku ... Suara Raiman tidak selesai.

Tiba-tiba otak Zaidah mencair. ..Muncul lagi igauan cerita ibunya, “Ayahmu menghasilkan tiga butir yakut hitam! Satu di jarimu, mungkin satu di dada Henry, di mana satu lagi anakku,”

“Pasti dalam simpanan Raiman bu!” ... Zaidah hampir menemui jawapan keanehan rasa yang dialaminya. Akhirnya Zaidah menemui jawapan. Zaidah Joehari Thibroni, Dan Edward Baker. Dan Komander Digris. Dan Rovvona dan Baseah!

Dapatan di atas menunjukkan bahawa pertemuan atas ikatan batu yakut mencantumkan ketiga-tiga keluarga dan tiga sahabat sejati, iaitu Yusouf Joehari Tib yang mengahwini Siti Aisyah memperoleh Zaidah, Edward Baker mengahwini Alice nenek Henry yang kembali kerana tidak tahan berada di pulau rempah memperoleh cucu bernama Henry dan Komander Digriz yang berkahwin dengan Ravvona ditinggalkan dan akhirnya mengahwini Baseah, nenek Raiman berketurunan Banjar. Perancangan Allah SWT mempertemukan Zaidah dengan Henry juga menguji kesabaran manusia dalam mengharungi liku-liku kehidupan. Hakikat pertemuan ini menegaskan bahawa jodoh, ajal dan maut semuanya perancangan Sang Pencipta yang Maha Berkusa. Pertemuan dengan keizinan Pencipta inilah merupakan lingkaran yang ingin dikongsikan oleh pengarang seperti yang terdapat dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*.

5.2.2 Cerpen “Karangan Pulau”

Berdasarkan hiperteks *Pulau Renik Ungu* (hiperteks), didapati pengarang telah melakukan perubahan dan pindaan terhadap aspek pemikiran. Berdasarkan keinginan pengarang menyampaikan pemikirannya terhadap ‘pulau’ maka hipoteks cerpen “Karangan Pulau” ditempatkan secara keseluruhan dalam Bab 3 *Pulau Renik Ungu* (1995: 32-39). Dalam hiperteks *PRU*, didapati nama watak masih kekal seperti dalam hipoteks *Karangan Pulau* seperti Zaidah, Azaz, Raiman atau Raim. Melalui ketiga-tiga watak ini pengarang berusaha memaparkan pemikirannya tentang ‘laut’ dan ‘pulau’. Namun terdapat juga perubahan kecil daripada aspek gaya penulisan dalam hiperteks novel, iaitu aspek teknikal (huruf dan perenggan). Petikan berikut dapat dilihat langsung dalam Bab 3 *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

Contoh 1:

“Kau tahu pun aku menyenangi pulau.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 32)

“KAU tahu pun aku menyenangi pulau.”

(*Karangan Pulau*, 1991:67)

Contoh 2:

“Kautahu, pulau bagiku ialahhei putera pulau , kau dengar bicaraku ...”. Suara Zaidah menggema dari gagang telefon. Perlukah dia memberitahu, percakapan lewat telefon itu sungguh mengusiknya kala dinihari. Sehingga dia tak perlu bersuara, sebaliknya ingin menjadi penikmat.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 68)

“Kautahu, pulau bagiku ialahhei putera pulau , kau dengar bicaraku!

Perlukah dia memberitahu, percakapan lewat telefon itu sungguh mengusiknya kala dinihari. Sehingga dia tak perlu bersuara, sebaliknya ingin menjadi penikmat.

(“Karangan Pulau”, 1991:33)

Berdasarkan Contoh 1 pindaan berlaku daripada aspek teknik iaitu, teknik penulisan. Hal ini dilihat kepada perkataan Kau dan KAU penggunaan huruf kecil dan huruf besar bagi permulaan hiperteks dan hipoteks. Contoh 2 pula pindaan berlaku kepada dua aspek, iaitu penambahan ayat dalam PRU - Suara Zaidah menggema dari gagang telefon. Jika diteliti ayat ini tiada dalam hipoteks “Karangan Pulau”. Manakala perubahan kedua dalam hiperteks terlihat aspek pemerengganan, iaitu Perlukah dia memberitahu Jika dilihat dalam hipoteks terdapat dua perenggan manakala dalam hiperteks hanya satu perenggan.

Modifikasi idea atau pemikiran juga terlihat kepada tamsil yang diberikan oleh pengarang melalui watak Zaidah dalam hipoteks “Karangan Pulau” (1991:73) yang ditransformasikan kepada hiperteks Bab 4 *Pulau Renik Ungu*. Modifikasi idea ke arah ‘cinta’ kepada negara dan manusia ini cuba dikupas oleh pengarang melalui perbualan Zaidah bersama Azaz sahabat Pulau Langkawi, Raiman sahabat Pulau Dayang Bunting dan Henry atau Hairul tentang pulau dan laut. Zaidah merujuk pulau sebagai sesuatu yang amat istimewa yang menghasilkan ‘mutiara’ yang tidak ternilai dan perlu dipelihara. Bersama Azaz dan Raiman, Zaidah memperkatakan tentang pulau seperti petikan yang berikut:

“Kautahu, pulau bagiku ialah ibarat gugusan karang yang tumbuh jauh di dasar laut. Bagai sebutir mutiara yang

tersembunyi dalam perut lokan. Tapi karang lebih berani menampilkan diri, hingga di muncul dan didewasakan oleh kilau mentari....hei putera pulau , kau dengar bicaraku!

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:33)

Namun bagi Azaz dan Raiman, pemikiran kedua-duanya berbeza memandangkan mereka berasal daripada pulau lagenda. Kedua-duanya mempunyai semangat patriotisme yang utuh, iaitu sayang kepada watan dan negaranya. Menurut Azaz dengan mitos Dayang Bunting, pulau yang sekian lama dipaliti sumpahan telah hapus dan perlu dibangunkan. Mereka perlu berhati-hati dengan individu yang bakal datang ke pulau itu yang mempunyai niat untuk mengaut keuntungan. Pulau Langkawi dilihat berpotensi untuk dimajukan dan mempunyai prospek tinggi dalam bidang ekonomi dan ekopelancongan. Adalah menjadi tugas anak watan untuk membangun dan memperjuangkan serta melindungi pulau tersebut. Lihat petikan yang berikut yang menggambarkan semangat waja Azaz walaupun gagal dalam panahan cinta Azaz yang terkesima dengan Zaidah ketika bertemu beberapa kali di pulaunya. Beberapa kali Azaz berusaha untuk mendapatkan Zaidah (...Memang gaya rambut Zaidah sering menggugahnya, *PRU*, 1995:34). Namun Zaidah hanya menganggap Azaz sebagai sahabat dan bagi Zaidah persahabatan itulah yang terbaik buat dirinya.

Tapi di celah-celah kenakalan mata Azaz dilihatnya ada jalur-jalur daun baru tumbuh...

Tapi malam itu didengarnya suara Azaz., “Esok aku pulang ke pulau. Senang membawa bayangmu. Kubawa cincinmu sekali!” Ah! Azaz.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:35)

Azaz pula yang pernah kecewa dengan Diba tetap berjanji akan hadir ke majlis perkahwinan bekas kekasihnya. Mesej pemikiran inilah yang cuba digarap oleh pengarang melalui penyesuaian idea yang dibuat. Lihat monolog Azaz,

“ Di mata Azaz masih ada Diba. Bekas kekasihnya. Perlukah bersayu sedangkan dia telah pun bertekad untuk memenuhi undangan perkahwinan itu. Malah telah disedianya hadiah. Sekurang-kurangnya piano mainan itu dapat memenuhi impian Diba. Di sutilah terletak jurang perbezaan kelas. Puteri itu telah dibelai penuh kemewahan sejak kecil. Dapatkah dia menyesuaikan diri dengan kehidupan mewah dalam kalangan orang berada sedang dia hanya lelakii biasa pulau.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 38)

Petikan di atas merupakan antara mesej yang ingin dikongsikan oleh pengarang bahawa persahabatan lebih berharga daripada sebuah percintaan. Dalam percintaan, tidak semestinya menjanjikan kebahagiaan dan berakhir di gerbang perkahwinan. Begitulah yang menimpa nasib Azaz, iaitu status sosioekonomi pemuda pulau penghalang percintaannya. Azaz tidak menoleh kebelakang melihat kesedihan hidup di pulau tetapi tampil dengan semangat waja untuk menuaikan kewajipan kepada watan. Lihat petikan pemikiran Azaz dalam penyesuaian yang dibawa oleh pengarang di mana ideanya ditempatkan dalam hiperteks novel *PRU*.

“Peristiwa sumpah tujuh generasi telah selesai. Kini aku pulang membentuk empayar baru. Kau tahu setelah kesayuan Mahsuri, setelah sumpah dari bibir berdarah putih itu, kini pulau mula didatangi. Tapi tidak semua datang dengan keinginan mulia. Sebelum pulau kembali tercemar, ini sang putera akan membangunnya dengan kemuliaan sejarah dan bangsa!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:33)

Sikap dan pemikiran Azaz dikongsikan oleh pengarang bersama khalayak pembaca. Setiap individu perlu mempunyai sikap dan rasa tanggungjawab seperti gambaran watak Azaz (...“sang putera akan membangunnya dengan kemuliaan sejarah dan bangsa!”). Beliau akan kembali ke pulau tercinta dan akan membangunkan serta mempertahankan tanah airnya daripada individu yang tidak bertanggungjawab (Tapi tidak semua datang dengan keinginan mulia). Walaupun Zaidah tidak membalaaskan cinta Azaz (“Kubawa cincinmu sekali!”) namun dia tidak memutuskan tali persahabatan dengan Azaz dan begitu juga dengan Azaz. Mereka saling berhubungan kerana Zaidah tetap erat mengingati sahabatnya melalui kiriman poskad setiap kali mengembara seperti catatannya, “Azaz tidak tahu pun akan keberangkatannya ke pulau utama. Dia akan menulis kepada Azaz. Azaz jauh di tanah besar” (PRU, 1995:41). Bersama Raiman, Zaidah menyebut; “Aku senang ke Pulau kecilmu. Pulau ... Pulau Renik Ungu.” Raiman pula bergema dalam suaranya yang bersemangat seperti petikan yang berikut;

“Di Pulau ini, kami terpecah dan dipecah-pecahan. Etnik yang berbagai, sering dikejutkan dengan mimpi curiga dan saling diusik api kegelisahan. Tapi percaya dalam setahun dua ini akan wujud rumpun Melayu berani, ikhlas, dan jujur. Aku akan bangun sebagai wiranya.”

“Tapi wira tak cukup dengan tunggak satu...”

“Oh, kaulah penunggaknya!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:36)

Pahit getir kehidupan yang ditempuhi Raiman membuatkan beliau berasa ter panggil untuk mempertahankan tanah airnya. Raiman penuh yakin bahawa di bumi Labuan akan muncul rumpun Melayu yang diikat hati dan perasaannya atas nama

tanggungjawab bak kata peribahasa Melayu, *sesusun bak sirih, serumpun bak serai* yang mempunyai ciri-ciri keberanian dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membangunkan negara (...akan wujud rumpun Melayu berani, ikhlas, dan jujur. Aku akan bangun sebagai wiranya”). Raiman sendiri sanggup berada di barisan hadapan jika negara memerlukan kudratnya dan beliau memerlukan wanita dalam hidupnya. Wanita serikandi tersebut adalah Zaidah sahabat baiknya daripada Tanah Semenanjung. Namun Zaidah sekali lagi terpaksa menolak kerana riak hatinya sangat rapat dengan Raiman seolah-olah mereka terikat dalam lingkaran kekeluargaan walaupun Zaidah memang mencari orang pulau seperti katanya,

“Aku mencari sahabat yang baik di pulau,”

Tiba-tiba Zaidah membayangkan, apakah tidak mungkin dia adalah camar yang kecil dan helang adalah sahabatnya Raiman dan Azaz. Dalam mimpi dia melihat tarian tiga ekor burung itu.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:37-39

Namun ketika Zaidah bersama Henry, mereka bukan sahaja memperkatakan tentang ‘pulau’ tetapi juga kehebatan ‘laut’. Perhatikan petikan contoh yang berikut yang berikut;

Contoh 1:

“Pulau-pulau rempahmu, sungguh indah Zeida! Matahari bersinar cerah tanpa kabut musim dingin, malah bunga-bunga dapat berkembang di mana-mana tanpa kejutan musim. Sudikah menjadi bungaku?”

Menjadi bunga? Atau bunga-bunga?

“Bunga”

Hem, ya, bunga kasihku. Bunga cinta!”

Contoh 2:

“Begitu dapat dirasakan kalau kapal belayar di Laut China Selatan,”

“Sebagai pelaut, kami senang gelombang,”

“Kenapa?”

“Dengan gelombang, kita selalu berhati-hati bersedia.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:90)

Petikan Contoh 1: memperkatakan idea atau pemikiran yang dilontarkan oleh pengarang kepada khalayak. Bibit-bibit percintaan akan hadir tanpa paksaan dan begitulah yang berlaku kepada Henry. Sebagai seorang duda, Henry memang kesepian walaupun sering ditemani oleh wanita-wanita cantik sepanjang pelayarannya. Namun ketika bertemu Zaidah, Henry mulai terasa kekosongan hatinya terisi. Ternyata bahawa pengarang berusaha membuat pengubahsuaian terhadap teks baharu (*PRU*) daripada teks asal (Karangan Pulau) untuk memperkatakan ideanya seterusnya menjadi pelengkap terhadap teks yang hadir. Perhatikan petikan penyesuaian yang berikut ditempatkan ke dalam hiperteks *PRU*:

Henry memang menyedari, sejak dia melihat bayang Zaidah jauh di Baltik dulu, ada semacam usikan yang menyentuh sukmanya. Ada sesuatu yang menimbulkan kesenduan. Pengalamannya sejak dua puluh tahun sebagai pelaut, seteah rumah tanggganya hancur – lautlah menjadi sahabat yang begitu mengerti. Dia bercakap-cakap dengan air, dengan angin.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:106)

Sebelum ini watak Erick dalam cerpen “KMdLE” dalam antologi *Bunga Putik Putih*. Kemudian dipindahkan ke dalam *PRU* menjadi Henry dan bertemu Zaidah untuk pertemuan kali ke dua selepas pertemuan di Laut Baltik. Ternyata pertemuan kedua ini mengubah takdir apabila kedua-duanya jatuh cinta. Zaidah banyak menolak jodohnya dengan beberapa pinangan termasuklah daripada sahabatnya Azaz, namun telah menerima Henry walau awalnya masih berprasangka, “Menjadi bunga? Atau bunga-bunga?” kerana diketahui Henry seorang pelaut dan kehidupan pelaut yang dikelilingi bunga seperti Dorothe, Lilian atau Debora. Pada peringkat awal menerima Henry, Zaidah masih keliru. Kekeliruan Zaidah ini seiring dengan kekeliruan Kapten Mannu dan Muhde rakan sekapal Henry. Namun, kuasa Tuhan penentu segala-galanya dan Zaidah berserta Henry yakin dan pasrah akan takdir mereka akan bersatu sebagai suami isteri. Perhatikan petikan monolog Zaidah ini apabila menerima Henry;

“Kini, kembali pudarkah semangat nasionalismeku, apabila rela menerima rangkuluan manusia orang putih – Henry pelaut!


(*Pulau Renik Ungu*, 1995:106)

Benarkah dia akan menikah? Muhdee bagai tidak percaya. Laut boleh sahaja mengusik perasaan atau mengubah impian manusia..

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:156)

Contoh 2: mengaitkan kehidupan di laut dengan gelombang adalah suatu kehidupan yang perlu dihadapi dengan waspada. Begitulah yang terjadi kepada Zaidah dan Henry dan hakikatnya ‘laut’ kehidupan yang menjadikan mereka berdua sentiasa berwaspada dan akhirnya membawa kebahagiaan apabila Henry memeluk agama Islam dan kekeliruan Zaidah bertukar sayang. Oleh itu berdasarkan dapatan modifikasi yang dilakukan oleh pengarang di atas, dapat dikatakan bahawa pengarang mempunyai

hasrat dan keinginan untuk mengulas tamsilnya, iaitu “pulau” tanah daratan yang dikelilingi air. Begitulah rasminya hidup manusia terutama kehidupan pelaut dan kehidupan individu yang tidak punya teman sama ada suami atau isteri. Natijah hidup beseorangan membuatkan pengarang mengungkapkan konsep kesunyian dan kesepian yang dialami oleh individu yang terlibat. Akhirnya disogokkan dengan konsep ‘suka memilih dan sebagainya yang negatif’ termasuklah usul mewujudkan idea perkahwinan campur. Hal-hal sebeginilah yang ingin diperkatakan oleh Siti Zainon Ismail melalui hiperteksnya bagi menarik khalayak membaca. Di samping itu pengarang ingin merasionalkan pemikiran khalayak mencari jawapan kepada semua persoalan yang timbul umpama kehidupan sebuah pulau yang dikelilingi air.




Rajah 5.3
Modifikasi Hipoteks “Karangan Pulau” dalam Hipoteks *Pulau Renik Ungu*

5.2.3 Cerpen “Episod Inderajati”

Setiap pengarang didapati mempunyai kreativiti masing-masing dan tidak terkecuali Siti Zainon Ismail. Didapati dalam proses penciptaan hiperteks genre novel *Pulau Renik Ungu*, pengarang telah mengenal pasti hipoteks yang hendak dimasukkan ke dalam teks baharunya. Maka cerpen “Episod Inderajati” dalam *Bunga Putik Putih* (1991) didapati telah dijadikan hiperteks kepada novel ini. Perkembangan plot hiperteks *Pulau Renik*

Ungu telah mengalami penyesuaian dan hampir sebahagian hipoteks cerpen ini ditempatkan dalam Bab 5 hiperteks *PRU*.



Rajah 5.4
Modifikasi Hipoteks “Episod Inderajati” dalam Hiperteks *Pulau Renik Ungu*

Dalam Bab 5 *PRU* (1995: 52-55), plot *Pulau Renik Ungu* dimulakan dengan kisah Zaidah yang berada di bandar Kuching Sarawak dan ingin kembali ke Semenanjung. Secara kebetulan sewaktu menaiki tangga akhir kapal itu, Zaidah telah terserempak dengan pelaut yang pernah ditemuinya di Laut Baltik di pelabuhan Trimunde Jerman Barat tiga tahun lalu. Kehidupan Zaidah selepas kembali dari Teluk Baltik dengan menghabiskan tesis Ph.D dan dalam masa itu beberapa kenalan mendekatinya tetapi semua percintaan putus sebelum ke jinjang pelamin. Antaranya Nik Mahmud pelaut pelatih di Akademi Ilmu Pelayaran Jakarta, Nizam dan kini Henry. Walaupun menerima usikan daripada kenalan, Zaidah tetap dengan kerjaya yang diutamakan cuma sesekali hati kecilnya turut tersentuh dan halusinansinya berkembang. Di sini pengarang mulai melakukan penyeberangan genre dengan menempatkan hipoteks “Episod Inderajati” ke dalam Bab 5 secara transformasi fizikal, iaitu sebahagian teks ini berada dalam plot *PRU* (1995: 55-69). Lihat petikan halusinasi hipoteks yang ditempatkan dalam hiperteks *PRU* yang berikut:

PERHIMPUNAN itu akan diadakan di halaman. Di bawah pohon beringin tua menghadap ke arah matahari jatuh. Tepat matahari melampau batas sempadan dua kota. Ingat pastikan semua datuk penghulu mengambil tempat masing-masing sebelum derap langkah Dara Jingga menuruni ruang anjung. Tatkala derap sang puteri mencipta alunan ketujuh kala caklempong memainkan lagu si bunda kandung. Ingat! Itulah arahan dari ketua penghulu bergelar Bandaro Kayo keturunan pertama di Pariangan, turun dari Merapi menuruni ke lembah, datanglah segala yang bergelar, empunya sejarah di kaki bukit Bongsu di kaki bukit Batupatah. ...

(*Bunga Putik Putih*, 2005:113)

Syafinaz menutup buku catatannya. Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... Syafinaz telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

(*Bunga Putik Putih*, 2005:128-129)

Berdasarkan petikan hipoteks di atas, khalayak dapat melihat bagaimana pengarang melakukan modifikasi terhadap hiperteks *PRU*. Plot Pertama (Permulaan), Bab 5 dimulakan dengan pertemuan Zaidah dengan Henry di kapal *Cruise Muhibah* dan imbas balik Zaidah akan kehidupan sebagai mahasiswa pascasiswazah yang masih belum menamatkan kuliah dalam tempoh lima tahun. Diceritakan juga tentang pergaulan dan kisah percintaan yang belum kesampaian sehingga menimbulkan halusinasi dalam diri Zaidah.

Plot Kedua (Pertengahan) hipoteks “Episod Inderajati” dimasukkan dengan penanda (* * *). Modifikasi ini sangat jelas dalam *PRU* (1995:55) dengan menempatkan perenggan hipoteks awal seperti yang berikut ke dalam hiperteks *PRU*;

* * *

Perhimpunan itu akan diadakan di halaman. Di bawah pohon beringin tua menghadap ke arah matahari jatuh. Tepat matahari melampau batas sempadan dua kota. Ingat pastikan semua datuk penghulu mengambil tempat masing-masing sebelum derap langkah Dara Jingga menuruni ruang anjung. Tatkala derap sang puteri mencipta alunan ketujuh kala caklempong memainkan lagu si bunda kandung. Ingat! Itulah arahan dari ketua penghulu bergelar Bandaro Kayo keturunan pertama di Pariangan, turun dari Merapi menuruni ke lembah, datanglah segala yang bergelar, empunya sejarah di kaki bukit Bongsu di kaki bukit Batupatah.

...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:55)

Berdasarkan hiperteks di atas, didapati pengarang membuat pindaan terhadap halusinasi Zaidah. Hal ini terlihat pada perenggan permulaan yang diubah suai menggunakan huruf kecil dalam hiperteks PRU: (Perhimpunan) berbanding hipoteks “Episod Inderajati” (PERHIMPUNAN) dan berakhir pada perenggan hipoteks. Modifikasi atau pindaan seterusnya terlihat pada nama watak, iaitu dalam hipoteks nama Syafinaz tetapi dalam hiperteks nama berubah kepada Zaidah seperti yang tertera dalam petikan yang berikut;

Syafinaz menutup buku catatannya. Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... Syafinaz telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

(*Bunga Putik Putih*, 1995:128)

Zaidah menutup buku catatannya. Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... Zaidah telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:69)

Plot pertengahan disambung dengan petikan yang berikut memaparkan konflik dalam diri Zaidah tentang perasaannya terhadap Indera Marah Iskandar. Siti Zainon dengan kreativiti pengalaman rasa meneruskan penceritaan *Pulau Renik Ungu* dengan persoalan perlukah Zaidah menceritakan tentang isi hatinya bahawa dia pernah menyayangi seseorang di kaki Merapi sewaktu menjalankan penyelidikan. Petikan hipoteks “Episod Inderajati” yang disambung dalam hiperteks *PRU* seperti yang berikut;

Perlukah Zaidah menghabarkan kepada Sasterawan Negara itu, bahawa dia pernah tersentuh di kaki Merapi tetapi kata Indera, “Pulanglah anda, saya hanya petani di gunung bukan nilam!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:69)

Pengarang seterusnya memaparkan modifikasi idea dengan isu atau persoalan kahwin kontrak. Hal ini diutarakan apabila Zaidah menjelaskan tentang isi hatinya dan mengapa beliau masih bersendirian melalui petikan yang berikut;

“Saya mencari nilam, bukan kilauan emas. Tapi batu tersembunyi, tersebul setelah digilap bersama.”

“Ah! Kau mula berfalsafah.” Ingatan suara Dr. Idham pula mencelah. Lelaki yang ditemuinya ketika menghadiri seminar budaya di New Delhi.

“Kita boleh kahwin secara kontrak, jika kauingin pulang ke tanah air kita batalkan saja kontrak perkahwinan itu!” Gila. Zaidah berasa terhina. Alangkah rendahnya martabat perkahwinan.

Ternyata melalui watak Zaidah, pengarang menyatakan pendapatnya tentang isu kahwin kontrak yang dianggap merendahkan martabat sesebuah perkahwinan. Pengarang mula menyampaikan isi hatinya bahawa setiap wanita tidak terdesak untuk mencari suami dalam keadaan seseorang wanita tersebut bekerjaya. Monolog yang berikut membuat

khalayak pembaca dapat menduga bahawa Zaidah, iaitu pertukaran watak daripada Syafinaz (*BPP*) kepada Zaidah (*PRU*) menyimpan perasaan terhadap Indera Marah Iskandar. Namun dengan wujudnya sifat rendah diri Indera, Zaidah memendam perasaan cinta tersebut. Beliau menjadi semakin hormat kepada Indera dan menganggap Indera sebagai sahabat dunia dan akhirat.

...dan dia ingin mencapai tanah besar nun jauh di seberang.
Tapi mana Dara Jingga? ... Derap kuda dipacu saling bertingkah
dengan deringan genta di kaki. Seorang pahlawan memacu
kuda itu. Itukah Iderajati, atau kaulah Indera Marah Iskandar?

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:69)

Plot pertengahan berakhir dengan ayat “Terima kasih!” laung Zaidah (*PRU*, 1995:73). Pengarang dengan jelas menunjukkan kreativiti idea dengan meletakkan penanda (* * *). Plot peleraian Bab 5 bermula dalam hiperteks seperti yang berikut;

Kapal makin jauh meninggalkan kuala. Sungai Sarawak semakin sayup. Jauh di sana Zaidah terdengar lagu “Sungai Sarawak” ... Bolak balik dia membaca novel sahabatnya, dan di depan Sungai Sarawak ketika itu hatinya teruntun. Hiba sesuai dengan pandangan sungai semakin jauh dan kapal semakin bersatu dengan laut!.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:73-74)

Dapatan kajian memperlihatkan faktor keinginan pengarang dan pengalamannya dibawa daripada halusinasi hipoteks cerpen “Episod Iderajati” dengan menempatkannya ke dalam hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*.

5.2.4 Cerpen “Musim Gugur Pertama”

Hipoteks yang dilakukan oleh pengarang dalam novel *Pulau Renik Ungu* adalah diangkat daripada cerpen “Musim Gugur Pertama”. Tambahan fakta yang diberikan kepada teks baharu ini bertujuan untuk dikembangkan atau disesuaikan mengikut zaman penceritaan tersebut. Penceritaan plot “Musim Gugur Pertama” bermula dengan kisah Ana dan Kevin yang berhasrat untuk ke Muzium Kapal di Kota Belanda. Tujuan utama Kevin ke Muzium Kapal adalah untuk melihat kapal Bugis atau *Panisi*. Kevin dengan gembiranya memperkatakan tentang model-model kapal Bugis seperti petikan yang berikut;

“Ana, Ana kaulihat di sini. Ha, ini dia *Lopi*. Ha, ini *Biseang*,”

Lopi, Biseang? Ana masih kehairanan. Yang dilihatnya ialah model perahu-perahu kecil. Untuk memahami model-model perahu itu Ana merangkak membaca keterangan-keterangan ditulis dalam bahasa Belanda.

“Bukankah itu *Lopi* – perahu Bugis. Dan *Biseang*–perahu Makasar!”

(*Rindu Pala Muda*, 2005:69)

Namun dalam keghairahaan melihat kapal dan keris Bugis, pengarang telah memasukkan teknik *hint* atau *foreshadow* gambaran masa hadapan diperlihatkan melalui watak Kevin seperti petikan yang terdapat dalam “Musim Gugur Pertama” berikut;

Melihat *panisi* Bugis, Kevin merasa dirinya ialah Tuan Bolland. Di mata Tuan Bolland ialah pemandangan pulau-pulau perca di Timur jauh. Desir daun kelapa ditiup angin monsun dan tanah pasir putih di Sulawesi. ...

Tanah tinggi yang membiakkan hutan cengklik serta pemandangan laut terhampar di kaki bukit yang penuh dengan perahu-perahu lanun ...

Bolland menghabiskan kopi pagi dengan segera. Dia harus segera ke kapal untuk ke desa Maluekke. Tapi yang penting dia harus lebih dulu menemui Opu Daing. ...Belanda harus menang. Harus menang. Inggeris hanya mengganggu kita di perairan Borneo dan Selat Melaka

(“Musim Gugur Pertama”, 2005:69-70)

Daripada gambaran sejarah ini, pengarang telah melakukan modifikasi idea dan peresapan (*aforisme*) dengan mengutip peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di Asia Tenggara khususnya negeri-negeri di Kepulauan Rempah untuk ditempatkan ke dalam hiperteks yang sedang diusahakan oleh Siti Zainon Ismail. Lihat petikan yang berikut;

Beberapa kali jeneral ingin berjumpa dengan *pinati* dan bagaimana tenangnya lelaki tempatan itu, menolak cara damai dalam ketegasan tanpa saja meninggalkan kesan marah di hati jeneral. Hanya Bolland sahaja yang bisa bertemunya dan pembicaraan berlaku penuh senyum persahabatan.

“Kita tidak bicara soal perang ... “

(“Musim Gugur Pertama”, 2005:71)

Ternyata dalam konteks ini watak-watak yang dihadirkan oleh pengarang sama ada watak tempatan (Opu Daing- tenangnya lelaki tempatan itu) atau watak asing (Tuan Bolland-Bolland sahaja yang bisa bertemunya dan pembicaraan berlaku penuh senyum persahabatan) mampu duduk semeja untuk berbincang jika dibandingkan dengan watak jeneral yang ditolak Opu Daing. Jelas diplomasi memainkan peranan penting dalam membincangkan bagaimana cara menghadapi kedatangan Inggeris di Kepulauan Rempah

dan Pulau Borneo. Hanya dengan sifar kemanusiaan yang wujud maka suatu kesepakatan dapat dicapai (..penuh senyum persahabatan).

Dalam konteks ini pengarang dengan jelas berusaha untuk melakukan perubahan dengan memasukkan atau menempatkan kisah Tuan Bollard dalam prolog hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*. Ternyata dengan kreativiti pengarang berjaya membuat penyesuaian sebelum dan selepas memindahkan hipoteks “Musim Gugur Pertama” ke dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Perhatikan petikan yang berikut;

Mengikut arahan terakhir, Parman harus mendarat di Pulau Batu Putih. Nakhoda *pinisi* Bugis telah memastikan kejauhan jarak di antara Bentan dengan Batam sebelum ke Batu Putih ...

Sepuluh hari yang lalu *panisi* meninggalkan Teluk Padang, teluk paling jauh dari jeti Pare-Pare. Dengan bantuan Opu Daing, seorang *pinati*, dia diperkenalkan dengan Tuan Bollard seorang pegawai artilari Belanda di Sulawesi. Mula-mula dia memang curiga, tetapi kemudian dikutipnya penjelasan lelaki itu ketika menjelaskan sesuatu kepada Opu Daing, pemimpin upacara adat yang dihormati. ...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:1)

Daripada watak Opu Daing, secara tidak langsung plot penceritaan telah berkembang dengan pemindahan yang sangat ketara daripada keseluruhan dua muka surat awal hipoteks cerpen “Musim Gugur Pertama” (2005:71) ke dalam prolog hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Di sini jelas menampakkan penyeberangan genre telah berlaku, iaitu daripada genre cerpen kepada genre novel. Untuk mencapai sebuah harapan berdasarkan konsep peri kemanusiaan,, pengarang berusaha untuk menambah penceritaan bagi pelengkap dalam sesebuah novel. Interpretasi daripada kejadian ini

menunjukkan bahawa semangat perjuangan yang tinggi membela negara. Berdasarkan hiperteks *Pulau Renik Ungu* yang berikut dapat membuktikan prinsip modifikasi berjaya dikemukakan secara signifikan berdasarkan catatan Sejarah;

“...Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya dengan saya. Demi, demi Bugis Arung – raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia?”. Itulah perbicaraan awal Bolland. Seorang lelaki asing, yang dapat diterima oleh Opu untuk bertamu di rumah. Bolland juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* sejak November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas”... Hanya untuk *siri* kita hidup di dunia, aku setia kepada adat” Itulah yang dipelajari Bolland. Hal inilah yang tidak dipelajari jeneral. Lebih daripada semua, Bolland memang telah terdidik dengan jiwa penuh kemanusiaan. Cintanya membangun kemanusiaan mengatasi segala-galanya. Biar Baginda Ratu murka. Atau menjemputnay pulang, dia tidak berpatah balik. Bolland mengingatkan manusia Zentgraaf. Juga seorang koperal artileri. Seorang wartawan tentera , dituduh belot, akhirnya diterima juga setelah perang tamat. Mungkin catatan Zentgraaflah yang banyak mengajarnya.

...

Opu Daing telah menyampaikan berita. Panisi akan bertolak menuju Surabaya beberapa hari lagi. Beberapa orang pedagang dari Jawa akan disertai oleh pedagang Mingkabau untuk menuju Singapura. Diceritakan juga dari singapura telah menunggu satu rombongan sulit dengan bantuan pahlawan-pahlawan Melayu untuk menyeludup senjata.

(“Musim Gugur pertama”, 2005:71-72)

“...Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya kepada saya. Demi, demi Bugis Arung, raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia!”. Seperti Bolland, Parman juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap* pada November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas”... hanya untuk *siri* kita hidup di dunia, aku setia kepada adat” Itulah yang dipelajari Bolland.

Hal inilah yang menginsafi Parman. Bolland memang telah terdidik dengan jiwa penuh kemanusiaan.

...

Opu Daing telah menyampaikan berita. Panisi akan bertolak menuju Surabaya beberapa hari lagi. Beberapa orang pedagang dari Jawa akan disertai oleh pedagang Mingkabau untuk menuju Singapura. Diceritakan juga dari singapura telah menunggu satu rombongan sulit dengan bantuan pahlawan-pahlawan Melayu untuk menyeludup senjata.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:2)

Berdasarkan petikan di atas, plot penceritaan hiperteks *Pulau Renik Ungu* terus berkembang dengan pemaparan watak utama Yusouf Joehari Tib ayah kepada Zaidah yang merupakan seorang pejuang bersama sahabatnya Tuan Bolland dan Parman. Melalui watak Parman, terlihat bagaimana setiap individu mempunyai kewajipan mempertahankan negara.

Tugas! Ada tugas yang harus segera diselesaikan. Angin di Prapat terus menyimbah. Parman berdiri di celah-celah himpunan yang dihadiri oleh berbagai-bagai keturunan, Melayu, Aceh, Minangkabau, Bugis, Banjar, ... Tetapi pesan Yusouf Joehari Tib, "Mereka semua Melayu! Dan kita adalah anak Nusantara tanpa batasan. Tetapi muncul juga amanat salah seorang sahabatnya, Bayu yang menitip serangkap puisi:

...Dengan demikian saya berseru
Kepada sekalian Melayu jati
Semangat muda korbankan selalu
Namun undur mohonkan pasti ...

Elemen kemanusiaan jelas terungkap dalam petikan di atas dalam menegakkan yang hak untuk mempertahankan negara. Hal inilah yang didokongi pengarang kerana falsafahnya; bersatu teguh, bercerai roboh. Setiap individu mempunyai tanggungjawab

yang perlu disegerakan dalam mempertahankan bumi tercinta. Hiperteks *Pulau Renik Ungu* terlihat menerima penjelmaan idea yang meresap masuk untuk menyampaikan semangat patriotisme. Hal ini dapat dilihat daripada petikan teks dalam ayat yang berikut, “... Bangun! Bangun ! tiga serangkai pusat alam Melayu harus bersatu. Alam raya kita luas...” (*Pulau Renik Ungu*, 1995:2)

Pengubahsuaian juga terlihat daripada aspek tatabahasa sama ada perkataan, frasa dan ayat berdasarkan petikan yang berikut;

“...Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya kepada saya. Demi, demi Bugis Arung, raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia!”. Seperti Bolland, Parman juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap pada* November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas”... hanya untuk *siri* kita hidup di dunia, aku setia kepada adat” Itulah yang dipelajari Bolland. Hal inilah yang menginsafi Parman. Bolland memang telah terdidik dengan jiwa penuh kemanusiaan.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:2)

“...Kita tidak bicara soal perang. Tapi soal kemanusiaan, dan persahabatan. Opu harus percaya dengan saya. Demi, demi Bugis Arung – raja segala raja, saya amat menghormati Opu mulia?”. Itulah perbicaraan awal Bolland. Seorang lelaki asing, yang dapat diterima oleh Opu untuk bertamu di rumah. Bolland juga tahu, walaupun kuasa Bugis di wilayah luar telah hapus dengan perjanjian *Tractaat van Altoos Durende Gettouwe Vriend and Bondgenoetshap sejak* November 1874, dengan menarik balik kuasa politik terutama di Johor Riau, namun orang Bugis pantang sekali dicabar. Siri sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas”... Hanya untuk siri kita hidup di dunia, aku setia kepada adat” Itulah yang dipelajari Bolland. Hal inilah yang tidak dipelajari jeneral. Lebih daripada semua, Bolland memang telah terdidik dengan jiwa penuh kemanusiaan.

(“Musim Gugur Pertama”, 2005:71)

Aspek gaya penulisan dapat dilihat seperti dalam (*PRU – kepada, pada, Seperti Bolland, Parman, Itulah yang dipelajari) dan (RPM - dengan, sejak, Itulah perbicaraan awal Bolland Hal inilah yang tidak tidak dipelajari jeneral*). Kesimpulannya, teori intertekstualiti menurut Kristeva (1980:131-134) menunjukkan fenomena *vraisemblable* iaitu hubungan atau tautan (dialog) antara dunia imaginasi dengan kreativiti (teks dalam) dengan dunia realiti (teks luaran). Menurut Mohamad Mokhtar Hassan, *Dewan Sastera*, (2001:83), menyokong pendapat Julia Kristeva yang menyatakan semasa mencipta karya wujud dunia imaginasi dan kreativiti yang dihubungkan dengan kreativiti yang menjadi dasar penelitian intertekstualiti memungkinkan seseorang pengarang mengusahakan hakikat sedemikian dan memunculkannya dalam karya masing-masing dan hakikat ini terpapar dalam hiperteks Siti Zainon Ismail, iaitu novel *Pulau Renik Ungu*.

5.2.5 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Berpandukan cerpen “ADP” yang juga merupakan hipoteks *PRU*, didapati proses modifikasi berlaku dalam nama watak, plot dan aspek gayabahasa. Pengarang telah membuat beberapa ubah suai terhadap teks baharu berdasarkan teks asal. Petikan yang diperturunkan ini berkisar tentang harapan berbekalkan semangat patriotisme yang ingin ditegakkan demi menebus maruah bangsa. Idea pengarang sangat bernas dan apabila proses modifikasi berlaku didapati sebahagian cerpen “ADP” telah dipindahkan ke dalam *PRU* sehingga menjadikan plot penceritaan *PRU* bertambah menarik, berunsur saspen dan apabila misteri batu yakut didedahkan, unsur klimaks menyelinap masuk dan mendedahkan bahawa tiga sahabat baik, iaitu Zaidah, Henry dan Raiman adalah anak dan cucu kepada pejuang negara zaman penjajahan.

Berdasarkan petikan dalam cerpen “ADP” dalam antologi *Rindu Pala Muda* (2005: 51) yang berikut, ditemui prinsip modifikasi turut diguna pakai oleh pengarang sehingga hiperteks *PRU* mengalami beberapa pengubahsuaian aspek tatabahasa dan watak yang muncul. Perhatikan petikan teks yang berikut;

KINI, dia benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas setapak, dia mencantas semak-semak dan lalang-lalang yang menyubur kawasan yang mengarah ke puncak bukit. ...

(“Antara Dua Pulau”, 2005:51)

Kini, Yusouf Joehari Tib benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas setapak, dia mencantas semak-semak dan lalang-lalang yang menyubur kawasan yang mengarah ke puncak bukit. ...

(*Pulau Trnik Ungu*, 1995:4)

Meneliti petikan di atas daripada aspek mekanis dan tatabahasa, didapati proses modifikasi mekanis yakni aspek pemerengganan dan aspek tatabahasanya kecil atau sedikit, iaitu hanya perkataan kini namun implikasinya besar. Sekiranya perkataan ini diteliti, maka akan nyata perbezaan daripada aspek saiz dan kedudukan pemerengganan yang digunakan. Perkataan KINI dalam “ADP” merupakan perkataan awal bagi permulaan sesebuah bab yang terdapat dalam hipoteks cerpen “ADP”. Manakala perkataan kini dalam *PRU* merupakan episod kedua dalam prolog *PRU*. Ini membuktikan bahawa pengarang berupaya menjelmakan penulisannya dalam pelbagai bentuk agar dapat diinterpretasikan sendiri oleh khalayak pembaca.

Kehadiran watak pula telah mempengaruhi keseluruhan cerita berdasarkan penemuan ketiga-tiga batu yakut yang disulam atau digilap oleh watak Yusouf Joehari Tibroni sewaktu berada dalam penjara. Watak yang muncul ini merupakan ayah kepada watak utama *PRU*, iaitu Zaidah Yusouf Joehari Thibroni. Watak dia dalam “ADP” (*RPM*:2005) dikenali sebagai Hasbul merupakan seorang intelektual yang memiliki ijazah sarjana sosiobudaya yang baru pulang dari luar negara. Hasbul telah meninggalkan segala kemewahan dan kekasihnya, Azah di bandar lalu menetap di kampung. Ekoran tindakannya yang bertentangan dengan pemerintah, Hasbul telah ditangkap dan dimasukkan ke penjara. Lihat pemerian watak Hasbul dalam dialog Azah berdasarkan petikan yang berikut;

Bayangkan saja, bagaimana seorang sarjana sosiobudaya lebih memilih desa hanya untuk membalias jasa orang kampung. Kau seharusnya bisa saja menjadi ahli terkenal tanpa harus bergelumang dengan sawah ladang getah atau kembali sebagai nelayan. Ah! Kau terlalu idealis untuk membina orang-orang desa. Hasbul! Hasbul!

(“Antara Dua Pulau”, 2005:57)

Pemerian watak ini menyamai watak Yusouf Joehari Tib dalam *PRU*, seorang anak muda yang bersemangat waja dan mempunyai harapan serta bercita-cita tinggi untuk memperjuangkan tanah air tetapi telah ditangkap oleh pihak pemerintah. Lihat perbezaan nama watak Hasbul yang diubah suai oleh pengarang dalam petikan *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

“Jangan dibawa guru kami!” teriak anak-anak di taman asuhan.

“Jangan dibawa muazin kami,” laungan orang-orang dari tengah surau yang sama-sama mereka bangunkan kembali!

Tuan Has, Tuan Has tolong jangan dibawa dia pergi. Tuan Has, tolong jangan dibawa dia pergi, Tuan Has, Tuan Has kami!’

(“Antara Dua Pulau”, 2005:54)

“Jangan dibawa guru kami.!” teriak anak-anak di taman asuhan.

“Jangan dibawa muazin kami,” laungan orang-orang dari tengah surau yang sama-sama mereka bangunkan kembali!

Tuan Joehari, tolong jangan dibawa dia pergi. Tuan Yusouf kami!’

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:5)

Plot dalam *PRU* berubah apabila hanya Bab I sebahagian dimasukkan seperti dalam petikan yang berikut;

KINI, dia benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas setapak, dia mencantas semak-semak dan lalang-lalang yang menyubur kawasan yang mengarah ke puncak bukit. ... Dia kini mengarah ke laut. Matanya sekilas memandang ke langit. Tompok-tompok awan amat tipis...melapisi permukaan laut. Tenang tanpa digangu oleh desah buih yang memukul pasir pantai.

(*Rindu Pala Muda* 2005:51-52)

Plot bersambung dengan penangkapan pemuda tangkas oleh pihak pemerintah (ADP-Hasbul) pindaan nama watak berlaku dalam (*PRU-Yusouf Joehari Tib*) namun harapan tetap putus dan tidak menyerah kalah. Hal ini kerana watak ini mendapat sokongan daripada orang tersayang, iaitu anak Lebai Ali gadis perawan yang cantik bernama Siti Aisyah, iaitu ibu Zaidah. Peranan wanita bukan sahaja mengemas rumah, mengayun buaian tetapi pemangkin semangat kepada wira bangsa atau perajurit negara yang mempertahankan negara dan berakhir dengan petikan yang berikut;

Apabila tiba-tiba juga pemuda tangkas yang menjadi penggerak desa digiring oleh pentadbir negeri... Aku akan menunggumu Joehari. ...Aku akan menunggumu di bukit. Di puncak bukit kita”

(*Pulau Renik Ungu* 1995:5-6)

Plot dalam “ADP” Bab II ditiadakan dalam hiperteks *PRU* dan plot *PRU* berlangsung dengan penyesuaian Bab III daripada “ADP” ditempatkan ke dalam *PRU*. Pengubahsuaian ini ketara apabila Bab IV dalam “ADP” tidak dimasukkan ke dalam *PRU*. Perkataan Bab 1-IV juga ditiadakan dalam *PRU*. Plot disambung dengan perubahan penceritaan terus kepada Bab III yang menceritakan keadaan Hasbul tetapi dipindahkan kepada watak Yusouf Joehari Tib di penjara. Walaupun berada dalam penjara, watak ini tidak mepersia-siakan hayat terkurung dengan sia-sia. Karektor Joehari Tib yang mengimpikan Siti Aisyah sebagai suri di hatinya dilakarkan melalui usahanya menggilap batu yakut dalam tempoh yang lama tanpa rasa jemu. Malahan Joehari berharap dapat memberikan batu tersebut kepada Siti Aisyah, iaitu gadis yang dicintainya. Lihat penyesuaian dan pindaan yang dilakukan oleh pengarang daripada hipoteks “ADP” ke dalam hiperteks *PRU* yang berikut;

Itu adalah hari yang ketiga ratus enam puluh empat. Hasbul menambah catatannya di lembar yang seratus lima puluh ...”

“...Ini yakut asli,” bisiknya. Kalu ditambah dengan lilitan emas. Pasti menambah seri kepada si pemakai...Catatan di lembar yang keseratus lima puluh satu, bertulis ... sebutir, yakut buatmu.

(*Rindu Pala Muda*, 2005: 60)

Pada hari ke tujuh puluh tujuh, Yosoef Joehari menambah catatan di lembar yang ke seratus lima puluh ...”

“...Ini yakut asli,” bisiknya. Kalu ditambah dengan lilitan emas. Pasti menambah seri kepada si pemakai...Catatan di lembar yang keseratus lima puluh satu, bertulis ... sebutir, yakut buatmu!

(*Pulau Renik Ungu* 1995:6)

Dalam *PRU* di atas, modifikasi ketara dilakukan oleh pengarang dariapda aspek masa dalam “Antara Dua Pulau” (hari yang ketiga ratus enam puluh empat) dan dalam *Pulau Renik Ungu* (hari yang ke tujuh puluh tujuh), Plot cerita berubah apabila watak Hasbul atau Yusouf Joehari Tib keluar daripada penjara dan pengarang telah membuat pengubahsuaian dengan menjadikan plot *PRU* berada dalam perang dunia kedua. Peperangan berlaku dan watak utama ini telah bersama-sama anak watan lain bangkit mempertahankan negara dengan harapan kedaulatan dapat ditegakkan walaupun kesemua pejuang terpaksa menempuh onak dan duri. Lihat petikan akhir dalam “ADP” dan lihat petikan *PRU* yang berikut;

Tapi jejak itu semakin pudar. Bukit itu semakin mengecil, semakin datar sehingga malam menjelma, dia semakin rata, semakin rata menjadi pulau. Dua pulau tiba-tiba muncul. Hasbul menjejakkan kaki kanannya di pulau yang pertama. Meletakkan kaki yang satu di pulau kedua. Mungkin dari sinilah dia bakal memulakan langkah lagi. Langkah pertama untuk menumbuhkan kebun baru. Kebun cita yang satu.

(“Antara Dua Pulau”, 2005:64)

Kemudian perkataan perang telah berulang-ulang dilaung. Jepun telah mendarat di Singapura. Yusouf Joehari Tib. Yusouf Joehari Tib, tugasmu laksanakan segera!

* * *

Kuttinggalkan daratan
Dengan keberanian helang
Bulan pertama muncul
Dengan khabar angin
Majulah ke hadapan
Di sana ada pulau

Ada pelabuhan

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:7)

Ayat “Langkah pertama untuk menumbuhkan kebun baru. Kebun cita yang satu” dalam “ADP” dan ayat “Majulah ke hadapan, Di sana ada pulau, Ada pelabuhan” dalam PRU membawa maksud yang sama, iaitu harapan pada masa hadapan yang menjanjikan kesejahteraan dan kebahagiaan.

Setelah meneliti hiperteks *Pulau Renik Ungu*, harapan yang diinginkan tercapai apabila Zaidah bertemu penyelesaian misteri ‘batu yakut’, Henry berjaya memperisterikan Zaidah dan harapannya berbunga kembali hidup dalam sebuah keluarga yang dinaungi panji keimanan, Siti Aisyah bersyukur kerana doa dan harapan seorang ibu untuk melihat Zaidah berkahwin termakbul, Marie ibu Henry gembira selepas hampir 20 tahun anaknya berkelana di lautan akhirnya kembali ke pangkuhan dengan membawa seorang wanita cantik dan berbudi bahasa dari pulau rempah. Hakikat di sini hampir kesemua watak mengimpikan harapan bukan sahaja untuk membahagiakan diri sendiri bahkan orang tersayang di sekeliling mereka.

Jelas dapatkan menunjukkan bahawa dengan penyesuaian plot, perubahan nama watak dan gaya bahasa, pengarang berkeinginan menunjukkan kepada khalayak bahawa berlakunya pengolahan idea semasa proses penciptaan dengan memasukkan idea ditempat yang difikirkan sesuai dengan plot cerita dengan membawa khalayak berfikir ke arah matlamat yang ingin dikehendaki pada masa hadapan.

5.2.6 Novel *Pada Sebuah Kapal*

Keseluruhan idea untuk membincangkan modifikasi dalam *Pada Sebuah Kapal* (PSK) terletak kepada plot novel *Pada Sebuah Kapal* (Nh. Dini:1973) Nh. Dini sebagai pengarang berusaha untuk merubah nasib watak utamanya, iaitu Sri. Hakikatnya sebagai manusia kita perlu berusaha mencari pekerjaan untuk menyara kehidupan masing-masing. Dalam *Pada Sebuah Kapal*, Sri berusaha mendapatkan pekerjaan sebagai seorang pramugari namun dia gagal dan akhirnya Sri menjadi seorang penari. Semasa menjadi penari, Sri telah berkenalan dengan Saputro. Mereka telah merancang untuk berkahwin tetapi malangnya Saputro ditimpa kemalangan dan meninggal dunia. Sri berasa sangat sedih dan kecewa lalu mengambil keputusan untuk berkahwin dengan seorang diplomat. Mereka telah merantau meninggalkan negara Indonesia dan berangkat ke Jepun. Perkahwinan tersebut didapati tidak membahagiakan Sri walaupun mereka telah dikurniakan seorang anak. Sri masih tidak mengecapi kebahagiaan disebabkan sikap suami yang terlalu sibuk seperti petikan yang berikut;

Seperti biasa Charles tidak mempertajaku sanggup mengerjakan sesuatupun. Dia tenggelam dalam kesibukan kerdjana di kantor dan rentjana-rendjana aturan rumah jang baru. Kadang-kadang dia menjadikan pendapatku, tetapi kemudian menjangkalna. Aku menjadi pasip. ...

(*Pada Sebuah Kapal*,1973:250)

Akhirnya pengarang mendapat idea bagaimana untuk membahagiakan Sri memandangkan tingkah laku dan tindakan suaminya yang tidak mempedulikannya. Pengarang telah menjadikan laut sebagai penemu kebahagiaan kepada Sri dan ternyata usaha ini berjaya. *Pada Sebuah Kapal* dan *Pulau Renik Ungu* mempunyai persamaan berdasarkan pertemuan di kapal sehingga cinta berputik. Kedua-dua watak ini

merupakan tonggak utama plot yang berkisar kepada kehidupan dua orang wanita yang berbeza kerjaya dan keluarga.

Jika dibandingkan watak Sri dengan watak Zaidah di dalam novel *PRU*, Zaidah lebih beruntung. Beliau merupakan seorang wanita bekerjaya yang hidupnya ditumpukan kepada kerja sebagai pensyarah dan seorang penyelidik. Zaidah tidak mengendahkan tentang faktor usia yang kian lanjut kerana baginya segala-gala itu datangnya daripada Allah S.W.T. Tuntutan kerja sehari-hari diselesaikan dengan mencari bahan-bahan untuk penyelidikan dan menjadi pembentang semasa seminar ataupun bertindak sebagai penceramah. Sesekali dia keluar berhibur bersama rakan-rakannya. Walaupun ada sahabat yang berhasrat ingin menjadikan Zaidah sebagai isteri, namun pintu hati Zaidah belum terbuka. Dia masih ingin hidup sendirian. Baginya kebahagiaan itu akan datang juga kerana dia telah melihat contoh adiknya Yati, maka berpendapat perkahwinan memerlukan kesabaran yang tinggi. Untuk mendapatkan kepuasan sesekali Zaidah keluar merantau. Zaidah suka memilih laluan laut kerana dia berasa senang melihat debur ombak, kicau burung, lautan terbentang dan segala-gala yang berkaitan dengan alam juga kehidupan manusia dan karenah mereka yang ditemuinya.

Akhirnya kedua-dua wanita ini setelah memilih laluan laut sampai ke destinasi bahagia. Sri (cadangan suami menaiki kapal) bertemu Micheal dan Zaidah (berminat dengan laut) bertemu Henry. Pertemuan ini membawa kebahagiaan dan mereka berdua mempunyai persamaan, iaitu wanita asia yang menjadi kegilaan pemuda barat. Sri sangat gembira apabila bersama Micheal sehingga ingin melupakan suaminya, sedangkan Zaidah mengecapi kebahagiaan abadi apabila bersama Henry. Walau

bagaimanapun perwatakan Sri dengan Zaidah agak berbeza. Di sinilah pembaca dapat menilai dan membuat penilaian yang mana satukah yang akan menjadi pilihan mereka dalam mencari kebahagiaan. Sri atau Zaidah sedangkan kedua-dua mereka adalah wanita timur yang penuh dengan tatasusila budaya ketimuran.

Proses modifikasi pemantulan idea yang hendak disampaikan oleh pengarang antara dua novel telah digunakan oleh Siti Zainon Ismail sepenuhnya apabila hipoteks novel *Pada Sebuah Kapal* digunakan. Zaidah mengambil latar laut sebagai penyesuaian modifikasi dan ditempatkan ke dalam *Pulau Renik Ungu*. Begitu juga dengan watak yang digarap bukan lelaki tempatan namun lelaki asing luar negara. Henry seorang pelaut bertarif Laksamana dalam *Pulau Renik Ungu* manakala Charles seorang pegawai diplomatik dalam *Pada Sebuah Kapal*. Walaupun demikian Siti Zainon masih mengekalkan ciri-ciri dan adat ketimuran berbanding dengan Nh. Dini. Hal ini dapat dilihat dalam petikan teks yang berikut;

Henry cepat sedar. Zaidah bukan Dorothee, bukan Lilian, bukan Debora. Dia wanita Melayu! Begitu sopan diikutinya suara Zaidah yang agak lembut, “Jangan dulu sayang! Lemaslah Henry.. Cintanya semakin kukuh. Oh! Masih wujud kemurnian ini. Memang kaulah kemurnian bunga tropika sayangku!

Taukah Henry bagaimana payahnya Zaidah melawan rindu dendamnya. Kucutan bibir Henry hampir meluluh cintanya. Dia hampir tergelepar di bilik hotel mewah itu. Tetapi cepat dia menyedari nilam batini. Hanya satu nilamku! :Henry, Nilamku!” Oh! Maaf Henry aku bukan ‘Salina’ aku bukan ‘Zakiah’

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 158)

Zaidah berada dalam dilema setelah Henry tidak dapat menahan nafsu kasihnya. Namun Zaidah masih memegang ciri-ciri kewanitaannya, iaitu hanya suami yang boleh

memiliki tubuh badannya. Selagi mereka belum diijabkabulkan, pergaulan wanita dan lelaki terbatas apatah lagi ingin menuju ke arah kemusnahan yang diharamkan oleh agama. Perbuatan menghindari zina sangat dituntut dalam agama dan Zaidah berjaya melolosnya. Berbanding dengan Sri dalam novel *Pada Sebuah Kapal*, tindak tanduknya bertentangan dengan ciri-ciri ketimuran dan agama. Perhatikan petikan yang berikut yang dapat membezakan kepengarangan kedua-dua penulis, iaitu Siti Zainon Ismail (PRU) dan NH, Dini. (PSK). Prinsip modifikasi yang ditunjukkan pada watak yang sama, wanita dari daerah yang sama kepulauan rempah tetapi tindak tanduk berbeza mengikut fikiran atau hawa nafsu.

Tidak. Kau bonekaku, penariku. Hanja untukku. memelukku erat. Kurasi getar hatinja jang memanas. Aku menariknya perlahan; kami terduduk di tepi tempat tidur.

...Kuteguk bibirnya dalam-dalam. Dan kami tenggelam dalam pengembaran jang kurasa tak akan tersampaikan udjungnya.

(*Pada Sebuah Kapal*, 1973:448)

Penyesuaian idea atau prinsip modifikasinya ditunjukkan pada watak wanita yang sama, dari latar tempat dan daerah yang sama; iaitu kepulauan rempah tetapi tindak tanduk kedua-duanya watak agak berbeza. Perkara yang membezakan kedua-dua watak ini (Sri dan Zaidah), bukan sahaja aspek pendidikan, kerjaya malahan cara berfikir sama ada mengikut fikiran atau hawa nafsu.

Sebagai wanita berpendidikan tinggi dan bekerjaya, Zaidah masih dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Segala perlakuannya dikawal terutama yang melibatkan peraturan agama dan budaya dalam masyarakat ketimuran. Sebelum berkahwin Zaidah mengawal tingkah lakunya agar tidak melanggar batas

agama. Setelah yakin dirinya menerima Henry sebagai teman hidup, Zaidah telah membawa Henry berjumpa keluarganya dan begitu juga Henry. Zaidah pulang menemui mentuanya Marie dan mereka saling menyayangi antara satau sama lain. Namun hakikat dan kenyataan ini tiada pada watak Sri dalam novel *Pada Sebuah Kapal*. Sri dilihat meninggalkan suaminya dan berkahwin dengan lelaki lain dalam usahanya mencari kebahagiaan dalam kehidupannya.

Di sini jelas menunjukkan bahawa walaupun Siti Zainon terpengaruh dengan idealisme Sri sehingga melahirkan novel yang hampir sama perjalanan plotnya, namun segala aspek yang bertentangan dengan agama dan budaya, ternyata Siti Zainon berusaha untuk menghindarinya. Ini jelas menunjukkan bahawa proses modifikasi yang wujud dalam *Pulau Renik Ungu* sememangnya lahir daripada keinginan pengarang, tetapi pengarang juga perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam menghasilkan sebuah penulisan yang tidak menimbulkan konflik dan polemik negatif. Melalui watak Zaidah, modifikasi idea sangat jelas ditonjolkan oleh pengarang untuk menunjukkan gadis timur masih suci dan sangat menjaga keperibadian mereka ekoran didikan yang sempurna daripada kedua ibu dan bapa dan asuhan keluarga. Perkara seumpama inilah yang dapat dilihat dalam *Pulau Renik Ungu* yang bukan sahaja membicarakan tentang rasa cinta dan kasih sayang sesama manusia tetapi juga kepada negara dan Pencipta Yang Maha Agung.

5.2.7 Puisi Moden

Berdasarkan antologi puisi “Bait Senandung Malam – *The Rhythm of Night Song*” dari Stesen ke Stesen (*From Station to Station*)”- *BSM-TroNS*, didapati Siti Zainon Ismail telah melakukan penyesuaian beberapa buah puisi beliau daripada Bahasa Melayu ke

dalam Bahasa Inggeris. Hal ini merupakan usaha pengarang untuk mengetengahkan atau untuk menyampaikan amanat kepada khalayak dengan lebih luas dan bukan tertakluk hanya kepada penutur natif sahaja yakni orang Melayu. Idea yang cuba dsampaikan oleh pengarang masih berpaksikan patriotisme atau semangat cinta akan negara. Lihat petikan puisi 1 dan puisi 2 yang berikut;

Contoh: Puisi 1

Setulang Laut
kuttinggal jejak di Hujung Tanah

Kau pun tahu
di situ dulu sumpah menjadi
...
Pesan alam tiba
Ketika hujan membasahi denai pertemuan

Kaucari tapak asal rumah
perahu reput di tanjung
benteng pasir pecah

Kini ditakluki tongkang besi
tiang-tiang sepemeluk berantai
...
tentang kapal dan meriam Portugis
sesaat tidak berhenti menghantui
pahlawan Siak, Minang bermalam-malam dalam
hujan lebat, beratus payang
sekoci dan pinisi, sudah ditenggelami ...

Setulang laut
I left my footprint at Hujung Tanah

You too knew
where the curse hit
...
The night message arrived
When the rain soaked the tracks of the meeting

You sought the site of the old house
The boat rotted on the cape
the bulwark of sand crumbled

Now dominated by steel barge
pillars in cahins the size of encircling arms
...
about the ship and cannons of the Portuguese
who not for a moment cease harrassing
the fighters of Siak and of Minang throughout

the rainy nights sailing in hundred of sea going
boats in gigs and cargo barges that were all sunk
...

(BSM –TroNS, 2012: 17-18)

Puisi ini amat rapat jika dikaitkan dengan novel *Pulau Renik Ungu* memandangkan apabila khalayak membaca novel tersebut dan membaca puisi di atas terdapat beberapa persamaan dalam prinsip modifikasi berdasarkan teori intekstualiti Julia Kristeva, “ ..dalam teks ada teks lain”. Pengarang berusaha menggunakan

modifikasi idea dengan melakukan penyesuaian dalam puisi ini dengan mengaitkan watak, latar dan tempat yang saling berkait. Antara perkaitan tersebut dapat dilihat daripada patah-patah kalimat atau perkataan atau frasa yang digunakan seperti Puisi 1 : sumpah menjadi - where the curse hit, pahlawan Siak, Minang - the fighters of Siak and of Minang, sekoci dan pinisi, sudah ditenggelami dan boats in gigs and cargo barges that were all sunk Begitu juga dariapda idea dan pemikiran berhubung kemerdekaan atau kebebasan seperti kuttinggal jejak di Hujung Tanah - I left my footprint at Hujung Tanah, Pesan alam tiba - The night message arrived, Kaucari tapak asal rumah- You sought the site of the old house dan sesaat tidak berhenti menghantui - who not for a mement cease harrassing.

Contoh: Puisi 2

Ini bukan laut pemisah!
setelah daratan panjang peta Tanah Melayu
jalan menjadi lidah terjulur, menjelir dan
menggulum

this is not a parting sea!
after thr long mainland of Malaya on the map
the road became a tongue, stretching out,
protruding and sucking

Kauredah lagi selat dan tanjung
dengan panji bahtera Palembang, Jambi
tiba di Air Molek, bertempur dengan payang
Siak
diradak pinisi Bugis
kini kautegak
dengan panji di puncak
kau di geladak!

you waded the straits and the cape
with the flag ships of Palembang and Jambi
arriving at Air Molek, clashing with the ships of
Siak
slammed by the Bugis warships
now you stood erect
with the flag at the apex
with you on the deck!

Kaulah permaisuri
didatangi penduduk warga Laut
kausalami mereka dan tersenyum
inilah penyelamat paduka ratu
merentas selat, dan jurubatu
meloncat di Batu Putih
sebelum mengarah singgah
ke Teluk Belanga

You were the queen
visited by residents of the sea
you greeted them and smiled
this was the deliverer queen
wadding the straits, and the depth measurer
leaped from Batu Putih
before ordering the wait
at Teluk Belanga

Merekalah pahlawan raja!

They were the royal fighters!

Di mana Kota Raja?
kampung raja?
makam raja tua di bukit?
masjid sultan

Where is the city of kings?
the village of kings?
the old mausoleum on the hill?
the mosque of the sultan

tinggal nama!

where?

Setulang- Laut Batam

Setulang- Laut Batam

Dalam petikan Puisi 2 juga terlihat modifikasi dalam konsep penyesuaian yang dilakukan oleh pengarang dengan tujuan yang sama . Antara perkaitan itu dapat dilihat daripada patah-patah kalimat atau perkataan atau frasa yang digunakan. Sebagai contoh seperti; peta Tanah Melayu-Malaya on the map, Palembang, Jambi-Palembang and Jambi, Air Molek-Air Molek, pinisi Bugis- the Bugis warships, Batu Putih-Batu Putih dan Teluk Belanga-Teluk Belanga , laut, daratan, selatdan tanjung, panji bahtera, payang dan jurubatu.

Demikianlah amanat yang cuba diperkatakan oleh pengarang adalah berhubung sikap individu sekiranya ‘pesan alam’ dilupai. Kemerdekaan sesebuah negara terletak ditangan pemimpin dan rakyat. Sekiranya kedua-dua pihak tidak bersatu hati dalam mempertahankan negara, natijahnya seperti bait empat dan bait lima dalam petikan puisi Setulang Laut di atas. Modifikasi yang cuba diperkatakan oleh pengarang dalam kedua-dua puisi ini bertujuan mengangkat tokoh-tokoh pejuang sama ada zaman silam dalam membina negara bangsa tidak kira dari suku apa sekalipun seperti Banjar, Minangkabau, Siak, Bugis dan lain-lain. Oleh itu jelas bahawa sajak ini merupakan hipoteks kepada *Pulau Renik Ungu* berdasarkan keinginan pengarang dalam menerapkan nilai patriotisme bersandarkan elemen sejarah seperti latar tempat seperti Pulau Batu Putih, Teluk Belanga, watak dan bangsa yang mendokongi kedua-dua buah puisi ini.

5.3 Modifikasi Novel *Delima Ranting Senja*

Modifikasi menyebabkan hadirnya berbagai-bagai versi cerita. Jalan cerita yang dihasilkan hampir sama walaupun berbeza genre. Perkembangan *Delima Ranting Senja* (2009) dihasilkan melalui gaya penceritaan yang menyisipkan plot yang kompleks.

Novel ini berkisar tentang perjuangan sepasang suami isteri, AbyRedha dan Sofina membela agama dan bangsa melalui bidang masing-masing. Suami merupakan seorang politikus sementara isteri seorang pengamal media. Kedua, sering berjauhan kerana fokus keduanya mengabdikan diri kepada kehidupan membantu orang lain dalam pengembalaan mencari abadi.

“Nah, kau lihat, ini juga sahabatku.. sama-sama berjuang dengan aksi kemanusiaan.

Kutunggu kau di Teluk Kaimana

Kapal akan berangkat. Pelabuhan kian hampir. Bagaimana harus kusampaikan debur ombak yang memukul teluk jantungku,

Wahai dik Kencana?

(Nota 3)

Telah mereka acung tombak ke dadaku.

Telah mereka regang busur yang bila-bila saja

Anak panah beracun akan menyentak jantung kami.

(*Delima Ranting Senja*, 141 – 149)

Nota ringkas yang dikirim oleh AbyReda kepada Sofina atas kesibukan mengurus pejabat dan kerja-kerja kebajikan yang dilaksanakannya. Beliau mengajak bersama-sama membanteras kemiskinan yang wujud.

“*Wali kota* berbisik: “ Telah dua tahun tiada kapal terbang mendarat di situ, dan bapaklah menteri zaman reformasi yang pertama menjelaki *bumi malang* kami ini.” Dari perut pesawat, sewaktu akan mendarat, kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan *pakaian dan kain yang lusuh*. Oh Tuhan, inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh selepas itu bagaimana dia melupakan *pandangan derita* itu..

(*Delima Ranting Senja*, 2009:74)

Jika dilihat melalui penggunaan simbol-simbol berikut *wali kota*, *bumi malang*, *pakaian dan kain lusuh* dan *pandangan derita*, penulis berusaha menggarap persoalan sosioekonomi iaitu kemiskinan dan penderitaan. Simbol ‘*wali kota*’ dan ‘*bumi malang*’ menunjukkan persoalan sejagat ini telah berlaku sejak berzaman dan di mana-mana

sahaja di muka bumi ini. Persoalan ini telah dimodifikasi apabila penulis membawa khalayak berfikir ‘*pakaian dan kain yang lusuh*’ bahawa dalam penderitaan ini, pemimpin amat diperlukan. Simbol ‘*pandangan derita*’ menunjukkan pemimpin yang sejati adalah pemimpin yang berjiwa rakyat dan sentiasa bersikap ingin membantu dalam meringankan penderitaan mereka.

“Ya, orang di gunung sana! Mereka kan keluarga kita. Tahu derita sengsara keluarga petani dan nelayan yang makanan mereka hanya beras pulut berlauk kelapa. Mana ada daging, mana susu .. mana gizi buat pertumbuhan jasmani segala waris anak negeri kami? Ah, inilah dendam atas kesengsaraan moral spiritual itu...”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:21)

Beginilah cara suami isteri ini menghulurkan bantuan kepada sesipa yang memerlukan. Seperti kata AbyRedha,” Kita terjebak di sebuah negara penuh musibah. Ini bukan kesilapan nenek moyang. Nenek moyang kita telah lama berjuang menegakkan kebenaran. Hanya berpandukan kitab suci ... pertama kitab, kedua hadis, nah jika ini dianaktirikan jangan kau kesal menjadi masyarakat di mana kau bertapak dilanda kegelisahan, kemusnahan jiwa kejatuhan moral anak bangsa,

(*Delima Ranting Senja*, 2009:101)

5.3.1 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Mentari senja semakin merah. Percikan bias cahaya meriak-riak kilau emas di celah-celah pucuk awan. Awan pun berarak bergelombang, kadang memetakkan keluk mata ikan: Lengkung mata bulan juga mencelah di sana sini. Dari jauh balik bukit di seberlah timur, warna hijau semakin kelam. Pucuk-pucuk cemara yang merimbun di sana seakan menanti nyanyian sunyi walaupun kicau burung masih terimbau. Akulah yang berdiri di puncak bukit itu. Bukit yang pernah kucatat sebagai berkebun alam kedamaian. Apakah itu impian, apakah itu kenyataan yang harus kulalui. Bagaimana harus akan kupadamkan bisikan halus yang menyampaikan pesanan, “Di puncak bukit inilah yang akan kiat jadikan kebun kasih seabadi kasih sayang kita. Kaulihat di sana, di kaki bukit ini mengalir anak sungai menghilir ke muara, menuju ke laut, bukankah dari sana kita datang, Dik Cut kau dengar itu?

Kebun kasih sayang?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:12)

Petikan di atas dipetik daripada Bab 1 – Senja Merah dalam *Delima Ranting Senja*. Jika diteliti pengarang telah menempatkan hipoteks bagi novel ini daripada cerpen “Antara Dua Pulau” daripada antologi *Rindu Pala Muda*. Petikan hipoteks, “KINI dia benar-benar telah berada di puncak bukit (*Rindu Pala Muda*, 2005: 51) merupakan modifikasi yang dilbuat oleh pengarang. Berdasarkan sumber hipoteks ini menunjukkan pengarang melakukan pindaan alur cerita atau plot penceritaan akan menjadi semakin berkembang. Bermula dari ayat ini “Akulah yang berdiri di puncak bukit itu watak Hasbul merupakan watak utama hipoteks bertukar menjadi watak Aby Redha, suami kepada Sofina. Dengan menempatkan petikan ini dadapati pengarang telah membuat perubahan dari aspek penceritaaan dan juga watak yang hadir. Dalam hipoteks “Antara Dua Pulau” didapati watak Yusouf Joehari Tib dan watak ‘kau’ ialah Siti Aisyah. Dalam hiperteks *Delima Ranting Senja* watak berubah kepada Aby Redha dan ‘kau’ ialah Sofina.

Dalam penceritaan hipoteks didapati Yusouf Joehari Tib telah ditahan di kem tahanan dan selepas dua tahun baharu dibebaskan. Beliau kemudian bergiat dalam memperjuangkan negara. Begitu juga dengan watak Aby Redha yang brgiat dalam bidang politik untuk memastikan anak bangsa terbela nasibnya. Ekoran pelibatan itu, Aby Redha sering meninggalkan isterinya Sofina. Walaupun kehidupan mereka bahagia namun Sofina sering kesepian. Hal ini berbeza dengan watak Joehari Tib, setelah keluar dari penjara telah menikahi Siti Aisyah dan mereka memperoleh seorang anak dinamakan Zaidah. Zaidah kemudiannya mengahwini Henry dan hidup bahagia dan saling menyayangi. Sofina yang dihimpit sepi sering melakukan aktiviti–aktiviti kebaikan bagi mengisi masa lapangnya. Sofina berusaha untuk mendapatkan ‘kebun kasih sayang’ yang dijanjikan oleh Aby Redha, namun semakin dirapati semakin hilang. Sofina hanya mampu memanjatkan doa kepada Tuhan agar kebun kasih sayang itu diperolehnya. Lihat petikan yang berikut;

....kadang tersepit dalam himpitan jemaah yang tiba-tiba muncul dan menyondol dari belakang, hingga kadang-kadang tanpa diduga juga dia boleh terjelepok di kawasan lapang hingga dapat menyelesaikan solat sunat dan berdoa berhampiran makam Ibrahim. Hanya kepada Allah juga dia bersandar. Terasa dirinya kadang-kadang diapit dan didampingi susuk tubuh pelindung walaupun dalam samar-samar dan bayangan terlindung itu tiba-tiba ghaib begitu saja selepas dia memberi salam. Masya Allah cepat-cepat dia menyedari dan bersyukur, berdoa hanya kepada Allah, “Ya tuhan lindungilah hambamu yang daif lagi hina, terlontar sebatang kara ke rumah kasihmu. Tidak ada doa lain kecuali syukur, menikmati kekayaan dan keindahan dan nikmatnya merenyam cinta sehingga sukma semakin nyata. Nyala meratah ujian cinta-Mu juga!

(*Delima Ranting Senja*, 2005: 495)

Pengarang terus melakukan penyesuaian watak dengan memberikan tahap kesabaran yang tinggi dalam jiwa Sofina. Sofina belajar menanggung segala rintangan dan ujian dengan penuh kesabaran untuk mendapatkan ‘kebun kasih sayang’ kerana pengorbanan yang dilakukan tidak sebesar pengorbanan dan ketabahan Siti Hajar yang terpahat dalam Al-Quran. Lihat petikan berikut;

Sekali lagi dia belajar daripada ketabahan Hajar, dia harus bangun berdiri teguh. Walau tanpa Ibrahim bayangkan Hajar tidak merintih, tidak merengek, kerana dia tahu suaminya sedang diuji.

Itulah perjuangan, itulah nikmat ujian Hajar sehingga tanpa disedarinya Ismail telah menghentak-hentak bumi, sehingga bumi mencair dengan anugerah alami, zamzam!

Tetapi jauh, sayu, entah dari mana sukma mendesah, “Nilam, sudahkah kau kirim delima?

Aku di puncak Swarnadhipa, kota Melayu kita! Jangan biarkan ranting senjaku bergetar.”

Delima!”

Ye, sudah terima, kau begitu baik terhadapku, delima itu, di desaku di sebut *siyem*.“

“Ikatlah *siyem* itu, aku juga sudah masukkan delima itu di jari manisku ... senja kita, senja kita selepas Nilam muncul Delima. Semoga berkah!”

(*Delima Ranting Senja*, 2005: 497)

Akhirnya Sofina bertemu ‘kebun kasih sayang’ yang abadi. Dalam konteks ini, pengarang berjaya bukan sahaja dapat memanjangkan genre novelnya berdasarkan hipoteks cerpen tetapi dapat menjelaskan tentang idea dan pemikirannya. Kebahagiaan itu sebenarnya adalah dalam diri setiap individu dan individu itu sendiri yang perlu mencarinya seumpama seseorang itu mencari Nilam, mencari Delima. Memang sukar tetapi hendak seribu daya, taknk seribu dalih. Demikianlah jika sekiranya setiap individu

itu dapat menggunakan hati budi yang tepat dalam mencari nilai atau juga mencari delima kerana setiap satu itu ada kelebihan dan kekurangannya yang boleh dilihat secara mata hati.

Dari aspek budaya, melalui pendekatan intertekstualiti, Siti Zainon menggunakan jeda-jeda tertentu bagi menggambarkan pemikirannya tentang kecintaannya terhadap erti kehidupan di dunia ini. Modifikasi yang digunakan bagi jeda-jeda ini dihasilkan dalam bentuk sketsa atau lukisan-lukisan kecil dan teknik penceritaan untuk memodifikasi pemikirannya dan membuat penambahan mahupun penyesuaian mengikut keperluan watak atau alaur cerita. Hal ini adalah kepakaran seni dan keistimewaan Siti Zainon yang menonjol. Lukisan-lukisan tersebut juga merupakan simbol-simbol secara virtual yang dapat memberikan gambaran ringkas tentang bab atau novel tersebut. Pemikiran ini diungkapkan dalam petikan yang berikut:

Belantara Tanah Air

(Do Raman)

MEMANG benar cerita nenek moyang;

Sejak kau dilahirkan inilah kebun halaman yang memberi air, udara, api dan tanah. Kau lihatlah, nun jauh di kaki bukit yang memisahkan kampung ini dengan dunia di balik sana dengan kehidupan dengan aneka sarwa. nanti kalau kau sudah mengerti, nikmatilah, lindungi alam yang memberikan kita udara bersih menghirup bebas panorama, bernafas menghidupkan pucuk-pucuk paku; subuh hari di lembah, desah **sungai senja** yang mengalirkan kasih purba, itulah kesegaran embun, sebelum **ramah mentari** memberi sulur baru, dan bulan dan bintang-bintang di pucuk kayu ara ...

(DRS, 2009: 208-209)

Pemikiran penulis terjelma melalui penggunaan bahasa yang puitis. Baginya kehidupan berkeluarga dengan penuh kasih sayang adalah menjadi impian setiap individu. Jalinan dan pertautan kasih sayang ini diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi dengan harapan agar ia berkekalan. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan kepayahan, manusia diperingatkan agar tidak berputus asa seperti puisi di bawah.

Rumah Cinta
Seperti katamu
Rumah kita luas sekali
Dindingnya lautan
Bumbungnya langit dan
Awan-awanan
Lantainya seantara bumi

Semua pelambangan yang digunakan di atas menunjukkan satu ruang yang sangat luas dan begitulah juga kehidupan manusia ini. Oleh itu, sebarang permasalahan perlu ditangani secara berhemah keran sudah pasti ada jalan penyelesaiannya. Sebagai manusia yang diberikan akal fikiran yang waras, maka segala tindakan perlulah berlandaskan akal fikiran dan bukannya emosi atau perasaan kean emosi hanya akan mengusutkan lagi keadaan.

5.3.2 Cerpen “Attar dari Lembah Mawar”

Cerpen “Attar dari Lembah Mawar” terdapat dalam antologi cerpen *Rindu Pala Muda* (2005) dan dipindahkan ke dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*. Cerpen ini telah diterbitkan dalam *Dewan Sastera* pada Julai 1986. Cerpen ini mengisahkan Sofina bersama rakan-rakan yang baharu dikenali bertemu semasa seminar di Benua Tengah. Antara yang rapat dengan Sofiah Hafiz, iaitu Kholid Hassani. Perbincangan mereka

banyak berkisar tentang sejarah silam yang diberikan pelambangan dengan Lembah Mawar yang berada di serata dunia. Suatu ketika dahulu lembah mawar sering dikunjungi dan menjadi keagungan terutama kepada pasangan yang berada dalam alam percintaan. Untuk membuktikan kewujudan lembah mawar, iaitu kasih sayang yang abadi dalam kehidupan manusia, pengarang memetik kisah cinta agung zaman silam, iaitu cinta Shah Jehan kepada isterinya Mumtaz Mahal. Petikan yang berikut merupakan petikan dialog daripada cerpen “Atar dari Lembah Mawar”. Dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*, pengarang menyesuaikan idea kasih sayang dengan pemikiran sejagat.

“Apakah bukti cinta kanda terhadap adinda,” Jahan menatap lembut mata sayu kekasihnya.. Ketika itu angin musim bunga bertiup lembut merangsang di bawah bulan purnama. ...

“Oh! Kekasihku, akan kanda harumi cinta kita dengan sejuta aroma mawar. Percayalah akan kanda bina kubah melindungi kasih sayang kita. Percayalah. Oh, mawarku - Muntaz, mawar - Muntaz Mahal, adalah satu namamu!”

(*Rindu Pala Muda*, 2005:43)

Sofina dan rakan-rakannya, masing-masing dengan teori berhubung lembah mawar dan keberadaannya dalam kehidupan manusia. Sofina yakin lembah mawar itu ada dan kecintaan manusia sesama manusia memang wujud. Namun kecintaan dan keredaan yang hakiki adalah kepada Khalik-Nya. Pemikiran ini diselitkan dalam Bab XIX Menjelang Musim Bunga. Baginya keindahnya mawar kini diganggu gugat oleh situasi dunia yang tidak menentu terutama perperangan. Lihat petikan yang berikut;

Sofina benar merasa kehilangan punca. Sebentar dia berada dalam dakapan musim semi, gerimis halus meruncing menyimbahi bunga-bunga di pasu pagi, sebentar hilang berganti silau mentari yang amat tajam menjelang zuhur dan maghrib hujan mencurah seperti dibawa angin monsun Disember. Tetapi

dikebunnya, masih mengelopak bunga pisang awal April. Ya, benar hanya kau di sana begitu nikmat merayakan hari percintaan musim bunga. Ya tulip sudah mengembangkan kelopak pertama. Percintaan musim bunga?

Tidak ada jalan lagi untuk ke laut Merah, Jalur dari Laut Hitam, ke tanah hujung tanduk untuk ke Istanbul

“Tulip sudah berkembang.” Nota daripada Wima Tetapi malam itu suara Zumar teresak di talian. Teluk Parsi sudah sesak. Ankara sudah terdesak. Basrah sudah berdarah. Langit merah hitam berdebu. Tidak ada bunga di taman. Hanya darah dan nanah di bumi waris Amirulrasyid. Di telinga Sofina hanya ketawa dekah dajal di bumi ujian yang Maha Besar ini. Allahu Akbar

(*Delima Ranting Senja*, 2009:270-277)

Modifikasi idea cuba diserapkan oleh pengarang melalui kenangan Sofina kepada suaminya Aby Redha. Apabila mengingati suaminya, Sofina pasrah akan ketentuan Tuhan. Kesibukan masing-masing menyebabkan mawar semakin hilang harumannya. Lihat petikan yang berikut berdasarkan Bab XXVI dalam *Delima Ranting Senja*. Persoalannya adakah kasih sayang mereka seutuh kasih sayang Shah Jahan dengan Mumtaznya. Persoalan inilah yang cuba dikupas oleh pengarang dalam menempatkan cinta Shah Jahan dalam cinta Sofina dengan Aby Redha.

Melalui watak Aby Redha, pengarang menonjolkan bahawa semua usaha yang dilakukannya ke arah membangunkan masyarakat mendapat sokongan isterinya Sofian. Namun sesekali suami terlupa akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Pendapat dan pandangannya mendapat tentangan daripada sahabat-sahabatnya. Lihat petikan yang berikut,

Sejak bila kau memberih ladang jatimu?
Tepat. Itulah soalan isteriku – dan jawapannya seperti telah kukatakan kepadamu, ladangku ialah pohon jati – perlu

bertahun, beratus tahun usaha dengan nilai tanding yang tinggi,
ya mutunya ...
Jadi maksudmu, atau bagaimana pendapat isterimu?

Sejak aku melamarnya, memang dia sudah tahu cita-citaku –
demi anak bangsa, demi tanah air, demi agama tercinta, aku
yang keluar masuk ke kamar gelap tahanan pun kerana
perjuangan itu, ya dia ketawa sahaja sambil membekalkan
rangkap pantun klasik,

Bunga selasih dimain budak,
Jatuh daunnya dimakan kuda;
Bercerai kasih bertalak tidak,
Masihkah bersama di hari tau?"

"Nah kaudengarkan, bait terakhir pantunnya bukan seperti yang kita tahu, 'seribu tahun bertemu juga.' Dasar manusia pejuang, tetapi taukah kau rasa kemanusiaan isterimu yang kau tinggalkan berbulan-bulan, bertahun-tahun jauh di negara orang?

(*Delima Ranting Senja*:130-131)

"Nah kaudengarkan, bait terakhir pantunnya bukan seperti yang kita tahu, 'seribu tahun bertemu juga.' Dasar manusia pejuang, tetapi taukah kau rasa kemanusiaan isterimu yang kau tinggalkan berbulan-bulan, bertahun-tahun jauh di negara orang?

(*Delima Ranting Senja*:130-131)

Aby Redha tetap dengan prinsip perjuangan yang dipegangnya dan ke mana dia pergi, Sofina dikirimnya poskad seperti catatan yang berikut, "Itulah lukisan laut itu. Kau tak perlu bertanya di mana langkah akhirku, jangan cari tapak-tapak dan jejakku di peta pulau Nusantara ini." Sofina reda walaupun di hatinya mengharap kepulangan suami tercinta.

Manakah jemari yang menghulur bunga tanggungjawab yang wangi? Ya alasannya, “Aku berjuang jangan ganggu aku. Aku sedang berhadapan dengan ratap anak yatim dan duka lara seribu janda.”

Kini dia berjalan sendiri. Didakinya bukit ranjau kerana AbyRedha tidak mungkin sudi mendampingi kerja-kerja impian itu,,,

(*Delima Ranting Senja*, 2009:339)

Kiriman poskad di atas daripada suaminya kembali membuatkan Sofina berfikir tentang mawar. Keluhan Sofina berada dalam hiperteks *Delima Ranting Senja* Bab “XXVI - Biarku di Teluk Tomini. Lihat petikan yang berikut;

[Sofina]

Laut di teluk bagai di kepung oleh dua tanah yang mendakap lekap di dada pasir. Longgokan batu karang, di sepanjang pantai menjadikan teluk semakin terlindung. Kenapa dia harus memilih kawasan berteluk itu lagi. Dulu sudah dilakarnya jejeran langkah di Teluk Kaimann. Dalam kibaran penuh angin

...

Itu lebih dua tahun lalu, ketika bahtera perjuangan hebat dilambung ombak juang juga, tapi masih dihormati, masih diperlukan langkah perjuangan itu. Kini dia terlontar, dan tiada siapa peduli kehanyutan dan terkaparnya di Teluk Tomini ini. “Tak siapa mengenal aku lagi: Itulah bisikan nurani yang sangsi.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:341-342)

Walau bagaimanapun, Sofina tetap mengharapkan kasih sayang mereka berputik kembali dan mekar dalam lembayung kasih dan rahmat Illahi. Baginya bukan sekadar mawar yang dikehendaki tetapi delima dalam reda Allah S.W.T. Lihat pendangan dan keinginan pengarang yang digambarkan dalam perwatakan Sofina yang berikut;

“Aku mahu delima itu, kau ingat kan, delima yang merahnya bagai terserlah dari sayatan kulit buahnya yang merkah di pagi hari.. Di mana kau petik buah delima yang sedia merkah sejak lama, terjurai di hujung ranting, nun jauh di rimba purba!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:462)

Untuk mententeramkan hatinya dan mendapatkan reda Illahi, Sofina terus bergiatat dalam aktiviti kebajikan yang disertainya. Dia tetap memanjatkan doa agar kebahagian kembali dalam kehidupannya. Lihat petikan yang berikut;

Antara kilau mentari pagi di celah Jabal Rahmah, libas angin menggetarkan juraian palma di tanah kering bumi Kekasih Allah, doa Sofina bagai diaminkan oleh seribu bintang malam, tiba-tiba berkilauan di nubari, demi Cinta Illahi! Memang dia sendiri menyusuri di celah-celah batu menongkah langkahnya ke Jabal Nur, sungguh sudah meredakan fikir dan rindu, di mana-mana hatinya tergetar. Syukur menikmati keindahan demi keindahan.

Suara azan melantun-lantun memenuhi ruang menembusi ruang dalaman. Dahirupnya penuh kesyukuran, demi-Mu, bawalah aku si anak domba kehilangan tali tambatan, bawalah ke mana Kau-mahu!

Hingga senja
Menunggu detik-Mu
Bawalah aku ke sana
Ke Rumah Cinta
Delima Ranting Senja
Kau
Aku
Menyatu Sukma.
Amin!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:498)

5.3.3 Cerpen *Rindu Pala Muda*

Berdasarkan hipoteks *Rindu Pala Muda* (2005), didapati pengarang telah membuat pengubahsuaihan daripada teks asal untuk ditempatkan ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Perhatikan teks awal *Rindu Pala Muda* sehingga akhir yang berikut;

““BEGITULAH arahan kompeni-keistimewaan telah diberi kepada rakyat Kepulauan Sunda Kecil selain Ambon. Juga Banda dan Buton. Barangkali di situ jugalah punca malapetaka apabila Perjanjian Betawi harus diterima Sejak itulah nenek moyang kami mula tidak peduli dengan perusahaan tanaman cengkik dan pala. Nah! Hasilnya, kamilah orang-orang istimewa kehilangan segala minat hasilnya hilanglah segala kekayaan.” Warga negara bebas, “Kehilangan kebebasan dan lebih parah lagi kamilah rakyat yang menderita dan miskin.

“Dadanya amat sebak. Sebaik sahaja Cassena milik tentera mendarat di lapangan rumput yang telah meninggi, bisik wali kota. Telah dua tahun tiada kapal terbang yang mendarat di situ dan bapaklah menteri zaman reformasi yang pertama menjelak bumi malang kami ini. Dari serendah Cassena yang akan mendarat, kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan pakaian dan kain yang lusuh, oh Tuhan inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh...”

Tetapi dalam diam yang diintainya ialah silang keagungan silam. Kerana pala dan cengkik seluruh Pulau Sunda Kecil ditimpah bencana. ...

Bayangkan dalam jarak beribu batu.. sedang di pulau ini mereka diputuskan oleh jarak ketidakpedulian pemerintah pusat tanpa pembangunan tanpa laluan langsung komunikasi. MasyaAllah.

Dahulu, kami ada sultan untuk mengadu. Sultan amat dihormati dikasihi dengan para ulama ...

Ada seorang membuka tali sepatu ...

Desir ombak pantai yang menghadap Laut Banda beralun senyap ... ; Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentu-Nya?

(*Rindu Pala Muda*, 2005: 213-220)

Petikan yang berikut adalah petikan yang dimodifikasi dan ditempatkan dalam *Delima Ranting Senja*.

VI

PALA MUDA

[AbyRedha]

DADANYA amat sebak. Sebaik sahaja pesawat ringan milik tentera mendarat di lapangan rumput yang telah meninggi, bisik wali kota: “Telah dua tahun tiada kapal terbang yang mendarat di situ dan bapaklah menteri zaman reformasi yang pertama menjelak bumi malang kami ini.” Dari perut pesawat, sewaktu akan mendarat, kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan pakaian dan kain yang lusuh, oh Tuhan inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh...”

Tapi dalam diam yang diintainya ialah silang keagungan silam. Kerana pala dan cengkih seluruh Pulau Sunda Kecil ditimpa bencana. ...

Bayangkan dalam jarak beribu batu.. sedang di pulau ini mereka diputuskan oleh jarak ketidakpedulian pemerintah pusat tanpa pembangunan tanpa laluan langsung komunikasi.

Dulu, kami ada sultan untuk mengadu. Sultan amat dihormati dikasihi dengan para ulama ...

Seseorang membuka tali sepatu ...

Desir ombak pantai yang menghadap Laut Banda beralun senyap ... ; Sudah bersediakah seseorang menyambut rindu perjalanan nasib penentu-Nya?

(*Delima Ranting Senja*, 2005:75-84)

Jika diteliti berdasarkan petikan teks di atas, hipoteks *Rindu Pala Muda* telah ditempatkan ke dalam hiperteks *Ranting Senja*. Di sini pengarang telah membuat beberapa pindaan dalam hiperteks *Delima Ranting Senja* Secara teknikal sudah kedapatan

beberapa perbezaan daripada aspek penulisan. Diperturunkan beberapa contoh seperti yang berikut:

Rindu Pala Muda

Delima Ranting Senja

Contoh 1: Prakata – bermula dengan “BEGITULAH…

Dibuang

Contoh 2: Prakata – *italik*

Diletakkan bab VI

PALA MUDA

[AbyRedha]

Contoh 3: Ayat, perkataan dan frasa yang digugurkan

- i. Sebaik sahaja Cassena
- ii. kota.. Telah dua tahun
- iii. Tetapi
- iv. Ada seorang
- v. nasib penentu-Nya?

- i. pesawat ringan
- ii. wali kota: “Telah dua tahun
- iii. Tapi
- iv. Seseorang
- v nasib penentuan-Nya?

Pindaan yang ditunjukkan ini membuktikan bahawa pengarang ingin melakukan perubahan dalam hiperteks novel agar kelihatan lebih menarik dan kemas. Elemen kemiskinan terpapar jelas bagaimana penduduk di kawasan yang didatangi oleh pemimpin ini dipinggirkan tanpa sentuhan pemerintah. Dilihat dalam contoh yang berikut, “Telah dua tahun tiada kapal terbang yang mendarat di situ dan bapaklah menteri zaman reformasi yang pertama menjelak bumi malang kami ini.”

Pengarang menempatkan modifikasi idea dengan menunjukkan penduduk dihimpit kemiskinan. Kekayaan pala dan cengkil mengakibatkan seluruh Pulau Sunda Kecil ditimpa bencana. Hal ini menunjukkan bahawa ada tangan-tangan durjana yang

mengaut keuntungan daripada pala dan cengkoh yang merupakan tanaman penting di Kepulauan Rempah. Kemiskinan ini amat ketara, “...kelihatan petani dengan sabit di tangan, dengan pakaian dan kain yang lusuh, oh Tuhan inilah rakyat kami, hatinya berdetak dan luluh...” Penyesuaian idea ini dipaparkan secara terang-terangan dilakukan oleh pengarang agar ada pihak yang sudi membela nasib penduduk tertindas. Para pemimpin yang sepatutnya memainkan peranan dalam membantu rakyat yang tertindas, rakyat miskin dan kelaparan tidak ambil peduli.

Dengan kuasa gabenor di tangan begitu nekad mematahkan pertentangan Sultan Ternate, dengan pertempuran anak pribumi yang ditindas ekonominya. Sultan telah merayu, tolong jangan hapuskan cengkoh dan kayu manis. Tapi sogokan terjadi. Keluarga istana terpongah, terpedaya dan Sultan terperangkap.

“Ya tuhan, tolongi rakyatku.” Oh, malunya aku, malunya aku. Sungguh kekacauan terjadi di Melayuku ...

(*Delima Ranting Senja*, 2009:55)

Manakala pejuang bangsa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dianggap sebagai petualang negara. Jika bersuara, para pejuang ini akan disumbat ke dalam penjara seperti dalam petikan yang berikut melalui watak Do Raman;

Bersuara. Bersuaralah. Bukankah kerana lantang bersuara dia telah digusur ke rumah gelap. Lapan belas bulan tanpa pengadilan, tanpa pembicaraan. Dia yang terlontar-lontar dalam kehirukpikukan kancah dan catur politik tanah air. Aduh,

(*Delima Ranting Senja*, 2009:65)

Demikianlah pemaparan modifikasi yang diketengahkan oleh pengarang dengan menempatkan hipoteks *Rindu Pala Muda* ke dalam hipoteks *Delima Ranting Senja* yang antara amanat cuba diangkat pengarang berhubung peranan dan tanggungjawab pihak

pemerintah. Sekiranya seseorang pemerintah adil dan saksama maka setiap individu akan merasai kenikmatan menjadi penghuni di bumi bertuah. Perhatikan petikan yang berikut;

Dia melepaskan nafas lega dan sekali gus menghirup aroma sin angin laut. Tapi justeru yang terhidu ialah haruman kayu manis dan bunga cengkoh. Aroma itu meruap dan terapung mengepul ke udara dan dengan rasa amat lega , dia telaah kembali ke bumi kekayaan masa silam sebelum dihancuri oleh kerakusan bangsa atas angin yang ingin menakluki kekayaan bangsa di kepulauan Melayu.

“Kepulauan Melayu?” terdengar suara curiga di cupingnya.

“Ya, inilah Kepulauan Melayu! Kenapa tidak?”

“Walaupun bahasa ibunda mereka bukan bahasa Melayu?”

“Anda lupa dengan martabat bahasa Melayu sebagai asas bahasa penyatuhan bangsa setanah air kita?”

“Jadi Makasar Melayu, Bugis juga Melayu, dan Ternate? Fan Tidore dan Amboina?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:50-51)

Hakikatnya kekayaan yang sepatutnya menjadi milik peribumi sudah berpindah tangan kepada bangsa asing dan kelompok watan yang tidak bertanggungjawab. Pengarang dengan jelas menempatkan permasalahan ini untuk dikongsi bersama-sama agar jangan ada lagi yang sanggup bersikap *pepat di luar, rencong di dalam* kerana perbuatan ini hanya akan memusnahkan diri, negara dan agama sehingga hak ketuanan tergugat baharu hendak tengadah.

5.3.4 Sumber-sumber Lain

5.3.4.1 Al-Quran

Delima Ranting Senja dapat dikatakan sebuah novel yang bercorak Islami jika dilihat berdasarkan peranan watak yang terdapat di dalamnya terutama watak utama, iaitu Sofina. Pengarang berusaha menempatkan beberapa sumber Al-Quran mahupun kisah-kisah dalam Al-Quran dalam hiperteks novelnya. Konflik jiwa yang melanda Sofina menyebabkan pengarang berjaya membuat penyesuaian berdasarkan kisah dalam Al-Quran sehingga plot cerita berjalan lancar. Menurut Sofina,

“Memang aku sudah pasti naik haji pada bulan Februari tahun depan.”

“Bukankah kau berjanji untuk bersama ke Makkah wahai mahramku?”

“Ya, uruslah perjalananmu di Kuala Lumpur, kalau diaizin Allah pasti kita berjumpa di sana!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:8)

Sofina terharu dengan pengakuan suaminya Aby Redha. Sebagai isteri, dia perlu akur, Kesulitan hidupnya dan cabaran yang dihadapi tidak sebesar mana jika dibandingkan dengan kesulitan Siti Hajar sewaktu ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim a.s di tanah yang kering kontang. Peristiwa ini ditempatkan oleh pengarang dalam *Delima Ranting Senja* untuk memujuk kerisauan dan kedukaan hatinya semoga mendapat hidayah seperti mana keredaan Siti Hajar. Lihat petikan yang berikut;

Ingin segera ditinggalkan kepalsuan jasmani menerobos ke kolam batini yang jernih sesejuk dinding telaga zamzam nun jauh, melayangkan pandangan berkabus si kaki mongel Ismail kala Hajar dalam kepayahan mencari kasih sayang hanya dengan iman.

... Sesudah Subuh, dia terlena di sejadah sehingga matahari menyambut mesra menerbarkan keajaiban abadi-hanya Kau di hati!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:11)

Sofina sekali lagi terdengar sesuatu ketika dia diselubungi keresahan. Dia ingin mencontohi sikap Mariam seorang anak perawan yang taat kepada bapa Nabi Yaakub a.s dan mencontohi sikap Hajar yang menjadi seorang isteri solehah kepada suaminya Nabi Ibrahim a.s. Lihat petikan yang berikut;

Suara siapakah terdengar dalam kolam jiwa bawah sedar, kalau bukan si bayi ajaib yang dapat berkata-kata ketika masih dalam buaian. Bayi dalam pelukan Bonda Maryam. Dia yang dipilih-Nya ke syurga kerana Allah juga mengajarnya kitab hikmah, Zabur, Taurat dan Injil. Kenapakah kamu mengingkarinya?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:10)

“...Masukilah ketabahan Hajar. Dendarlah lengking kehausan bayi kecil Ismail. Mana **Ibrahim**? Kau tidak mencarinya, Hajar, kerana yang kau doakan sepanjang langkah-langkah kecil di celah-celah kerikil yang melukakan kakimu sepanjang **Safa** dan **Marwah** ialah air, air! Namun bukankah air suci itulah yang melimpah-ruah oleh hentakan si kaki comel Ismail. Kaulah yang menyambutnya dan memahami duka lara ibunya yang ditinggalkan lelaki suami oleh ujian berat itu.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:23)

Sofina juga berdoa setelah membuat refleksi terhadap dirinya dengan berkata “Ya Ismail, demi Hajar, aku ingin menyambut cabaran penuh makna ini.” Sofina membaca *Surah Ali 'Imran* ayat 45 dan terbayang bagaimana penyeksaan batin yang dihadapi oleh Siti Mariam apabila diketahui Allah menganugerahinya seorang putera sedangkan bagaimana dirinya hendak berhadapan dengan masyarakat waima dia belum pernah

disentuh oleh mana-mana lelaki. Namun Mariam menerima khabar gembira dengan penuh khusuk dan tawadhuk untuk membuktikan kecintaannya kepada Illah. Lihat petikan penyesuaian yang dibuat oleh pengarang untuk mengurangi gelodak jiwa Sofina.

(Ingatlah) ketika Malaikat berkata, “Hai, Mariam, sesungguhnya Allah memberi khabar gembira kepadamu dengan kalimat daripada-Nya berupa seorang putera nama **al-Masih Isa** anak **Mariam**.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:10)

Daripada sentuhan Al-Quran tersebut, jiwa kosong Sofina terisi dan dia bertawakal kepada Allh S.W.T akan ketentuan hidupnya. Begitulah cara Siti Zainon melakukan modifikasi dalam hiperteksnya agar kekosongan jiwa dalam watak ciptaananya kembali kepada konsep *kun fayakun*. Sebagai seorang penggemar budaya, Siti Zainon juga melakukan penyesuaian dengan menambah baik plot penceritaan melalui sepotong ayat Al-Quran Surah Al-Qasas ayat 88.

... Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat-Nya. Bagi-Nyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah kamu semua akan dikembalikan

Pengarang juga menyesuaikan hipoteks Al-Quran dalam cerpen “Kayu Bersurat” ke dalam hiperteks *Delima Ranting Senja* untuk memaparkan kisah seorang pengukir kayu wanita bernama Mar atau lebih dikenali Okam (Orang Kampung) yang melakukan pekerjaan mengukir kerana Allah S.W.T. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut:

Azan pun melantun-lantun, ke arah bukit, berbalik kembali ke arah kaki bukit dan terapung-apung di celah awan. Celahan kumpulan awan di permukaan tasik yang juga sudah dibiasi bentuk kubah biru, berkaca di permukaan air dan saling berbayang jatuh . „, Malah saling melantun juga dalam ingatan

pancaindera dan minda. Dengan latar belakang dan ilmu yang berbeza, tiga orang sahabat bagi sepakat mengandaikan, memang ada suara zikir yang melantun dari roh sang pengukir. Zikir itulah pula yang bertebaran lewat jalinan kerawang, bunga cengklik, sulur bayung dan unggas kecil seakan sayap burung atau sirip ikan dalam beberapa arca kayu bersurat. Sanggupkah mereka menyatakan kesepakatan, di situ telah menyatu jalinan surat abadi yang saling terikat bersimpul, hanya dapat dibuka melalui mata hati!

Nota semalam bukankah dari Sofina, aku pergi dulu ke kaki Jabal Rahmah, sahabat. Doakan sahabatmu!

(*Delima Ranting Senja*, 2009:470-481)

Hakikat yang diperoleh daipada kutipan penyesuaian di atas berdasarkan sumber Al-Quran dan kisah para Nabi, pengarang berusaha untuk menitipkan zat Allah dalam diri setiap manusia seperti mana maksud yang diberikan melalui surah Al-Qasas bahawa semua umat manusia akan kembali kepada Pencipta, Allah Maha Agung. Interpretasi daripada semua hipoteks di atas menjelaskan kepada kita tentang kekuasaan, kebesaran dan keajaiban Allah S.W.T kepada hamba-Nya yang dikasihi. Begitu juga segala mukjizat kepada Nabi dan Rasul adalah anugerah kepada insan-insan terpilih yang sentiasa mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan akan segala larangan-Nya.

... Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat-Nya. Bagi-Nyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah kamu semua akan dikembalikan

Berdasarkan prinsip modifikasi yang dilakukan oleh pengarang dalam teks kreatifnya, membuatkan hiperteks ini lebih tersusun dan segala yang berlaku akan lebih menginsafkan manusia bahawa segala-galanya adalah perancangan Allah S.W.T.

5.3 Kesimpulan

Daripada segala perbincangan dan analisis yang terdapat dalam Bab 5 ini menjelaskan bahawa pemilihan prinsip modifikasi daripada teori intertekstualiti Julia Kristeva, membuktikan wujudnya peresapan idea melalui penyesuaian, pindaan dan penukaran watak, alur cerita, gaya daripada teks terdahulu (hipoteks) ke dalam teks terkini (hiperteks).

Siti Zainon Ismail dengan kreativiti kepenggarangannya telah mengadunkan hipoteks beliau, iaitu genre cepen ke dalam genre novel (hiperteks) dengan baik dan kemas. Dalam melahirkan karya kreatif untuk menarik minat khalayak pembaca, pengarang telah menggunakan segala kepakarannya dalam berbahasa dan juga segala elemen sastera yang mantap terutama aspek gaya bahasa. Ternyata sebahagian besar prinsip modifikasi yang digunakan membuktikan wujudnya proses penyesuaian, pindaan dan penambahan terutama kepada alur cerita atau plot. Pemilihan petikan teks yang bersesuaian telah diaplikasikan sepenuhnya dalam usaha menyampaikan mesej pengarang kepada pembaca berserta alasan dan sebab yang munasabah. Berdasarkan kedua-dua hiperteks yang dianalisis, didapati wujudnya proses modifikasi kerana faktor keinginan pengarang sendiri untuk mencerna kembali bahan hipoteksnya secara mendalam bagi memperkembangkan idea pengarang itu sendiri.

Terdapat penyesuaian bahan yang digunakan sepenuhnya daripada hipoteks seperti cerpen “Kau Masih di Laut Erick” dan “Karangan Pulau” dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*, Begitu juga dua buah cerpen, iaitu “Rindu Pala Muda” dan “Mar...atau Kayu Bersurat” dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*. Hipoteks yang dikenal pasti seperti cerpen, novel dan puisi yang lain hanya sebahagian sahaja dimasukkan.


Kesimpulannya, daripada sebanyak tujuh buah cerpen dan sebuah novel serta sumber hipoteks yang relevan digunakan, didapati pengarang berusaha untuk menyampaikan idea dan pemikirannya. Tema yang paling ketara adalah berkonseptkan kasih sayang dan semangat cinta akan negara. Tema ini cukup kuat berada baik dalam hipoteks mahupun hiperteks yang dikaji. Berlatar belakang kepengarangan Siti Zainon sebagai pelukis-penyair, didapati modifikasi berjaya dan dapat diterapkan. Penggunaan unsur-unsur alam semula jadi dengan penggunaan gaya bahasa yang kemas mengangkat tema yang ingin diangkat oleh pengarang berjaya difahamioleh khalayak pembaca.

BAB 6

EKSPANSI DALAM NOVEL-NOVEL SITI ZAINON ISMAIL

6.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan perbincangan dan menganalisis prinsip ketiga dalam teori intertekstualiti iaitu, ekspansi atau peluasan yang terdapat dalam dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*. Berdasarkan prinsip ini, seseorang pengarang boleh melakukan peluasan dan pengembangan sekiranya pengarang tersebut memperoleh idea semasa menghasilkan teks baharu. Kedua-dua teks ini akan dianalisis dengan memberikan penumpuan terhadap pengembangan watak, episod dan peristiwa. Analisis ini penting untuk melihat bagaimana proses peluasan dan pengembangan daripada hipoteks kepada hiperteks kedua-dua novel tersebut. Dengan menggunakan teori intertekstualiti, sumber hipoteks yang mendasari hiperteks kajian akan dapat dikenal pasti. Analisis ekspansi ini dapat dilihat berdasarkan rajah 6.1 yang berikut.



Rajah 6.1

Ekspansi Plot “KMdLE” ke dalam Plot *Pulau Renik Ungu*

6.2 Ekspansi Novel *Pulau Renik Ungu*

Menurut Riffaterre (1978:115), sekiranya kegiatan pengembangan dilakukan, karya sastera akan menjadi bertambah dan bab yang terlibat akan berubah menjadi bertambah banyak. Hakikat kenyataan Riffaterre ini terbukti apabila kesemua hipoteks *Pulau Renik Ungu* diperluas sehingga cerita yang terhasil dalam hiperteks (teks baharu) menjadi bertambah panjang. Hal ini juga semakin rumit kerana berlakunya proses penambahan dan peluasan terhadap teks terdahulu. Pemilihan hipoteks berdasarkan cerpen ini telah digunakan oleh Siti Zainon untuk proses menghubungkaitkan dengan teks baharu yang dihasilkan, iaitu novel *Pulau Renik Ungu*. Siti Zainon Ismail telah meletakkan beberapa prinsip ekspansi ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* (1995). Sebanyak lima cerpen daripada dua antologi yang diguna pakai dalam membuat analisis ekspansi terhadap novel *Pulau Renik Ungu*. Cerpen-cerpen tersebut seperti cerpen “Kau Masih di Laut, Erick”, cerpen “Karangan Pulau”, cerpen “Episod Inderajati” daripada antologi cerpen *Bunga Putik Putih* (DBP:1991) dan daripada antologi cerpen *Rindu Pala Muda* (DBP: 2005), iaitu cerpen “Musim Gugur Pertama” dan cerpen “Antara Dua Pulau”.

6.2.1 Cerpen “Kau Masih di Laut Erick!” (KMdLE)

Berdasarkan cerpen “KMdLE”, pengarang telah melakukan peluasan terhadap plot penceritaan teks terbaharu, iaitu novel *Pulau Renik Ungu*. Plot “KMdLE” yang terdiri daripada empat bahagian (I-IV) telah ditransformasikan secara fizikal oleh pengarang dengan memasukkan keempat-empat bahagian cerpen ini ke dalam Bab 1 *Pulau Renik*

Ungu. Hal ini menjelaskan bahawa cerpen “KMdLE” merupakan hipoteks *Pulau Renik Ungu*. Bermula Bab 2 sehingga Bab 24, plot cerita *Pulau Renik Ungu* yang disusun secara kronologi telah mengalami peluasan dan pengembangan daripada beberapa aspek seperti plot, watak dan latar sama ada latar tempat mahupun latar masyarakat.

Berdasarkan hiperteks *Pulau Renik Ungu*, terdapat tiga jenis peluasan yang dilakukan oleh pengarang, iaitu peluasan latar teks, peluasan plot, dan peluasan watak. Peluasan latar teks bagi cerpen “KMdLE” ini dapat dilihat apabila plot cerpen ini ditempatkan dalam Bab 1 dan Bab 2 novel *Pulau Renik Ungu*. Namun pengisahan latar masih mengekalkan plot cerita asal, iaitu di laut. Pengarang memulakan plot dengan petikan yang berikut;

“Setelah sekian lama di darat apakah yang diinginkan oleh pelaut seperti? Henry, bekas Laksamana Pertama Angkatan Laut British dari pangkalan Liverpool, mengembangkan kedua-dua belah tangannya ke atas. Matanya tengadah ke langit. Langit memang cerah di Pelabuhan Madras. Di depannya Kapten Mannu yang sama-sama mendapat latihan asas di Laut Utara lebih 20 tahun lalu, menatap potret sahabat yang tiba-tiba muncul saja di depannya.

(“KMdLE”, 1991:79)

Petikan di atas yang terdapat dalam hipoteks “KMdLE” merupakan pemerian plot dimulakan dengan pengalaman Henry belayar di Laut Baltik. Di sana Henry melihat latar pelabuhan di negara-negara utara dengan langit kelabu pada musim gugur, pulau-pulau gundul dan percikan air mainan ikan lumba-lumba berbanding apabila kini dia melalui Selat Melaka yang sempit. Pemaparan ini menunjukkan pengalaman luas seorang pelaut. Sewaktu dalam pelayaran kembali ke Semenanjung, Zaidah pula sempat

melihat perut kapal apabila dia dipelawa oleh Muhdee. Zaidah tidak melepaskan peluang tersebut dan telah mengikut Muhdee seorang petugas di kapal itu untuk melihat kabin petugas. Perhatikan petikan latar perut kapal ini;

Zaidah pun turun ke bawah, melalui lapisan-lapisan tangga, mencuram, berbelit-belit. Aras satu merupakan bahagian bawah perut kapal. Aras ini adalah kawasan larangan ...Zaidah cepat-cepat tembus ke kabin pelaut, Zaidah memasuki salah satu kabin yang dikongsi Muniramah dan Razif. Kabin ini hanya muat katil bertingkat, sink, dan mangkuk cuci muka yang kecil. Tanpa jendela. Tanpa bilik mandi. Ruang kecil penuh dengan baju-baju bergantungan. Terdapat meja kecil di balik pintu. Zaidah hampir sesak nafas. Zaidah cepat-cepat menuju tangga berlari ke atas.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:72-73)

Setelah melihat akan keadaan tempat kediaman petugas kapal dengan bilik kecil ditempati oleh dua orang, Zaidah berpendapat bahawa pelaut adalah manusia yang sabar. Mereka bukan sahaja menempuh dugaan di lautan luas malahan dalam kehidupan yang kadang-kadang sampai berbulan-bulan tidak melihat daratan. Satu kenyataan yang ditemui Zaidah, tiada wujud perasaan syak wasangka dan curiga mencurigai antara pelaut. Walaupun berbeza kaum, mereka boleh tinggal sebilik. Hal ini terlihat pada watak Muniramah dan Razif. Mereka hidup bahagia cuma kehidupan mereka bagaikan tidak terurus dengan bukti baju-baju bergantungan dan suasana bilik yang semak.

Dari latar laut, pengarang meluaskan ruang ekspansi latar apabila menuju ke daratan. Siti Zainon memperlihatkan pelbagai kegiatan watak-watak yang berada di dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Latar daratan telah ditemui di pejabat, di hotel, di Coral Bar juga di Museum Sarawak dari Bab 2 telah dikembangkan ke kota Kuala

Lumpur ketika Zaidah mengisi masa lapangnya di Tasik Perdana dalam Bab 22 yang berikut;

Petang di bukit Tasik Perdana, Zaidah menghirup angin bersih dan tenang. Matahari akhir makin menghilang di celah-celah angsana. Kini dia benar-benar menghadap bukit Carcosa, melepas pemandangan berkilau tasik. Deru enjin kenderan masih bingar. Zaidah sengaja bersendirian petang itu. Selepas meninggalkan kedai buku di Universiti Malaya Zaidah memilih hala ke Jalan Duta, memblok ke kanan menembusi Jalan Tasik Perdana melewati Taman Burung dan Memorial Tun Abdu Razak, ... Di sana-sini kelihatan pasangan muda-mudi menempati kerusi yang disediakan di pojok rimbun buluh dan palma. Zaidah merebahkan diri di pondok sanggarahan ...

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:180)

Suasana petang digambarkan begitu nyaman dengan udara yang bersih dan tenang. Terdapat pelbagai pohon seperti angsana, pohon buluh dan palma. Di sekitar kawasan tasik tersebut masih kedapatan bangunan lain seperti Taman Burung, Memorial Tun Abdul Razak, Carcosa juga jalan yang menghubungkan perjalanan manusia seperti Jalan Duta, Jalan Tasik Perdana dan tempat istirahat seperti ‘sanggarahan’ juga tempat mencari ilmu seperti Kedai buku Universiti Malaya. Bukan sekadar latar tempat, latar masa pengarang juga memerikan tentang latar manusia seperti watak Zaidah yang gemar membaca dan pasangan muda-mudi yang menghabiskan masa lapang dengan acara tersendiri.

Pengarang telah meletakkan petikan di atas ke dalam *plot* *Pulau Renik Ungu* sehingga plot mengembang ke dalam bab-bab seterusnya. Perkembangan plot dan latar seiring diperturunkan dan diperlihatkan dalam plot *Pulau Renik Ungu*. Bermula dengan

Bab 1 dan Bab 2, latar masih di laut, bab-bab seterusnya di daratan dan berakhir dalam Bab 24, iaitu di rumah Henry di Searle Street, Sydney selepas Zaidah dan Henry berkahwin. Latar manusia yang berbeza ditemui pembaca di Pulau Selatan semasa Zaidah pulang menziarahi Marie, ibu mentuanya. Lihat petikan teks yang berikut;

Pohon palma jenis buah bertandan kecil seakan-akan buah pinang rasanya memang tidak meninggalkan kesan warna warni tetapi justeru memberi keteduhan yang tersendiri hingga menampilkan pemandangan Lautan Pasifik.

Matahari Sydney di akhir musim bunga mula cerah sinarnya. Tetapi angin dari pantai Mainly meniup mencari-cari ruang, dan kota cepat menjadi lembap dan dingin.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:189)

Tiba-tiba dia terjaga, dan sedar dia masih di kamar. Di sebuah rumah cat putih di pinggir bukit tidak ada bangunan masjid. Segera dia meraih sesuatu yanag biasanya terletak di atas kepala bantal. Al Quran kecil tidak ada di situ. . .

Di luar angin akhir musim bunga membawa gemersik daunan saling bergeser di kaca jendela. Kilau bintang menjelang bulan penuh, pada bulan Mei, jauh di Pulau Selatan telah menjadi saksi.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:196-197)

Pembaca bukan sahaja disajikan dengan pemandangan laut yang langitnya terbentang luas dalam “KMdLE” tetapi latar diperluaskan ke pulau dan daratan. Pembaca diajak melihat flora yang cantik dengan latar tempat yang mengasyikkan. Berdasarkan pengembangan plot yang terdapat dalam *Pulau Renik Ungu*, secara tidak langsung pembaca dapat menghayati perjalanan keseluruhan latar novel *Pulau Renik Ungu*.

Pulau Renik Ungu mengalami ekspansi bermula apabila pengarang mengujudkan pertemuan Zaidah-Erick di laut lalu kedua-duanya jatuh cinta walaupun berbeza agama dan budaya. Watak Erick dikembangkan apabila beliau memeluk agama Islam. Erick bertukar nama kepada Henry yang mula mendalamai agama Islam dan budaya masyarakat Melayu. Henry seterusnya dengan nekad telah melamar Zaidah dan kedua-duanya telah berkahwin. Di sini sangat ketara bagaimana pengembangan plot *Pulau Renik Ungu* disusun oleh pengarang secara kronologi berdasarkan pengembangan watak Henry dan Zaidah yang berakhir dengan kebahagian (*happy ending*).

Peluasan dan pengembangan dalam *Pulau Renik Ungu* ini bermula dalam Bab 7. Henry telah membawa Zaidah ke kedai dengan niat untuk memberikan Zaidah hadiah sebagai permulaan perkenalan mereka. Henry telah terpandang cincin batu hitam Zaidah dan mulai mengingati sesuatu. Unsur saspens yang dihadirkan oleh pengarang seterusnya mengembangkan plot dan diperluaskan apabila Henry secara jujur melamar Zaidah untuk menjadi pasangan hidupnya dalam Bab 12. Latar masyarakat seterusnya semakin jelas dan kejutan dipaparkan oleh pengarang apabila berlakunya perkahwinan campur. Bab 17 menonjolkan pasangan Zaidah dan Henry mengikat tali pertunangan dengan kejutan apabila watak utama Henry memeluk agama Islam. Akhirnya dalam Bab 20 kedua-duanya berkahwin dalam adat istiadat Melayu. Pengembangan watak terus ditunjukkan oleh pengarang apabila seorang duda (Henry) dikenali Erick dalam hipoteks “KMdLE” pernah mengalami kegagalan dalam perkahwinan. Apabila bertemu Zaidah, Henry (hiperteks *Pulau Renik Ungu*) telah jatuh cinta dan ingin melamar Zaidah. Untuk itu, dia sanggup berterus terang apabila Zaidah bertanyakan tentang statusnya. Henry berharap dengan penjelasannya yang jujur, Zaidah dapat menerima cintanya. Lihat petikan yang berikut;

“Henry, cinta keberapakah yang aku alami kini?

“Aku telah tiga kali menikah. Tetapi dengan dua orang wanita sahaja.”

Itulah suara kejujuran Henry setelah Henry menemuinya untuk ke dua kali. Zaidah terkejut tetapi cepat bersyukur. Henry tidak menyembunyi peristiwa hidupnya atau begitulah harapan Marie, memang dia telah biasa menerima menantu-menantu, isteri silih berganti putera tunggal.

Mampukah aku menerima hakikat ini, hanya kerana sifat berterus terang Henry, “Berjalan dengan jujur sayang, setapak demi setapak yang ditakdirkan oleh Yang Maha Kuasa, pada masa lampau, masa depan yang tidak dapat dielakkan!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:159-160)

Waalaupun Henry seorang duda, hati Zaidah terbuka untuk menerima Henry. Hal ini kerana Zaidah melihat sikap keterbukaan Henry yang jujur dan berterus-terang. Diketahui Zaidah agak sukar untuk menerima mana-mana lamaran. Antara teman yang pernah merapati dirinya ialah Azaz, Raiman, Malim dan Syahri. Namun semua lelaki yang cuba hadir dalam dirinya ditolak dengan baik ataupun ada yang meninggalkannya tanpa berita. Hal ini membuatkan Zaidah berhati-hati untuk menerima cinta seorang lelaki. Perhatikan petikan yang berikut;

Apabila Malim menyentuh, “Malam Cempaka Berbunga” Zaidah tiba-tiba terbayangkan wajah Syahri. Bukankah Syahri menemaninya pada malam tersebut. Tetapi dia tergesa pulang dan meninggalkan Zaidah dengan geram yang tidak sudah .

Ah! Malim masih perlu juga menghubunginya. Dulu, Malim yang datang setelah Syahri menghilang. Malim juga mengirimkan katalog pameran dan buku-buku kebudayaan sekembali dari Birmingham. Malim yang sering merenung sebelum meluahkan tutur. Dan Malim juga menghilang tiba2 setelah berangkat lagi ke Winconsin.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:133)

Namun setelah bertemu Henry, hatinya dan fikirannya terbuka menuju alam perkahwinan. Setelah mengetahui Henry memeluk agama Islam dan melamarnya, Zaidah telah bersetuju untuk menerima Henry sebagai pasangan hidupnya. Perkahwinan mereka diadakan dalam majlis yang meriah dikelilingi sanak saudara dan rakan taulan. Akhirnya Hairul (nama Islam Henry) dan Zaidah hidup bahagia. Pengembangan plot berlaku seterusnya apabila Henry atau Hairul mengajak Zaidah menziarahi ibunya di Pulau Selatan. Demikianlah pengarang melakukan ekspansi dalam hipoteks *Pulau Renik Ungu* dengan perubahan besar kepada watak utama Henry dan Zaidah. Contoh-contoh penceritaan ekspansi ini dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh petikan dalam novel *Pulau Renik Ungu* yang berikut;

Contoh Pengembangan Plot: Bab 7 – Kemesraan

“Tapi aku senang dengan hadiahmu ini, tentu telah lama kausimpan. Zaidah menatap kotak kecil berukiran. Kecil sesuai untuk mengisi sebentuk cincin.

Zaidah mengeluarkan cincin berbatu hitam pekat dari jari, dan memasukkannya ke dalam kotak pemberian Henry.

Oh , Tuhan. Tukar Zaidah niatku untuk membeli cincin. Henry melihat lagi ke jari Zaidah. Kedua-dua jari manisnya, kanan kiri memang berhias cincin emas. Satu berbatu hitam nilam, dan satu batu bulan.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:81)

Contoh Pengembangan Plot : Bab 12 - Lamaran

Tetapi setelah beberapa kali gugup, Henry mula menyedari dia sedang berhadapan dengan puteri Melayu. Zaidah, ... Oh aku harus membelikan sesuatu. Cincin!

“Aku melamarmu sayang - sudi menerima lamaranku?!

Zaidah tergigil-gigil kala Henry menyarung cincin dengan hiasan sembilan butir berlian itu ke jari manis tangan kanannya.

Untuk pertama kali Zaidah bagai dewi terlayang-layang di awan biru. Ada angin lembut meniup sukmanya Dia bagai tidak berani memandang wajah Henry. . .”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:110)

Contoh Pengembangan Plot : Bab 17 - Perkahwinan

Dan bukankah tujuh bulan yang lalu jauh di Selat Melaka telah didengarnya serak basah suara Hairul menyambut lafaz nikah daripada wali hakim. Dengan huluran Al-Quran sebagai mas kahwin, saling menyarung cincin. Hairul dengan baju Melayu putih pasir, bersamping songket teluk berantai merah, dan Zaidah yang mengenakan kebaya sutera renda yang juga sama warnanya dengan baju Hairul, bersarung songket Terengganu dan selendang songket Minang.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:197)

Contoh Pengembangan Plot : Bab 20 - Kegembiraan

“Selamat pulang ... selamat datang sayang!” Seorang wanita melebihi usia tujuh puluh tahun menyambut dan merangkul Zaidah dan suaminya sebaik-baik sahaja pintu terbuka. Tidak ada debar yang paling mencemaskan hati seorang wanita, kecuali pertama kali berhadapan dengan mentua. Tetapi aneh dan tidak terduga bagi Zaidah ialah kemunculan wajah yang bagai pernah ditatapnya mesra. Ada pandangan keibuan dan suara kasih bermunculan di sana sini.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:189)

Menerusi cerpen “Engkau Masih di Lautkah, Erick”, pengarang mewujudkan hanya beberapa watak seperti Erick, Kapten Mannu dan Zaidah atau Zeda dan Ray atau Raiman dan Muhde. Pengarang telah berjaya menambah watak-watak setelah berlakunya penyesuaian dan pengembangan terhadap plot penceritaan dalam *Pulau Renik Ungu*.

Selain watak Zaidah, Kapten Mannu, Muhdee yang terdapat dalam “KMdLE”, pembaca juga dapat menemui watak seperti Komando Digriz, Yusouf Joehari Tib, Siti Aisyah, Marie Baker dan ramai lagi mengikut agihan plot *Pulau Renik Ungu*.

Plot *Pulau Renik Ungu* telah berkembang dan meluas sebagaimana yang diharapkan oleh pengarang. Ekspansi terlihat juga kepada penerapan tema yang cuba dikemukakan oleh pengarang. Tema percintaan mendominasi kedua-dua genre Siti Zainon cerpen dan novel. Namun setelah *Pulau Renik Ungu* mengalami proses ekspansi, pengarang turut mengangkat tema yang lain, iaitu persahabatan yang diikat atas dasar kasih sayang dan semangat nasionalisme. Hal ini membuktikan bahawa semua hipoteks yang terlibat telah menjadi sumber utama kepada pengarang untuk membuat peluasan dan pengembangan terhadap hiperteks yang digarapnya.

6.2.2 Cerpen “Karangan Pulau”

Cerpen “Karangan Pulau” terdapat dalam antologi cerpen *Bunga Putik Putih*. Cerpen ini mengikut prinsip intertekstualiti yang ketiga, iaitu ekspansi telah diperluaskan ke dalam novel *Pulau Renik Ungu* dalam Bab 3. Watak yang berada dalam cerpen ialah Zaidah, Azaz dan Raiman dan sedikit watak Henry. Watak Zaidah memonopoli dan pengarang melakukan peluasan kepada watak Zaidah kerana berkahwin dengan Hairul. Dalam hakikat perkahwinan, Zaidah telah mengetepikan pegangannya selama ini.

Prinsip ekspansi digunakan oleh pengarang dalam melihat watak Henry melalui watak Zaidah. Sebelum bertemu Zaidah, kehidupan Henry tidak terurus. Di setiap

pelabuhan yang dikunjungi Henry dikelilingi oleh wanita-wanita cantik, yang menginginkan keseronokan dan mengimpikan ‘poketnya’. Setelah bertemu Zaidah, pengarang membuat penyesuaian terhadap watak Henry dengan meninggalkan segala aktiviti kurang bermoral seperti berpeleseran dan menghabiskan masa dengan minuman keras. Segala yang berlaku kepada Henry adalah disebabkan peluasan watak Zaidah, seorang gadis yang bukan sahaja berpendidikan, cantik, santun dan berbudi bahasa tetapi memiliki nilai ketimuran dan kuat berpegang kepada ajaran agama. Kehidupan Henry sebagai pelaut berubah apabila Zaidah menerima cintanya.

Henry melihat kegugupan sinar mata wanita di hadapannya. Wanita kecil dengan huraian rambut yang menjulur lurus ditiup angin yang bebas di anjung peranginan turut membawa bau yang asli. Bau manusia di Laut Selatan. Atau mungkin inilah bau murni dari Pulau Rempah. Edward Becker. Edward Becker, di mana kau?

“Siapa? Becker? Saya Zaidah.”

“Zeda!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:16)

Zaidah pula telah membuka kembali ruang hati Henry mempercayai kebahagiaan ada dalam perkahwinan. Tiba-tiba suara Henry mengejutkan Zaidah. “Berahsia?”

“Kau tidak membalias surat-suratku? Notamu pendek sahaja, ?”... Rahsia apakah pertemuan tiba-tiba ini, sehingga aku memilih lautan untuk pulang ke Semenanjung. Di sitolah pelabuhanku. Tetapi Henry, berapa banyak pelabuhanmu. Tentu pelabuhannya penuh bunga-bunga. Ataupun mungkin kupu-kupu! Tiba-tiba Zaidah diusik cemburu.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:82)

Akhirnya Zaidah berkahwin dan Henry membawa Zaidah pulang ke Sydney untuk bertemu ibunya Marie yang sudah lama ditinggalkan. Pengarang telah menggunakan peluasan idea dari aspek percintaan, perkahwinan dan kekeluargaan. Ternyata daripada peluasan ini memberikan kebahagiaan kepada watak-wataknya; Zaidah, Henry ibu kedua-duanya, iaitu Marie dan Siti Aisyah. Kehadiran Zaidah dan kepulangan Henry membuatkan suasana kekeluargaan kembali ‘hidup’, dan semua watak gembira, bahagia dan hidup sentosa.

Melalui watak Raiman, pengarang telah melakukan proses pengembangan namun menyimpan identiti Raiman. Pengarang hanya memberikan *hint* agar pembaca dapat berfikir tentang Raiman. Akhirnya, pembaca mengetahui siapa Raiman yang sebenarnya pada penghujung plot *Pulau Renik Ungu*. Dalam hipoteks cerpen “Karangan Pulau” pengembangan watak Raiman sangat ketara kerana watak ini berada di sepanjang plot hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Peluasan terhadap cerpen “Karangan Pulau” kepada genre novel menyebabkan plot novel berlangsung mengikut urutan masa. Pengenalan kepada watak Raiman dilihat apabila Zaidah sering berhubung dengan kedua-dua sahabat pulaunya, iaitu Azaz di Pulau Dayang Bunting (Langkawi) dan Raiman di Pulau Dayang (Labuan) melalui telefon. Zaidah akan berbicara dengan kedua-dua sahabat pulaunya ini sehingga dinihari. Kedua-dua watak ini menunjukkan minat untuk mendekati Zaidah lebih erat dan perkara ini dimaklumi Zaidah. Oleh itu secara jujur Zaidah memaklumkan keduanya bahawa persahabatan lebih berharga baginya daripada terjun ke dunia percintaan. “Kitalah camar. Atau helang. Selagi kita bisa memberi luapan nafas kehidupan selagi itu, kita perlukan persahabatan. Yang ditandai dengan ingatan dan kasih sayang.” (“Karangan Pulau”, 1991:75)

Watak Raiman digambarkan agak radikal dan sangat bersemangat. Pengarang telah melakukan peluasan terhadap watak Raiman dengan memasukkan watak ini dalam Bab 4 *Pulau Renik Ungu* dan terus hadir dalam bab-bab seterusnya. Peristiwa dalam Bab 4 bermula apabila Zaidah mengenang kembali saat dia menaiki kapal *Cruise Muhibah*. Dia dihantari Raiman dan ayat akhir Raiman masih diingati Zaidah. Raiman mengajukan soalan mengapa Zaidah datang ke *Pulau Renik Ungu* (Labuan). Di sinilah bagaimana pengarang mengembangkan watak Raiman sehingga watak ini berada di penghujung teks dengan unsur *surprise* atau kejutan yang diberikan oleh pengarang kepada pembaca. Begitu juga bagaimana pengarang memberikan kejutan kepada pembaca dengan penukaran dan peluasan watak Erick daripada cerpen “KMdLE” dalam novel *Pulau Renik Ungu*. Henry atau Hairul dalam novel *Pulau Renik Ungu* termangu-mangu dengan pertanyaan Siti Aisyah, ibu Zaidah berhubung loket yang tergantung di dadanya semasa pertemuan makan malam di rumah Zaidah. Henry tertanya-tanya dengan ayat dalam kiriman poskad daripada Zaidah yang diterimanya tentang batu yakut hitam. Henry teringat kembali kepada Alice, neneknya yang menyerahkan batu tersebut kepadanya dengan ayat, “Datukmu penuh rahsia. Dia lelaki penuh rahsia di pulau. Di pulau-pulau rempah sana Henry!” (*Pulau Renik Ungu*, hlm. 169)

Antara Henry, Azaz dan Raiman ternyata Raiman banyak membantu Zaidah dalam kerja-kerja penyelidikannya tentang sejarah dan budaya Bajau. Kadang-kadang Zaidah berfikir mengapa dia melihatkan sahabatnya Raiman. Apabila Raiman datang ke pulau utama, Raiman sering membawa senarai-senarai bibliografi yang diperoleh dari perpustakaan untuk Zaidah. Raiman sanggup menyalin beberapa halaman penting dari *Sarawak Museum* contoh *Jurnal bilangan 9* terbitan tahun 1960. Raiman mengumpul dan menyerahkan kepadanya apabila mereka bertemu di kampus. Zaidah tahu mereka

bertambah rapat dan ini menambah keakraban persahabatan mereka seperti petikan yang berikut;

Soalan Raiman yang tidak berjawab, “Kenapa kaudatang?
Kenapa tergesa saja pulang?”

“Aku mahu ke pulau. Ke pulaumu. Pulau Renik Ungu.
Kau sudi menungguku bukan?”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:41)

Zaidah juga sering mengingati perbualan ketika bersama Raiman dan dia amat mengagumi pemuda itu. Namun perasaan Zaidah berasa yakin bahawa ada perkara yang mengikat antara mereka. Raiman selalu menjeling ke arah cincin batu hitamnya sejak pertemuan mereka di Pulau Renik Ungu. Begitu juga ketika Zaidah berjumpa dan berbicara dengan Henry. Zaidah teringat bahawa ibunya pernah bertanyakan tentang loket yang dipakai Henry di dadanya. Zaidah berasa ada sesuatu di sebalik pemilikan batu yakut hitam yang berada di jarinya, di dada Henry dan dalam simpanan Raiman. Pengarang mewakili watak Zaidah berusaha mengembangkan watak Raiman atau kadang-kadang dipanggil Raim oleh Zaidah. Perkara utama pada Raiman yang disenangi Zaidah apabila Raiman dilihatnya memiliki semangat nasionalisme yang unggul.

“Di Pulau ini, kami terpecah dan dipecah-pecahan. Etnik yang berbagai, sering dikejutkan dengan mimpi curiga dan saling diusik api kegelisahan. Tapi percaya dalam setahun dua ini akan wujud rumpun Melayu berani, ikhlas, dan jujur. Aku akan bangun sebagai wiranya.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:36)

Akhirnya misteri ‘batu yakut hitam’ diketahui pembaca apabila Zaidah masih memanggil pulau Raiman dengan nama Pulau Renik Ungu. Raiman bertanyakan Zaidah dan jawapan Zaidah bahawa dia tidak menyenangi nama asal pulau tersebut. Hal ini kerana Zaidah teringat kepada penaklukan ‘penjenayah’ Inggeris di Singapura. Kenyataan Zaidah memukau Raiman dan menarik ingatannya terus kepada batu yakut hitam.

“Penjenayah Inggeris! Raiman terkelu. Akukah cucu penjenayah itu? Tetapi neneku Melayu, ibuku menjadi Melayu apabila berkahwin dengan ayah berketurunan al-Banjari. Dan aku, Raiman putera Badrul al-Banjari, anak Imam Yusri al-Banjari dari istana Kutai Lama. “Itu masa lalu anakkku. Datukmu kulitnya putih tetapi berjiwa Melayu, percayalah dan ini pusaka datukmu, kau bukalah kotak kecil ini! Cincin berbatu hitam, yakut hitam! “Hadiyah dari sahabatnya, anakkku!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1005:183)

Rahsia keturunan Raiman terbongkar apabila Raiman terasa bahawa dia adalah cucu ‘penjenayah’. Kini pembaca dapat melihat bahawa melalui prinsip ekspansi teori intertekstualiti peluasan watak Raiman dan Henry, misteri batu yakut hitam terserlah. Pengarang memperlihatkan kepada pembaca bagaimana perkaitan antara ketiga-tiga watak yang terdapat dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Sebenarnya watak Zaidah merupakan anak Yusuof Joehari Thibroni bersama Siti Aisyah, Henry cucu Edward Baker bersama Alice yang lari ke negaranya semula meninggalkan suami akibat tidak tahan berada di bumi tropika. Raiman pula merupakan anak Komaner Digriz berserta isteri Banjar bernama Baseah, iaitu ibu Raiman. Kini jelas bahawa dengan menggunakan teori intertekstualiti prinsip ketiga, iaitu ekspansi dokongan Julia Kristeva, misteri batu yakut hitam melalui proses pengembangan dari genre cerpen “Karangan Pulau” dalam Bab 3, merupakan hipoteks kepada hiperteks genre novel *Pulau Renik Ungu*. Nyata

dalam novel ini, pengarang bukan sahaj membuat peluasan terhadap watak, latar tempat daripada pulau ke daratan melangkaui hutan dan bandar, tasik dan gunung, tetapi paling penting misteri objek yang diperluaskan.

Melalui watak Azza dan Raiman, khalayak mengetahui bahawa persahabatan mereka berdua dengan Zaidah amat akrab. Gurau senda dan usik-mengusik menjadi mainan dalam persahabatan. Namun dalam waktu yang serius, pengarang berusaha menampilkkan pandangan dan idea bahawa erti persahabatan bukan sahaja semasa senang bahkan pada waktu kesukaran. Sikap kebergantungan dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau konflik perlu ditangani secara bijak dan bekerjasama. Hal inilah yang terlihat dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* yang cuba diperkatakan oleh Siti Zainon.

6.2.3 Cerpen “Episod Inderajati”

Seterusnya dalam Bab 5 novel *Pulau Renik Ungu*, pengarang telah mengambil keseluruhan daripada cerpen “Episod Inderajati” untuk dipeluaskan dalam novel tersebut. Episod cerpen ini terhenti pada petikan yang berikut;

Zaidah menutup buku catatannya. Kini dia menghadap kertas kerjanya di bilik seminar di kota. ... Zaidah telah jauh memasuki lembah perjalanan Inderajati, yang kini sibuk dengan kuda-kuda peliharaan di gunung. ... Kedamaiannya di situ. Harga diri dan kemuliaan menatang sejarah ibunda.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:69)

Dalam *Pulau Renik Ungu*, Siti Zainon dengan kreativiti pengalaman rasa meneruskan episod ini dan menyambungnya secara ekspansi atau peluasan juga

pengembangan terhadap teks tersebut. Melalui petikan di bawah menunjukkan “Episod Inderajati” berakhir. Walaupun ekspansinya terhenti melalui watak Inderajati namun cerpen ini masih bersambung dengan watak Zaidah dan sahabat-sahabatnya;

Perlukah Zaidah mengkhabarkan kepada Sasterawan Negara itu, bahawa dia pernah tersentuh di kaki Merapi tetapi kata Indera, “Pulanglah anda, saya hanya petani di gunung bukan nilam!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:69)

Berdasarkan monolog Zaidah, kita tahu bahawa Zaidah mulai menyenangi Indera. Malangnya Indera secara halus menolak niat murni Zaidah kerana dirinya lebih senang membantu ibu di gunung dengan pendapatan daripada penjualan buah tomato dan penjualan kuda. Peluasan watak terus dirancakkan dengan pelukisan watak Zaidah dalam dunia percintaan. Pengarang telah memperlihatkan kepada pembaca bahawa Zaidah seorang yang mempunyai personaliti yang menarik dan bercita-cita tinggi. Selain Henry terdapat beberapa lelaki telah berusaha untuk mendekati Zaidah, Antaranya Azza putera Pulau Langkawi yang sering menceritakan kesedihan hatinya ditinggal kekasih. Zaidah sering menjadi pendengar setia akan luahan perasaan sahabatnya itu. Namun Zaidah perasan Azza berusaha untuk menempati kekosongan di hatinya berdasarkan petikan yang berikut;

Tapi di celah-celah kenakalan mata Azza dilihatnya ada jalur-jalur daun baru tumbuh. Urat-urat halus yang lembut seakan bergetar dengan tiupan angin malam

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:38)

Namun bagi Zaidah, persahabatan lebih bahagia berbanding percintaan. Seorang demi seorang lelaki hadir dalam hidupnya namun akibat kegagalan semuanya ditolak dalam kelembutan. Melalui peluasan idea, pengarang menunjukkan kepada pembaca bagaimana Zaidah melarikan dirinya daripada memperkatakan tentang cinta kepada mencintai unsur-unsur budaya dan adat resam. Zaidah sebagai pengkaji budaya menunjukkan kecenderungannya untuk mengetengahkan peninggalan khazanah lama agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Pelbagai tradisi yang dapat dilihat baik dalam bentuk pakaian, muzik mahupun adat istiadat. Beliau sanggup pergi ke merata tempat untuk membuat kajian terhadap suku kaum Bajau, Minangkabau dan segala yang berkait dengan budaya Melayu. Sebagai contoh dalam pertemuannya dengan watak Indera, mitos Dara Jingga puteri kraton tidak dilupakan. Malahan Zaidah sanggup menziarahi bonda Indera semata-mata untuk melihat kain *balapak* yang terkenal di ranah Minangkabau.

Walau sejauh mana dalam konteks Zaidah melarikan diri mencintai manusia, sifat keperempuanannya muncul kembali. Dia amat terharu dan bersyukur apabila pengarang memunculkan watak Hairul. Malahan penyatuannya dengan Hairul membuka matanya bahawa perencanaan Sang Pencipta adalah yang terindah. Perkahwinan bukan sahaja dapat menyatukan hubungan antara dua hati malahan perkahwinan merupakan penzahiran terhadap hukum dan anugerah Tuhan. Secara tidak langsung pengarang mengajak pembaca melihat bagaimana pelukisan dan ekspansi yang berlaku kepada watak Zaidah. Sikap pesimisnya terhadap alam perkahwinan dibuang apabila dia bertemu Henry. Akhirnya Zaidah meniti liku kehidupan baharunya dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* dengan tenang dan bahagia serta mengharapkan keabadian nur Illahi. Perhatikan petikan yang berikut:

Zaidah cuba mengingati di manakah dirinya berada. Ada suara azan meniuup lembut jatuh ke telinga menyerap masuk ke kolam sukma. Zaidah mencari punca arah datang suara itu, “Allahuakbar …” … Suara azan telah berhenti, bersambung dengan kalimah *al-fatihah*, Allahuakbar, kemudian Ahmdulillah kemudian Assalamualaikum, dan seterusnya seduhan berantai dengan doa yang tidak jelas bunyinya lagi. Jelas Hairul tiada di sisinya dan di kamar sebelah lampu bernayla. Oh! Datang juga subuh-Mu. Malam tadi mereka saling melafaz janji. Satu-satu Zaidah mengingati detik itu. … Suara Zaidah tergetar-getar dan kemudian telinganya sendiri mendengar lafaz janji menyahut ikrar suami, “*I Zaidah, take thee, Hairul, to be my wedded husband…*” Oh Tuhan, aku masih umat-Mu.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 196)

Zaidah reda menerima Hairul sebagai suaminya yang sah untuk hidup bersama-sama. Beliau berharap agar kehidupannya bersama Hairul dalam limpahan kasih sayang. Zaidah sangat bersyukur kerana selepas Hairul memeluk agama Islam, Hairul mulai mendalami agama Islam dan mereka hidup rukun damai. Ekspansi idea ini dipamerkan oleh pengarang menerusi petikan teks terakhir dalam *Pulau Renik Ungu*. melalui kehidupan Zaidah-Henry yang bahagia. Lihat petikan yang berikut dengan penggunaan ayat yang cukup puitis, minda pembaca ditarik untuk bersetuju bahawa kehidupan manusia ini telah diatur oleh pencipta-Nya. Penggunaan alam semula jadi seperti ‘bulan’, ‘bintang’, ‘laut’, ‘bunga’, ‘pulau’ semuanya menciptakan keindahan yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia.

Esok adalah hari baru di tanah baru. Zaidah menengadah ke langit. Mata bulan telah bersinar. Kilau bintang telah terpercik. Bintang seakan menari-nari dan bergerak-gerak dengan lukisan kaligrafi jelas dan bersih. Bagai kanvas yang disepuh kemudian yang muncul ialah jejeran keluk yang lebih menyatu dan agung.

… Alhamdulillah, demi Dia yang menyatukan kita.” Zaidah melihat. Di mana-mana memang ada kaligrafi hayat di dua relung batin menyatu menjadi satu. Kaligrafi laut, bunga dan

pulau – menyatu setelah ujian. Dan kilau batu hitam dalam genggaman. ... Ya, sepulau renik ungu berkilau, terjangkau.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995, 197-198)

Melalui ikatan perkahwinan, seseorang itu akan memikul tanggungjawab dan perlu melaksanakannya bukan sahaja kepada suami dan isteri, tetapi melangkui batasan kekeluargaan dengan mentua dan ipar duai. Peluasan perkahwinan dalam hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* ini telah melangkaui dua benua tetapi tetap diikat atas satu ikatan kasih sayang. Maka sewajarnya apabila Zaidah menolak untuk kahwin kontrak, ini membuatkan pembaca berfikir sejenak dengan cetusan idea yang dikemukakan pengarang. Oleh itu ekspansi akan muncul bila mana pengarang menempatkan sesuatu isu dan secara tidak langsung peluasan dan pengembangan akan berlaku terhadap watak, latar dan plot cerita seperti mana yang terdapat dalam novel *Pulau Renik Ungu*.

6.2.4 Cerpen “Musim Gugur Pertama”

Kesinambungan plot hipoteks cerpen “Musim Gugur Pertama” dipeluaskan dengan proses ekspansi apabila melalui hipoteks “Musim Gugur Pertama”, pembaca dapat melihat dialog antara Kevin dan Ana memperkatakan tentang Opu Daing. Pengembangan cerita bermula apabila watak Kevin dan Ana berdiskusi tentang pembukaan Singapura. Lihat petikan di bawah;

Aku dari Kuala Lumpur. Bukan Singapura! Ana menegaskan dengan rasa jengkel.

Kukira Kuala Lumpur atau Singapura – sama saja. Yang jelas, kedua-duanya bekas tanah jajahan Inggeris dan Raffles yang membuka Singapura! Kevin percaya bicaranya begitu tepat. ...

Raffles tidak membuka Singapura. Kautahu, Pulau Temasik itu dibuka oleh Seri Teri Buana berasal dari keturunan Bukit Seguntang, malah zuriat Iskandar juga, kautau!” ...

“Aku minta maaf. Sekali lagi minta maaf. Aku tahu kau juga salah seorang cucu cicit Opu Daing. Orang yang begitu berjasa terhadap datukku!”

“Datukmu.”

“Oh, Tuhan. Demi kapal Bugis itulah – Pinisi nenekku terselamat. Demi Pinisi itu jugalah yang meragut nyawa datukku Bolland Golsky.”

(*Musim Gugur Pertama*, 1995: 75)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang mula mengembangkan plot dengan watak Bolland diikuti oleh watak-watak lain seperti Yusouf Joehari Tib dan Parman. Perhatikan petikan yang berikut dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* dengan kemunculan watak Bolland. Bolland yakin tindakannya menyebelahi anak watan tepat dalam memperjuangkan tanah air mereka daripada penjajah yang cuba memperkotakkatikkan negeri-negeri di Kepulauan Rempah ini.

“..Itulah pembicaraan awal Bolland. Seorang lelaki asing, yang dapat diterima oleh Opu untuk bertamu di rumah. Bolland tahu orang Bugis pantang sekali dicabar. *Siri* sebagai jantung adat orang Bugis tetap di atas. ...Bolland tahu, itu semua bukan perintah dari Baginda Ratu.”

(“*Musim Gugur Pertama*”, 2005:71)

Peluasan watak dalam hipoteks melalui cerpen “Musim Gugur Pertama” ini telah diolah dan dikembangkan oleh pengarang dengan mengemukakan beberapa watak lain yang turut berperanan penting mengembangkan plot hiperteks novel *Pulau Renik Ungu*. Watak Bolland dan Komando Digriz telah bergabung dengan watak Yusouf Joehari Tib dan Parman. Watak-watak ini memainkan peranan besar dalam mempertahankan tanah air mereka termasuk Bolland dan Komando Digriz yang turut menyabung nyawa

walaupun mereka bukan anak watan. Lihat petikan dialog yang berikut dalam hiperteks

Pulau Renik Ungu;

Paling tidak direlai Parman dan juga Yusouf Joehari Tib ialah penyatuan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura atas nama Negeri-negeri Selat. Pelajaran Sejarah yang didalaminya oleh Yusouf Joehari Tib seperti cuba menutup niat jahat asal Inggeris datang bukan untuk perang tetapi hanya untuk berdagang! Francis Light yang bertugas dengan Syarikat Hindia Timur dinobat sebagai pembuka Pulau Pinang. Catatan sejarah yang mereka sogok kepada anak-anak watan, “*In 1819 Sir Stamford Raffles Founded Singapura!*”...Ke mana perginya Undang-undang Kanun Melaka, Kanun Pahang, Aceh, dan sistem Islam sehingga Sultan harus meminta perakuan Inggeris! Nota Komando Digriz dari Kepulauan Sulu masih kemas dalam lipatan ikat pinggang Parman. Pasti juga Yusouf Joehari Tib telah berhasil mengumpulkan senjata di Singapura untuk diseludupkan ke Pulau Batu Putih.

Siapa menduga pertemuan dengan Digriz, Yusouf Joehari Tib di ‘Pulau Rahsia’ dulu, menambah semangat mereka untuk menyatukan alam Melayu. Tidak ada Belanda, tidak ada Inggeris, tidak ada Sepanyol – Amerika! Merdeka!

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:3-4)

Peluasan teks di atas memperlihatkan proses ekspansi dilakukan oleh pengarang di bahagian yang difikirkan sesuai. Pengarang telah memasukkan unsur-unsur sejarah abad 18 dan abad 19 dalam pengembangan hiperteks *Pulau Renik Ungu*. Nama watak penajah seperti Francis Light, nama syarikat Inggeris seperti Syarikat Hindia Timur, nama tempat seperti Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Pulau Batu Putih dan Kepulauan Sulu, nama bangsa yang terlibat dalam sejarah penaklukan di Selat Melaka seperti Belanda, Inggeris, Amerika dan Perancis, nama buku seperti Undang-Undang Kanun Melaka, Kanun Pahang, Aceh dan watak pejuang Melayu seperti Parman dan Yusouf Joehari Tib

Hal ini penting agar plot dapat berkembang dengan baik dan pelukisan watak satu-persatu dikembangkan seperti proses ekspansi pada watak Yusouf Joehari Tib, iaitu ayah Zaidah. Menerusi hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* di atas, pembaca dapat melihat semangat nasionalisme yang tinggi dalam dada anak-anak muda untuk melepaskan negara daripada ditawan penjajah. Yusouf Joehari Tib seorang pejuang kemerdekaan yang akhirnya ditahan pemerintah. Beliau telah meringuk dalam penjara selama hampir dua tahun. Namun semangat untuk mempertahankan negara atas dasar sayang dan jati diri patriotisme tetap utuh.

Ekspansi telah dilakukan oleh pengarang menerusi *Pulau Renik Ungu* dan khalayak mendapat kefahaman bahawa setelah keluar daripada tahanan, Yusouf Joehari Tib dan Siti Aisyah telah berkahwin. Peluasan terhadap plot terus berlaku dalam bab-bab hiperteks *Pulau Renik Ungu* seterusnya. Hasil perkongsian hidup kedua-dua watak ini mereka memperoleh seorang anak, iaitu Zaidah Yusouf Joehari Tib. Namun perjuangan Yusouf Joehari Tib tidak terhenti malahan beliau telah bergerak secara senyap-senyap untuk melepaskan negara daripada belenggu penjajahan. Zaidah mengutip rahsia bapanya seorang pejuang tanah air daripada ibunya seperti dalam petikan dalam bab 14 yang berikut:

“Ayahmu dan teman-teman dalam KMM memang kecewa. Teman-temannya di Borneo, Komando Digriz. Ibrahim Yaakob telah menghilangkan diri. Konon ke Jawa. Semangat Tanah Melayu untuk Melayu di Tanah Melayu semakin kacau bilau. . . Nama-nama yang tercatat dalam buku sejarah, juga disebut sebagai teman seperjuangan ayah. Dan ayahku Joehari Tobroni,

“Itulah ayahmu. Dia seorang penulis wartawan. Imam Badrul penulis agama di majalah *Al-Ikhwan*. Ya, menjelang sebelum Jepun masuk!”

“1942?”

“Ya, mereka begitu giat sekitar tahun 1938-1941 .. dan ada orang putih yang turut menyokong perjuangan mereka!”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 138)

Zaidah kini mengetahui bahawa ayahnya bukan sahaja seorang pejuang tanah air yang mengangkat senjata malahan Yusuof Joehari Tibroni juga merupakan seorang intelektual Melayu yang menjadi penulis wartawan pada zaman itu. Tugasnya melalui majalah Al-Ikhwan amat besar dalam memberikan kesedaran kepada orang Melayu menentang penjajah. Zaidah juga tercari-cari siapakah orang putih yang membantu ayahnya sehingga dia menemui keturunan mereka, iaitu Henry dan Raiman melalui penemuan batu yakut hitam. Ibunya sendiri tidak mengetahui tentang perkara tersebut. Kenyataannya pengarang meluaskan hiperteks *Pulau Renik Ungu* dengan menyajikan pembaca bukan sahaj kisah manusia tetapi juga tentang kisah lipatan sejarah negara bangsa Melayu. Melalui ekspansi yang dilakukan dengan penuh teliti oleh pengarang, pembaca mengetahui tentang kisah sejarah, pemuka-pemuka tokoh patriotisme seperti Ibrahim Yaacob dan kumpulan parti-parti siasah seperti PETA, KERIS dan siapakah sebenarnya Yosouf Joehari Tibroni. Perhatikan petikan yang berikut peluasan cerita daripada Siti Aisyah kepada anaknya Zaidah;

Apabila Inggeris hendak ‘membuang’ Ibrahim Yaacob ke India, Digriz telah menyediakan “angkatan” untuk menyelamat tokoh pejuang Melayu itu di laut. Tetapi terlewat. Kem tahanan di Singapura telah diserbu Jepun dan membebaskan Ibrahim, melantiknya sebagai Leftenan Kolonel PETA, Pembela Tanah Air – *Giyugun*.

Selepas itu tokoh itu hilang begitu sahaja dari Tanah Melayu. KERIS gagal. Indonesia Raya-Melayu Riau menjadi igauan yang tidak terjangkau.

“Dia lelaki yang merana anakku! Semua ahli KMM ditahan Inggeris. Tapi ramai juga menjadi mangsa MPAJA – Kumpulan Anti-Jepun yang umumnya dianggotai oleh orang Cina yang dirasuki Parti Komunis Malaya! Tapi ayahmu tidak memihak di mana-mana, ibu pasti!

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 138)

Zaidah kemudiannya memperoleh kebenaran tentang ayahnya melalui perjumpaannya bersama Pak Bahar seperti yang terdapat dalam novel *Pulau Renik Ungu* di Bab 22. Lihat petikan dialog yang berikut;

“Bapak ada tidak sahabat yang bernama Joehari Tib.”

“Yusouf Joehari Tib? Apa tidaknya dia adalah antara pejuang silam tidak bernama! Kenapa?” ...yang penting dia disenangi oleh semua pihak. Baik kanan. Baik kiri.

Inikah rahsia yang tidak disedari ibu! “Kami bergerak dalam sulit. Tak sesiapa tahu perhimpunan kami.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:185-186)

Melalui ekspansi watak Pak Bahar, Zaidah lebih mendalam tentang ayahnya, Yusuof Joehari Thibroni. Watak Pak Bahar yang diwujudkan dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* menambahkan minat pembaca. Pengakhiran proses ekspansi atau pengembangan plot berlaku apabila Zaidah mengetahui keseluruhan tentang perjuangan ayahnya, iaitu Yusouf Joehari Tib bersama rakan-rakan pejuangannya.

“Dia lelaki yang tidak banyak bercakap...lebih serius berfikir. Dia daripada golongan terpelajar dan pernah ke England ...dan hubungan antarabangsanya telah terjalin sejak awal sebelum zaman Jepun..”

Inikah rahsia yang tidak disedari ibu! “Kami bergerak dalam sulit. Tidak sesiapa pun tahu perhimpunan kami,”

“Nama perkumpulan itu kalau boleh saya tau bapak?”

“Oh! Itu adalah rahsia kami!”

Rahsia lagi. Tetapi itu telah hampir lima puluh tahun ...

“Bapak puas dengan perjuangan ini?”

“Perjuangan kami masih belum selesai anakanda!”

“Salah satu pemikirannya ialah: ... Kita harus menghormati sesama peribadi bangsa Melayu. Mesti berilmu. Hidup sederhana. Kemewahan fizikal harus merata. Dan kita harus membakar semua hasad dengki...!”

Ibu, ayahanda Yusuof Joehari Tib?

(*Pulau Renik Ungu*, 1995: 186)

Perbualan antara Zaidah dan Pak Bahar secara tidak langsung memberikan maklumat kepada pembaca tentang peluasan watak Yusouf Joehari Tib. Seorang terpelajar dan pernah belajar di England. Maka jelas membuktikan beliau layak menjadi penulis wartawan majalah Al-Ikhwan. Beliau merupakan seorang pejuang tanah air zaman silam hampir lima puluh tahun lalu dalam menentang petualang-petualang negara bangsa. Menurut Pak Bahar, perjuangan mereka tidak pernah selesai dan menuntut pelbagai pengorbanan. Pemikiran Yusuof Joehari Tibroni sangat tinggi mengimpikan bangsa Melayu yang bertamadun, hidup sederhan dan tiada perasaan hasad dengki. Pelukisan watak ini walaupun pada akhir plot hiperteks *Pulau Renik Ungu*, namun Zaidah berjaya merungkai ‘misteri’ bukan sahaja misteri ayahnya namun misteri ‘tiga butir batu yakut’ yang disulap Yusuof semasa dalam tahanan. Dapat dikatakan melalui peluasan plot dalam *Pulau Renik Ungu* daripada hipoteks cerpen, segala persoalan dapat dirungkai.

6.2.5 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Cerpen “Antara Dua Pulau” dipetik daripada antologi cerpen *Rindu Pala Muda* (DBP:2005). Cerpen ini akan dibincangkan sebagai hipoteks kepada novel *Pulau Renik Ungu*. Pengarang telah melanjutkan penceritaan dalam prolog novel *Pulau Renik Ungu* dengan memasukkan bahagian III daripada cerpen “Antara Dua Pulau” untuk mengembangkan serta meluaskan penceritaan plot novel ini. Usaha pengarang ternyata berkesan apabila objek batu yakut hitam diperluaskan bersama watak yang menggilap batu tersebut sehingga menjadi sebutir yakut hitam yang cantik.

Prinsip ekspansi ini sangat jelas dimana pengarang telah membuat peluasan bukan sahaja terhadap objek, watak, plot tetapi juga menyentuh aspek tema. Perbincangan dalam bab ini yang menyentuh cerpen “Antara Dua Pulau” difokuskan kepada ibu dan bapa watak utama *Pulau Renik Ungu*, iaitu Zaidah. Ibu Zaidah merupakan anak kepada seorang tokoh agama di desa. Siti Aisyah bersama-sama Yusuof Joehari Tib membangunkan madrasah untuk keperluan penduduk kampung yang inginkan didikan agama. Ekspansi plot dimulakan dengan transformasi petikan hipoteks cerpen “Antara Dua Pulau” yang berikut;

Kini dia benar-benar telah berada di puncak bukit. Setelah melampaui jejak-jejak bekas jalan setapak, dia mencantas semak-semak dan lalang-lalang yang menyubur kawasan yang mengarah ke puncak bukit. . .

Di kaki bukit arah selatan tempat dia mula mendaki pagi itu juga duipenuhi pondok-pondok (memang bukan terdiri dari ruamh-rumah yang lengkap seperti kebanyakan orang yang sempurna hidupnya) . . .

Dia kini mengarah ke laut. Matanya selintas memandang langit. Tompok-tompok awan amat tipis.Tenang tanpa diganggu oleh desah buih yang memukul pasir pantai.

(“Antara Dua Pulau”, 2005:52)

Melalui petikan hipoteks di atas, pengarang telah meluaskan penceritaan dengan menghadirkan watak ‘dia’ iaitu Hasbul (ADP) dengan proses modifikasi nama watak kepada watak Yusuof Joehari Tib (PRU). Dalam hiperteks *Pulau Renik Ungu* watak ini diekspansikan sebagai pejuang tanah air dan ditangkap pemerintah lalu dimasukkan ke dalam penjara. Untuk mengembangkan lagi plot hiperteks *Pulau Renik Ungu*, pengarang telah mewujudkan kehadiran batu yakut yang digilap oleh Yusuof Joehari Tib. Sebanyak tiga biji batu yakut telah dihasilkannya dengan harapan batu yakut hitam hendak diserahkannya kepada Siti Aisyah, gadis yang menanti kepulangannya.

Satu sudah pasti untuk Siti Aisyah. Dia memilih yang warna hitam. “Ini yakut asli,” bisiknya. Kalau ditambah dengan lilitan emas, pasti menambah seri kepada si pemakainya. “Ah! Hitamnya belum sempurna, aku akan menggilapnya.”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:110)

Setelah membaca keseluruhan novel ini, pembaca mengetahui melalui penyiasatan Zaidah dua biji batu yakut berada dalam simpanan kedua-dua sahabat baik bapanya, iaitu Parman (datuk Raiman) dan Komando Digriz (datuk Henry). Pengarang telah melakukan proses peluasan terhadap batu yakut dengan harapan misteri batu tersebut terbongkar. Tujuan ekspansi ini juga untuk membolehkan Zaidah menyiasat berhubung kewujudan tiga butir batu yakut yang berada dalam simpananya dan sahabat (Raiman) serta bakal suaminya (Henry). Akhirnya unsur saspen daripada bab Prolog *Pulau Renik Ungu* yang diwujudkan pengarang melalui prinsip intertekstualiti (transformasi dijelmakan daripada hipoteks cerpen “Antara Dua Pulau”), melalui proses modifikasi watak Hasbul kepada watak Yusouf Joehari Tibroni dan seterusnya melalui proses ekspansi, pengembangan plot dan tema serta peluasan watak) maka terbentuklah hipoteks novel *Pulau Renik Ungu*. Hal ini menjelaskan bagaimana pertautan hubungan ketiga-tiga sahabat zaman silam (Yussoef Joehari Tibroni, Parman dan Komando Digiz) kini diwakili oleh generasi masing-masing (Zaidah, Raiman dan Henry) berada dalam satu lingkaran yang menepati kewujudan intertekstualiti.

Melalui watak Siti Aisyah sewaktu menerima kedatangan Henry telah menjelaskan segala-gala pernyataan di atas dalam Bab 20. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan monolog yang berikut;

Tetapi kenapa Henry menimbulkan debaran dan syak bergelora. Atau gara-gara batu hitam yang tergantung di leher Henrykah? “Tiga butir yakut telah kuhasilkan sepanjang aku di kem tahanan dulu. Satu untukmu dik. Dua butir lagi telah kuberikan kepada sahabatku..”

Tetapi Si Aisyah tidak tahu, siapa dua orang sahabat suaminya! Malam masih bergelora.

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:168)

Pengarang berjaya melukiskan sepenuhnya tentang plot percintaan Zaidah melalui watak Siti Aisyah. Beliau yakin bahawa suatu hari anaknya Zaidah akan bertemu jodoh yang sesuai dengan dirinya. Petikan di bawah merincikan lagi tentang peluasan watak Zaidah di dalam novel *Pulau Renik Ungu*;

Siti Aisyah memang telah berasa. Kedatangan Henry sendiri telah memberinya kilat kilau bahawa pasangan itu diamuk kasih. Walau Zaidah belum menjelaskan sesuatu! Tetapi tatapan mata Henry, senyum dan bibirnya serta sikapnya yang lembut dan ramah, telah memberikan tanda-tanda, inilah lelaki pilihan Zaidah.

Dulu, Ya, dulu. Zaidah berterus terang menolak lamaran Syahri dengan jawapannya dia harus menyelesaikan pelajarannya dulu. Dengan Drs. Salman, ... Siti Aisyah ragu-ragu tetapi Zaidah sendiri mengutus surat menolak...

Kini muncul Henry..

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:171)

Siti Aisyah teringat akan pesanan suaminya Yusuof Joehari Tib yang menasihatinya agar menjauhi Zaidah daripada Syahri. Pada pandangan Yusouf, Syahri bukan jodoh terbaik buat Zaidah. Walaupun dia sering tiada kerana tugas kepada negara dan berasa dia telah melalaikan keluarga, namun dia tidak mahu anaknya tersalah pilih teman hidup.

“ Aku lelaki gagal, Aisyah. Jaga anak kita dengan baik. Pesanku hanya satu, hindari Zaidah daripada Syahri. Pemuda itu tidak sesuai dengan Zaidah. Anak kita mempunyai cita-cita dan kecekalan hati. Syahri tidak tetap pendiriannya . Aku pergi dulu …”

(*Pulau Renik Ungu*, 1995:171)

Keseluruhannya, pengarang berusaha memindahkan teks-teks awalnya, iaitu cerpen dan meluaskan serta mengembangkan hiperteks (novel) bagi mewujudkan konflik dalam watak-watak yang terdapat dalam novel *Pulau Renik Ungu*. Hal ini menujukkan bahawa intertekstualiti Julia Kristeva diguna pakai oleh pengarang dalam menggarap novel *Pulau Renik Ungu*. Perincian dan pergolakan dalam diri watak-watak bukan sahaja berupaya mengembangkan perjalanan plot malahan berjaya mengutarakan beberapa pemikiran yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Kenyataan ini membuktikan bahawa berdasarkan prinsip intertekstualiti pengarang mencipta karyanya berdasarkan hipoteksnya yang terdahulu, iaitu genre cerpen.

6.3 Ekspansi Novel *Delima Ranting Senja*

6.3.1 Cerpen “Antara Dua Pulau”

Meneliti dan membaca novel *Delima Ranting Senja* yang terhasil daripada beberapa hipoteks cerpen Siti Zainon Ismail telah mewujudkan satu solusi yang jelas dalam menyampaikan amanat yang ingin diketengahkannya. Hal ini bukan sahaja dapat memberikan penjelasan kepada pembaca malahan mengajak pembaca berfikir tentang tema dan persoalan yang ingin dikupas oleh pengarang. Keseluruhan novel ini dirincikan oleh pengarang melalui 38 bab dengan mengetengahkan pelbagai persoalan dengan membuka ruang ekspansi untuk memperjelaskannya.

Melalui hipoteks cerpen “Antara Dua Pulau” Siti Zainon berusaha mengangkat tema perjuangan manusia dalam menentang hawa nafsu dan penjajahan. Hal ini memperlihatkan sifat keprihatinan beliau sebagai seorang pengarang untuk mengajak pembaca melihat akan kebesaran Allah S.W.T dalam mengatur hidup dan perlakuan manusia. Keinginan pengarang diterjemahkan melalui ruang ekspansi dengan mengembangkan cerpen ini ke dalam hiperteks novel *Delima Ranting Senja*.

Memang berdiri di puncak dirasanya begitu bebas bagai menyatu dengan tiga unsur alamiah – air, tanah dan langit. Tiga unsur alam batas antara yang simbolis seakan-akan memberikan ruang untuk bisa terus bernafas, berdenyut menumpukan hidup. Dan pagi itu dia terasa sejuk, bersih dan polos. Tambahan pula, percikan air wuduk masih bersisa di tubuhnya. Suara azan rasa baru sahaja berlalu. Dia menarik nafas panjang, membiarkan rongga menghirup udara selapang-lapangnya. ... Burung-burung pagi mula keluar dari celah-celah rimbun di belakang dia berdiri. Aku senang dengan pemandangan begini lembut dan sejuk. ...Tapi siapakah bisa menduga, bisa menebak liku-liku hidup yang telah ditentukan nasib oleh-Nya.

(“Antara Dua Pulau”, 2005:52)

Pemerian rasa yang hampir sama telah dijelmakan pula oleh pengarang melalui Prolog Rindu Salju-Mu dalam novel *Delima Ranting Senja*. Walaupun berlatar belakang lokasi yang berbeza, ternyata pengarang melebarkan idea persoalan kehidupan manusia dengan perencanaan Allah S.W.T mendasari hiperteks novel ini.

Ramadhan 1421
Disember 2000

Di Kota benua utara, Bonn suhu sudah mencecah 13C. Rintik-rintik salji bulan Disember sudah mula mencelah di pergunungan. Dingin mula mencengkam. Langit kelabu walau masih bersisa mentari pagi. Di situ lah dua ekor burung sedang terbang menuju ke arah yang sama bertemu seperti dijanji. Walaupun dadanya sebak, kerana pertemuan yang dirancang, hanya Dia yang Maha Tahu atau atas izin-Nya juga pertemuan akan terlaksana. ... harap direstui illahi, umrah di bulan Ramadhan ini alangkah indahnya. Ya Allah, terbukalah pintu untuk kami menziarahi-Mu di bulan ramadhan ini.

Kedua-dua petikan di atas bermula dengan hiperteks memperkatakan tentang bumi di mana mereka berada. Cerpen “Antara Dua Pulau”, wataknya berada di puncak bukit manakala dalam hiperteks novel *Delima Ranting Senja*, wataknya berada di benua utara di Bonn. Persamaan ruang ekspansi yang digunakan sama, iaitu fauna burung dan kebesaran alam ciptaan Tuhan serta penentuan hidup manusia oleh Sang Pencipta.

Bermula daripada petikan di atas sehingga ke pengakhiran cerita, pembaca akan terkesan dan mengikuti plot yang terpeta tentang keinginan setiap manusia yang kadang-kala tidak kesampaian. Ternyata dalam hipoteks cerpennya, Siti Zainon mengungkapkan keinginan watak Hasbul dengan sokongan watak Siti Aisyah untuk memperjuangkan nasib rakyat dan negara daripada belenggu penjajahan dan kemiskinan. Malangnya Hasbul telah ditangkap oleh pihak pemerintah dan dimasukkan ke dalam penjara. Manakala watak Aby Redha dengan sokongan watak Sofina dalam hiperteks novel, digambarkan juga sebagai pejuang negara dan penderitaan rakyat perlu dibela. Namun sebagai pemerintah, kesibukan Aby Redha telah menguji kesabaran Sofina dalam hiperteks novel *Delima Ranting Senja*. Maka di sinilah pengarang mengungkapkan tentang konsep Rukun Iman ke enam. Rukun Iman ini wajib kepada setiap individu Muslim, iaitu percaya kepada Qada dan Qadar. Sekiranya kepercayaan ini kental, keimaninan dalam diri setiap individu Muslim tidak akan goyang dan lahirlah konsep reda. Hal ini dapat dilihat melalui watak Sofina dan Aby Redha.

Bukankah kita berjanji untuk bersama ke Makkah wahai mahramku?”

“Ya, uruslah perjalananmu di Kuala Lumpur, kalau diizin Allah pasti kita berjumpa di sana!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:8)

Di sini Siti Zainon telah meluaskan dan mengembangkan plot dengan pengakhiran watak-watak utamanya ingin bersatu di rumah-Nya, iaitu dengan mengerjakan ibadah haji. Namun kedua-duanya masih menerima pelbagai ujian daripada Allah S.W.T. Perhatikan pergolakan hati watak Sofina yang berikut dengan pelbagai dugaan yang ahrus ditempuhinya;

Alangkah senang mengharap dan merancang. Tetapi untuk ke Makkah bukan seperti menempah tiket untuk singgah di Heathrow, Zurich atau Rome. Tidak siapa pun peduli apabila wanita berjalan sendirian. Inilah dugaan setiap kali keinginan untuk melakukan umrah memuncak. Harus minta izin, kalaupun diizinkan, tetapi mahram selalunya di rantaui. Walaupun sering pergi ke haluan yang sama, kerap pula berangkat dari pelabuhan yang berbeza

(*Delima Ranting Senja*, 2009:2)

Dalam melihat persoalan ini, pengarang berusaha memaparkan kegigihan dan semangat kental serta kesetiaan seorang isteri, iaitu Sofina. Pengarang mengajak pembaca mencari apakah pengakhiran dalam kehidupan manusia dan bagaimana manusia sepatutnya bertindak. Rentetan peristiwa yang diperturunkan ini bertujuan mengajak khalayak pembaca berfikir tentang ‘delima yang berada di ranting senja’. Ketajaman pengamatan pembaca teruji dalam mentafsirkan ketulusan kehidupan pasangan suami dan isteri ini dalam melayari bahtera perkahwinan mereka.

Sofina menelan segala penderitaannya dengan sabar dan berharap harapannya dapat bersama-sama suami mengerjakan ibadah haji dimakbulkan Allah SWT. Beliau tetap tidak berputus asa walaupun jiwanya berkecamuk.

Alasan. Ya itulah alasan seorang lelaki yang berani bermain teka-teki.

“Kau kecewa Fina”

“Barangkali itulah takdir yang sudah tersurat. Perjanjian memang terbukti di kertas. Untuk janji hati, kita tidak dapat menuntut apa-apa, kita tidak dapat memaksa hati orang untuk menepati janji yang terungkap, aku juga punya kelemahan, siapa tahu aku membebankan...’

(*Delima Ranting Senja*, 2009:147)

Sebagai seorang isteri, Sofina dilambangkan seorang wanita muslimah dan isteri solehah. Pelbagai ujian yang diberikan oleh-Nya, Sofina menerimanya dengan tenang. Sofina pernah dinasihati agar menangguhkan ibadat yang bakal dijalani dengan alasan kesihatan mata. Matanya berair, mata putihnya menjadi merah, terasa perit walaupun diletakkan ubat mata, dicuci dan disapu dengan tisu. Namun ini semua tidak mematahkan semangatnya.

“Matamu merah. Air mata berdarah, sebaiknya kaubatalkan saja perjalanan jauh ini, takut tambah mudarat lagi, apalagi boleh menjangkiti orang lain,’

Batalkan perjalanan yang sudah dinanti begitu lama?

Ya, begitulah, salah seorang saudaranya mengusik. ..Ya Tuhan dugaan apakah ini? Tempoh perjalanan hanya tinggal seminggu lagi. Bencana apakah ini. Apakah memang tidak Kau terima kedatanganku ke rumah-Mu?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:480)

Beliau yakin akan janji suaminya Aby Redha tetap akan menemaninya. Sofina amat mengenali suaminya yang diberikan perwatakan sebagai seorang tokoh politik yang berdepan dengan masyarakat bawahan dan peringkat antarabangsa. Segala perlakuan menjadi perhatian termasuklah cara berpakaian seperti petikan yang berikut,

Kini lelaki itu berdiri segak, menghulur tangan dengan siapa sahaja, baik dengan tokoh politik nasional atau antarabangsa. Wajah tampannya dengan urat-urat jambang yang memenuhi pipi, dengan misainya yang dipotong rapi (bayangkan dia memang begitu lama di kamar mandi hanya kerana merapikan wajahnya). Keluar dari kamar hias terhambur air wangi yang semerbak. Kemudian diapun memilih baju, celana dengan pasangan baju, tali leher dan menyelitkan sapau tangan di saku.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:329)

Sofina dapat membayangkan betapa sibuknya lelaki yang mendekatkan dirinya kepada Allah SWT sehingga dalam apa situasipun Sofina tetap bersabar. Ungkapan Aby Redha dalam perbualan mereka tetap diingatinya sehingga tambah mengeratkan kasih sayang mereka. Menurut Aby Redha, “Hanya hati yang damai menjadikan kehidupan ini permai, adikku. Sungguh jauh kau berjalan hanya untuk mencari kedamaian, tapi sungguh aku bahagia sekali tuhan telah membawamu ke sini,”. Hipoteks cerpen ini menghidupkan kembali watak Hasbul dalam hipoteks *Delima Ranting Senja*.

Beberapa kali menempuh pelayaran, akulah pelaut yang rindukan lautan teduh, berbatu nilam yakut (masihkah kau simpan batu nilam asahanku di rumah gelap bertahun dahulu?) Aku seakan menyatu dengan laut, menghidu bebas dan sepantasnya asin kehidupan. Justeru lautlah yang akan menyatukan perpisahan.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:142)

Cerpen *Antara Dua Pulau* ini juga telah mengalami proses peluasan setelah pengarang menempatkannya ke dalam novel *Delima Ranting Senja*. Hakikatnya wujud satu pertautan dalam hiperteks kedua-dua novel Siti Zainon apabila pembaca mengikuti dengan teliti akan kewujudan batu yakut hitam. Batu ini masih juga terdapat dalam novel *Delima Ranting Senja* dan Sofina teringat akan kata-kata Aby Redha;

Kau seperti dulu juga Fina, sepuluh tahun dulu, matamu, bibirmu, jarimu, cincin batu hitam itu, eh batu yakut hitam itu, mana?

Sofina tersentak. Memang tanpa sengaja, dia tidak lagi memakai batu yakut itu, hanya tinggal batu nilam. Mana batu yakut itu?

(*Delima Ranting Senja*, 2009:142)

Dalam melihat persoalan ini, pengarang berusaha memaparkan kegigihan dan semangat kental serta kesetiaan seorang isteri, iaitu Sofina. Pengarang mengajak pembaca mencari apakah pengakhiran dalam kehidupan manusia dan bagaimana manusia sepatutnya bertindak. Rentetan peristiwa yang diperturunkan ini bertujuan mengajak khalayak pembaca berfikir tentang ‘delima yang berada di ranting senja’. Ketajaman pengamatan pembaca teruji dalam mentafsirkan ketulusan kehidupan pasangan suami isteri yang sering dilanda badai dalam mereka melayari bahtera perkahwinan namun tidak goyah.

Gelap pandangan sepanjang malam dalam penerbangan dari KLIA menuju ke Pakistan. Dugaan pertama telah datang. Jalan ke Rumah Allah mula berliku. Penerbangan tidak langsung ke Jeddah. Penerbangan bersama Pakistan International Air Line harus dilalui dengan sabar. Dari KLIA harus singgah dulu ke Singapura sebelum melanjutkan penerbangan ke Karachi.

(*Delima Ranting Senja*, 2009:484)

Dugaan terus melanda sewaktu Sofina dalam perjalanan menuju Makah. Namun dengan keazamannya dan doa yang dimakbulkan oleh Allah SWT. beliau dapat menjadi tetamu Allah SWT. Sofina dapat melihat puncak menara dan kubah Masjidil-haram dengan lalu lintas para jemaah yang tergesa-gesa, berlari-lari anak mengelilingi Kaabah, malah ada yang menggempur, menolak sama ada di jalur depan Kaabah, di jalur Safa dan Marwah malah berebutan solat di dinding kolam zam-zam. Ya Allah siapakah pendampingku kala melontar jamrah. Di manakah pendamping itu?

Peluasana derita watak Sofina dizahirkan sepenuhnya oleh Siti Zainon dengan iman yang kental Sofina melaksanakan ibadah yang dituntut. Namun kecamuk di jiwa tetap datang dan hanya kepada Allah, Sofina memohon perlindungan. Di sini sangat jelas pengarang berusaha untuk menyampaikan amanatnya melalui watak Sofina. Peluasan watak ini membuatkan pembaca ingin terus menyelami kehidupan wanita kental ini berserta ketekalannya mengharungi liku-liku perjalanannya beribadat secara bersendirian. Kekuatan jiwa Sofina adalah hasil kasih sayang yang diberikan oleh Aby Redha. Sofina tetap ingat kata-kata suaminya, “Jangan bersedih sayang, berdoalah, hanya dengan izin-Nya juga kita direstukan untuk pergi bersama ...” Sekali lagi pengarang berusaha melakukan ekspansi dengan mengutip sejarah Hajar yang ditinggalkan oleh Ibrahim bagi mendamaikan kocak jiwa Sofina menerusi kiriman SMS Aby Redha..

Sekali lagi dia belajar dari apda ketabahan Hajar, dia harus bangun berdiri teguh. Walau tanpa Ibrahim bayangkan Hajar tidak merintih, tidak merengek kerana dia tahu suaminya sedang diuji. Itulah perjuangan itulah nikmat ujian Hajar, sehingga tanpa disedarinya Ismail telah menghentak-hentak bumi, sehingga bumi mencair dengan anugerah alami, zam-zam!

(Delima Ranting Senja, 2009:497)

Dalam mengakhiri ruang ekspansi ini, pengarang memasukkan kata-kata nasihat kepada Sofina untuk menjadi teladan kepada para isteri agar terus mentaati suami.

“Aku di puncak Swarnadhipa, kota Melayu kita! Jangan biarkan ranting senjaku bergetar.”

“Delima!”

“Ya, sudah terima, kau begitu baik terhadapku, delima itu di desaku disebut *siyem*.”

“Ikatlah *siyem* itu, tanda kita pernah ketemu, sarungkan di jarimu, aku juga sudah meletakkan delima itu di jari manisku ...senja kita, senja kita selepas Nilam muncul Delima. Semoga berkah!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:498)

Berdasarkan SMS di atas dari Aby Redha, pembaca dapat melihat keterujaan Sofina untuk beribadat dengan menunaikan Rukun Islam kelima, sedangkan suaminya sedang bergelut menyelesaikan masalah manusia. Di sini dapat dikupasi bahawa ekspansi yang diwujudkan oleh pengarang melalui konflik dalam diri watak-watak yang dihidupkan ternyata membuka pemikiran pembaca. Pembaca yang berfikiran positif akan menyatakan bahawa tindakan Aby Redha betul dan tepat. Beliau mengutamakan kepentingan manusia lain berbanding kehendak isterinya. Di sini menampakkan pegangan pengarang untuk memperkatakan tentang hubungan manusia sesama manusia (*hablumminannas*). Apa yang dilakukan oleh Sofina pula merupakan hubungan manusia dengan Pencipta Allah Maha Besar (*hablumminallah*). Allah SWT akan memelihara Sofina atas keredaan seorang suami. Kenyataan ini dapat dilihat melalui petikan yang berikut;

“Memang dia sendiri menyusuri di celah-celah batu meningkah langkahnya ke Jabal Nur, sungguh sudah meredakan fikir dan rindu, di mana-mana hatinya tergetar, syukur, menikmati keindahan demi keindahan. Suara azan melantun-lantun memenuhi ruang menembusi ruang dalaman. Dihirupnya penuh kesyukuran, demi-Mu, bawalah aku ke mana Kau-mahu!”

(*Delima Ranting Senja*, 2009:499)

Kesimpulannya, berdasarkan hiperteks novel *Delima Ranting Senja*, ternyata pengarang berusaha untuk memasukkan unsur-unsur keagamaan untuk pembaca mengambil ikhtibarnya. Keberuntungan seorang isteri sesungguhnya terletak pada reda seorang suami. Oleh itu melalui watak Sofina dalam kesyukurannya menjalani ibadat walau ketiadaan suami, beliau tetap berharap dan berdoa agar kebahagiaan akan berterusan memayungi hidup mereka berdua. Hakikatnya kedua-dua sudah hampir sampai di penghujung kehidupan. Ibarat sebiji delima yang ranum tetapi letaknya di hujung ranting. Kedudukan yang bila-bila masa akan gugur apabila angin kencang bertiup. Begitulah tamsilnya kehidupan Sofina dan Aby Redha yang sering berjauhan dan kemungkinan sesuatu akan berlaku. Namun kedua-duanya berharap kemanisan dan kerukunan hidup mereka (delima) biarlah sehingga akhir hayat (hujung senja). Delima sejenis buah yang digemari manusia kerana buahnya yang besar lagi bersari dapat diibaratkan sebuah perkahwinan yang diidam-idamkan. Setiap pasangan akan sentiasa berharap dan berdoa agar perkahwinan ini berkekalan walaupun keduaduanya sudah dimakan usia (tua). Ibarat kata Sofina dalam hiperteks *Delima Ranting Senja*, “Demi-Mu bawalah daku ke mana Kau-mahu!”

Hingga senja
menunggu detik-Mu
bawalah aku ke sana
ke Rumah Cinta
Kau
Aku
Menyatu Sukma.
Amin!

Penyerahan Sofina seluruhnya kepada yang satu, iaitu Allah SWT.

6.4 Kesimpulan

Peluasan atau prinsip ekspansi penting dalam sesebuah penulisan agar cerita akan lebih berkembang dan tidak statik. Dalam kedua-dua novel ini didapati pengarang berupaya melakukan ekspansi untuk mengembangkan plot dan memberikan lebih penjelasan tentang watak-watak yang terlibat.

Berdasarkan kedua-dua hiperteks yang dikaji, ternyata bahawa sememangnya kedua-dua buah novel ini menerima proses peluasan atau ekspansi daripada hipoteks karya Siti Zainon yang terdahulu. Lima buah cerpen yang terlibat daripada dua buah antologi cukup membuktikan bahawa Siti Zainon sememangnya mengaplikasikan hipoteks cerpen-cerpennya melalui prinsip modifikasi dan diekspansikan sehingga menjadi sebuah novel yang menarik untuk tatapan minda khalayak pembaca.

BAB 7

KESIMPULAN

7.1 Pendahuluan

Dalam bab kesimpulan ini, pengkaji akan mengemukakan penemuan hasil daripada penelitian terhadap dua buah novel Siti Zainon Ismail, iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*. Kedua-dua novel ini dianalisis dengan menggunakan tiga prinsip teori intertekstualiti Julia Kristeva. Penganalisan dapat dilihat dalam tiga bab berdasarkan hiperteks novel *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*, iaitu Bab 4-Transformasi dalam Novel-novel Siti Zainon Ismail, Bab 5-Modifikasi dalam Novel-novel Siti Zainon Ismail dan Bab 6-Ekspansi dalam Novel-novel Siti Zainon Ismail. Hasil penemuan mendapati bahawa sebagai pengarang, Siti Zainon Ismail telah merujuk hipoteks awal yang terdiri daripada cerpen, puisi dan sumber lain seperti novel, sumber Al-Quran dan sumber sejarah. Pengarang telah memilih dan mengadun hipoteks tersebut untuk melihat kesesuaian idea bagi ditempatkan ke dalam hiperteks yang dihasilkan. Hal ini secara tidak langsung menyokong pendapat Julia Kristeva (1977:36) tentang intertekstualiti, iaitu kewujudan teks lain dalam sesbuah teks dengan tindak balas saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, Siti Zainon Ismail dilihat telah mengaplikasikan tiga prinsip intertekstualiti dalam menghasilkan teks baru atau hiperteks. Sebagai seorang pelukis, penyair, cerpenis dan segala pelibatan pengarang Siti Zainon Ismail dalam pelbagai bidang lain menjadi nilai tambah kreativiti kepengarangan beliau untuk melakukan proses pemindahan, pemberian dan penyerapan kepada hiperteks

genre novel. Hakikatnya, melalui pengangkatan dan pembentukan semula teks milik pengarang kepada sebuah teks yang baharu, Siti Zainon telah menyediakan suatu medium atau ruang yang lebih luas untuk pengarang melontarkan idea, pemikiran dan sebagainya bagi dikongsi bersama-sama khalayak pembaca. Melalui pengamatan dan pengkajian, didapati hiperteks yang muncul iaitu *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja* telah membuka ruang yang lebih besar untuk khalayak pembaca menghayati dan memaklumi mesej, amanat dan pemikiran yang ingin diperketengahkan oleh pengarang tersohor yang pernah menerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award) ini.

Pengkaji juga mendapati melalui novel-novel yang dikaji menunjukkan adanya rujukan hipoteks yang dikenal pasti untuk mengajak khalayak meneroka pelbagai makna atau kesan yang menjadi rujukan kepada khalayak. Makna yang dimaksudkan di sini dapat ditelaah dari sudut keutuhan ikatan kekeluargaan, keutuhan ikatan kemasyarakatan, keutuhan jalinan persahabatan dan membangunkan nilai-nilai kerohanian serta moral dalam diri setiap insan. Teks-teks awal yang dipilih oleh Siti Zainon adalah merupakan hasil karya beliau sendiri dan ternyata genre cerpen menjadi pilihan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pemilihan teks awal ini mengangkat pelbagai peristiwa yang memenuhi tiga prinsip teori intertekstualiti, iaitu transformasi, modifikasi dan ekaspansi. Unsur-unsur pemindahan, penjelmaan atau penukaran yang terdapat dalam transformasi sama ada fizikal atau abstrak telah dikenal pasti daripada teks-teks awal pengarang. Dalam konteks modifikasi pula, didapati pengarang telah membuat penyesuaian, pemberian atau pindaan daripada teks awal yang dipilih untuk menyampaikan idea dan pemikirannya. Melalui idea yang diperoleh ini, pengarang berusaha melakukan proses ekspansi dengan meluaskan dan mengembangkan beberapa unsur seperti plot, watak, tema dan idea yang diperoleh.

Analisis daripada keseluruhan bab, didapati bahawa hipoteks yang dikenal pasti dalam kajian ini memang dapat membangunkan hiperteks novel pengarang. Siti Zainon Ismail telah membuat pelbagai rujukan terhadap sumber teks terdahulu. Sumber-sumber teks ini telah diambil, dipindahkan dan dipeluaskan dengan tujuan membina teks baru. Dalam Bab 4, Bab 5, dan Bab 6 pengkaji telah mengenal pasti bahawa sumber teks asal berakar dari genre puisi dan cerpen yang dipetik daripada beberapa kumpulan antologi cerpen dan puisi pengarang sendiri. Manakala sumber Al-Quran dan sumber bukan kreatif yang lain namun tidak ketara pedominaisian di dalam ketiga-tiga bab.

Dalam konteks ini, kajian menunjukkan bahawa faktor luaran pengarang seperti pengalaman, budaya, sejarah dan agama serta unsur-unsur dalaman seperti estetika, imaginasi dan ilusi telah mempengaruhi pengarang semasa menghasilkan karyanya. Hal ini jelas jika dilihat kepada teori intertekstualiti Julia Kristeva bahawa dalam “teks terdapat teks’ yang dipengaruhi oleh unsur luaran dan juga unsur dalaman. Gabungan kedua-dua unsur ini telah menghasilkan corak pemikiran yang mempengaruhi pengarang dalam mencernakan idea untuk menghasilkan penulisan melalui novel-novel yang dikaji.

Berdasarkan novel-novel tersebut menunjukkan wujudnya rujukan hipoteks yang mengajak khalayak memahami amanat yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Pengkaji mendapati pengarang sebagai seorang yang tidak mencipta sesuatu yang baharu tetapi mengitar semula teks awal untuk menghasilkan sebuah teks yang berwajah baharu yang mempunyai pola pemikiran yang lebih membangun dan kreatif. Di sini jelas kreativiti pengarang mencipta idea baharu yang boleh menjadi polemik untuk dibahaskan. Apa yang pasti keseluruhan idea yang terkumpul hasil ketiga-tiga prinsip intertekstualiti

pengarang ini telah dapat membantu khalayak pembaca untuk mengenal pasti hipoteks yang diguna pakai dan faktor-faktor yang mendorong pengarang merencanakan proses pemyesaian, pemindahan dan peluasan terhadap pembentukan semula teks awal.

Kedua-dua novel yang dihasilkan ini didapati masih mengekalkan aspek bahasa, watak dan latar yang terdapat dalam hipoteks dan yang disesuaikan dan dipindahkan ialah episod yang mempunyai kepentingan tertentu berdasarkan kehendak pengarangnya. Melalui prinsip modifikasi, pengkaji mendapati plot cerita dari sudut bahasa telah mengalami proses pembaikan dan pemindahan. Manakala ekspansi yang dilakukan oleh pengarang lebih menjurus kepada watak dan perwatakan, latar serta plot penceritaan yang telah meluaskan idea yang hendak diketengahkan oleh pengarang.

Kesimpulannya, dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan pengkajian terhadap karya-karya Siti Zainon baik novel maupun cerpen adalah menjurus kepada perspektif pemikiran meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Dengan mekanisme penciptaan yang menggunakan apresiasi dan imaginasi ditambah dengan kekuatan gaya bahasa yang estetika, segala persoalan diharap dapat dilerai dengan menggunakan pendekatan intertekstualiti (transformasi, modifikasi, ekspansi). Khalayak melakukan proses penyaringan, penapisan atau apa yang dinamakan pentafsiran untuk mendapatkan makna teks. Teks sastera dibina daripada beberapa sistem, kod dan tradisi yang diperkuuh oleh teks sastera yang mendahuluinya. Sistem kod dan tradisi itu berhubung rapat dengan makna yang ditafsir. Makna sesebuah teks itu dilihat tidak dapat berdiri dengan sendiri. Makna mula bersifat rencam-tafsiran.

Fenomena inilah yang dinamakan intertekstual. Pembacaan yang dilakukan oleh khalayak dianggap sebagai suatu wadah menghubungkan antara teks-teks tersebut.

RUJUKAN

- A. Jalil A Backer (1995). “Tentangan Novel PRU Terhadap Sudara” dlm. Berita Harian 16 Oktober 1995.
- A. Teeuw. (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw. (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1992). “Sketsa dan Puisi Siti Zainon Ismail” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 19.
- A. Wahab Ali. (1988). *Tradisi Pembentukan Sastera Malaysia Modern*. Petaling Jaya: Penerbitan Sarjana.
- A. Rahim Abdullah. (1999). Pemikiran Sasterawan Nusantara: Suatu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera.
- Abdul Halim Ali (1997). “Pengukuhan Individu dan Teksdealisme” dlm. *Utusan Malaysia*. 17 April 1997.
- Abdul Rahman Napiah. (1991). *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Napiah. (1994). *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abrams, M. H. (1985). *Glossary of Literary Terms*. Forth Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Asiah Ahmad (terj). (1994). *Prinsip Dialogika: Mikhail Bakhtin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aisyah A. Latiff. (1981). “Pameran Perseorangan Siti Zainon” dlm. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 45.
- Ali Ahmad. (1994). Pengantar Pengajian Kesusasteraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad & Siti Hajar Che Man. (2003). Kehadiran Unsur-unsur Lama dalam Genre Modern. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara Ke-3, 23-25 September.
- Allen. (1999). *Intertextuality*. London: Routledge.
- Al-Ghazali. (1980). *Ihya ‘Ulum al Din*. Jilid 3-4. Indonesia: Penerbit Aisli.
- A.M Thani (1984). *Wawancara Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Anwar Ridhwan. (1981). "S.E.A Write Award 1989: Selepas Satu Dasawarsa Ada Beberapa Hal Perlu Difikirkan Kembali" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Hlm. 37.
- Arbak Othman. (2003). *Semiotik dalam Penelitian Puisi*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Arbak Othman . (2008). *Semiotik*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ismail, (1997). "Rima-Rima Puisi... di Kanvas Siti Zainon" dlm. Utusan Malaysia. 17 April 1997.
- Awang Sariyan (1985). *Dari Kata ke Ideologi : Persoalan Stilistik Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Barthes, R. (1960). *The Imagination of Sign*. New York: Hill and Wang.
- Barthes, R. (1976). *Element of Semiology*. London: Jonathan Cape.
- Barthes, R. (1985). *The Semiological Adventure*. New York: Hill and Wang.
- Bakhtin. M. (1973). *Problems of Doestocsy's Poetics*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Bakhtin. M. (1976). *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
- Bakhtin, M. M. (1996). *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
- Braginsky,V.I. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandler. D. (2002). *Semiotics: The Basics*. London: Routledger.
- Cobly, P. & Litza. (1997). *Introducing Semiotics*. Australia: Allen & Unwin Pty. Ltd.
- Colaprietro, M. V. & Olshevsky, M. T (Ed.). *Pierce's Doctraine of Sign: Theory Applications, and Connections*. Berlin / New York: Mounton de Gruyter.
- Culler, J. (1980). *Literary Theory: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Culler, J. (1981). *The Pursuit of Sign: Semiotics, Literature, Deconstruction*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Danziger, M. K & Johnson, W. S (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dinsman. (1994). "Persoalan Memartabatkan Seni" dlm. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm, 11.

- Deely, J. (1982). *Introducing Semiotics: Its History and Doctrine*. Bloomington: Indiana University Press.
- Dharmawijaya. (1989). *Intisari Sejarah Kesusasteraan Melayu Modern*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dostoyevsky, Fyodor. (1975). *The Idiot*. David Magarshack (terj.) England: Penguin Book. Hlm. 1.
- Eagleton, Terry (terj.)(1988). *Teori Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eco, U. (1984). *Semiotics and the Philosophy of Language*. Bloomington: Indiana University Press.
- E. K. M Masinambow & Rahayu S. Hidayat. (2001). *Semiotik Mengkaji Tanda dalam Artifak*. Jakarta: Penerbit Balai Pustaka.
- E.M. Forster. (1962). *Aspects of the Novel*. England: A Penguin International Edition Eco, U. Eco, U. (1979). *A Theory of Semiotics*. United State of America: Indiana University Press.
- Ferber, M. (1990). *A Dictionary of Literary Symbols*. United Kingdom: Cambridge University.
- Freadman, A. (1966). Pierce's Second Classification of Sign dlm. Colapietro, V. M & Olshevsky, T.M. (Penye.) *Pierce's Doctrine of Sign : Theory, Applications, and Connections* hlm. 143 -159. Berlin / New York: Mouton de Gruyter.
- Gardiner. M. (1992). *The Dialogic of Critique – M M Bakhtin and The Teory of Ideology* ; London and New York: Routledge.
- Graham Allen. (2000). *Intertextuality*. London: Routledge.
- Halilah Khalid. (1978). "Watak Penari pada Sebuah Kapal" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 58-59.
- Hamzah Hamdani (peny.) (1982). *Novel-novel Malaysia dalam Kriitkan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (peny.) (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (peny.) (1988). *Pemikiran Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Dollah dan Lokman Md Zan (1995). Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hashim Awang. (1984a). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Hashim Awang. (1984b). *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Hashim Awang. (1984c). *Penciptaan dan Kemanusiaan dalam Cerpen dan Novel*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti

Hashim Awang. (1985). Struktulisme dalam Ilmu Sastera dan Aplikasinya dalam Struktulisme – Satu Tinjauan Multidisiplin, ed. Nik Safiah Karim, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hashim Awang. (1988). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1990). *Sejarah Kesusasteraan Melyu Jilid II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang dlm. Sahlan Mohd Saman (Pnye). (1994). *Pengarang, Teks, dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang dlm. Mana Sikana (Penye). (1997). *Teori Sastera Dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hashim Musa. (2005). *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hassan Langgulung. (1991). *Kreativiti dan Pendidikan: Suatu Kajian Psikologi dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hartshorne C. & Paul W. (1965) *Collected Papers Charles Sanders Pierce. Vol. I & II*. Cambridge Massachusett :The Belknap Pres Harvard University Press.

Hawthorn, J. (2000). *A Concise Glosorry of Contemporary Literary Theory*. London: Arnold .

Hawkes, T. (1977). *Structuralism and Semiotics*. London : Methuen & Co. Ltd.

Hawkins (Ed). (1985). *TheOxford Reference Dictionary*. Oxford : Clarendon Press

Hervey, S. (1982). *Semiotics Perspectives*. London: George Allen & Unwin.

Holquist, M. (1990). *Dialogism: Bakhtin and His World*. London.Routledge

Husna Abu Hasan (1981). “...Aspect Of An Artist” dlm. New Strait Times, 9 January 1981.

Jamudin Idris (1994). “Penulis Abadikan Pengalaman dalam Penulisan” dlm. Berita Minggu, 2 Ogos1994.

Jamudin Idris (1997). “Siti Zainon Dinobat Karyawan Mithali” dlm. Berita Harian, 8 September 1997.

- Jonathan, S (Ed.). (2000). *Intertextuality and the Media*. Manchester University
- Josue V. Harari. (1979). *Textual Strategies*. New York: Cornell University Press, hlm 77.
- Jyh Wee Sew. (2009). *Semiotics Persembahan Wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Yong Hun. (1993). *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kroeber, K. (1971). *Styles in Fictional Structure*, New Jersey: Princeton University Press.
- Kristeva, J. (1980). *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell.
- Kristeva, J. (Edited: Toril Moi). (1986). *The Kristeva Reader*. Southampton, Great Britain: Camelot Press Ltd.
- Lechte, J. (1994). *Fifty Key Contemporary Thinkers: From Strukturalisme to Postmodernity*. Routledge, london & New York.
- Mahzan Musa . (1990). “Mimpi Dongeng Si Siti Kecil” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 22.
- Md Salleh Yaafar. (1990). “Pergeseran Pemahaman Teks: dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 22.
- Md Salleh Yaafar. (19992). “Ziarah ke Timur: ke Arah kesimbangan Penghayatan Ilmu dan Teori Sastera” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 5-7.
- Mana Sikana. (1977). Teori Sastera Baru: Suatu Landasan Penulisan Teks Akademi dlm. Mana Sikana (Peng). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*, hlm. 146-191 Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1984). “Pendekatan Semiotik sebagai Kritikan Sastera” dlm. *Mestika*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.136-142.
- Mana Sikana. (1985). *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Bhd. Sdn.
- Mana Sikana. (1990). *Pendekatan Kesusasteraan Moden*. Bangi: Penerbitan Karyawan.

- Mana Sikana. (1994). *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1998). *Kritikan Sastera Moden: Teori dan Pendekatan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2001). Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera. *Jurnal Bahasa* 1 (2) : 193 - 212.
- Mana Sikana. (2001). *Teori Intertekstualiti, Bengkel dan Ikhtisar Teori Sastera Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Selangor: Penerbit Pustaka Karya.
- Mary Orr. (2003). *Intertextuality-Debates and Contexts*. USA: Blackwell Publishing Inc.
- Mawar Shafie. (2005). *Kajian Bandingan Novel Intertekstual Melayu*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.
- Mawar Shafie. (2010). *Novel Interteks Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazwin Hussain (1995) . Proses Penciptaan : Satu Tinjauan Terhadap Karya-Karya Sastera Siti Zainon Ismail. Latihan Ilmiah . Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merrell, F. (1937). A Semiotics Theory of Texts. New Yoork : Mouton de Gruyter.
- Mohamad Daud Mohamad & Huszaidi Hussin (2006). *Rangkaian Pemikiran dalam Karya Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hasan. (2001). “Intertekstualiti dalam Cerpen” dlm. Dewan Sastera. Hlm. 81-84.
- Mohamad Ghazali Mat Salleh. (1984). “Kesusasteraan Bandingan: Meneroka Sastera, Memahami Manusia” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 28.
- Mohd Fauzi Abdullah. (1988). Pantun: Satu Analisis Semiotik dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 7-12.
- Mohd Yusof Hasan.(1995). *Penghayatan Fiksyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2004). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Pozi Masurori (2004). *Hikayat Shah Kobat (HSK): Analisis Struktur dan Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Yusof Hasan. (1995). *Penghayatan Fiksyen Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Moi, T. (1986). *The Kristeva Reader*. Oxford: Basil Balckwell.
- Morris, P (ed.). (2002). *The Bakhtin Reader*. London: Arnold.
- Muhammad Hj Salleh (Penterjemah) (1988). *Teori Kesusasteraan: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisah Haron. 2012. “Kreativiti MacGyverisme dalam Sastera” dlm. Dewan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahsa dan Pustaka
- Nh. Dini. (1973). *Pada Sebuah Kapal*. Jakarta: Pustaka Jaya
- Noth, W. (1990). *Handbook of Semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Olivia, J. (1979). Rhythmicity and Iconicity in Signed Discourse dlm. Tasso Borbe(edi). *Semiotics Unfolding*, Berlin/New York/Amsterdam: Mouton Publishers. Hal 579-583.
- Othman Puteh. (1993). *Penulisan Cerpen Visi dan Langgam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh (1995). Pengisian Dunia Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1997). *Landas Kreativiti Penulisan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parret, H. (1983). *Semiotics and Pragmatics: An Comparison of Conceptualn Framework*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Partini Sardjono. (1986). *Kakawin Gajah Mada*. Bandung: Penerbit Binacipta, hlm. 63.
- Pierce, C. S. (1985). Logic as Semiotic: The Theory of Signs dlm. Sebeok, Thomas. A (Ed). *Semiotics: An Introductory Anthology*. Bloommington: Indiana University Press.
- Raja Rajeswari Seetha Raman. 2005. *Pemikiran dalam Cerpen Uthaya Sankar SB dari Aspek Intertekstualiti*. Tesis Sarjana Sastera Universiti Putra Malaysia
- Ramli Isin. (1987). *Riak dan Gelombang Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu Mutakhir*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Riffaterre. M. (1990). *Semiotics of Poetry*. Bloomington: Indiana Universiti Press.
- Rosnah Baharuddin. (1991). “Cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail: Antara Konvensi dan Perubahan” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 88-91.
- Safian Hussain et.al. (peny.) (1981). *Sejarah Kesusasteraan Melayu (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sakinah Abu Bakar. (2004). *Unsur-unsur Seni Tampak dalam Puisi Latif Mohidin dan Siti Zainon Ismail : Satu Kajian Bandingan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, .

Sakinah Abu Bakar. (2015). *Silang Seni Siti Zainon Ismail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd Saman. 1993. *Teknik Penyampaian dan Gaya Bahasa dalam Novel-novel di Sabah*. Kertas kerja Seminar Mini Sastera Moden, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah, 15-16 Jun.

Sahlan. (2002). “ Semiotik dan Sastera Melayu: Satu Kesan Kewujudan dan Hubungan” dlm. *Pengajian Melayu Dalam Konteks Kesusastraan Bandingan*. Bangi : Persatuan Penulis Selangor.

Salbiah Ani (1995). “Zaidah : Watak Wanita Unggul dalam ‘PRU’” dlm. Berita Harian. 3 April 1995.

Sebeok, T. A. (Ed). (1985). *Semiotics: An Introductory Anthology*. Bloomington: Indiana University Press.

Shahnon Ahmad. (1976). “Kedudukan dan Pembedahan Puisi” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 15.

Sahlan Mohd Saman. (1985). *Kritikan: Situasi Mutakhir dan Arah Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahlan Mohd Saman. (1994) (Peny.). *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsiah Sanin (1989). “Alam Seni Siti Zainon Ismail” dlm. Berita Harian. 3 Oktober 1989.

Shamsuddin Jaafar (Penterjemah) (2004). *Mengkaji Teori Sastera: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sheriff, J. (1996). “Meaning as a Sign of Possibility” dlm. Colapietro, V.M. &Olshevsky T.M. (edi). *Pierce’s Doctrine of Sign: Theory, Applications, and Connections*, hlm.263-271. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.

Siti Aishah Murad. (2000). Malaysia, Kesusastraan. dlm. *Ensiklopedia Sastera Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Khariah Mohd Zubir. (2008). *Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu daripada Perspektif Pengarang Wanita*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

Siti Rohayah Attan (1995). “Autobiografi: Novel Sulung Wanita” dlm. Utusan Malaysia. 28 Mac 1995.

- Siti Zainon Ismail. (1984). *Seri Padma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1988). *Attar dari Lembah Mawar*. Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors Sd. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (1988). *Dongeng Si Siti Kecil*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (1989). “Setelah Hawa” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 3.
- Siti Zainon Ismail. (1991). *Bunga Putik Putih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1994). *Alam Puisi*. Kuala Lumpur: .Dewan Bahasa dan Pustaka:
- Siti Zainon Ismail. (1995). *Rembang Flamboyan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (1995). *Pulau Renik Unggu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *Kembara Siti Zainon*. Bangi: Penerbitan Galeri Menora.
- Siti Zainon Ismail. (1998). *Kampung Paya Kami*. Bangi: Penerbit Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. (2005). *Piazza di Spagna*. Bangi: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Delima Ranting Senja*. Klang: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Memasuki Taman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (2010). *Rindu Pala Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1997). “Fenomenologi Membaca Teks” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 12.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1997). “Fenomenologi Membaca Teks” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 12.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1997). “Hubungan Intertekstual Gestald dalam Karya-karya A. Samad Said: Satu Dimensi Penikmatan Sastera dlm *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 22-24.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Supardy Muradi. (1984). “Hermeuneutik dan Penilaian Karya Sastera” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 36.
- Supardy Muradi. (1988). “Fenomenologi: Falsafah dan Tokoh-tokoh Awal” dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 39-43.

- Supardy Muradi. (1988). "Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 14.
- S. Othman Kelantan. (1985). *Teknik Mengkaji Novel (Dalaman dan Luaran)*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd
- S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Novel*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2002). *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw, A (1993). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Fauziah Ngah (1993). "Siti Zainon Terjun Ke Alam Novel" dlm. Berita Minggu. 28 November 1993.
- Thomas A, Schmitz. (2007). *Modern Kiterary Theory and Ancient Texts An Introduction*. Voctoria: Blackwell Publishing, hlm, 66-67.
- Todorov, T. (1977). *Theories of the Symbol*. England : Basil Blackwell.
- Todorov, T. (1982). *French Literary Theory Today: A Reader*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Todorov, T. (1984). *Mikhail Bakhtin: The Dialogical Principle*. Minneapolis: University of Minneosota Press.
- Tuan Zainab Wi. (2008). Tanda Pemikiran dan Tanda Emosi dalam Sangeetha: Kajian Semiotik. Disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Umar Junus. (1988). *Karya Sebagai Sumber Makna: Pengantar Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1989). "Sastera dan Fenomena Interteks" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.74.
- Umar Junus. (1993) (Penterjemah). *Gaya dalam Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1993). "Pengaruh, Intertekstual dan Keaslian" dlm *Dewan Sastera*, Disember. Hlm 78-81.
- Umar Junus, (1996). *Teori Modern Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai dalam Kalangan Orang-Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Zaliha Wan Othman. (2012). *Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wawancara pengkaji dengan Bainah binti Husain pada 8 Mac 1997 di Batu 4 ¼ Jalan Gombak, Kampung Bandar Dalam, Kuala Lumpur.
- Wawancara pengkaji dengan Mahzan bin Musa melalui perbualan telefon pada 19 Ogos 1997.
- Wawancara pengkaji dengan Siti Zainon Ismail pada 28 Februari 1997 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR , Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Wawancara pengkaji dengan Siti Zainon Ismail pada 9 Ogos 1997 di Batu 4 1/4 Jalan Gombak, Kampung Bandar Dalam, Kuala Lumpur.
- Wawancara pengkaji dengan Siti Zaleha Hashim pada 1 Ogos 1997 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wawancara pengkaji dengan Taha Abdul Kadir pada 13 Ogos 1997 di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Wawancara pengkaji dengan Abdul Rahim Marasidi pada 22 September 2007 di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Wawancara pengkaji dengan Raja Rajeswari Seetha Raman pada 13 Julai 2012 di Jabatan Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Kuala Lumpur.
- Wawancara pengkaji dengan Siti Zainon Ismail pada 14 Jun 2013 di Rumah Penulis Batangkali Selangor.
- Welleck, Rene dan Austin, Warren (1970). *Theory of Literature*. New York: A Harvest Book, Harcourt, Brace & World Inc.
- Wellek, R. dan Austin W. (1988). *Teori Kesusastraan (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Worton, M. Judith (ed). (1980). *Intertextuality: Theories and Practise*. Manchester: Manchester University Press
- Zaharah Osman (2008). *Kajian Intertekstualiti Novel Tengku Menteri*. Tesis Sarjana Sastera Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Zahir Ahmad. (1997). *Riwayat Kelantan: Analisis Teks, Interteks dan Konteks*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.